



MESRA PELANGGAN *dengan* AGILE@SCALE

RHB Bank Berhad

LAPORAN TAHUNAN 2018



Rasional Muka Hadapan Kami

DI KUMPULAN PERBANKAN RHB, KAMI MELAKUKAN SEGALANYA DENGAN MENGUTAMAKAN PARA PELANGGAN. KAMI DIDORONG OLEH KOMITMEN KAMI UNTUK MENYAMPAIKAN PENGALAMAN HEBAT YANG MEMBINA KEPERCAYAAN, MEMBERIKAN KEMUDAHAN DAN MEWUJUDKAN NILAI BUAT PELANGGAN KAMI.

AGILE@SCALE, KOMPONEN UTAMA STRATEGI FIT22 KUMPULAN MERUPAKAN FOKUS STRATEGIK KAMI UNTUK MENGHASILKAN MODEL OPERASI YANG BERJAYA, YANG BERTUJUAN UNTUK MENCAPAI PEMASARAN YANG PANTAS, MENINGKATKAN PRODUKTIVITI, MENINGKATKAN BUDAYA PRESTASI YANG TINGGI DAN MENYAMPAIKAN PERJALANAN PELANGGAN YANG HEBAT.

TEKNOLOGI DIGITAL MERUPAKAN PEMBOLEH UTAMA KE ARAH MENINGKATKAN PERKHIDMATAN CEMERLANG, MELALUI EKOSISTEM YANG BERHUBUNG BAGI MENYAMPAIKAN PENYELESAIAN DIGITAL KEPADA PELANGGAN SECARA MUDAH, CEPAT DAN LANCAR.

**MEMBINA KEPERCAYAAN,
MEMBERIKAN KEMUDAHAN
& MEWUJUDKAN NILAI**



Tentang Laporan Kami

Skor Pelaporan dan Lingkungan Batas

Laporan Tahunan Kumpulan Perbankan RHB ini dihasilkan dan diterbitkan setiap tahun. Bagi tahun 2018, ia merangkumi tempoh laporan kewangan di antara 1 Januari 2018 hingga 31 Disember 2018. Ia memaklumkan para pemegang saham dan semua pihak berkepentingan lain mengenai kemajuan dan prestasi kami sepanjang tahun lalu di semua lokasi di mana kami beroperasi. Rancangan strategik kami pada tahun hadapan juga dikongsi bersama di dalam laporan ini.

Laporan ini menawarkan para pemegang saham dan para pihak berkepentingan lain butiran terperinci mengenai prestasi kewangan dan bukan kewangan kami pada tahun 2018 dan menyusuri peristiwa penting dan pencapaian terbaik sepanjang tahun lalu. Di samping itu, laporan ini juga mengandungi pandangan, sasaran dan objektif RHB bagi jangka pendek dan sederhana, dan juga jangka masa panjang.

Teras strategik kami dicerminkan dalam sasaran dan petunjuk prestasi utama yang merangkumi prestasi kewangan dan bukan kewangan serta strategi, risiko dan cara kami menyampaikan nilai murni kepada para pihak berkepentingan kami.

Laporan kami menawarkan para pemegang saham dan lain-lain pemegang kepentingan pemahaman dalaman dan maklumat bagi membimbing keputusan pelaburan dan perniagaan mereka.

Sepanjang penyediaan laporan ini, kami telah mematuhi syarat keperluan rangka kerja berkanun dan pelaporan tempatan serta antarabangsa, termasuk dari Bursa Malaysia.


Menentukan Isu-isu Penting

Sepanjang tahun-tahun lepas, kami sentiasa bertujuan untuk membentangkan laporan tahunan yang mengandungi penilaian, strategi, prestasi, tadbir urus dan prospek kami secara tepat dan seimbang kepada para pemegang saham dan pemegang kepentingan lain kami.

Laporan kami juga mengambil kira semua isu-isu penting yang mempengaruhi landskap ekonomi dan sosial di kawasan di mana kami beroperasi.




Kami mengalu-alukan maklum balas mengenai laporan ini. Sila kemukakan sebarang soalan, komen atau cadangan kepada corporate.communications@rhbgroup.com




IKON NAVIGASI

Pemegang Kepentingan



Perkara-perkara Penting



Versi PDF

Laporan ini boleh didapati di laman sesawang kami

www.rhbgroup.com

Butiran hubungan boleh didapati di muka surat 31

PENYATA-PENYATA PROGRESIF

Pengumuman ini mengandungi penyata-penyata progresif berhubung dengan prestasi perniagaan dan kewangan Kumpulan Perbankan RHB dan kumpulan syarikatnya yang secara sifatnya, melibatkan risiko dan ketidakpastian kerana ia berkaitan dengan peristiwa dan bergantung kepada keadaan yang mungkin atau tidak mungkin berlaku pada masa depan. Faktor-faktor yang boleh menyebabkan keputusan sebenar berbeza secara ketara daripada penyata-penyata progresif termasuk keadaan ekonomi global, nasional dan serantau; kadar faedah; kadar pertukaran; kredit atau belum disemak semula atau dilaporkan oleh juruaudit Kumpulan.

Kandungan

- Tentang Laporan Kami

Tinjauan

Tinjauan RHB Bank Berhad

- 4 Siapa Kami
- 6 Apa Yang Kami Lakukan
- 6 Kedudukan Pasaran Kami Pada Tahun 2018
- 8 Di Mana Kami Beroperasi
- 10 Kenapa RHB Pilihan Anda?
- 11 Agile: Membina Model Operasi yang Berjaya

Mesej Utama

- 16 Penyata Pengerusi
- 20 Penyata Pengarah Urusan Kumpulan

Tentang Kami

- 26 Pencapaian Korporat
- 28 Sorotan Utama 2018
 - Sorotan Perniagaan
 - Sorotan Kewangan
- 30 Maklumat Korporat
- 32 Struktur Korporat Kumpulan
- 34 Entiti Perniagaan Strategik

Perbincangan & Analisis Pengurusan

Kajian Strategik

- 39 Kajian dan Tinjauan Ekonomi & Industri Perbankan
- 52 Model Perniagaan Yang Mencipta Nilai
- 54 Keterlibatan Dengan Para Pemegang Kepentingan
- 58 Perkara-perkara Penting

FIT22: 2018-2022

- 60 Pemacu Nilai Kami
 - 60 Pendigitan Merentasi Kumpulan Kami
 - 62 Mengubah Pengalaman Pelanggan
 - 64 Kecekapan Operasi
 - 66 Risiko & Tata Kelakuan
 - 68 Tenaga Kerja Sangat Produktif, Tangkas dan Terlibat
- 71 Peta Jalan Strategik Kami
- 72 Objektif Strategik – Pencapaian Tahun 2018 & Keutamaan Tahun 2019
- 74 Penunjuk Prestasi Utama
- 75 Risiko dan Langkah Mitigasi

Penilaian Prestasi

- 81 Ulasan Prestasi oleh Ketua Pegawai Kewangan
- 90 Sorotan Kewangan Kumpulan
- 91 Maklumat Lima Tahun Kewangan Kumpulan
- 92 Rumusan Lima Tahun Kewangan Kumpulan
- 93 Ringkasan Penyata Kedudukan Kewangan Kumpulan
- 94 Analisis Bersegmen
- 95 Prestasi Suku Tahunan Kumpulan
- 96 Aset dan Liabiliti Utama yang Menggalas Faedah
- 97 Penyata Nilai Tambah

- 97 Pembahagian Nilai Tambah
- 98 Pengurusan Modal
- 100 Pengurusan Kunci Kira-Kira
- 101 Perhubungan Pelabur
- 107 Kalendar Kewangan

Ulasan Perniagaan

- 111 Perbankan Runcit Kumpulan
- 115 Perbankan Perniagaan & Transaksi Kumpulan
- 118 Perbankan Borong Kumpulan
- 128 Perniagaan Syariah Kumpulan
- 131 Insurans Kumpulan
- 133 Operasi Singapura
- 136 Perniagaan Antarabangsa

Kepimpinan

- 140 Lembaga Pengarah
- 142 Lembaga Pengarah Sekilas Pandang
- 144 Profil Lembaga Pengarah
- 149 Profil Pengerusi Syarikat Operasi Utama
- 151 Profil Jawatankuasa Syariah
- 154 Pengurusan Kanan Kumpulan
- 156 Profil Pengurusan Kanan Kumpulan
- 164 Struktur Organisasi Kumpulan

Tadbir Urus

- 166 Penyata Gambaran Keseluruhan Tadbir Urus Korporat
- 178 Pendedahan Maklumat Pematuhan Tambahan
- 179 Penyata Pengurusan Risiko & Kawalan Dalaman
- 187 Laporan Jawatankuasa Audit Lembaga
- 192 Laporan Pengurusan Risiko
- 204 Pematuhan Kumpulan
- 206 Laporan Jawatankuasa Syariah
- 209 Laporan Pengurusan Kesinambungan Perniagaan
- 210 Tatalaku Ketulusan & Tatasusila Perniagaan Korporat

Kemampuan

- 211 Penyata Kemampuan

Maklumat Pemegang Saham

- 225 Analisis Pemegang Saham
- 226 Klasifikasi Pemegang Saham
- 227 Perubahan Modal Saham
- 228 Senarai Tiga Puluh (30) Pemegang Saham Utama
- 230 Senarai Sepuluh (10) Hartanah Utama
- 231 Rangkaian Cawangan Kumpulan

Maklumat AGM

- 238 Notis Mesyuarat Agung Tahunan Kelima Puluh Tiga
- 243 Resolusi Khas 1 – Cadangan Pindaan kepada Perlembagaan Syarikat (“Cadangan Pindaan”)
- 245 Penyata Mengiringi Notis Mesyuarat Agung Tahunan Ke-53
- 246 Butiran Pentadbiran Bagi Mesyuarat Agung Tahunan Kelima Puluh Tiga

- Borang Proksi

Versi Dalam Talian



www.rhbgroup.com

Rujuk Silang



Memberitahu anda di mana anda boleh menemui lebih banyak maklumat dalam laporan



Memberitahu anda di mana anda boleh mendapatkan lebih banyak maklumat dalam talian di www.rhbgroup.com

SIAPA KAMI

► Kumpulan Perbankan RHB merupakan sebuah penyedia perkhidmatan kewangan serantau multinasional yang beriltizam untuk menawarkan penyelesaian serba lengkap kepada para pelanggan melalui pelbagai tawaran segmen dan ekosistem yang menyokong pengalaman pelanggan dengan mudah, cepat dan lancar, diasaskan oleh sokongan padu tenaga kerja yang berinspirasi serta hubungan yang dibina dengan pihak berkepentingan.

Sebagai salah sebuah bank yang terutama di Malaysia dan dengan kehadiran yang signifikan di ASEAN, RHB mempunyai penguasaan pasaran yang kukuh di Malaysia merentas produk dan segmen yang disasarkan. Dengan kekuatan tenaga **pekerja seramai 14,425** secara keseluruhan, operasi Kumpulan RHB merangkumi **9 negara** di rantau ASEAN dan Hong Kong. RHB juga mempunyai pejabat perwakilan di Vietnam dan Myanmar.

Jumlah Aset



RM243.2
bilion

Jumlah Pendapatan



RM6.8
bilion



14,425
Kakitangan merentasi
10 negara

DI MANA KAMI BEROPERASI

- | | | | |
|------------|-------------|-------------|------------|
| • MALAYSIA | • SINGAPURA | • INDONESIA | • THAILAND |
| • KEMBOJA | • LAO PDR | • BRUNEI | • VIETNAM |
| • MYANMAR | • HONG KONG | | |

JANJI JENAMA

Together we progress



- Rakan niaga yang dipercayai
- Pengalaman mudah, cepat dan lancar
- Menawarkan penyelesaian bagi mencapai matlamat anda
- Memupuk generasi masa hadapan

NILAI-NILAI MURNI



PROFESIONAL

Kami beriltizam untuk mengekalkan tahap kemahiran, kecekapan dan kebolehppercayaan yang tinggi.



HORMAT

Kami sopan, merendah diri dan menunjukkan empati kepada semua orang melalui tingkah laku dan interaksi kami.



INTEGRITI

Kami jujur, beretika dan mempunyai piawaian tadbir urus yang tinggi.



DINAMIK

Kami proaktif, responsif dan berfikiran ke hadapan.



KECEMERLANGAN

Kami akan sentiasa mencapai piawaian yang tinggi bagi prestasi dan hasil perkhidmatan kami.

APA YANG KAMI LAKUKAN

PERBANKAN RUNCIT KUMPULAN

Perbankan Runcit Kumpulan (“GRB”) menyediakan penyelesaian perbankan pengguna konvensional dan patuh Syariah, seperti pinjaman gadai janji, pembiayaan auto, pembiayaan ASB dan lain-lain pembiayaan peribadi dan kad kredit, pembayaran, akaun semasa dan simpanan, deposit tetap, pelaburan dan produk-produk insurans kepada lebih 3 juta pelanggan runcit.

Jumlah deposit runcit meningkat sebanyak 10.4% berbanding purata industri sebanyak 5.1%, daripada RM47.5 juta (FYE2017) kepada **RM52.5 juta** (FYE2018).



Untuk maklumat lanjut, sila ke muka surat 111

PERNIAGAAN SHARIAH KUMPULAN

RHB Islamic adalah cabang perbankan Islam Kumpulan RHB. RHB Islamic menyediakan perkhidmatan perbankan dan kewangan patuh Syariah merentasi empat unit perniagaan: Perbankan Runcit, Perbankan Korporat & Pelaburan, Perbankan Perniagaan & Transaksi dan Perbendaharaan Islam.

Keuntungan sebelum cukai meningkat sebanyak 20.7% kepada **RM579.2 juta** pada tahun 2018 berbanding RM479.9 juta pada tahun 2017.



Untuk maklumat lanjut, sila ke muka surat 128

PERBANKAN PERNIAGAAN DAN TRANSAKSI KUMPULAN


Perbankan Perniagaan dan Transaksi Kumpulan (“GBTB”) menawarkan pelbagai penyelesaian perniagaan termasuk pinjaman/pembiayaan, deposit, FX, pengiriman wang dan antara bank. GBTB merangkumi segmen Perbankan Perniagaan Kumpulan dan segmen Perbankan Transaksi Kumpulan. Penyelesaian perbankan transaksi komprehensif GBTB pada masa kini termasuk platform dalam talian untuk pembiayaan rantai bekalan untuk menyokong keperluan modal kerja komprehensif pelanggan serta aktiviti pengurusan tunai dengan penyelesaian pembayaran dan pengumpulan yang lengkap.

GBTB mencatatkan Keuntungan Sebelum Cukai sebanyak **RM397.7 juta** berdasarkan pertumbuhan pendapatan yang kukuh sebanyak 6.6%, didorong oleh peningkatan Margin Faedah Bersih (“NIM”) sambil kami terus mengembangkan portfolio kami dengan pertumbuhan pinjaman dan pertumbuhan deposit yang mengatasi pasaran.



Untuk maklumat lanjut, sila ke muka surat 115

KEDUDUKAN PASARAN KAMI PADA TAHUN 2018



PERBANKAN BORONG KUMPULAN

Perbankan Borong Kumpulan (“GWB”) menyediakan khidmat nasihat dan penyelesaian kewangan kepada Korporat di ASEAN. Penyelesaian pertumbuhan perniagaan kami termasuk khidmat nasihat M&A, pencarian sasaran/pelabur, penstrukturan kewangan dan pembiayaan. Kami mengoptimumkan kecekapan pelanggan dengan pengurusan tunai, amanah dan kustodi, penyelesaian perdagangan dan transaksi silang sempadan. Kami juga membantu para pelanggan kami membuat keputusan pelaburan yang baik menerusi platform perdagangan, pengurusan aset dan penyelidikan kami.

GWB telah mencatatkan peningkatan sebanyak 4.5% dalam jumlah pendapatan sejumlah **RM2,957.9 juta** dan peningkatan sebanyak 2.7% di dalam Keuntungan Sebelum Cukai iaitu sejumlah **RM1,782.6 juta**.



Untuk maklumat lanjut, sila ke muka surat 118

INSURANS KUMPULAN

RHB Insurance menyediakan insurans am bagi pelanggan runcit dan korporat kami. Dengan penguasaan bahagian pasaran sebanyak 4.4%, RHB Insurance merupakan syarikat insurans ke-10 terbesar di Malaysia dan berada di kalangan syarikat insurans 10 Teratas untuk kebakaran dan 5 Teratas bagi perlindungan perubatan dan kesihatan.

Insurans Kumpulan mencatatkan Premium Ditulis Kasar (“GWP”) sebanyak **RM787 juta**, iaitu peningkatan sebanyak 14% berbanding tempoh yang sama pada tahun 2017, mengatasi kadar pertumbuhan industri sebanyak 1.5% pada Q4 2018.



Untuk maklumat lanjut, sila ke muka surat 131

OPERASI SINGAPURA

Sebagai penyumbang utama kepada Kumpulan, kami secara lanjut membina keutuhan kami dalam segmen permodalan sederhana, dengan matlamat menjadi bank pemangkin bagi SME, dengan memberikan khidmat nasihat bagi keperluan perniagaan dan kewangan peribadi.

Kedudukan RHB Singapura kekal teguh dari segi kewangan, dengan jumlah pinjaman pada SGD3,918 juta dan jumlah deposit **SGD4,423 juta**. Kami telah mencatatkan hasil sebanyak SGD145.5 juta dan Keuntungan Sebelum Cukai sebanyak **SGD40.2 juta**.



Untuk maklumat lanjut, sila ke muka surat 133


PERNIAGAAN ANTARABANGSA

Perniagaan RHB Antarabangsa merangkumi portfolio perbankan komersil luar negara kami, tidak termasuk Singapura. Rangkaian cawangan kami di Kemboja, Thailand, Lao PDR dan Brunei menawarkan pelbagai perkhidmatan meliputi pinjaman dan deposit kepada kewangan perdagangan dan perkhidmatan lain, seperti pertukaran asing dan pengiriman wang yang memenuhi keperluan pelanggan runcit, komersil dan korporat.

Pada tahun 2018, kami telah mencatatkan Keuntungan Sebelum Cukai sebanyak **RM87.3 juta**.



Untuk maklumat lanjut, sila ke muka surat 136



DI MANA KAMI BEROPERASI









14,425

kakitangan

365

cawangan/pejabat

Kehadiran dan prestasi serantau kami

MALAYSIA	SINGAPURA
 12,719 KAKITANGAN	 703 KAKITANGAN
 303 CAWANGAN/PEJABAT	 9 CAWANGAN/PEJABAT
 RM6,056.0 juta JUMLAH PENDAPATAN	 SGD145.5 juta JUMLAH PENDAPATAN

INDONESIA



364 KAKITANGAN



16 CAWANGAN/PEJABAT



IDR234.2 bil
JUMLAH PENDAPATAN

HONG KONG



87 KAKITANGAN



4 CAWANGAN/PEJABAT



HKD49.7 juta
JUMLAH PENDAPATAN

THAILAND



227 KAKITANGAN



14 CAWANGAN/PEJABAT



THB821.0 juta
JUMLAH PENDAPATAN

BRUNEI



26 KAKITANGAN



1 CAWANGAN/PEJABAT



BND3.7 juta
JUMLAH PENDAPATAN

KEMBOJA



234 KAKITANGAN



13 CAWANGAN/PEJABAT



USD24.0 juta
JUMLAH PENDAPATAN

VIETNAM



Pejabat Perwakilan



1 KAKITANGAN

LAO PDR



64 KAKITANGAN



3 CAWANGAN/PEJABAT



LAK36.1 bil
JUMLAH PENDAPATAN

MYANMAR




Pejabat Perwakilan

KENAPA RHB PILIHAN ANDA?

Kami Mencipta Nilai Kemampuan

Kami komited dalam membantu pembangunan pelanggan, komuniti dan warga insan kami.



Agile: Membina Model Operasi yang Berjaya

RHB AGILE@Scale: “Pelancaran Seribu *Start-up*”

Gandingan beberapa faktor membentuk semula landskap perbankan dan memacu perubahan

Kadar perubahan semakin pesat. Penciptaan teknologi baharu, perubahan demografik dan perubahan cara kerja secara radikal membentuk semula masa depan landskap perbankan. Untuk kekal relevan, RHB perlu menerima-pakai perubahan-perubahan ini secepat mungkin dan ini akan seterusnya mengekalkan daya saing kami sebagai sebuah bank utama.

FAKTOR-FAKTOR UTAMA YANG MEMBENTUK SEMULA LANDSKAP PERBANKAN



Peralihan dalam pilihan pengguna

Seiring dengan peningkatan pengguna yang semakin mesra digital, keperluan mereka juga lebih cenderung terhadap produk dan perkhidmatan digital. Pada masa kini, lebih 40% pengguna menggunakan perbankan dalam talian. Pilihan pengguna juga semakin canggih. Selaras dengan pilihan ini, permintaan bagi produk dan perkhidmatan berorientasikan pelanggan serta responsif, mesra pengguna dan disesuaikan dengan gaya hidup pengguna semakin meningkat.



Cabaran persaingan dari bank berinovatif dan pesaing bukan bank

Pesaing bank dan bukan bank, yang pesat menggunakan inovasi kini memasuki pasaran hasil RHB. Cabaran dari pesaing bukan bank, khususnya firma-firma Fintech menjejaskan industri perbankan yang tersedia ada. Malah, bilangan firma-firma Fintech telah berkembang tiga kali ganda di antara 2016 dan 2018. Inovasi berterusan adalah kunci dalam mewujudkan dan mengekalkan kelebihan daya saing terhadap persaingan ini.



Langkah-langkah pemupukan inisiatif digital oleh para pengawal selia

Bank Negara Malaysia telah melancarkan Rangka Kerja Pengawalseliaan Teknologi Kewangan Sandbox bagi syarikat-syarikat yang ingin melibatkan diri dalam inovasi teknologi kewangan. Syarikat-syarikat yang beroperasi di dalam sandbox akan dibenarkan melancarkan perkhidmatan mereka secara komersial dengan syarat adanya perlindungan yang sesuai dan memenuhi keperluan pengawalseliaan. Inisiatif sedemikian menyokong aliran kemasukan inovasi oleh syarikat-syarikat teknologi kewangan, meningkatkan persaingan dan menyediakan ruang bagi penyedia ada untuk menjadi rakan kongsi dengan peserta baharu.



Peralihan demografik tempat kerja

Peningkatan dalam kemasukan generasi millennial ke dalam tenaga kerja juga mengubah jangkaan dan pilihan di tempat kerja. Para millennial mementingkan budaya kerja yang merangkumi keseimbangan kerja dan hidup serta perhubungan pekerja, oleh itu pendekatan syarikat-syarikat bagi menarik, mengekalkan dan membangunkan bakat terbaik perlu diselaraskan dengan perubahan trend ini.

Menghadapi cabaran-cabaran sedemikian bukanlah mudah. Malah banyak syarikat-syarikat terbesar dunia menghadapi cabaran dalam menerimapakai pendekatan-pendekatan ini bagi mengekalkan ketangkasan serta kecekapan dan ini seterusnya menjadikan mereka kurang produktif dan sukar mengadaptasi. Syarikat-syarikat besar mengalami kesukaran memenuhi keperluan pasaran disebabkan inersia dan juga kekompleksan struktur organisasi. Kebanyakan masalah-masalah ini berpunca daripada model perniagaan tradisional yang pada asasnya bertujuan untuk skala dan penyeragaman, dan bukannya untuk ketangkasan dan inovasi masa kini. Oleh yang demikian, kita perlu menerimapakai dan menyesuaikan pembangunan ini bukan sahaja untuk pertumbuhan masa kini malah bagi mencapai kejayaan di dalam industri perbankan masa depan.

Agile: Membina Model Operasi yang Berjaya

Melaksanakan Agile di seluruh RHB

Agile@Scale adalah komponen kritikal tonggak “Transformasi” di bawah Strategi FIT22 (FIT = “Fund”, “Invest”, “Transform”) utama kami. Berlatarkan landskap perbankan yang pesat berubah, RHB membuat keputusan untuk menyelaraskan cara berkerja organisasi kami dengan menerimapakai model operasi yang berjaya. Ini menjadikan RHB sebagai bank pertama di Asia Tenggara untuk menggunakan pendekatan kerja Agile di keseluruhan organisasi.

2017



Digital

Perjalanan Agile kami bermula pada tahun 2017, apabila kami pertama kali memulakan pengujian metodologi tersebut sebagai sebahagian daripada Program Transformasi Digital kami, dan telah terbukti kejayaannya.

2018



Penubuhan Agile CoE

Pada 2018, kami telah menubuhkan Pusat Kepakaran Agile (“CoE”) yang bertanggungjawab menyebarkan Agile@Scale ke keseluruhan organisasi. Gandingan dengan Jurulatih Agile, kami memastikan amalan terbaik Agile dilaksanakan secara mampan.



Segmen Perintis

Semasa Q4 2018, kami telah melancarkan program perintis Agile@Scale, merangkumi pasukan-pasukan (Tribes) “Pemilikan Rumah”, “Pengurus niaga & Penjimatan” dan “Perkhidmatan & Peningkatan SME” dan “Keterlibatan SME”.

Menjangkau
2019



Menyebarkan Agile@Scale Ke Keseluruhan Organisasi

Pada 2019 dan 2020, kami akan menjalani transformasi asas dalam model operasi kami dengan melancarkan Agile kepada semua bahagian-bahagian bank, meliputi kesemua pengalaman pelanggan.

— AGILE SEBAGAI SEBAHAGIAN BUDAYA KERJA KAMI —


Kami sedang membina kelebihan daya saing yang mampan melalui model operasi yang berjaya berdasarkan nilai-nilai Agile. Model ini dibentuk berorientasikan pelanggan dan pekerja kami. Agile pada dasarnya, berhubungkait dengan mesra pelanggan, berorientasikan output, pengadaptasian walaupun wujud ketidakpastian dan memperkasakan kumpulan.

► Menerimapakai Nilai-Nilai Agile

PENUMPUAN KEPADA PELANGGAN	ORIENTASI OUTPUT	PENGUNAPAKAIAN DALAM PERSEKITARAN TIDAK MENENTU	MEMPERKASAKAN PASUKAN
Nilai-nilai ini memupuk budaya Agile yang memberikan para pekerja kami autonomi yang luas, fleksibiliti yang lebih baik dan keterlibatan yang lebih tinggi. Mereka digalakkan bertukar idea dan mengutamakan tugas di dalam persekitaran terbuka, kolaboratif dan berprestasi tinggi. Hasilnya, budaya Agile memperkasakan para pekerja untuk melakukan apa yang diperlukan untuk mewujudkan penyelesaian berorientasikan pelanggan berserta integriti dan akauntabiliti.			

► Model Operasi Agile

Pada teras model operasi kami dipacu oleh pasukan-pasukan Agile kami, atau "Tribes". Pasukan-pasukan ini diwujudkan berasaskan pengalaman pelanggan yang berbeza agar mereka dapat memenuhi keperluan dan kehendak para pelanggan kami. Pasukan-pasukan ini terdiri daripada unit-unit ("Squads") yang lebih kecil merangkumi pelbagai disiplin dan fungsi serta tertumpu pada pengalaman pelanggan yang khusus.











Sebagai contoh, sebuah skuad di mana misinya adalah untuk meningkatkan proposisi nilai pemilik rumah mungkin terdiri 'ketua pengalaman' yang mempunyai pemahaman mendalam mengenai keperluan dan hasrat sebenar pelanggan, seorang ahli yang bertanggungjawab ke atas hal-hal pengawalseliaan dan pematuhan, seorang ahli pemasaran yang bertanggungjawab ke atas penciptaan kempen dan ahli IT bagi menyediakan kepakaran teknikal. Dengan mewujudkan skuad pelbagai disiplin dan fungsi, kami mengurangkan jumlah penglibatan yang diperlukan di antara fungsi, ini membolehkan mereka beroperasi dengan lebih pantas dan cekap.


Agile: Membina Model Operasi yang Berjaya

Penggunapakaian Model Operasi Kami

Agile bukan sekadar mewujudkan 'tribe' dan 'squad', ianya juga meliputi aspek-aspek mewujudkan persekitaran kerja yang dinamik, menghargai selera risiko dan menggalakkan eksperimentasi. Malah, Agile@Scale mengubah kesemua aspek model operasi RHB.

DIMENSI UTAMA MODEL OPERASI RHB AGILE@SCALE	
 <p>Tujuan, Strategi & Keutamaan Agile@Scale akan membantu menyampaikan strategi dan matlamat FIT22 RHB dengan lebih berkesan</p>	 <p>Budaya & Tingkah laku Nilai dan pemikiran Agile diterapkan bagi memupuk budaya yang mesra pelanggan, inovatif dan produktif</p>
 <p>Tadbir Urus & Pengusahaan Para kakitangan diperkasakan, birokrasi yang tidak bermanfaat disingkirkan dan proses tadbir urus diselaraskan</p>	 <p>Struktur Organisasi mendatar dengan pasukan bersilang-fungsi selaras dengan keperluan pelanggan ('seribu start-up')</p>
 <p>Proses Pematuhan ciri-ciri Agile memastikan kerjasama & ketelusan, memberi tumpuan kepada penyampaian berulang dan peningkatan berterusan</p>	 <p>Kepimpinan & Bakat Cara-cara baru bagi mengukur prestasi, laluan kerjaya baru yang meningkatkan peluang pertumbuhan dan mengutamakan prestasi kerjasama secara kumpulan</p>
 <p>Rangka Kerja Pengukuran Penjajaran kerja yang jelas dengan strategi RHB dengan pandangan telus prestasi 'tribe' dan 'squad'</p>	 <p>Pemboleh Teknologi Penyampaian berterusan/DevOps, seni bina modular, strategi data/ seni bina</p>

MANFAAT AGILE@SCALE



Agile@Scale telah menghasilkan keputusan yang mendadak dan terukur dalam masa kurang dari enam bulan, dan dijangka akan menghasilkan manfaat selanjutnya. Keputusan yang dicapai meliputi kira-kira 2 hingga 6 kali lebih lancar ke pasaran, kira-kira 20% peningkatan produktiviti dalam kumpulan 'tribe' perintis kami dan tumpuan yang lebih mendalam terhadap pendekatan mesra pelanggan. Melalui cara kerja Agile, kami dapat menghasilkan produk berkualiti tinggi seperti aplikasi RHB MyHome, yang mencapai kira-kira 16% daripada jumlah keseluruhan perniagaan gadai janji dalam tempoh hanya satu tahun. Agile juga menyumbang kepada peningkatan dalam pengalaman pelanggan, seperti yang dilihat oleh peningkatan dalam Skor Promoter Bersih ("NPS") sebanyak 9 mata pada tahun 2018.

Dalam erti kata jati Agile, pembangunan model operasi kami yang berbeza adalah setara dengan pembangunan "seribu start-ups" merentasi organisasi, mewujudkan pasukan dan budaya yang menginspirasi inovasi dan menghasilkan penyelesaian yang unggul.

MENINJAU KE HADAPAN: PERJALANAN AGILE KAMI DITERUSKAN KE TAHUN 2019

Bagi Kumpulan RHB, satu perjalanan yang menarik dan penuh harapan menunggu kami. Segmen-segmen seterusnya yang akan melalui peralihan ini termasuk unit perniagaan dalam perbankan runcit seperti segmen Mewah, Kad dan Perniagaan Tidak Bercagar, dan unit-unit sokongan seperti Perkhidmatan Teknologi Kumpulan. Agile CoE dengan sokongan Pelatih-pelatih Agile kami, akan terus memandu Agile@Scale di samping menerapkan nilai-nilai Agile secara keseluruhan di bank. Dilengkapi dengan ilmu yang diturunkan dari kumpulan perintis Agile, kami akan secara lanjut menyempurnakan model operasi kami seiring dengan transformasi keseluruhan organisasi terhadap pendekatan Agile, sambil membina kelebihan daya saing kami di dalam dunia digital yang baru.

PENYATA Pengerusi



Ini adalah era baru bagi industri perbankan, di mana amalan kemampanan dan pengantaraan berasaskan nilai mengubah dinamik cara kami menjalankan perniagaan kami. Prestasi sebenar bank bukan sahaja berdasarkan keuntungan tetapi termasuk penciptaan nilai untuk industri, pelanggan, pekerja dan pelbagai pihak berkepentingan kami.”



TAN SRI AZLAN ZAINOL
Pengerusi RHB Bank Berhad

Para Pemegang Saham Sekalian,

2018 merupakan tahun yang menarik untuk RHB kerana kami terus memenuhi tuntutan pasaran dan memperkuat tumpuan kami terhadap kecekapan teras kami di Malaysia dan pasaran khusus kami di luar negara.

Saya dengan sukacitanya membentangkan laporan kemajuan kami pada tahun 2018 termasuk pencapaian dan cabaran utama yang dihadapi kami dalam menentukan pertumbuhan dan mencipta nilai bagi Pemegang Saham, pelanggan, pekerja dan semua pihak berkepentingan lain.

BEROPERASI MELALUI PERSEKITARAN LUARAN

Pada tahun yang ditinjau, sektor perbankan menghadapi cabaran luaran yang termasuk ketegangan perdagangan AS-China, kelembapan pertumbuhan global, dan harga minyak mentah yang lemah serta sentimen pasaran dan pengguna yang mendatar. Walau bagaimanapun, institusi perbankan Malaysia terus menunjukkan daya tahan, sebahagiannya disebabkan oleh keadaan makroekonomi yang kukuh di dalam dan di luar negara yang menimbulkan persekitaran operasi yang menggalakkan untuk bank. Pada suku keempat tahun 2018, ekonomi mencatatkan peningkatan kadar pertumbuhan 4.7 peratus, disumbangkan terutamanya oleh sektor perkhidmatan dan perkilangan. Kualiti aset bank terus bertambah baik sejak lima tahun yang lalu dan kekal stabil pada 2018, dengan berlatarbelakangkan tekanan di kalangan korporat dan pertumbuhan hutang isi rumah yang perlahan.

MENYAMPAIKAN PRESTASI YANG KUKUH

Pelan strategik lima tahun kami, FIT22, telah mendapat anjakan yang positif dan telah bertambah baik dalam beberapa bidang perniagaan utama, yang menyumbang kepada prestasi kukuh Kumpulan pada tahun 2018. Aliran meningkat ini telah membolehkan kami mencadangkan dividen akhir sebanyak 13 sen sesaham kepada para pemegang saham kami. Bersama dengan dividen interim sebanyak 7.5 sen sesaham yang dibayar pada bulan Oktober 2018, jumlah nisbah pembayaran dividen berjumlah 35.7%, mengakhiri tahun 2018 dengan positif.



JUMLAH
ASET

RM **243.2**
bilion



KEUNTUNGAN
SEBELUM
CUKAI

RM **3.1**
bilion



EKUITI MASA
PERINGKAT 1
("CET-1")

15.5%

PENYATA PENGURUSI

“

Kami komited untuk mengamalkan budaya kecemerlangan dalam melayani pelanggan kami, memastikan kecemerlangan operasi dan budaya pematuhan yang mantap, ke arah meningkatkan nilai pemegang saham.

”

MEMBAWA PERBANKAN DIGITAL KEPADA PELANGGAN & PERNIAGAAN

Oleh kerana digitalisasi memainkan peranan kritikal dalam misi untuk memacu perniagaan dan ekonomi, Kumpulan telah menggunakan gabungan beberapa jenis strategi untuk terus maju dalam menghadapi cabaran ini, termasuk pelaburan teknologi dan peningkatan saluran – cawangan, ATM, Pusat Panggilan dan Platform Perbankan Digital. Kami komited untuk menawarkan pengalaman perbankan yang mudah, cepat dan lancar kepada pelanggan dan perniagaan. Kumpulan telah menyediakan pelan hala tuju digital yang teguh dan disesuaikan untuk membolehkan pelanggan dan memacu perniagaan ke arah masa depan dengan inisiatif digital strategik yang memberikan produk dan perkhidmatan kewangan yang inovatif dan serba boleh.

TENAGA KERJA MASA DEPAN

Kami komited untuk memacu tenaga kerja berprestasi tinggi melalui tawaran nilai kakitangan yang menarik kerana modal insan kami merupakan faktor kejayaan utama bagi Kumpulan. Kami telah melabur RM43.1 juta bagi menyediakan program pembelajaran dalam talian (e-pembelajaran) dan bilik darjah untuk kakitangan. Salah satu program ini ialah Program Kepimpinan Terkenal yang ditawarkan melalui kerjasama kami dengan Melbourne Business School.

Bagi memacu budaya berprestasi tinggi dan sebagai sebahagian daripada fokus strategik kami untuk mencipta model operasi yang berjaya, kami telah melancarkan AGILE@Scale di seluruh sektor perniagaan utama. AGILE@Scale, budaya kerja yang pantas, bertujuan untuk memasarkan produk dan perkhidmatan dengan lebih cepat; meningkatkan produktiviti dan masa pemulihan; sambil meningkatkan penglibatan kakitangan dan memacu budaya prestasi tinggi. Hasil daripada pencapaian ini, RHB telah memenangi anugerah **Kecemerlangan dalam Pengurusan Bakat** di Anugerah Penjenamaan Majikan 2018 dan anugerah **Kecemerlangan dalam Pengurusan Bakat** (Perak) di Anugerah Kecemerlangan HR 2018.

MEMBINA MASA DEPAN YANG MAMPAN

Memandangkan Kumpulan terus berkembang dan maju dalam perniagaan dan operasi, kami menyedari akan peranan kami sebagai warga korporat yang bertanggungjawab dan juga impak jangka panjang positif yang dapat kami lakukan untuk membina masa depan yang mampan. Oleh yang demikian, RHB terus menilai agenda kemampanan jangka panjang kami, sejajar dengan strategi perniagaan kami dan aspirasi FIT22.

Pada tahun 2018, kami mengambil satu lagi langkah ke hadapan dalam perjalanan kemampanan kami dengan menerima pakai Rangka Kerja Kemampanan Kumpulan dan penubuhan pasukan Pengurusan Kemampanan untuk merancang, memudahkan dan memantau inisiatif berkaitan kemampanan di seluruh Kumpulan. Kami komited dan akan menyumbang ke arah Matlamat Pembangunan Mampan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (UN SDG).

Selaras dengan agenda kemampanan kami, RHB Islamic telah menggunakan pendekatan Pengantaraan Berasaskan Nilai (“VBI”) dalam perniagaan dan operasinya. VBI akan mendorong kami untuk mewujudkan kesan positif terhadap ekonomi (keuntungan), kesejahteraan rakyat dan menjaga alam sekitar (planet) selain mematuhi Syariah semata-mata. VBI akan menjadi landasan untuk usaha-usaha mampan berterusan RHB Islamic dan Kumpulan di masa hadapan.

Menerusi Yayasan RHB, Kumpulan meneruskan inisiatif penglibatan komuniti dengan melaksanakan program pembangunan komuniti utamanya yang didorong oleh salah satu tonggak terasnya – Memupuk Generasi Masa Depan. Pada tahun ini, Kumpulan menjanjikan sejumlah RM10 juta ke arah pembangunan kanak-kanak dan belia di Malaysia.

Kami akan berusaha untuk meningkatkan prestasi ekonomi, alam sekitar, sosial dan tadbir urus kami, pada tahun-tahun akan datang. Penyata dan Laporan Kemampanan kami akan memberi anda gambaran yang lebih komprehensif mengenai perjalanan kemampanan Kumpulan.

MENGAMALKAN NILAI DAN PRINSIP TADBIR URUS YANG BAIK

Lembaga Pengarah terus meningkatkan amalan tadbir urus korporat Kumpulan yang telah membentuk cara Kumpulan Perbankan RHB beroperasi. Kami mendukung kewajipan fidusiari kami sebagai penjaga dana awam, dasar pelaburan pelanggan dan pemegang akaun, melalui penelitian lembaga pengarah yang mampan, membuat keputusan dan arahan, yang telah memastikan kepercayaan daripada pelanggan dan pemegang kepentingan lain.

Mengenal pasti dan menguruskan risiko adalah penting kepada perniagaan dan operasi Kumpulan. Kami juga komited untuk mengamalkan budaya kecemerlangan bukan hanya untuk melayani pelanggan kami tetapi juga untuk memastikan kecemerlangan operasi dan budaya pematuhan yang mantap, ke arah meningkatkan nilai pemegang saham.

Usaha kami telah meletakkan RHB di kalangan 30 Syarikat Tersenarai Awam ASEAN Teratas, dari segi amalan tadbir urus korporat dan kualiti pendedahan. Usaha tadbir urus korporat kami juga telah diiktiraf di Anugerah Tadbir Urus Baik Global 2018 sebagai pemenang platinum untuk **Anugerah Syarikat Dengan Tadbir Urus dan Pendedahan Terbaik**.

MENERUSKAN MOMENTUM PERTUMBUHAN KAMI

Kami kekal fokus dalam memenuhi strategi FIT22 kami dan maju ke hadapan, kami komited untuk melaksanakan rancangan perniagaan dengan berkesan dan tepat pada masanya, sambil terus memantau dan bertindak balas terhadap pasaran serta risiko dan peluang pelanggan yang baru muncul.

PENGHARGAAN

Bagi pihak Lembaga, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada pelanggan dan rakan perniagaan kami di atas kesetiaan dan sokongan anda selama ini.

Penghargaan yang istimewa diberikan kepada kakitangan kami kerana komitmen dan kerja keras mereka, dan Pengurusan Kanan Kumpulan, yang diketuai oleh Pengarah Urusan Kumpulan Dato' Khairussaleh Ramli kerana memimpin Kumpulan menjadi sebuah organisasi berprestasi tinggi.

Kepada rakan-rakan ahli Lembaga saya dalam Lembaga utama dan Lembaga subsidiari, dengan ikhlas saya menghargai perkhidmatan cemerlang anda, bimbingan yang tidak ternilai dan pandangan anda ke arah masa depan.

Saya juga ingin menyampaikan penghargaan saya kepada pihak berkuasa pengawalseliaan – Bank Negara Malaysia, Bursa Malaysia, Suruhanjaya Sekuriti dan pihak berkuasa pengawalseliaan di negara-negara di mana kami beroperasi untuk bimbingan mereka sepanjang tahun.

Paling penting, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada para pemegang saham kami di atas kepercayaan berterusan anda terhadap Kumpulan Perbankan RHB.

Saya mengalu-alukan sokongan anda pada tahun yang akan datang apabila kami mengatur langkah ke arah landskap perniagaan yang menarik.



AZLAN ZAINOL

Penyata Pengarah Urusan Kumpulan

DATO' KHAIRUSSALEH RAMLI

Pengarah Urusan Kumpulan

PARA PEMEGANG SAHAM,

Pada tahun 2018, kami merekodkan kemajuan yang ketara dalam asas perniagaan kami sebagai Kumpulan institusi kewangan. Tahap modal kami adalah antara yang tertinggi di dalam industri, dengan nisbah Ekuiti Biasa Tahap 1 ("CET-1") kami pada 15.5%. Kedudukan kecairan kami kekal sihat dengan nisbah liputan kecairan sebanyak 143.0%, dan kami meningkatkan liputan kami untuk kerugian pinjaman, di mana kerugian pinjaman kami adalah 103.0%, dengan caj kredit yang tidak menentu sebanyak 0.19%. Dengan prestasi keuntungan yang lebih baik dan hasil positif daripada pengoptimuman Aset Berwajaran Risiko ("RWA"), ROE kami meningkat kepada 10.3%, melebihi 10% untuk kali pertama sejak 2015.

Kumpulan Perbankan RHB mencatatkan keuntungan sebanyak RM2.31 bilion, peningkatan 18.2% Tahun-ke-Tahun, dengan sumbangan keuntungan positif daripada semua segmen perniagaan di seluruh Kumpulan. Kami mengolah semula Singapura ke arah mencapai keuntungan, dari kerugian sebelum cukai sebanyak SGD105.5 juta pada tahun 2017 kepada keuntungan sebelum cukai sebanyak SGD40.2 juta.

Kami juga telah menetapkan semula dasar dividen kami, dari antara 20% dan 30% kepada minimum 30%. Dengan ini, termasuk dividen akhir yang dicadangkan sebanyak 13 sen sesaham, pembayaran dividen FY2018 kami lebih tinggi pada 35.7%, berbanding 30.8% pada 2017, yang tertinggi sejak tahun 2003.

Sejak penyenaian RHB Bank Berhad di Bursa Malaysia pada Jun 2016, Nilai Pemegang Saham Keseluruhan ("TSR") RHB meningkat sebanyak 28.3% dan permodalan pasaran meningkat sebanyak 20.9% untuk tempoh 28 Jun 2016 hingga 28 Februari 2019.

Saya juga dengan sukacitanya melaporkan bahawa strategi FIT22 kami sedang membuat kemajuan yang baik: pelanggan Premier dan Aset di bawah Pengurusan masing-masing meningkat sebanyak 32.1% dan 17.8%; Deposit PKS meningkat sebanyak 15.8% dan pinjaman PKS Runcit yang merupakan tumpuan kami, meningkat 11.2%. Pasaran pendapatan yuran kami dalam segmen Modal Besar dan Modal Sederhana kami meningkat kepada 23.4% dan 27.8% masing-masing.





Penyata Pengarah Urusan Kumpulan



Pada tahun 2018, Kumpulan Perbankan RHB mencatatkan keuntungan sebanyak RM2.31 bilion, peningkatan 18.2% Tahun-ke-Tahun, dengan sumbangan keuntungan positif daripada semua segmen perniagaan di seluruh Kumpulan. ”



Jumlah pendapatan seluruh Kumpulan:

**RM6,806
JUTA**

Pertumbuhan sebanyak 6.6% tahun-ke-tahun

Keuntungan sebelum Cukai:

**RM3,119
JUTA**

Berbanding
RM2,558 juta pada 2017

MEWUJUDKAN MODEL OPERASI YANG BAGUS DAN KUKUH

Hala tuju strategik FIT22 kami juga termasuk mengubah budaya kerja kami ke arah mewujudkan model operasi yang bagus dan kukuh, melalui AGILE@Scale. AGILE@Scale akan membolehkan kami mencapai kelajuan yang lebih pantas untuk memasarkan produk dan perkhidmatan, meningkatkan produktiviti dan masa yang di ambil, meningkatkan penglibatan kakitangan dan memacu budaya berprestasi tinggi, semuanya dengan penumpuan terhadap pelanggan sebagai pemandu utama.

la bertujuan untuk menjadikan RHB lebih lincah, dengan keupayaan untuk membuat keputusan dengan lebih cepat dan diwakilkan, mendorong kerjasama yang lebih besar dan membolehkan kakitangan kami untuk membuat keputusan. Tahun 2018 menyaksikan empat unit perniagaan di bawah Perbankan Runcit dan PKS yang digerakkan ke AGILE@Scale, dengan pembentukan Kumpulan Transaksi & Penjimat dan Pemilik Rumah dari Perbankan Runcit Kumpulan; manakala dari Perbankan Perniagaan dan Transaksi Kumpulan, Penglibatan PKS, Kumpulan

Penambahbaikan dan Perkhidmatan PKS telah terbentuk. Pada suku pertama tahun ini, kami melancarkan lapan kumpulan lain dari segmen Perbankan Runcit dan Perkhidmatan Teknologi Kumpulan.

Program Transformasi Digital kami yang juga tertumpu kepada keutamaan pelanggan, mencapai daya tarikan yang ketara pada tahun 2018. Kami menyampaikan lebih daripada 10 penyelesaian digital, termasuk Aplikasi RHB MyHome, Pembiayaan Dalam Talian PKS, iSMART, RHB Partners, Aplikasi Perbankan Mudah Alih RHB dan Aplikasi Mudah Alih Insuran RHB. Kami juga melaksanakan 16 kes penggunaan analisis pada TK2018 dan mencapai keuntungan sebelum cukai tambahan sebanyak RM19.0 juta dari Inisiatif Digital seperti digitalisasi perjalanan pelanggan dan inisiatif Analitik. Pelanggan aktif secara digital telah meningkat sebanyak 11% pada tahun 2018 dan sekarang merupakan 43.2% daripada jumlah pelanggan runcit kami.

MENGUBAH PERJALANAN PELANGGAN KAMI: RHB WAY

Menyampaikan pengalaman perkhidmatan yang cemerlang kepada pelanggan kami akan terus menjadi keutamaan. Kami berhasrat untuk menyampaikan pengalaman yang Membina Kepercayaan, Memberikan Kemudahan dan Mewujudkan Nilai untuk pelanggan kami agar Kumpulan kekal berdaya saing.

Pada tahun 2018, Kumpulan melancarkan RHB Way, sebuah program budaya perkhidmatan di seluruh cawangan kami di seluruh negara untuk mencapai hasrat tersebut. Hasilnya dibuktikan oleh peningkatan Skor Promoter Bersih ("NPS") dengan 9 mata, dari -9 dan Indeks Kepuasan Pelanggan kami ("CSI") yang lebih tinggi daripada purata industri. Kecemerlangan perkhidmatan kami telah diiktiraf dengan beberapa anugerah industri terkemuka: Model Perniagaan Pengalaman Pelanggan Terbaik oleh CXFS Asia 2018; Pengalaman Perkhidmatan Diri Terbaik dalam Perbankan Runcit oleh Frost & Sullivan Malaysia dan Pengalaman Pelanggan Terbaik – Pusat Panggilan oleh CXFS Asia 2018.

TENAGA KERJA KAMI

Saya harus menekankan bahawa kemajuan dan pencapaian kita hari ini adalah hasil dedikasi, komitmen dan usaha gigih kakitangan kita, atau RHBians seperti yang kita panggil diri kita yang telah memungkinkan kemajuan dan pencapaian kita pada hari ini. Kami akan terus memberi tumpuan terhadap pemupukan bakat dan melabur dalam pembangunan dan kemajuan mereka dalam Kumpulan.

Sejumlah RM43.1 juta telah dilaburkan dalam program latihan dan pembangunan pada tahun 2018. Lebih daripada 14,000 kakitangan kami telah dapat mempercepatkan pembangunan profesional mereka melalui 997 program latihan dalam bidang kritikal, teknikal dan berfungsi, dengan purata 56 jam latihan setiap kakitangan.

Pada 2018, kami memperkenalkan program FORWARD (Future-Oriented and Ready Workforce – Advancing, Reskilling and Developing) dengan matlamat menyediakan bakat kami untuk masa depan dengan meningkatkan kemahiran dan melatih semula kakitangan kami agar mereka bersedia untuk kecekapan dan kemahiran baru yang diperlukan.



Jumlah deposit meningkat

7.2%

berbanding dengan pertumbuhan industri pada 6.8%

Jumlah pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan kasar meningkat kepada

**RM168,879
JUTA**

Penyata Pengarah Urusan Kumpulan



ANUGERAH PEOPLE'S CHOICE

dalam kategori Perbankan,
Pelaburan dan Insuran
– Anugerah Jenama Putra



Nilai Jenama

**USD956
JUTA**

20 Teratas bagi Jenama
Perbankan ASEAN 2019



Pelanggan aktif secara digital
meningkat sebanyak

11%

pada tahun 2018, mewakili 43.2%
daripada jumlah pelanggan runcit kami



BUDAYA PEMATUHAN

Memastikan pematuhan kepada peraturan dan undang-undang akan terus menjadi agenda utama kami. Kami percaya bahawa pematuhan adalah penting dan kami akan meningkatkan usaha kami untuk mendidik kakitangan kami untuk mewujudkan kesedaran yang lebih besar mengenai perkembangan terbaru untuk keperluan undang-undang, peraturan dan aliran semasa ketidakpatuhan terkini dalam industri dan pematuhan yang sesuai sebagai budaya kerja utama.

JANJI JENAMA KAMI

Membina dan meningkatkan imej jenama kami merupakan bahagian penting dalam mencapai pertumbuhan perniagaan. Saya gembira mengumumkan bahawa nilai jenama kami bertambah dari USD512 juta pada tahun 2013 kepada hampir USD1 bilion pada tahun 2019. Dan pada tahun lepas, kami diiktiraf sebagai salah satu daripada 3 jenama teratas dalam Anugerah Pilihan Rakyat dalam kategori Perbankan, Pelaburan dan Insurans oleh Putra Brand Awards yang bereputasi.

Sebagai sebahagian daripada usaha kami untuk terus membina “pemikiran utama minda”, pada Februari 2019, kami melancarkan Penghidupan Semula Jenama Korporat kami, untuk mengembalikan semangat Jenama kami dan mewujudkan hubungan yang bermakna dengan para pelanggan kami selaras dengan Janji Jenama kami “Bersama Kita Maju”.

MEMPERKASAKAN KOMUNITI KITA

Kemampuan di RHB adalah mengenai mewujudkan kesan positif terhadap komuniti yang penting kepada kami, dan di mana setiap individu boleh dikaitkan dengan tindakan dan sumbangan kami. Kami terus memainkan peranan kami dan menyumbang kepada pembangunan komuniti di mana kami beroperasi, terutamanya kanak-kanak dan golongan belia dari keluarga yang kurang bernasib baik, melalui pembinaan kapasiti.

Pada tahun 2018, kami memperkenalkan dua inisiatif utama, Program RHB X-Cel dan RHB Money Ma\$ter yang memberi manfaat kepada 11,212 kanak-kanak dan belia.

“

Hala tuju strategik FIT22 kami juga termasuk mengubah budaya kerja kami ke arah mewujudkan model operasi yang bagus dan kukuh, melalui AGILE@Scale. AGILE@Scale akan membolehkan kami mencapai kelajuan yang lebih pantas untuk memasarkan produk dan perkhidmatan, meningkatkan produktiviti dan masa yang diambil, meningkatkan penglibatan kakitangan dan memacu budaya berprestasi tinggi, semuanya dengan penumpuan terhadap pelanggan sebagai pemandu utama.

”

Pada tahun yang ditinjau, lebih daripada 14,000 kakitangan kami mengambil bahagian sebagai sukarelawan dan meningkatkan dana untuk ahli masyarakat yang layak melalui program RHB Touch Hearts tahunan kami. Melalui inisiatif ini, kami telah mencapai 20,700 orang kurang berkemampuan dan kurang upaya di seluruh rantau ASEAN dan mengumpulkan RM1.26 juta menerusi pelbagai aktiviti pengumpulan dana. Saya dengan sukacitanya berkongsi bahawa usaha kami telah diiktiraf sebagai Anugerah Program Komuniti Terbaik (Gangsa) oleh Anugerah CSR Global 2018.

KEUTAMAAN KAMI BAGI TAHUN 2019

Dalam menuju ke arah mencapai aspirasi 2022, kami akan terus mengikuti rancangan strategik FIT22 kami. Kami telah membina asas yang kukuh dan kami akan mengekalkan momentum kami dalam menyampaikan keutamaan strategik kami. Kami akan terus melabur untuk masa depan, tenaga kerja kami, infrastruktur teknologi dan keupayaan digital dan memupuk budaya cara bekerja secara AGILE untuk meningkatkan daya saing kami, kesemuanya dengan menempatkan pelanggan sebagai keutamaan kami.

Di tengah-tengah cabaran global dan ketidakpastian yang kuat pada 2019, niat kami adalah untuk terus berdaya tahan dan mengenal

pasti peluang untuk berkembang dan meningkatkan kecekapan di semua bahagian Kumpulan. Sebagai kesimpulannya, kami akan bertumbuh maju dengan penuh tanggungjawab.

PENGIKTIRAFAN

Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada para pemegang saham kami atas keyakinan mereka terhadap Kumpulan Perbankan RHB; dan kepada pelanggan dan rakan kongsi perniagaan kami untuk kesetiaan mereka yang berterusan.

Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Bank Negara Malaysia, Bursa Malaysia, Suruhanjaya Sekuriti Malaysia dan pengawal selia di negara-negara di mana kami beroperasi atas sokongan mereka selama ini.


Saya juga ingin memberikan penghargaan yang ikhlas kepada rakan-rakan Pasukan Pengurusan Kanan saya dan kakitangan RHB di atas dedikasi dan komitmen mereka.


Akhir sekali, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Pengerusi dan semua Ahli Lembaga untuk kepimpinan, bimbingan dan amanah mereka.

“Bersama Kita Maju”

Khairul

Pencapaian Korporat





Sorotan Utama 2018


Penyelesaian Digital Baharu yang Dilancarkan pada Tahun 2018

<p>Pertama di ASEAN</p> <p>App Mudah Alih AIP semerta</p> <p>Simulator Dalam Talian</p>	<p>App RHB MyHome</p> <ul style="list-style-type: none"> Pengasalan dan kelulusan gadai janji masa nyata Simulator dalam talian bagi menghitung amaun kelulusan pembiayaan dan anggaran kadar Menyediakan pendidikan berkaitan gadai janji dan maklumat produk
<p>Pertama ke Pasaran dalam 10 minit</p>	<p>Pembiayaan Dalam Talian SME</p> <ul style="list-style-type: none"> Permohonan pinjaman dalam masa 10 minit Tempoh minimum enam bulan Sehingga tempoh 24 bulan untuk pinjaman di antara RM50k & RM300k
<p>Pertama ke Pasaran penyedia penyelesaian</p>	<p>iSMART</p> <ul style="list-style-type: none"> Peranti jualan digital yang direka untuk memperkasakan barisan hadapan RHB SME Penyelesaian untuk menyampaikan pengalaman pelanggan terbaik kepada pelanggan SME
<p>Pertama di kalangan Institusi Kewangan sehati</p> <p>App rujukan gadai janji</p>	<p>RHB Partners</p> <ul style="list-style-type: none"> Papan pemuka mudah untuk mengesan, melihat dan pemberitahuan masa nyata Ganjaran Rujukan disediakan bagi rakan kongsi perniagaan Eco-sistem gadai janji yang dituluskan
<p>Pengalaman pelanggan mudah gaya hidup</p>	<p>App Perbankan Mudah Alih RHB</p> <ul style="list-style-type: none"> Pengalaman pelanggan terbaru Menyampaikan perbankan mudah dan bebas kerumitan Menjangkau perbankan dan melengkapi gaya hidup Kebudayaan Inovasi Dalam
<p>Pertama ke pasaran Pembelian 3 minit</p>	<p>App Mudah Alih Insurans RHB</p> <ul style="list-style-type: none"> Terulung kali dalam pasaran bagi syarikat insurans untuk kategori Institusi Kewangan Mbolehkan pelanggan membeli & memperbaharui polisi insurans motor pada bila-bila masa dan di mana sahaja

SOROTAN PERNIAGAAN

Kumpulan RHB telah memulakan program transformasi digitalnya pada April 2017 yang berwawasan untuk menerajui ruang Digital di dalam sektor perbankan Malaysia. Program Transformasi Digital ini bertujuan untuk membina bank digital yang berpusatkan pelanggan, mengutamakan data dan berinovasi bagi meningkatkan keberkesanan daya saing dan menerima pakai konsep AGILE bagi menyampaikan perkhidmatan berinovasi ke pasaran perbankan tepat pada masanya

Anugerah-anugerah Inisiatif Perbankan Digital 2018 (Malaysia)



Lain-lain Kejayaan Digital

Digitalisasi pengalaman pelanggan dengan pelancaran MVP baru pada Tahun 2018

- Kesinambungan inovasi penyelesaian digital melalui aplikasi MVP
- Telah melancarkan beberapa penyelesaian digital baharu

Analisis dan Data Besar

- Memulakan 16 kes penggunaan analisis baharu pada Tahun 2018 dan melanjutkan pengendalian 7 kes penggunaan analisis sedia ada.
- Melaksanakan platform data besar dan automasi pemasaran yang baru

Penerima-pakaian Agile@Scale oleh Kumpulan RHB secara menyeluruh telah dimulakan dalam usaha mentransformasikan barisan perniagaan kami dalam model AGILE dengan kerjasama antara segmen perniagaan yang kukuh

- 3 bahagian perniagaan iaitu Gadai Janji, Deposit & SME telah berjaya ditransformasikan kepada AGILE@Scale
- Telah melaksanakan pengguna-pakaian Agile@Scale kepada 130 kakitangan SME dan Perbankan Runcit (Gadai Janji dan Deposit) sebagai sebahagian daripada kumpulan perintis Agile@Scale
- Pelaksanaan DevOps bermula dengan penggunaan kaedah-kaedah dan proses bagi meningkatkan ketangkasan penyampaian teknologi

Transformasi Saluran Pengalaman

- Melancarkan app Perbankan Mudah Alih RHB terbaru kepada pengguna perintis pada November 2018
- Merangkumi ciri-ciri utama pasaran:
 - » 1-Click Pay
 - » Mengurangkan kerumitan OTP mudah alih
 - » Memperkenalkan reka bentuk terbaru dengan ciri-ciri papan pemuka dan pintasan baru

Pembolehkan Digital

- Pelancaran Akademi Digital
- Lebih daripada 300 kakitangan telah menerima latihan daripada Akademi Digital
- Telah melantik lebih daripada 300 "Juara Digital" merentasi rangkaian cawangan
- Melancarkan sesi mingguan Digital Tuesday yang merangkumi keterlibatan dengan cawangan/pusat panggilan untuk meningkatkan kesedaran produk dan perkhidmatan digital di kalangan kakitangan barisan depan

SOROTAN KEWANGAN



Jumlah Aset
RM243.2
bilion

Jumlah Deposit Pelanggan



RM178.9
bilion



CET 1
15.5%



Keuntungan Sebelum Cukai
RM3.1 bilion

Pinjaman Kasar



RM168.9
bilion



Jumlah Pendapatan

RM6.8
bilion

Nisbah Kos
Kepada
Pendapatan
49.3%



Ekuiti Pemegang Saham
RM23.4 bilion



Keuntungan Selepas Cukai
RM2.3 bilion

Maklumat Korporat

setakat 15 Februari 2019

LEMBAGA PENGARAH

Tan Sri Azlan Zainol

Pengerusi Bukan Bebas Bukan Eksekutif

Dato' Khairussaleh Ramli

Pengarah Urusan Kumpulan

Tan Sri Ong Leong Huat @ Wong Joo Hwa

Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif

Mohamed Ali Ismaeil Ali AlFahim

Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif

Tan Sri Dr Rebecca Fatima Sta Maria

Pengarah Kanan Bebas Bukan Eksekutif

Tan Sri Saw Choo Boon

Pengarah Bebas Bukan Eksekutif

Abdul Aziz Peru Mohamed

Pengarah Bebas Bukan Eksekutif

Ong Ai Lin

Pengarah Bebas Bukan Eksekutif

Lim Cheng Teck

Pengarah Bebas Bukan Eksekutif

Sharifatu Laila Syed Ali

Pengarah Bebas Bukan Eksekutif

PELANTIKAN AHLI LEMBAGA BARU

Puan Sharifatu Laila Syed Ali dilantik sebagai Pengarah Bebas Bukan Eksekutif RHB Bank Berhad berkuat kuasa 15 Mac 2019.

JAWATANKUASA LEMBAGA RISIKO[#]

Ong Ai Lin

Pengarah Bebas Bukan Eksekutif/Pengerusi

Tan Sri Saw Choo Boon

Pengarah Bebas Bukan Eksekutif

Chin Yoong Kheong

Pengarah Bebas Bukan Eksekutif

JAWATANKUASA LEMBAGA AUDIT[#]

Tan Sri Dr Rebecca Fatima Sta Maria

Pengarah Kanan Bebas Bukan Eksekutif/Pengerusi

Tan Sri Saw Choo Boon

Pengarah Bebas Bukan Eksekutif

Ong Ai Lin

Pengarah Bebas Bukan Eksekutif

JAWATANKUASA LEMBAGA KREDIT[#]

Dato' Abd Rahman Dato' Md Khalid

Pengarah Kanan Bebas Bukan Eksekutif/Pengerusi (RHB Islamic Bank Berhad)

Tan Sri Ong Leong Huat

@ Wong Joo Hwa

Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif

Lim Cheng Teck

Pengarah Bebas Bukan Eksekutif

JAWATANKUASA LEMBAGA PENCALONAN DAN IMBUHAN[#]

Tan Sri Dr Rebecca Fatima Sta Maria

Pengarah Kanan Bebas Bukan Eksekutif/Pengerusi

Tan Sri Saw Choo Boon

Pengarah Bebas Bukan Eksekutif

Tan Sri Azlan Zainol

Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif

Tan Sri Ong Leong Huat @ Wong Joo Hwa

Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif

Ong Ai Lin

Pengarah Bebas Bukan Eksekutif

JAWATANKUASA SHARIAH[^]

Dr. Ghazali Jaapar

Pengerusi

Assoc. Prof. Dr. Amir Shahrudin

Dr. Ahmad Basri Ibrahim

Wan Abdul Rahim Kamil Wan Mohamed Ali

Mohd Fadhly Md Yusoff

Shabnam Mohamad Mokhtar

JAWATANKUASA PENGURUSAN RISIKO ISLAM[^]

Dato' Abd Rahman Dato' Md Khalid

Pengarah Kanan Bebas Bukan Eksekutif/Pengerusi (RHB Islamic Bank Berhad)

Dato' Foong Chee Meng

Pengarah Bebas Bukan Eksekutif

Ong Ai Lin

Pengarah Bebas Bukan Eksekutif

AUDIT DALAMAN KUMPULAN & PEMATUHAN

Alex Tan Aun Aun

Ketua Juruaudit Dalaman Kumpulan

Fazlina Mohamed Ghazalli

Ketua Pegawai Pematuhan Kumpulan

Nota:

[#] Jawatankuasa dikongsi bersama-sama anak-anak syarikat Kumpulan yang berkaitan.

[^] Jawatankuasa ditempatkan di RHB Islamic Bank Berhad.

PENGURUSAN KANAN KUMPULAN

Dato' Khairussaleh Ramli

Pengarah Urusan Kumpulan/
Ketua Pegawai Eksekutif

Syed Ahmad Taufik Albar

Ketua Pegawai Kewangan Kumpulan

Dato' Adissadikin Ali

Pengarah Urusan/Ketua Pegawai Eksekutif
– RHB Islamic Bank Berhad
Ketua, Perniagaan Antarabangsa Kumpulan

Robert Huray

Ketua Pegawai Eksekutif,
RHB Investment Bank Berhad/
Ketua, Perbankan Pelaburan Kumpulan

Nazri Othman

Pemangku Ketua, Perbankan Runcit Kumpulan

Jeffrey Ng Eow Oo

Ketua, Perbankan Perniagaan &
Transaksi Kumpulan

Danny Quah Boon Leng

Ketua Negara, Singapura
Ketua Pegawai Eksekutif
RHB Bank Singapura

Wendy Ting Wei Ling

Ketua, Perbankan Korporat Kumpulan

Kong Shu Yin

Pengarah Urusan, RHB Insurance Berhad

Mohd Rashid Mohamad

Bendahari Kumpulan

Rohan Krishnalingam

Ketua Pegawai Operasi Kumpulan

Gan Pai Li

Ketua Pegawai Strategik Kumpulan

Patrick Ho Kwong Hoong

Ketua Pegawai Risiko Kumpulan

Jamaluddin Bakri

Ketua Pegawai Sumber Manusia Kumpulan

Norazzah Sulaiman

Ketua Pegawai Komunikasi Kumpulan/
Ketua Pegawai Eksekutif, RHB Foundation

Abdul Sani Abdul Murad

Ketua Pegawai Pemasaran Kumpulan

SETIAUSAHA SYARIKAT

Azman Shah Md Yaman

(LS 0006901)

Lai Su Ming

(MAICSA No. 7046164)

PEJABAT BERDAFTAR

Aras 10, Menara Satu

RHB Centre, Jalan Tun Razak

50400 Kuala Lumpur

Tel : 603 9287 8888

Faks : 603 9281 9314

Laman sesawang : www.rhbgroup.com

NO. SYARIKAT

6171-M

PENDAFTARAN SAHAM

Boardroom Share Registrars Sdn Bhd

(dahulunya dikenali sebagai Symphony Share Registrars Sdn Bhd)

Aras 6, Symphony House

Pusat Dagangan Dana 1, Jalan PJU 1A/46

47301 Petaling Jaya, Selangor

Encik Shamsul Kamal Abdul Manaf

Puan Hastini Hassim

– Untuk pertanyaan pemegang saham

No. Meja Bantuan : 603 7849 0777

Faks : 603 7841 8151/8152

JURUAUDIT

PricewaterhouseCoopers PLT

Akauntan Berdaftar

Aras 10, 1 Sentral

Jalan Rakyat, Kuala Lumpur Sentral

P. O. Box 10192

50706 Kuala Lumpur

Tel : 603 2173 1188

Faks : 603 2173 1288

PUSAT KHIDMAT PELANGGAN

Pusat : 603 9206 8118

Panggilan (Semenanjung Malaysia)
– 24 jam

6082 276 118

(Sabah & Sarawak)

Isnin hingga Khamis

– 8:30 pagi hingga 5:30 petang

Jumaat – 8:30 pagi hingga

4:30 petang

(Tutup pada Sabtu, Ahad

& Cuti Umum)



Struktur Korporat Kumpulan

setakat 15 Februari 2019




RHB Bank Berhad

KUMPULAN PERBANKAN KOMERSIAL

- ▶ 100.00% RHB Islamic Bank Berhad
- ▶ 100.00% RHB Bank (L) Ltd
 - ▶ 100.00% RHB International Trust (L) Ltd
 - ▶ 100.00% RHB Corporate Services Sdn Bhd
- ▶ 100.00% RHB Leasing Sdn Bhd
- ▶ 100.00% RHB Capital Nominees (Tempatan) Sdn Bhd
 - ▶ 100.00% RHB Capital Nominees (Asing) Sdn Bhd
- ▶ 100.00% RHB Capital Properties Sdn Bhd
- ▶ 100.00% Utama Assets Sdn Bhd
- ▶ 100.00% RHB Bank Nominees Pte Ltd (Singapore)
- ▶ 100.00% Banfora Pte Ltd (Singapore)
- ▶ 100.00% RHB Investment Ltd (Singapore)
- ▶ 100.00% RHB Trade Services Limited (Hong Kong)⁽⁷⁾
- ▶ 100.00% Utama Gilang Sdn Bhd⁽²⁾
- ▶ 100.00% UMBC Sdn Bhd*
- ▶ 100.00% RHB Delta Sdn Bhd⁽²⁾
- ▶ 100.00% RHB Indochina Bank Limited
- ▶ 100.00% RHB Bank Lao Limited

KUMPULAN PERBANKAN PELABURAN

- 100.00% RHB Investment Bank Berhad
 - ▶ 100.00% RHB International Investments Pte Ltd
 - ▶ 100.00% RHB Asset Management Pte Ltd
 - ▶ 40.00% RHB GC-Millennium Capital Pte Ltd⁽⁴⁾
 - ▶ 100.00% RHB Hong Kong Limited
 - ▶ 100.00% RHB Securities Hong Kong Limited
 - ▶ 100.00% RHB Futures Hong Kong Limited
 - ▶ 100.00% RHB Finance Hong Kong Limited
 - ▶ 100.00% RHB Capital Hong Kong Limited
 - ▶ 100.00% RHB Fundamental Capital Hong Kong Limited⁽⁸⁾
 - ▶ 100.00% RHB Asset Management Limited
 - ▶ 100.00% RHB Wealth Management Hong Kong Limited
 - ▶ 100.00% RHB (China) Investment Advisory Co Ltd
 - ▶ 99.00% PT RHB Sekuritas Indonesia
 - ▶ 99.62% PT RHB Asset Management Indonesia
 - ▶ 100.00% RHB Securities Singapore Pte Ltd
 - ▶ 100.00% RHB Nominees Singapore Pte Ltd[#]
 - ▶ 100.00% Summit Nominees Pte Ltd[#]
 - ▶ 100.00% RHB Research Institute Singapore Pte Ltd
 - ▶ 99.95% RHB Securities (Thailand) Public Company Limited
 - ▶ 100.00% RHB Indochina Securities Plc.
 - ▶ 100.00% RHB Securities Vietnam Company Limited
(dahulunya dikenali sebagai Vietnam Securities Corporation)⁽⁹⁾



Nota:

- * Syarikat Dorman
- # Tidak Aktif
- (1) Syarikat telah menghentikan operasi dari tutup perniagaan pada 10 Disember 2001.
- (2) Syarikat tersebut telah memulakan penggulungan secara sukarela oleh ahli pada 16 Februari 2011.
- (3) Syarikat tersebut telah memulakan penggulungan secara sukarela oleh ahli pada 28 Mac 2012.
- (4) Entiti dikawal bersama.
- (5) Pegangan langsung sebanyak 20.00% setiap satu oleh:
 - (i) RHB Investment Bank Berhad;
 - (ii) RHB Nominees (Tempatan) Sdn Bhd;
 - (iii) RHB Nominees (Asing) Sdn Bhd;
 - (iv) RHB Futures and Options Sdn Bhd; dengan
 - (v) RHB Bank Berhad.
- (6) Syarikat tersebut telah memulakan penggulungan secara sukarela oleh ahli pada 30 Jun 2017.
- (7) Syarikat telah memulakan permohonan pembatalan pendaftaran pada 12 Oktober 2018 dan telah dibubarkan pada 1 Mac 2019.
- (8) Syarikat telah memulakan permohonan pembatalan pendaftaran pada 5 Disember 2018.
- (9) Pada 19 Februari 2019, Syarikat telah menjadi anak syarikat milik penuh RHB Investment Bank Berhad.

Entiti Perniagaan Strategik



Kumpulan Perbankan RHB, dengan RHB Bank Berhad sebagai syarikat induk, adalah kumpulan perkhidmatan kewangan bersepadu sepenuhnya yang keempat terbesar di Malaysia. Perniagaan teras Kumpulan distrukturkan kepada tujuh tunggak perniagaan utama, iaitu Perbankan Runcit Kumpulan, Perbankan Perniagaan & Transaksi Kumpulan, Perbankan Borong Kumpulan, Operasi RHB Singapura, Perniagaan Syariah Kumpulan, Perniagaan Antarabangsa Kumpulan dan Insurans Kumpulan.

Perbankan Borong Kumpulan terdiri daripada Perbankan Korporat, Perbankan Pelaburan, Pasaran Global & Perbendaharaan Kumpulan, Pengurusan Aset dan Ekuiti Persendirian. Kesemua tujuh tunggak perniagaan ditawarkan melalui anak syarikat utama Kumpulan – RHB Investment Berhad, RHB Islamic Bank Berhad dan RHB Insurance Berhad, manakala pengurusan aset dan unit amanah dilaksanakan oleh RHB Asset Management Sdn. Bhd. dan RHB Islamic International Asset Management Berhad. Kehadiran serantau Kumpulan kini menjangkau di sepuluh negara termasuk Malaysia, Singapura, Indonesia, Thailand, Brunei, Kemboja, Hong Kong/China, Vietnam, Laos dan Myanmar.

RHB INVESTMENT BANK BERHAD



RHB Investment Bank Berhad (RHBIB) adalah peneraju utama di dalam pasaran modal Malaysia dengan kehadiran di Singapura, Hong Kong/China, Indonesia, Thailand, Kemboja dan Vietnam. Disokong oleh pasukan juruanalisis penyelidikan yang telah memenangi pelbagai anugerah, RHBIB menawarkan rangkaian lengkap penyelesaian pasaran modal, pembrokeran sekuriti, perkhidmatan pengurusan aset dan pemegang amanah kepada pelbagai pelanggan korporat, institusi, runcit dan nilai bersih yang tinggi. RHBIB kekal memenangi anugerah tersohor dan penghargaan daripada industri yang mengiktiraf peranan utama RHBIB dalam pelbagai pencapaian urus niaga mercu tanda pasaran modal di peringkat domestik dan serantau.

RHB ISLAMIC BANK BERHAD



Ditubuhkan pada tahun 2005, RHB Islamic Bank Berhad adalah Perbankan Islam bersepadu sepenuhnya yang pertama di Malaysia yang telah matang dari medium operasi perbankan Islam. Sebagai anak syarikat milik penuh RHB Bank Berhad, ia merupakan pemacu utama perniagaan Syariah bagi seluruh RHB Banking Group, yang menawarkan pelbagai produk dan penyelesaian kewangan yang berlandaskan Syariah kepada semua pelanggan runcit, komersial serta korporat.

RHB INSURANCE BERHAD




RHB Insurance Berhad telah ditubuhkan pada tahun 1979. Syarikat ini mempunyai hampir empat dekad pengalaman dalam menyediakan rangkaian lengkap produk dan perkhidmatan insurans am kepada para pelanggan.

Syarikat ini menawarkan produk dan perkhidmatan melalui rangkaian yang luas di cawangan RHB Insurance, cawangan RHB Bank Berhad, pejabat Pos Malaysia Bhd dan pejabat-pejabat agen yang diiktiraf di seluruh Malaysia.

RHB GROUP ASSET MANAGEMENT



Pengurusan Aset mempunyai kepakaran dalam pelbagai penyelesaian kewangan termasuk pengurusan pelaburan dan penasihat, pembangunan produk serta menawarkan penyusunan semula portfolio dan portfolio khas. Kami mempunyai keupayaan merentasi spektrum instrumen pelaburan yang konvensional dan Syariah yang meluas; menasaskan pelabur institusi, korporat, borong dan runcit dengan penyelesaian khusus bagi menangani keperluan khas mereka. Strategi pelaburan yang dikendalikan terdiri daripada unit amanah merentasi pelbagai rantau dan kelas aset termasuk ekuiti, pendapatan tetap, pengurusan seimbang dan tunai kepada mandat budi bicara dan bukan budi bicara, Skim Persaraan Swasta (PRS) dan pelaburan alternatif seperti dana ekuiti persendirian, pelaburan berstruktur dan produk-produk berkaitan pelaburan.



Kejayaan

di tangan
anda sendiri.





Kajian Strategik

39 Kajian dan Tinjauan Ekonomi & Industri Perbankan | 52 Model Perniagaan Yang Mencipta Nilai |
54 Keterlibatan Dengan Para Pemegang Kepentingan | 58 Perkara-perkara Penting

Kajian dan Tinjauan Ekonomi & Industri Perbankan

EKONOMI GLOBAL & ASEAN

KAJIAN EKONOMI

Berbanding dengan tahun 2017, aktiviti ekonomi dunia pada tahun 2018 jelas kehilangan momentum yang dicapai pada tahun sebelumnya dan nyata bahawa pengembangan ekonomi global tidak selaras. Tabung Kewangan Antarabangsa (“IMF”) telah menurunkan unjuran pertumbuhan ekonomi global kepada 3.7% bagi tahun 2018, iaitu 0.2% lebih rendah jika dibandingkan dengan unjuran sebelumnya walaupun kadar pertumbuhan hampir sama dengan tahun 2017. Menurut IMF, ini berikutan kemungkinan risiko penurunan disebabkan oleh halangan perdagangan yang semakin meningkat dan pembalikan aliran modal kepada ekonomi pasaran baru muncul yang tidak memiliki asasi yang mantap serta mempunyai risiko politik yang lebih tinggi, di mana situasinya telah menjadi lebih ketara dan juga sebahagiannya dimaterialisasi.

Tahun 2018 juga menyaksikan peningkatan ketegangan perang dagang di antara AS dan China. AS telah memulakan tindakan dagangnya pada awal tahun 2018 apabila ianya mengenakan tarif menyeluruh sebanyak 30%, 25% dan 10% masing-masing ke atas barangan panel solar, keluli dan aluminium keluaran negara China. Semenjak insiden ini, barangan dan negara-negara yang terjejas akibat perang dagang ini semakin meluas, dan kuantum barangan yang tertakluk kepada tarif AS yang lebih tinggi juga meningkat. Pada bulan Julai, AS telah mengenakan tarif berjumlah USD50 bilion ke atas barangan berasaskan teknologi keluaran negara China. Seterusnya, pada bulan September, AS telah mengenakan tarif sebanyak 10% ke atas lebih 5,700 barangan daripada China berjumlah USD200 bilion dan menegaskan bahawa tarif akan dinaikkan lagi kepada 25% pada 1 Januari 2019. Negara China pula bertindak balas dengan menaikkan tarif sebanyak 5-10% ke atas barangan import daripada AS berjumlah USD60 bilion. Walau bagaimanapun, perang dagang ini dihentikan

buat setika berikutan Sidang Kemuncak G20 pada awal Disember di mana kedua-dua negara bersetuju untuk menghentikan perang dagang serta pengenaan tarif baru selama 90 hari bagi kedua-dua negara berunding untuk mencari penyelesaian yang tetap.

Menurut IMF lagi, secara keseluruhannya, aktiviti-aktiviti ekonomi negara-negara maju telah menjangkau penyusutan yang dijangkakan pada tahun 2018, manakala ekonomi pasaran baru muncul dan negara-negara membangun secara lanjutan berkembang pada kadar yang sama seperti tahun 2017. Di antara negara-negara maju, ekonomi AS meningkat sebanyak 2.9% pada 2018, berbanding dengan kadar 2.2% pada tahun sebelumnya di mana peningkatan aktiviti yang berterusan di dalam sektor swasta ekoran stimuli fiskal yang besar. 19-negara anggota Zon Euro pula mengalami penyusutan pertumbuhan sebanyak 1.8% pada 2018 berbanding 2.4% pada tahun sebelumnya berikutan kelembapan pertumbuhan eksport dan pelonggaran kuantitatif. Pertumbuhan KDNK negara Jepun pula kembali normal kepada 0.9% pada 2018, berbanding pemacu 1.9% pada tahun 2017.

Pertumbuhan agregat dalam pasaran baru muncul dan ekonomi negara-negara membangun kembali stabil pada 2018. Pasaran baru muncul Asia mencatatkan pertumbuhan yang kukuh, walaupun aktiviti ekonomi di negara China menyusut kepada 6.6% berbanding 6.9% yang dicatatkan pada tahun 2017, ekoran pengetatan kawal selia sektor harta tanah dan pengantaraan kewangan bukan bank. Sementara itu, ekonomi ASEAN-5 (Indonesia, Malaysia, Filipina, Singapura dan Thailand) mencatatkan pertumbuhan yang lebih perlahan, iaitu sebanyak 4.7% pada 2018, berbanding 4.9% pada tahun sebelumnya, berikutan kejelasan sektor eksport disebabkan oleh permintaan domestik yang kurang menggalakkan.

TINJAUAN EKONOMI



Melangkah ke hadapan, prospek ekonomi dunia masih tidak menentu kerana ianya masih tertekan akibat langkah-langkah dagangan yang telah dilaksanakan sejak 2018 dan dasar-dasar pengetatan monetari di dalam ekonomi-ekonomi utama dunia. Walaupun AS dan China bersetuju untuk menghentikan pengenaan tarif baru sehingga 1 Mac 2019 sementara perundingan perdagangan dilaksanakan, namun penyelesaian tetap tidak pasti akan dicapai. Sementara itu, IMF mengunjurkan pertumbuhan ekonomi dunia pada kadar yang lebih perlahan, iaitu 3.5% bagi tahun 2019, kerana ianya menjangkakan pertumbuhan ekonomi-ekonomi maju akan menyusut berikutan pengurangan stimuli fiskal AS dan pengurangan manfaatnya kepada rakan kongsi perdagangan. Selain itu, pertumbuhan pasaran baru muncul dan ekonomi-ekonomi membangun dijangka sederhana. Kami menjangkakan unjuran pertumbuhan KDNK sebenar IMF bagi tahun 2019 ada risiko penurunannya.

Menurut IMF, pertumbuhan ekonomi-ekonomi maju dijangka lemah pada tahun 2019 berikutan pelaksanaan langkah-langkah perdagangan. Di AS, pertumbuhan ekonomi dijangka sederhana ke 2.5% pada tahun depan (2018: 2.9%) berikutan pengurangan kesan stimuli fiskal. Manakala, pertumbuhan di Zon Euro diramalkan akan kekal pada tahap 1.6% pada tahun 2019, sedikit di bawah tahap tahun 2018 ekoran perbelanjaan pengguna yang kukuh dan didorong oleh dasar monetari, ianya dijangka akan terus mengutuhkannya permintaan ekonomi. Ekonomi Jepun dijangka mengalami peningkatan sedikit sebanyak 1.1% pada 2019 (2018: 0.9%) bersandarkan sokongan kewangan tambahan kepada ekonomi.

Pertumbuhan dalam pasaran baru muncul dan ekonomi membangun dijangka berdaya tahan pada tahun 2019. Negara China diunjurkan akan mengalami pertumbuhan sederhana sebanyak 6.2% pada 2019 (2018: 6.6%), mencerminkan pertumbuhan permintaan luaran yang perlahan akibat langkah-langkah perdagangan meskipun sebahagiannya akan diimbangi oleh dasar stimuli. Sementara itu, pertumbuhan ASEAN-5 dijangka kekal berdaya tahan pada tahap 4.5% bagi tahun 2019 (2018: 4.7%) walaupun sektor eksport mengalami penurunan namun permintaan dalam negeri dijangkakan kekal utuh.

Kajian dan Tinjauan Ekonomi & Industri Perbankan


MALAYSIA

KAJIAN EKONOMI

Pertumbuhan ekonomi Malaysia melonjak semula kepada 4.7% T-k-T pada suku keempat ("4Q18"), daripada 4.4% pada suku ketiga ("3Q") dan berbanding dengan 4.5% pada suku kedua ("2Q"). Peningkatan dalam pertumbuhan KDNK 4Q18 disebabkan terutamanya oleh kenaikan permintaan eksport, di samping peningkatan kejutan bekalan dalam sektor pertanian dan perlombongan. Malaysia telah mengalami penyusutan pertumbuhan KDNK sebenar sebanyak 4.7% bagi tahun penuh 2018, berbanding 5.9% pada 2017. Eksport sebenar Malaysia jatuh kepada 1.5% T-k-T pada 2018, berbanding +9.4% bagi keseluruhan 2017. Ini disebabkan terutamanya oleh permintaan global yang lebih rendah dan penurunan dalam eksport komoditi disebabkan oleh kejutan bekalan. Permintaan domestik agregat juga menyusut kepada 5.6% pada tahun 2018 berbanding 6.5% pada tahun 2017 (lihat Carta 1) berikutan penurunan dalam pelaburan swasta dan perbelanjaan awam.


Dari segi harga pula, kadar inflasi Malaysia menurun secara mendadak kepada 1.0% pada tahun 2018 berbanding +3.7% yang dicatatkan pada 2017, berikutan penetapan harga minyak RON95 sejak Mei, serta cuti cukai bagi tempoh Jun – Ogos (lihat Carta 2). Walaupun terdapat beberapa insiden kenaikan harga berikutan pengenalan semula Cukai Jualan dan Perkhidmatan ("SST") pada September 2018, kesan SST ke atas inflasi jelas kurang ketara berbanding dengan Cukai Barang dan Perkhidmatan ("GST"). Memandangkan tekanan inflasi kekal rendah, Bank Negara Malaysia ("BNM") telah mengekalkan Kadar Dasar Semalaman ("OPR") pada tahap 3.25% sepanjang tahun 2018 sejak melainkan peningkatan 25 mata asas pada Januari 2018 seiring dengan langkah utama bank-bank pusat untuk mengetatkan polisi kewangan.

Carta 1: Pertumbuhan ekonomi sederhana akibat permintaan luar yang lemah namun dikukuhkan oleh perbelanjaan domestik yang teguh



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Carta 2: Inflasi umum turun dengan mendadak berikutan kadar sifar GST



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia



TINJAUAN EKONOMI

Meninjau ke depan, kami menjangkakan pertumbuhan ekonomi Malaysia pada kadar 4.0% pada 2019 berbanding 4.7% pada 2018. Jangkaan ini bersandarkan cabaran persekitaran disebabkan oleh perang dagangan yang berlanjutan dan jangkaan pertumbuhan global yang perlahan. Sektor yang amat menggalakkan bagi Malaysia adalah sektor swasta tempatan. Ini sememangnya boleh dijangkakan memandangkan kekangan perbelanjaan fiskal dan hasrat Kerajaan untuk menurunkan komitmen hutang dan liabiliti negara daripada hampir 80% daripada KDNK. Sektor pengguna dan perniagaan juga mungkin boleh memanfaatkan bayaran balik cukai sekali oleh Kerajaan. Di samping itu, penjimatan daripada cukai penggunaan yang lebih rendah dan pelaksanaan langkah-langkah seperti kenaikan gaji minimum seharusnya meningkatkan pendapatan boleh guna pengguna, dan seterusnya menggalakkan perbelanjaan.

Dari sudut inflasi pula, kadar inflasi umum dijangka dalam kawalan bagi tahun 2019, berikutan keputusan Kerajaan untuk menetapkan harga siling bagi minyak. Dengan persekitaran inflasi yang terkawal, kami berpendapat bahawa bank pusat akan mengekalkan OPR pada kadar 3.25% bagi tahun 2019 kerana ini akan membantu mengekalkan kestabilan mata wang Ringgit memandangkan pengetatan dasar monetari yang diamalkan oleh Rizab Persekutuan AS dan keteguhan Dolar AS. Selain itu, memandangkan tahap pertumbuhan ekonomi yang sederhana, bank pusat tidak mempunyai sebab untuk menaikkan kadar OPR.

Jadual 1: Kadar Pertumbuhan KDNK Sebenar Global

	% T-k-T		
	2017	2018	2019F
DUNIA	3.8	3.7	3.5
Ekonomi Maju			
AS	2.2	2.9	2.5
Zon Euro	2.4	1.8	1.6
Jepun	1.9	0.9	1.1
UK	1.8	1.4	1.5
Kanada	3.0	2.1	1.9
Ekonomi Pasaran Baru Muncul			
China	6.9	6.6	6.2
India	6.7	7.3	7.5
ASEAN-5*			
Singapura	5.0	4.7	4.5
Malaysia	3.9	3.2	2.8
Thailand	5.9	4.7	4.6
Indonesia	3.9	4.1	4.0
Filipina	5.1	5.2	5.1
	6.7	6.2	5.8

Sumber: Tabung Kewangan Antarabangsa

* Ramalan RHBRI F: Ramalan

Jadual 2: KDNK mengikut komponen perbelanjaan (pada harga malar 2010)

	% T-k-T		
	2017	2018	2019F
Penggunaan			
Sektor swasta	7.0	8.1	6.5
Sektor awam	5.4	3.3	1.5
Pembentukan Modal Tetap Kasar			
Sektor swasta	6.2	1.4	2.2
Sektor awam	9.3	4.5	4.7
	0.1	-5.2	-3.6
Permintaan Agregat Tempatan			
Eksport Barangan & Perkhidmatan	6.5	5.6	4.7
Import Barangan & Perkhidmatan	9.4	1.5	1.5
	10.9	0.1	1.3
Keluaran Dalam Negeri Kasar	5.9	4.7	4.6

Sumber: Jabatan Perangkaan, RHBRI

F: Ramalan

Jadual 3: KDNK mengikut sektor industri (pada harga malar 2010)

	% T-k-T		
	2017	2018	2019F
Pertanian, perhutanan & perikanan	7.2	-0.4	2.8
Perlombongan & kuari	1.0	-1.5	1.6
Perkilangan	6.0	5.0	4.4
Pembinaan	6.7	4.2	4.5
Perkhidmatan	6.2	6.8	5.6
Keluaran Dalam Negeri Kasar	5.9	4.7	4.6

Sumber: Jabatan Perangkaan, RHBRI

F: Ramalan

Kajian dan Tinjauan Ekonomi & Industri Perbankan

MALAYSIA


KAJIAN SEKTOR PERBANKAN

Pertumbuhan pinjaman perbankan Malaysia meningkat kepada 5.6% T-k-T pada 2018, daripada kenaikan 4.1% T-k-T pada 2017. Pinjaman isi rumah meningkat 5.6% T-k-T berbanding dengan peningkatan 5.1% T-k-T pada 2017 manakala pertumbuhan pinjaman bukan isi rumah meningkat kepada 5.7% T-k-T daripada kenaikan sederhana sebanyak 2.8% T-k-T pada 2017. Pinjaman dalam sektor isi rumah merangkumi 57.3% daripada pinjaman sistem perbankan.

Di dalam segmen isi rumah, peminjaman untuk pembelian kediaman meningkat secara sederhana ke 7.6% T-k-T, berbanding pertumbuhan sebanyak 8.9% T-k-T pada 2017. Pinjaman untuk pembelian kereta penumpang meskipun telah menyusut ke 1.1% T-k-T pada tahun 2017, kembali stabil pada tahun 2018 didorong oleh sifar GST di antara bulan Jun dan September 2018. Pinjaman peribadi meningkat 7.8% T-k-T (2017: 4.1% T-k-T) sementara tunggakan kad kredit meningkat 2.1% T-k-T (2017: 3.0% T-k-T). Di dalam segmen bukan isi rumah, pinjaman untuk tujuan modal kerja meningkat kukuh sebanyak 5.4% T-k-T, berbanding kenaikan 0.9% T-k-T pada 2017.

Pada akhir Disember 2018, terbitan bon korporat dan sukuk berjumlah RM99.85 bilion berbanding dengan RM114.35 bilion yang diterbitkan pada 2017. Kemerosotan sebanyak 12.7% T-k-T ini boleh dikaitkan dengan sikap berwaspada di kalangan sektor perniagaan berikutan pelantikan kerajaan baru dan cabaran luaran yang timbul daripada perang dagang AS-China. Sekiranya digabungkan dengan pinjaman sistem perbankan, jumlah pembiayaan bersih meningkat sebanyak 5.8% T-k-T pada 2018, hampir setara dengan pertumbuhan pembiayaan bersih sebanyak 6.4% T-k-T pada tahun 2017.

Pinjaman sistem perbankan meningkat pada kadar sederhana berdasarkan pinjaman kepada isi rumah dan syarikat-syarikat utama




Sumber: Bank Negara Malaysia, RHB

Deposit sistem telah mula menunjukkan pertumbuhan pada tahun 2017 dengan kenaikan 4.9% T-k-T, dan meningkat kepada 6.8% T-k-T pada 2018. Seiring dengan kadar peningkatan deposit yang lebih pantas daripada pinjaman, nisbah pinjaman kepada deposit ("LDR") sistem perbankan bertambah baik kepada 88.9% pada Disember 2018 berbanding 89.9% pada Disember 2017. Likuiditi sistem perbankan kekal kukuh dengan nisbah perlindungan likuiditi ("LCR") meningkat kepada 143% berbanding 135% setahun lalu.

Kualiti aset sistem perbankan berdaya tahan dengan rosot nilai kasar mutlak merosot 0.7% T-k-T pada Disember 2018. Perlindungan kerugian pinjaman meningkat kepada 97.9% berbanding 82.9% pada Disember 2017 ekoran penggunapakaian Piawai Pelaporan Kewangan Malaysia 9 ("MFRS 9") yang telah berkuatkuasa mulai Januari 2018 menyebabkan pengetepian buffer peruntukan yang lebih tinggi.

Kualiti aset sistem perbankan kekal berdaya tahan



Sumber: Bank Negara Malaysia, RHB

Pada akhir tahun 2018, nisbah sistem perbankan Ekuiti Biasa Tahap 1 ("CET1") stabil pada 13.1% manakala Nisbah Modal Tahap 1 dan Jumlah Nisbah Modal masing-masing kekal mantap pada 13.9% dan 17.4%.

TINJAUAN SEKTOR PERBANKAN

KDNK sebenar Malaysia dijangka bertumbuh sebanyak 4.6% T-k-T pada 2019, daripada 4.7% pada 2018. Pertumbuhan dijangka sederhana disebabkan oleh pertumbuhan global yang malap dan peningkatan perbelanjaan fiskal yang terhad berikutan komitmen kerajaan untuk mengurangkan defisit belanjawan kepada 3% pada tahun 2020 dan 2.8% pada tahun 2021. Sektor swasta akan kekal sebagai sumber utama pertumbuhan, didorong oleh kedaya tahanan perbelanjaan pengguna dan pelaburan.

Kami menjangkakan pertumbuhan dalam pinjaman sistem boleh dikekalkan pada tahap sederhana pada tahun 2019. Permintaan pinjaman daripada sektor perniagaan telah mengalami peningkatan sejak pertengahan 2018. Kami yakin bahawa peningkatan ini akan kekal mantap seiring dengan peningkatan keyakinan para pelabur di dalam dasar-dasar kerajaan baru didorong oleh kejelasan yang telah diberikan berkaitan projek-projek infrastruktur setelah pembentangan Bajet 2019. Sektor pinjaman isi rumah seharusnya menampakkan perkembangan sederhana memandangkan kesan pelaksanaan Cukai Jualan dan Perkhidmatan pada September 2018 dijangka sementara. Kami menjangkakan bahawa pertumbuhan pinjaman isi rumah akan dipacu terutamanya oleh permintaan yang lebih tinggi bagi rumah kos sederhana dan mampu milik.

Terbitan bon korporat dan sukuk dijangka menyusut pada 2019. Kami menjangkakan terbitan bon berkaitan infrastruktur yang lebih rendah manakala inisiatif rasionalisasi projek kerajaan juga akan mengurangkan terbitan bon kuasi-kerajaan.

Memandangkan nisbah perlindungan likuiditi sistem Bank kekal pada tahap 143% pada akhir 2018, ini bermakna kedudukan likuiditi bank tetap kukuh. Permintaan bagi segmen deposit dijangka akan menurun berbanding dengan tahun 2018 memandangkan kebanyakan bank-bank sudahpun mematuhi keperluan Nisbah Pembiayaan Stabil Bersih. Persekitaran pertumbuhan pinjaman yang sederhana juga akan mengurangkan persaingan agresif di antara bank-bank di dalam segmen deposit. Seumpama tahun 2018, kami menjangkakan pengembangan dalam segmen pinjaman akan dikesan oleh sistem pertumbuhan deposit. Ini akan membantu kami menangani kemerosotan dalam margin faedah bersih dengan lebih efektif.

Secara keseluruhannya, sistem perbankan dijangka kekal mantap disokong oleh asas modal yang kukuh dan kualiti aset yang berdaya tahan. Walaupun sektor berkaitan O&G dan hartanah terus menghadapi tekanan, kami yakin boleh menguruskan pendedahan bank di dalam segmen O&G yang kekal pada sekitar 6% daripada jumlah pendedahan perniagaan manakala pendedahan di dalam sektor hartanah adalah rendah pada 3.5%.

Pemacu Sosial

Bajet 2019 menekankan aspek disiplin dan inisiatif fiskal bagi membantu golongan kurang berkemampuan.

Penyatuan fiskal pada tahun 2019 akan melibatkan penjimatan dari perbelanjaan tidak perlu, menanggukkan program yang kurang penting selaras dengan pendekatan belanjawan berasaskan sifar, dan mengurangkan skala projek-projek sedia ada dan subsidi serta rasionalisasi bantuan sosial bagi golongan pendapatan rendah. Secara khususnya, pemerolehan kerajaan serta subsidi & bantuan sosial akan dipotong sebanyak 20.4% dan 20.8% pada tahun 2019.

Kerajaan telah menaikkan gaji minimum kepada MYR1,100 dan terus memberi keutamaan terhadap pemeliharaan kebajikan kumpulan B40. Ini termasuk cadangan-cadangan berkaitan hartanah bagi membantu golongan berpendapatan rendah untuk memiliki rumah dan program perintis Dana Perlindungan Kesihatan B40 untuk menyediakan perlindungan percuma sehingga MYR8,000 terhadap empat penyakit kritikal utama dan sehingga 14 hari perlindungan pendapatan hospitalisasi sebanyak MYR50 sehari atau MYR700 setahun.

Kajian dan Tinjauan Ekonomi & Industri Perbankan

MALAYSIA

Pemacu Kompetitif

Sepanjang tahun lalu, bank-bank di Malaysia terus mengalami persaingan sengit dalam pemberian pinjaman kepada pengguna dan SME. Keputusan BNM untuk menangguhkan pelaksanaan Nisbah Pembiayaan Stabil Bersih (“NSFR”) ke tahun 2020 akan mengurangkan persaingan untuk segmen deposit namun persaingan untuk bahagian pasaran dalam segmen pinjaman dijangka terus sengit pada tahun 2019.

Pada April 2018, Malaysian Building Society Bhd (“MBSB”) telah melengkapkan pengambilalihan Asian Finance Bank dan telah dinamakan semula sebagai MBSB Bank Bhd. MBSB telah memindahkan ke semua operasi patuh Syariahnya kepada MBSB Bank. Pada akhir tahun 2018, dilaporkan bahawa Malaysian Industrial Development Finance Bhd (“MIDF”) mungkin bergabung dengan unit tempatan Al Rajhi Bank dari Arab Saudi seiring dengan matlamatnya menjadi sebuah bank Islam sejagat. Sekiranya rancangan ini direalisasikan, Al Rajhi akan menjadi bank Islam asing yang kedua yang telah menggabungkan operasinya di Malaysia dengan institusi kewangan tempatan. Sekiranya trend transformasi gabungan institusi kewangan bukan bank menjadi ke bank perdagangan sepenuhnya berterusan, ianya akan meningkatkan lagi persaingan di pasaran.

Pemacu Teknologi

Selain daripada institusi-institusi yang mapan, sektor perbankan Malaysia juga mengalami tekanan kompetitif daripada pembekal-pembekal perkhidmatan alternatif terbaru. Pada tahun 2018, beberapa syarikat e-wang berlesen melancarkan perkhidmatan e-wallet manakala beberapa penyedia perkhidmatan pengiriman wang juga telah mula beroperasi sepenuhnya.

Beberapa bank dengan usaha sama dengan PayNet telah melancarkan DuitNow pada awal Disember 2018. DuitNow adalah satu inisiatif untuk mempermudah pemindahan bank dengan menggunakan butiran yang mudah diingati seperti nombor telefon mudah alih atau KP. Ada juga beberapa bank yang telah memasuki perkongsian dengan Fintechs bagi menawarkan e-wallet dan perkhidmatan pengiriman wang alternatif yang lebih jimat kos.

Sepanjang tahun lalu, lebih banyak institusi perbankan telah membentuk strategi digital yang lebih komprehensif dan bukan sekadar tindak balas terhadap Fintech. Secara umum, sasaran strategi digital bank tertumpu terhadap meningkatkan pengalaman pelanggan bagi pengekal dan pemerolehan pelanggan, kecekapan kos, analisis data untuk mewujudkan peluang penjanaan pulangan pelbagai dan pengembangan luar negara bagi bank-bank yang beraspirasi serantau.

Pemacu Kawal Selia

Berkuatkuasa daripada Januari 2018, bank-bank di Malaysia telah menerima pakai Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia 9: Instrumen Kewangan (“MFRS 9”). Piawaian perakaunan baru ini telah menggantikan MFRS 139 “Instrumen Kewangan: Pengiktirafan dan Pengukuran”. MFRS 9 membawakan perubahan ketara ke atas pendekatan yang digunakan oleh Bank terhadap rosot nilai. Peralihan ke model kerugian kredit jangkaan daripada model kerugian tertanggung, menyaksikan kenaikan peruntukan rosot nilai pada hari pertama penerima-pakaian MFRS 9 (dikenali sebagai impak Hari 1). Peralihan ini juga menampakkan peningkatan menyeluruh dalam liputan kerugian pinjaman institusi perbankan.

Pada bulan Oktober 2018, BNM telah melanjutkan tempoh pemerhatian untuk NSFR bagi institusi perbankan kepada 2020. BNM bercadang untuk melaksanakan penilaian tapak selanjutnya untuk mengesahkan kematangan dan kemandapan likuiditi dan amalan pendanaan bank, dan kemajuan tidak seimbang dalam pelaksanaannya di peringkat global.

Sistem perbankan Nisbah Lindungan Likuiditi (“LCR”) Basel III berada pada 143% pada akhir 2018, menyediakan penampakan likuiditi yang selesa bagi menghadapi sebarang kejutan dana selama tempoh 30 hari. Ke semua bank-bank secara lanjut mencatatkan tahap LCR di atas keperluan minimum pengawalseliaan peralihan sebanyak 90% pada 2018 dan 100% pada Januari 2019.

Institusi perbankan di Malaysia dikehendaki mematuhi Rangka Kerja Kecukupan Modal BNM (Komponen Modal) untuk penentuan modal dan perhitungan nisbah kecukupan modal (“CAR”). Bagi tahun 2018, bank-bank dikehendaki mengekalkan keperluan kawal selia minimum Ekuiti Biasa Tahap 1 (“CET1”), Nisbah Modal Tahap 1 dan Jumlah Nisbah Modal masing-masing sebanyak 6.375%, 7.875% dan 9.875%. Keperluan pengawalseliaan minimum termasuk penampakan pemuliharaan modal berjumlah 1.875% aset berwajaran risiko. Mulai Januari 2019, pengawalseliaan minimum untuk CET1 adalah 7.0%, Nisbah Modal Tahap 1 pada 8.5% dan 9.875% bagi Jumlah Nisbah Modal. Keperluan ini termasuk penampakan pemuliharaan modal sebanyak 2.5%, tetapi tidak termasuk penampakan lain seperti penampakan kitaran berlawanan dan keperluan penyerapan kerugian tambahan untuk institusi perbankan penting sistemik (“D-SIB”).

SINGAPURA


KAJIAN EKONOMI

Ekonomi Singapura mengalami pertumbuhan sebanyak 3.2% T-k-T pada tahun 2018, lebih rendah berbanding dengan 3.9% yang dicatatkan pada 2017. Dari segi prestasi suku tahunan, pertumbuhan KDNK pada 1Q18 adalah baik pada 4.7% T-k-T namun ianya secara beransur-ansur menurun kepada 1.9% pada 4Q18. Sektor pembuatan dan perkhidmatan Singapura terjejas akibat cabaran-cabaran domestik dan luaran, dan ini jelas telah menyebabkan penurunan dalam kadar pertumbuhannya sepanjang tahun. Sektor pembuatan secara khususnya terjejas akibat kesederhanaan permintaan import China ekoran langkah-langkah pengimbangan semula ekonomi negara tersebut, serta prestasi sektor semikonduktor yang lemah selaras dengan pengurangan berterusan kitaran super semikonduktor pada tahun 2017. Dari segi positif, sektor pembinaan menunjukkan tanda-tanda pemulihan memandangkan kadar pengetatan yang semakin berkurangan.

Dari segi perdagangan, eksport kekal stabil sepanjang tahun dengan purata pertumbuhan sebanyak 4.4% bagi 2018. Sebahagian besar prestasi baik sektor eksport adalah kedayasaingan eksport barangan bukan elektronik, terutamanya farmaseutikal, walaupun dibebani oleh penurunan dalam eksport elektronik. Bagaimanapun, walaupun menjelang akhir tahun, terdapat kebimbangan terhadap perang dagang AS-China, namun kesannya ke atas prestasi perdagangan Singapura setakat ini adalah minimum.


Sementara itu, pertumbuhan permintaan domestik juga telah membantu memperkukuhkan ekonomi tempatan, walaupun pada kadar yang lebih perlahan berbanding tahun sebelumnya. Pada tahun 2018, permintaan domestik berkembang sebanyak 1.1% T-k-T berbanding 6.4% bagi keseluruhan 2017. Ini didorong terutamanya oleh pengetatan pasaran buruh memandangkan sektor pembinaan dan pembuatan mula menurun dan munculnya tekanan upah.

Carta 1: Pertumbuhan KDNK sederhana berikutan Permintaan dalam Negeri yang lemah




Sumber: Jabatan Perangkaan

Carta 2: Pertumbuhan sederhana dalam sektor pembuatan dan sesetengah sektor perkhidmatan



Sumber: Jabatan Perangkaan

Carta 3: Penambahan Pekerjaan Mengikut Sektor Menunjukkan Peningkatan Pasaran Buruh



Sumber: Jabatan Perangkaan

Kajian dan Tinjauan Ekonomi & Industri Perbankan

SINGAPURA

Dari segi inflasi, CPI teras telah meningkat kepada purata 1.7% T-k-T, namun masih berada pada tahap 1.5-2.5%, iaitu dalam lingkungan sasaran BNM. Pada bulan Oktober, Pihak Berkuasa Monetari Singapura (MAS) telah meningkatkan lagi slop dasar Kadar Pertukaran Efektif Nominal Dolar Singapura, ini merupakan langkah pengetatan kedua selepas April. Langkah dahuluan ini diambil bagi menghadapi jangkaan tekanan yang lebih tinggi ke atas inflasi teras.

TINJAUAN EKONOMI



Persekitaran pertumbuhan ekonomi pada tahun 2019 dianggarkan akan berterusan dari tahun sebelumnya, walaupun pada kadar yang agak sederhana. Dari segi luaran, kesan permintaan positif daripada stimulasi fiskal pro-kitaran AS mungkin menurun pada 2H 2019, dibebani oleh kesan pengetatan dasar monetari di AS dan Zon Euro. Situasi ini mungkin diburukkan lagi oleh peningkatan dalam ketegangan perdagangan yang menjejaskan perdagangan global, manakala permintaan import China mungkin jatuh akibat pertumbuhan ekonomi yang malap. Sementara itu, pertumbuhan sektor semikonduktor dijangka kekal sederhana sepanjang tahun memandangkan tiada pemangkin yang boleh mendorong pemulihan sektor tersebut. Sebaliknya, segmen tempatan telah membuktikan kedaya-tahanannya. Pasaran buruh terus bertambah baik, walaupun pada kadar yang tidak seimbang, dan dijangka akan menyumbang terhadap peningkatan di dalam perbelanjaan pengguna.

Berdasarkan persekitaran ini, kami menjangkakan pertumbuhan KDNK sebenar bagi 2019 sebagai sederhana iaitu 2.8% berbanding 3.2% pada tahun 2018 dengan risiko seimbang kenaikan dan penurunan. Sekiranya perang perdagangan berterusan bagi tempoh yang lebih panjang, unjuran pertumbuhan mungkin terjejas seiring dengan penyelarasan ekonomi sedunia dengan dinamik rantaian bekalan global yang baru. Sebaliknya, unjuran pertumbuhan mungkin juga meningkat sekiranya penyelesaian perang dagang AS-China dapat dicapai.

KAJIAN SEKTOR PERBANKAN


Pinjaman unit perbankan domestik Singapura ("DBU") telah meningkat 3.0% T-k-T pada Disember 2018, didorong oleh permintaan yang lebih kukuh daripada sektor perniagaan. Pinjaman perniagaan meningkat 4.1% T-k-T dipacu oleh pertumbuhan 12.5% T-k-T di dalam pinjaman kepada sektor bangunan & pembinaan dan peningkatan 10.1% T-k-T dalam pinjaman kepada segmen pengangkutan, penyimpanan dan komunikasi. Walau bagaimanapun, pinjaman perdagangan am merosot sebanyak 4.1% T-k-T.

Pertumbuhan dalam pinjaman pengguna DBU menyusut kepada 1.5% T-k-T berbanding 4.8% T-k-T pada Disember 2017. Langkah-langkah penenang bagi sektor harta tanah pada Julai 2018 telah menampakkan kenaikan sederhana 2% T-k-T dalam pinjaman perumahan.

Pertumbuhan deposit setara dengan pertumbuhan pinjaman, dengan peningkatan sebanyak 3.5% T-k-T pada Disember 2018. Kebanyakan daripada peningkatan ini datangnya daripada pertumbuhan 10.5% T-k-T dalam simpanan tetap kerana deposit CASA menyusut 0.9% T-k-T. Sistem DBU LDR stabil pada 107% pada Disember 2018.


Pada akhir tahun 2018, nisbah NPL bersih sistem bertambah baik kepada 0.84% berbanding 0.94% pada tahun sebelumnya manakala nisbah pinjaman khas turun kepada 1.91% berbanding 2.10% dalam tempoh yang sama.

Singapura – Pertumbuhan Pinjaman DBU



Sumber: Pihak Berkuasa Monetari Singapura (MAS), RHB

Singapura – Deposit DBU dan LDR



Sumber: Pihak Berkuasa Monetari Singapura (MAS), RHB

TINJAUAN SEKTOR PERBANKAN

KDNK sebenar Singapura diunjurkan berkembang sebanyak 2.8% pada tahun 2019, berbanding dengan pertumbuhan sebanyak 3.2% bagi tahun 2018. Kami menjangkakan pertumbuhan lemah dalam sektor eksport akan dimitigasikan oleh permintaan dalam negeri yang positif, terutamanya penggunaan dan pelaburan swasta.

Mengikut pandangan kami, tinjauan pertumbuhan pinjaman bagi tahun 2019 dijangka lebih sederhana daripada tahun 2018. Lanjutan drawdown daripada pinjaman perumahan yang telah diluluskan akan menyumbang kepada pengembangan sektor pinjaman, tetapi langkah-langkah harta tanah kerajaan yang telah dilaksanakan pada bulan Julai 2018 telah mengurangkan permohonan pinjaman baru. Kami menjangkakan lebih banyak pelaburan korporat (dalam sektor yang berkaitan), yang akan mendorong pengeluaran pinjaman secara berterusan.

Prospek Margin Faedah Bersih (NIM) dijangka bertambah baik pada tahun 2019, berdasarkan perluasan yang dialami pada tahun 2018. Kadar faedah jangka pendek Singapura, yang meningkat pada 2018, dijangka terus meningkat pada 2019 seiring dengan jangkaan pasaran akan kenaikan di dalam kadar dana persekutuan ("FFR") Rizab Persekutuan AS (AS Fed) - meskipun AS Fed telah mengeluarkan kenyataan bahawa ianya akan melambatkan kenaikan kadar pada bulan Januari. Kenaikan selaras dalam SIBOR dan SOR akan menghasilkan NIM yang lebih luas.

Pinjaman tak berbayar (NPL) semakin berkurangan ekoran kualiti aset berkaitan minyak yang lebih stabil. Setakat ini, tiada tanda-tanda tekanan kredit yang tidak normal dalam sektor lain.

TREND UTAMA YANG MEMPUNYAI KESAN KE ATAS INDUSTRI PERBANKAN

Pemacu Politik & Makroekonomi

Singapura mempunyai persekitaran politik yang stabil. Kestabilan politik ini mendorong pelaburan asing dan mendorong pertumbuhan ekonomi. Ekonomi Singapura, yang bergantung terutamanya kepada perdagangan luar, berkait dengan pertumbuhan ekonomi global. Kami meramalkan bahawa KDNK Singapura bagi 2019 akan terjejas oleh penyederhanaan eksport, terutamanya disebabkan perang dagang AS-China. Walau bagaimanapun, penggunaan swasta kemungkinan besar akan menjadi pemacu utama pertumbuhan ekonomi.

Pemacu Sosial

Aliran trend adalah untuk meningkatkan penggunaan model pengedaran digital baharu bagi produk-produk perbankan. Industri perbankan kini menekankan penciptaan nilai digital, dan mentransformasikan kaedah tradisional kepada digital. Model-model pengedaran baru ini tertumpu terutamanya kepada perbankan mudah alih, yang semakin luas dipergunakan.

Penggunaan peranti mudah alih yang semakin meluas bagi khidmat perbankan telah menyebabkan bank-bank membelanjakan lebih banyak modal bagi menaiktarafkan platform perbankan mudah alih. Kini jelas bahawa lebih banyak bank telah mula mengautomatiskan urusan niaga perbankan mereka melalui penggunaan platform internet dan robotik.

Pemacu Kompetitif

Persaingan kekal sengit dalam industri perbankan Singapura. Tiga bank-bank terbesar Singapura menguasai bahagian pasaran yang signifikan dalam sektor pinjaman dan berhasrat mengekalkan penguasaan pasaran dalam segmen pinjaman masing-masing. Penetapan harga kompetitif bank-bank utama ini mempengaruhi bank-bank lain dalam industri. Di dalam segmen pinjaman perumahan, bank-bank sentiasa menawarkan pakej pinjaman perumahan pelbagai bagi menarik minat para peminjam.

Selain persaingan margin, bank-bank secara aktif berusaha untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan dan kepuasan pelanggan. Selaras dengan trend perbankan mudah alih global, bank telah merangka kaedah-kaedah mesra pengguna bagi pengguna-pengguna peranti mudah alih untuk melaksanakan urusan niaga perbankan mereka.

Pemacu Teknologi

Pihak Berkuasa Monetari Singapura ("MAS") menggalakkan lebih banyak experimentasi Fintech supaya inovasi terbaru dapat diuji di pasaran dan mempunyai peluang untuk penggunaan yang lebih luas, di Singapura dan secara global. Pengawalseliaan akan membolehkan syarikat-syarikat FI dan Fintech bereksperimen dengan produk atau perkhidmatan kewangan yang inovatif dalam bidang pengeluaran menurut bidang dan tempoh yang jelas. Bergantung kepada eksperimen, MAS akan menyediakan sokongan pengawalseliaan yang sesuai menerusi longgaran keperluan undang-undang dan kawal selia khusus yang ditetapkan oleh MAS.

Sistem PayNow (diterajui oleh MAS), yang telah dimulakan pada pertengahan tahun 2017, ditawarkan oleh bank-bank, seperti DBS, OCBC, UOB, HSBC, Standard Chartered Bank, Citibank & Maybank. Para individu boleh membuat dan menerima pembayaran melalui pautan nombor telefon mudah alih dan kad pengenalan kepada akaun mereka. Bank-bank ini meliputi kira-kira 90% daripada jumlah transaksi runcit di Singapura.

Pemacu Kawal Selia

Pencegahan Pengubahan Wang Haram/ Penentangan Pembiayaan Keganasan ("AML/CFT"). Singapura adalah ahli Pasukan Petugas Tindakan Kewangan ("FATF") dan ahli pengasas Kumpulan Asia/Pasifik Berkaitan Pengubahan Wang Haram. Singapura telah menubuhkan rejim AML/CFT yang ketat dan mantap menerusi perundangan, dasar dan penyeliaan untuk melindungi penyalahgunaan sistem kewangannya untuk kegiatan jenayah.

Kajian dan Tinjauan Ekonomi & Industri Perbankan

THAILAND


KAJIAN EKONOMI

Ekonomi Thai meningkat kepada 3.7% T-k-T pada 4Q18, daripada + 3.3% pada 3Q18, berlatarkan peningkatan dalam pertumbuhan eksport, manakala aktiviti penggunaan dan pelaburan swasta meningkat pada suku yang sama.

Sepanjang tahun 2018, Thailand telah mencatatkan peningkatan pertumbuhan KDNK sebanyak 4.1%, berbanding +3.9% pada tahun 2017, ekoran pencatatan pertumbuhan KDNK yang kukuh pada 1H18. Ianya didorong oleh aktiviti permintaan domestik yang kukuh, terutamanya daripada perbelanjaan penggunaan swasta ekoran pendapatan para petani yang bertambah baik, sementara insentif diberikan kepada golongan berpendapatan rendah. Pada masa yang sama, pelaburan swasta memerolehi manfaat berikutan pelaksanaan projek-projek infrastruktur, serta pelaksanaan inisiatif Koridor Ekonomi Timur ("EEC"). Di samping itu, sektor pelancongan menampakkan peningkatan awal pada awal tahun ini disebabkan oleh kemasukkan pelancong-pelancong Cina namun mula merosot berikutan trajedi bot di Pulau Phuket.


Sementara itu, inflasi kekal sederhana pada 0.7% pada Februari 2019 dan juga rendah berbanding 1.1% yang dicatatkan pada 2018. Namun, Bank of Thailand telah menaikkan kadar dasar utama sebanyak 25bps kepada 1.75% pada Disember 2018, ekoran perbezaan kadar faedah yang luas di antara Thailand dan AS, dan sebagai langkah-langkah berwaspada dalam melaksanakan dasar-dasar pengetatan sekiranya perlu.

Carta 1: CPI dan Kadar Polisi




Sumber: Jabatan Perangkaan

Carta 2: GDP menurut Permintaan



Sumber: Jabatan Perangkaan

Carta 3: Indeks Keyakinan Pengguna



Sumber: Jabatan Perangkaan

TINJAUAN EKONOMI



Peninjauan kami menunjukkan bahawa ekonomi Thailand akan berkembang pada kadar yang lebih sederhana iaitu sebanyak 4% pada tahun 2019, berbanding 4.1% pada tahun 2018. Ini disebabkan terutamanya oleh permintaan luaran yang perlahan. Ekoran permintaan yang lebih rendah dari negara China dan rakan perdagangan utama, serta ketegangan perdagangan di negara-negara maju telah menjejaskan lagi permintaan. Selain itu, aktiviti pelancongan dijangka lebih perlahan pada tahun 2019, disebabkan oleh pelancong-pelancong Cina yang berkurangan. Walau bagaimanapun, keadaan ini akan dimitigasi sebahagiannya oleh permintaan domestik yang berdaya tahan. Penggunaan swasta dijangka terus meningkat berikutan insentif dan bantuan kerajaan kepada golongan berpendapatan rendah, terutamanya pada tahun pilihan raya. Pada masa yang sama, pertumbuhan pelaburan swasta dijangka lebih kukuh berikutan perbelanjaan infrastruktur dan pelaksanaan inisiatif EEC.

Dari sudut inflasi, kadar inflasi umum dijangka meningkat kepada 1.4% pada 2019, daripada +1.1% pada tahun sebelumnya memandangkan inflasi tarikan permintaan mungkin lebih ketara. Berikutan kenaikan kadar 25 bps pada Disember 2018, Bank Pusat dijangka mengekalkan kadar dasar utama pada 1.75% sepanjang tahun ini. Ini disebabkan oleh inflasi sederhana dan pertumbuhan ekonomi tetap berdaya tahan.

KAJIAN SEKTOR PERBANKAN


Sistem perbankan Thailand mencatatkan pertumbuhan pinjaman sederhana sebanyak 6% T-k-T pada 2018, daripada kenaikan 4.5% T-k-T pada 2017, berasaskan pertumbuhan ekonomi yang kukuh. Peningkatan dalam aktiviti pinjaman sebahagian besarnya disokong oleh segmen runcit, terutamanya permintaan yang lebih kukuh bagi pembiayaan sewa beli kereta dan pinjaman peribadi. Pinjaman runcit merangkumi 34% daripada pinjaman sistem perbankan. Permintaan bagi pinjaman korporat bertambah baik berasaskan pelaburan infrastruktur yang berterusan dan pemulihan dalam pelaburan swasta. Namun pinjaman kepada SME mundur pada 2018 kerana bank-bank secara umumnya lebih berwaspada terhadap kualiti aset segmen ini.

Pertumbuhan dalam deposit sistem menurun kepada 3.9% T-k-T pada 2018, berbanding dengan kenaikan 5% T-k-T pada tahun 2017. Seiring dengan pertumbuhan deposit yang lebih rendah daripada pertumbuhan pinjaman, nisbah pinjaman ke deposit sistem perbankan meningkat lebih tinggi kepada 98% pada bulan Disember 2018, berbanding 96.1% pada Disember 2017.

Nisbah sistem NPL secara lebih stabil pada 2.9% pada Disember 2018. Liputan kerugian pinjaman meningkat kepada 148.9% pada Disember 2018 daripada 138.1% tahun sebelumnya.


Pada akhir tahun 2018, Jumlah Nisbah Modal perbankan kukuh pada 18.3% berbanding dengan 18.2% pada Disember 2017.

Permintaan pinjaman meningkat beransur-ansur sejak akhir tahun 2017



Sumber: Bank of Thailand, RHB

Kualiti aset telah stabil, peruntukan penampakan kukuh



Sumber: Bank of Thailand, RHB

Kajian dan Tinjauan Ekonomi & Industri Perbankan

THAILAND

TINJAUAN SEKTOR PERBANKAN

KDNK sebenar Thailand dijangka berkembang 4% T-k-T pada tahun 2019, berbanding dengan pertumbuhan 4.1% T-k-T pada tahun 2018. Unjuran pertumbuhan KDNK yang rendah ini mengambil kira potensi kesan ketegangan perdagangan antarabangsa, pengurangan dalam bilangan pelancong-pelancong China dan kesederhanaan dalam pertumbuhan eksport Thailand.

Berlatarkan ketidakpastian luaran ini, kami percaya bahawa pertumbuhan pinjaman untuk 2019 akan menyusut sedikit kepada 5% T-k-T. Kami menjangkakan permintaan yang berterusan daripada peminjam runcit bagi pinjaman sewa beli kenderaan dan pinjaman peribadi sementara pertumbuhan dalam pinjaman perniagaan kemungkinan besar berasaskan perniagaan berkaitan automotif dan pelaburan infrastruktur. Mengikut pandangan kami, peraturan-peraturan baru Bank of Thailand (“BoT”) berkaitan pinjaman perumahan yang akan dilaksanakan berkuatkuasa April 2019, akan membendung spekulasi dalam pasaran hartanah dan membawakan pertumbuhan yang lebih sederhana.

Kami menjangkakan dasar monetari BoT akan kekal akomodatif pada tahun 2019 memandangkan pemulihan ekonomi negara tidak luas. Kadar dasar bank pusat kemungkinan akan kekal rendah untuk menyokong kebangkitan ekonomi. Memandangkan likuiditi yang berlebihan dalam sistem, kadar pertumbuhan pinjaman yang sederhana dijangka mengekalkan kestabilan nisbah pinjaman-ke-deposit sistem perbankan pada 2019. Ini akan mengekalkan margin faedah bersih (“NIM”) pada tahap yang sama seperti 2018.

Pengurusan risiko kredit akan terus menjadi tumpuan pada 2019 memandangkan peningkatan pinjaman SME yang rosot nilai pada tahun 2018, walaupun sederhana. Sikap kewaspadaan bank akan membantu memastikan kualiti aset dipantau dan ini akan menstabilkan nisbah NPL sistem perbankan pada tahap 2.8 - 2.9%. Seterusnya, bank-bank dijangka akan mengetepikan

peruntukan rosot nilai tambahan untuk mengukuhkan lembaran imbalan terhadap risiko ekonomi serta sebagai persediaan untuk menerima pakai Piawai Pelaporan Kewangan Antarabangsa 9 (“IFRS 9”). Thailand akan mengguna pakai IFRS 9 berkuatkuasa Januari 2020. Peruntukan tambahan akan meningkatkan nisbah perlindungan kerugian pinjaman kepada kira-kira 158% menjelang akhir tahun 2019.

Secara keseluruhannya, sistem perbankan dijangka stabil pada tahun 2019 memandangkan prospek pertumbuhan sederhana, kualiti aset yang stabil dan penampungan modal yang kukuh walaupun terdapat ketidakpastian luaran.

TREND UTAMA YANG MEMBERI KESAN KE ATAS INDUSTRI PERBANKAN

Dalam tahun-tahun kebelakangan ini, pelbagai perkembangan telah memberikan kesan terhadap persekitaran operasi bank. Kami percaya bahawa beberapa trend utama ini boleh menjejaskan prospek jangka panjang industri.

Pemacu Politik

Semenjak pemerintahan Majlis Perdamaian dan Perintah Kebangsaan (“NCPO”) yang berkuatkuasa pada Mei 2014, kestabilan politik kembali stabil di Thailand. Selepas hampir lima tahun, Thailand kini sedang bersiap sedia untuk pilihan raya umum yang akan berlangsung pada 24 Mac pada tahun 2019. Pilihanraya umum ini akan meningkatkan keyakinan para pelabur di Thailand, sekaligus meningkatkan pelaburan daripada rakan perdagangan antarabangsanya.

Menjelang pilihan raya umum, kerajaan di bawah kepimpinan Perdana Menteri, General Prayuth Chan-ocha kemungkinan besar akan melancarkan projek-projek Pracharat baru yang bertujuan untuk mengurangkan tekanan kewangan di kalangan golongan berpendapatan rendah. Kami juga percaya bahawa kempen-kempen yang dilaksanakan oleh pelbagai parti politik akan meningkatkan perbelanjaan domestik. Namun pasca pilihan raya umum,

pembentukan kerajaan baru dan kerealisan dasar-dasar mungkin mengambil masa. Kami percaya para pelabur akan memerhatikan perkembangan dalam negeri sehingga wujudnya senario yang lebih jelas berkaitan keputusan pilihan raya serta dasar-dasar kerajaan yang penting dan strategi pertumbuhan.

Pemacu Sosial

Kerajaan telah melancarkan beberapa langkah untuk mengurangkan tekanan kewangan di kalangan golongan berpendapatan rendah, golongan tua dan pesara. Inisiatif-inisiatif ini telah dilaksanakan pada Disember 2018, merangkumi pemberian THB500 yang didepositkan ke dalam kad kebajikan bagi membantu golongan berpendapatan rendah; elaun tunggal pengangkutan berjumlah THB1,000 bagi warga emas berumur 65 tahun ke atas yang memerlukan pengangkutan bagi rawatan perubatan. Kerajaan juga akan memberi THB400 sebulan kepada mereka yang berumur 60 tahun ke atas bagi tujuan pembayaran sewa dari bulan Disember 2018 hingga September 2019.

Seiring dengan kesusahan pemilikan rumah yang dihadapi oleh kumpulan berpendapatan rendah, Kerajaan telah melancarkan “Ban Pracharat” - sebuah projek untuk membina lebih daripada 2,000 rumah merentasi lapan wilayah. Rumah-rumah ini akan ditetapkan harga pada THB350-700bn seunit. Bank Simpanan Kerajaan (“GSB”) dan Bank Perumahan Kerajaan (“GHB”) akan memudahkan pinjaman perumahan kepada mereka yang berminat dalam projek ini. Pembinaan projek perumahan ini akan bermula pada 2019.

Bagi meringankan masalah hutang yang dihadapi oleh golongan berpendapatan rendah, Kerajaan telah memperkenalkan skim yang memudahkan akses mudah ke pinjaman rasmi. Inisiatif pinjaman nano (pinjaman sehingga THB100,000 dengan kadar faedah tidak melebihi 36% untuk tujuan perniagaan kecil) telah dilancarkan pada 2015. Setahun kemudian, pinjaman pico (pinjaman sehingga THB50,000 dengan kadar faedah tidak melebihi 36% setahun untuk tujuan peribadi) telah

diperkenalkan. Program-program ini direka untuk menambahbaik kehidupan orang awam dengan membendung aktiviti pinjaman yang tidak diluluskan di mana kadar faedah yang dikenakan adalah setinggi 10-20% sebulan atau lebih daripada 100% setahun.

Secara keseluruhannya, walaupun nisbah hutang isi rumah kepada KDNK Thailand adalah tinggi iaitu sebanyak 77.5% pada Jun 2018, langkah-langkah politik dan ekonomi oleh Kerajaan dan potensi peningkatan pelaburan menjelang pilihan raya umum mungkin akan meningkatkan perbelanjaan domestik pada tahun 2019.

Pemacu Kompetitif

Institusi perbankan Thailand terus mengalami tekanan persaingan daripada syarikat-syarikat Fintech yang mantap serta baru. Kini, para pelanggan semakin cenderung untuk membeli produk dan melakukan transaksi kewangan melalui platform dalam talian. Perubahan dalam tingkah laku pelanggan akan memberi kesan ke atas pendekatan bank terhadap para pelanggan sedia ada dan baru bagi memenuhi keperluan mereka.

Gangguan digital ini menggalakkan bank-bank untuk menaiktarafkan infrastruktur IT bagi mendigitisasikan perkhidmatan mereka agar kekal relevan dan bersaing dengan syarikat-syarikat Fintech dan telekomunikasi baru yang mula memasuki bidang pembayaran dan kiriman wang.

Pemacu Teknologi

Kerajaan dan sektor swasta di Thailand kini memberikan lebih perhatian kepada Fintech. Kerajaan Thailand mempromosikan Fintech kepada perniagaan, memberi amaran bahawa teknologi baru ini dapat mengubah kaedah perniagaan masa depan. Kerajaan juga menyedari bahawa Fintech akan menjadi bahagian sokongan model ekonomi Thailand 4.0 yang bertujuan untuk mengubah menghala tuju negara ke arah menjadi ekonomi digital.

Satu contoh kejayaan awal dalam inisiatif ini ialah skim PromptPay, yang merupakan projek pertama di bawah program

e-pembayaran nasional. Sejak pelancarannya pada tahun 2016, urus niaga kewangan dalam talian telah meningkat dengan ketara. Jumlah transaksi kewangan melalui internet dan telefon mudah alih telah meningkat kepada 243 juta pada Jun 2018 berbanding 80 juta pada Julai 2016, di mana majoriti transaksi dalam talian dilakukan oleh para pelanggan bank. Malah, jumlah pendaftaran pengenalan PromptPay (“ID”) meningkat kepada 44.5 juta pada bulan Ogos 2018, dari kira-kira 10 juta pada bulan Julai 2016.

Pada akhir bulan Mac 2018, bank-bank telah mengumumkan pembatalan yuran urus niaga dalam talian bagi pindahan wang antara bank, pindahan wang penjelasan, bayaran bil, perkhidmatan tambahan dan pengeluaran tanpa kad dari ATM. Kami percaya bahawa pengecualian yuran ini akan menggalakkan pelanggan melakukan lebih banyak transaksi melalui internet dan telefon mudah alih. Selain murah, urus niaga dalam talian adalah lebih cepat, mudah, senang dan selamat. Kami menjangkakan bank-bank akan terus melabur dan meningkatkan platform perbankan digital untuk memberikan perkhidmatan yang lebih baik kepada para pelanggannya.

Pemacu Kawal Selia

Persekutuan Profesional Perakaunan telah menunda penggunaan IFRS 9 buat setahun hingga Januari 2020. Penangguhan IFRS 9 memberikan bank-bank perdagangan lebih masa untuk menyediakan, melaksanakan penilaian impak, dan memperbaiki proses dalaman. Meskipun penangguhan ini, kami percaya bahawa bank-bank akan terus mengguna pakai dasar peruntukan konservatif untuk membina rizab bagi membendung potensi peningkatan NPL atau penstrukturan semula hutang, dan menghadapi kemungkinan risiko ekonomi.

Bank-bank di Thailand dikehendaki mematuhi Rangka Kerja Kecukupan Modal BoT bagi penentuan modal dan pengiraan nisbah kecukupan modal (“CAR”). Bank-bank perlu mengekalkan keperluan minimum pengawalseliaan selepas penampunan

pemuliharaan dan penampunan D-SIB. Ini termasuk Ekuiti Biasa Tahap 1 (“CET1”), Nisbah Modal Tahap 1 dan Jumlah Nisbah Modal Jumlah masing-masing sebanyak 7.5%, 9.0% dan 11.5% berkuatkuasa mulai Januari 2019.

Pada bulan November 2018, BoT telah mengumumkan peraturan baru untuk menangani spekulasi dalam pasaran hartanah. Langkah-langkah baru ini yang akan berkuatkuasa mulai April 2019, termasuk nisbah pinjaman kepada nilai (“LTV”) baru bagi pemilikan rumah kedua (80-90%) dan pemilikan rumah ketiga (70%), dan untuk hartanah perumahan yang berharga lebih dari THB10m seunit (70-80%). Nisbah LTV untuk pemilikan rumah pertama kekal pada 90% dan 95% untuk kondominium dan harta tanah bertapak. Langkah-langkah baru ini yang tidak akan menjejaskan kontrak yang ditandatangani sebelum 15 Oktober 2018, dijangka tidak memberi kesan ketara kepada pertumbuhan pinjaman bank. Sebaliknya, ianya harus melindungi lembaran imbalan bank terhadap risiko gelembung aset spekulatif.

Berkuatkuasa Januari 2019, SME perlu menggunakan akaun kewangan tunggal baru untuk permohonan pinjaman. Ini disebabkan BoT mewajibkan para peminjam menggunakan penyata kewangan yang dikemukakan oleh SME kepada Jabatan Hasil bagi kelulusan pinjaman. Pada pandangan kami, pertumbuhan dalam pinjaman SME mungkin terjejas kerana sesetengah pemilik SME mungkin menghadapi kesukaran dengan permohonan pinjaman kerana mereka belum layak di bawah skim baru.

Secara keseluruhannya, keperluan pengawalseliaan di atas akan menggalakkan bank-bank Thailand untuk menjadi lebih proaktif dalam usaha untuk mengukuhkan lembaran imbalan bank, memastikan penggunaan modal yang cekap, dan lanjut mengetatkan dasar risiko kredit mereka.

Model Perniagaan Yang Mencipta Nilai

Model perniagaan kami dibentuk untuk memenuhi aspek paling kritikal dan penting perniagaan dan pihak berkepentingan kami, seterusnya memperkasakan wawasan Kumpulan untuk menjadi bank berprestasi terbaik Tiga Teratas.

NILAI TAMBAHAN OLEH RHB

MODAL/SUMBER UTAMA KAMI

MODAL KEWANGAN

▶ **RM23.4 bilion**
Ekuiti Pemegang Saham

▶ **RM178.9 bilion**
Deposit daripada Pelanggan

MODAL INTELEKTUAL

- RHB mempunyai nilai jenama sebanyak **USD956 juta** dan berada di tempat ke-4 dalam nilainya di Malaysia pada tahun 2019. Di samping itu, RHB juga ditaraf sebagai Bank **20 Teratas** di dalam kategori Jenama Perbankan ASEAN 2019
- Anugerah Pilihan Awam dalam kategori Perbankan, Pelaburan dan Insurans – Putra Brand Awards
- Menerajui Pasaran** dalam Perbankan Pelaburan, Perbankan Korporat, SME, Pengurusan Aset Islam
- Perkongsi Strategik:** Berjaya melancarkan perkongsian baru dan menaikkan penyambungan bagi eSolutions, terutamanya:
 - Financio (Penyelesaian Perakaunan)
 - Kakitangan (Penyelesaian Sumber Manusia)
 - StoreHub (Penyelesaian Titik Jualan)
- Warisan sepanjang **106 tahun** dan memiliki jenama yang mantap dengan kehadiran pasaran di **10 negara**

MODAL INSAN

- Kekuatan tenaga kerja seramai **14,425 pekerja**
- Melaburkan sebanyak **RM43.1 juta** dalam pembelajaran dan pembangunan
- Keunikan Budaya RHB; One RHB, Berorientasikan Keputusan dan Pengutamaan Pelanggan
- Proposisi Nilai Pekerja Terkhusus; RHB Cares, RHB Leads, RHB Inspires, RHB Progresses dan RHB Rewards (CLIP-R)
- Tempoh jam latihan setiap pekerja – **56 jam**
- Skor Keterlibatan Pekerja (Pulse) – **84%**
- Golongan wanita di RHB: **30%** dalam **Lembaga: 49.9%** dalam **Pengurusan: 27.6%** dalam **Pengurusan Tertinggi**
- Kadar Pusing Ganti: **12.8%** (2017: 14.1%)

MODAL CIPTAAN

▶ **1,817** Terminal Layan Diri di Malaysia

▶ **365** Cawangan di Malaysia Saluran dan Produk Digital terkemuka pasaran

Peneraju Pasaran Platform Digital yang menawarkan pengalaman perbankan yang mudah, cepat dan lancar

- RHB MYHome App membolehkan ciri capaian gadaai janji masa nyata
- Pembiayaan Dalam Talian SME membolehkan permohonan pinjaman 10 minit
- iSMART kaedah jualan digital bagi SME
- RHB Partners – papan pemuka mudah untuk pengesanan & pemberitahuan masa nyata
- App Perbankan Mudah Alih RHB memudahkan perbankan
- App Insurans RHB – Pertama ke pasaran bagi syarikat insurans

MODAL SOSIAL DAN HUBUNGAN merujuk kepada hubungan kami dengan kesemua pihak berkepentingan kami, termasuk komuniti di mana kami beroperasi, seiring dengan kesedaran akan peranan penting kami dalam proses pembinaan negara yang kukuh dan maju.

Pada tahun 2018, para pekerja dari keseluruhan Kumpulan RHB telah meluahkan masa kira-kira 27,000 jam sepanjang program RHB Touch Hearts. Penilaian ESG di FTSE Russell pada 30 September 2018 adalah 3.4.

PEMBOLEHAN AKTIVITI-AKTIVITI TAMBAH NILAI

- Menawarkan produk dan perkhidmatan simpanan dan pelaburan
- Memudahkan pembayaran dan transaksi
- Menawarkan kemudahan kredit kepada pelanggan kami, sejajar dengan profil risiko mereka dan mengikut selera risiko dan ketersediaan modal kami
- Mengurus, melindungi dan mengembangkan kekayaan pelanggan menerusi penyelesaian pengurusan kekayaan yang komprehensif
- Deposit yang memulangkan hasil bagi pelanggan kami
- Pembiayaan yang menjana risiko diselaraskan pendapatan faedah
- Mengurus dana dan hutang pemegang saham liabiliti pemegang
- Pembiayaan yang menjanakan pendapatan faedah diselaraskan risiko
- Menawarkan khidmat nasihat kewangan dan penyelesaian yang disesuaikan dengan keperluan pelanggan
- Mengamalkan sistem pengurusan prestasi yang mantap
- Melabur dalam pembangunan bakat
- Ganjaran pekerja yang berasaskan prestasi
- Mengoptimalkan dan melabur dalam teknologi dan infrastruktur bagi mencapai kecemerlangan operasi
- Pembayaran cukai langsung dan tidak langsung di pelbagai perantaraan operasi kami

SEGMENT PERNIAGAAN TERAS RHB

- Perbankan Runcit Kumpulan
- Perbankan Perniagaan & Transaksi Kumpulan
- Perbankan Borong Kumpulan
- Perniagaan Syariah Kumpulan
- Insurans Kumpulan
- Operasi Singapura
- Perniagaan Antarabangsa



Disokong oleh tadbir urus yang kukuh dan kepimpinan Lembaga yang berkesan

Ekosistem Tadbir Urus Korporat yang Mantap

Kami komited terhadap standard tadbir urus tertinggi dan sentiasa mengkaji amalan dan pendedahan tadbir urus korporat kami.

Sila rujuk halaman 166 hingga 177 untuk Penyata Tinjauan Tadbir Urus Korporat

NILAI YANG DICIPTA BAGI RHB DAN PEMEGANG KEPENTINGAN KAMI

SAMBIL MENGURUSKAN RISIKO-RISIKO UTAMA

RISIKO KREDIT

Nisbah Pinjaman Rosot Nilai Kasar dalam sasaran pada 2.06%

RISIKO PASARAN

Instrumen atau asas dagangan adalah kualiti dan profil gred pelaburan

RISIKO LIKUIDITI

Nisbah Perlindungan Likuiditi melebihi keperluan pengawalseliaan pada 143%

RISIKO OPERASI

RISIKO TEKNOLOGI

RISIKO KETIDAKPATUHAN KAWAL SELIA

RISIKO KETIDAKPATUHAN SYARIAH

DAN MENANGANI CABARAN PERSEKITARAN OPERASI

- Ekonomi
- Teknologi
- Pengawalseliaan
- Persaingan
- Pelanggan

MENGHASILKAN PULANGAN KEWANGAN BAGI RHB

PULANGAN EKUITI (ROE)

10.3%

JUMLAH PENDAPATAN

RM6.8 bilion

KEUNTUNGAN BERSIH

RM2.3 bilion

JUMLAH DEPOSIT PELANGGAN

RM178.9 bilion

PEMBAYARAN DIVIDEN

RM822 juta (35.7%)

DIVIDEN SESAHAM

20.50 sen

EKUITI PEMEGANG SAHAM

RM23.4 bilion

JUMLAH PULANGAN (TSR)

9.3%

MEWUJUDKAN NILAI BAGI PARA PEMEGANG KEPENTINGAN KAMI

PEMEGANG SAHAM

- Mencatatkan keputusan kewangan yang kukuh - pendapatan utama daripada kendalian operasi meningkat **18.2%**
- Mengekalkan komunikasi dan pelaporan pelabur yang telus, menepati masa dan relevan
- Peningkatan harga saham sebanyak **5.8%**
- Peningkatan nisbah pembayaran dividen kepada **35.7%**

PELANGGAN

- Aset baru berdaftar kira-kira **RM2.6 bilion** dalam pelbagai sektor
- Pembiayaan lebih daripada **RM30 bilion** dalam sektor swasta
- Penerimaan Jualan SME – **RM6.17 bilion**

PEKERJA

- Menawarkan **2,527** peluang pekerjaan
- Membayar gaji dan faedah sebanyak **RM2,005.3 juta**
- Peningkatan perwakilan wanita dari 58.4% kepada **59.0%**
- Kedudukan majikan pilihan **Ke-4 Teratas** di kalangan bank-bank tempatan – Kajian Graduan UK





PENGAWAL SELIA

- Mematuhi peraturan dan kawal selia yang mengawal perniagaan dan operasi institusi kewangan
- Pengagihan Nilai Tambah 2018 sebanyak **RM5.2 juta**:
 - **38%** kepada kakitangan sebagai kos pekerja
 - **15%** kepada Kerajaan bagi Percukaian

KOMUNITI

- Memupuk Generasi Masa Depan – **RM3.145 juta** bagi 2018/2019
- Aktiviti Keterlibatan Komuniti Lain – **RM2.382 juta** bagi tahun 2018/2019
- Melancarkan 2 program baru yang telah membawakan kesan kepada **11,212** orang
- Usahasama dengan agensi Kerajaan dan NGO seperti Kementerian Pendidikan, AKPK dan NADI

Keterlibatan Dengan Para Pemegang Kepentingan

Kumpulan Pemegang Kepentingan Utama	Saluran Keterlibatan	Kekerapan keterlibatan
 <p>PARA PEMEGANG SAHAM DAN PELABUR</p> <p>Kami menyediakan para pelabur dengan maklumat yang relevan untuk membuat keputusan pelaburan yang bermaklumat mengenai RHB serta menerima perspektif mereka tentang prestasi dan strategi kewangan kami.</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Mesyuarat Agung Tahunan dan Luar Biasa • Taklimat pengurus dana & para penganalisis • Pengumuman Bursa Malaysia • Laporan Tahunan • Pengumuman keputusan kewangan suku tahunan dan tahunan • Komunikasi dalam talian (emel, laman web, media sosial) • Mesyuarat/perbincangan (atas permintaan) 	Berterusan
 <p>PELANGGAN</p> <p>Formula kejayaan utama yang membezakan kami dari pesaing kami adalah keupayaan kami untuk membina kepercayaan, memberikan kemudahan dan mencipta nilai untuk para pelanggan kami. Kami berinteraksi dengan para pelanggan untuk lebih memahami keperluan mereka supaya kami dapat mencadangkan penyelesaian kewangan yang menepati keperluan mereka.</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Media sosial • Laman sesawang korporat • E-mel • Mesyuarat satu ke satu • Mesyuarat Kumpulan • Keterlibatan dengan Pengurus Hubungan • Acara-acara perangkaian pelanggan • Kumpulan Tinjauan dan Fokus • Seminar dan forum • Program interaksi • Mekanisme pembedulan aduan • Pusat Panggilan 	Berterusan
 <p>RAKAN KONGSI PERNIAGAAN</p> <p>Dalam usaha kami memacu prestasi perniagaan dan menawarkan produk dan perkhidmatan yang unggul kepada pelanggan, kami bekerjasama dengan rakan perniagaan kami menerusi pakatan strategik bagi memanfaatkan peluang perniagaan pasaran yang saling menguntungkan.</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Laman sesawang korporat • Keterlibatan rasmi & tidak rasmi 	Berterusan
 <p>PEKERJA</p> <p>Menerusi Proposisi Nilai Pekerja serta Komponen Budaya One RHB, Berorientasikan Keputusan dan Keutamaan Pelanggan, Kumpulan RHB tekad terhadap membina tenaga kerja yang produktif, tangkas dan terlibat untuk memacu organisasi berprestasi tinggi. Inisiatif-inisiatif yang berimpak tinggi seperti keterlibatan pekerja dan aktiviti kesihatan dan kesejahteraan, serta program kepimpinan dan pembelajaran teknikal, telah disediakan bagi para kakitangan memenuhi keperluan masa depan di samping mengukuhkan budaya pembelajaran kita.</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Forum Kepimpinan Kanan Kumpulan • Sesi perbincangan dan dialog dengan Pengarah Urusan Kumpulan dan Pengurusan Kanan • Intranet (My1Portal) dan emel • Saluran media sosial dalaman RHB - Workplace by Facebook • Jerayawara oleh Pengurusan Kanan di peringkat cawangan dan serantau • Aktiviti sosial, sukan dan rekreasi • Program pembelajaran dan pembangunan - pembelajaran formal (berasaskan bilik darjah dan e-pembelajaran), bimbingan/pementoran dan pembelajaran sambil kerja • Tinjauan Keterlibatan Pekerja Tahunan ("EES") dan Tinjauan Keberkesanan Pelanggan Dalaman ("ICES") • Santapan rasmi dan tidak rasmi • Saluran Aduan 	Berterusan

Topik-topik Keterlibatan Utama

- Keputusan kewangan
 - Strategi-strategi Perniagaan
 - Pulangan pemegang saham
 - Tadbir Urus Korporat
 - Tempoh strategik RHB
-
- Tawaran produk baru
 - Maklum balas ke atas produk dan perkhidmatan
 - Hala tuju strategik
 - Literasi kewangan
 - Kepuasan pelanggan
 - Pembetulan aduan
-
- Mengukuhkan kerjasama dan mengoptimalkan usaha sama
-
- Prestasi kewangan
 - Hala tuju perniagaan
 - Bidang tumpuan utama
 - Wawasan dan nilai
 - Etika dan pematuhan
 - Pengurusan risiko
 - Reka bentuk produk
 - Amalan pasaran
 - Pembangunan kompetensi
 - Keselamatan dan perlindungan
 - Kesihatan dan kesejahteraan
 - Keseimbangan kehidupan dan pekerjaan
 - Proposisi nilai pekerja
 - Aktiviti keterlibatan pekerja
 - Pembetulan aduan

Sorotan Prestasi

- Kira-kira 100 pertanyaan pemegang saham diterima dan diselesaikan
 - 1,988 pemegang saham, proksi dan wakil korporat telah menghadiri AGM ke-52
 - Mengadakan 62 mesyuarat dengan komuniti pelaburan dihadiri 284 peserta
 - Respons menepati masa terhadap pertanyaan para pemegang saham termasuk Kumpulan Pemantau Pemegang Saham Minoriti ("MSWG")
 - Penggunaan teknologi lanjutan dalam proses pengundian kesemua resolusi di AGM melalui perkhidmatan e-pengundian
-
- Hampir 38 juta tatapan halaman bagi www.rhbgroup.com
 - 1,220,786 peminat Facebook, 59,873 pengikut Twitter dan 18,781 pengikut Instagram
 - Purata 85% pertanyaan pelanggan diselesaikan dalam tempoh 24 jam setiap bulan
 - 210 cawangan di Malaysia termasuk 35 cawangan mesra pengguna OKU
 - Mencapai 97.5% penyelesaian aduan dalam tempoh lima hari bekerja
 - Kumpulan RHB mencatatkan 6.6 (Baik) untuk Indeks Kekukuhan Hubungan 2018
 - 90% pelanggan Perdana telah diberi perkhidmatan menerusi talian Perdana khusus pada 2018
 - Panggilan susulan 100% kepada semua aduan di mana kes yang tidak diselesaikan dibuka semula dan diberi keutamaan
 - Mengadakan bengkel kesedaran dan pengetahuan mengenai digitisasi dan amalan perniagaan bagi SME pada Disember 2018
-
- Butiran perkongsian dan kerjasama penting dinyatakan di dalam Laporan Tahunan 2018 ini
 - Menyertai rangkaian kumpulan keahlian dan persatuan secara meluas untuk berkongsi dan memperoleh kepakaran pengetahuan, pandangan sektoral dan amalan terbaik perbankan – rujuk kepada Senarai Ahli Terpilih Persatuan di dalam Penyata Kemampunan atau Laporan Kemampunan 2018
-
- Peningkatan dalam Keuntungan Sebelum Cukai bagi setiap pekerja dari RM177,217 pada tahun 2017 kepada RM216,226 pada tahun 2018
 - Penambahbaikan dalam Keuntungan Operasi setiap pekerja dari RM221,697 pada tahun 2017 kepada RM239,027 pada tahun 2018
 - Skor keterlibatan pekerja sebanyak 84%
 - Skor Keberkesanan Pelanggan Dalaman sejumlah 70%
 - 36 inisiatif keterlibatan pekerja dilaksanakan
 - 12,500 warga RHB menyertai RHB Workplace (platform komunikasi pekerja) dengan penggunaan aktif 4,300 secara harian, 7,800 secara mingguan dan 9,600 secara bulanan
 - Sejumlah RM43.1 juta dilaburkan dalam program latihan dan pembangunan pada tahun 2018
 - Telah melaksanakan 2,177 sesi bagi 997 program latihan dan pembangunan pada tahun 2018
 - Telah mencapai 95% kadar penyertaan dalam e-pembelajaran di Malaysia
 - Kadar pengekalan sejumlah 82.3%
 - Telah menubuhkan Majlis Belia RHB Gen-Y pada Mei 2018 untuk mempromosikan pemerksaan kaum muda di kalangan pekerja dan memupuk pemimpin masa depan
 - Seramai 3,996 pekerja iaitu bersamaan 27.7% telah berkhidmat lebih daripada 15 tahun di RHB
 - Seramai 337 pekerja telah menyertai Program Kesejahteraan RHB pada 2018
 - Sejumlah 49.9% golongan wanita dalam kedudukan pengurusan dan 27.6% dalam pengurusan atasan



Untuk maklumat lanjut, sila rujuk bahagian "Ulasan Strategik & Prestasi", "Ulasan Perniagaan" dan "Ulasan Prestasi" dalam Laporan Tahunan 2018 ini.



Untuk maklumat lanjut, sila rujuk ke bahagian "Ulasan Strategik & Prestasi", "Ulasan Perniagaan" dan "Ulasan Prestasi" dalam Laporan Tahunan 2018 ini dan bahagian "Pengurusan Perhubungan Pelanggan" dalam Laporan Kemampunan 2018 kami.






Untuk maklumat lanjut sila rujuk kepada bahagian "Model Perniagaan yang Mencipta Nilai" dan "Pemacu Nilai" dalam Laporan Tahunan 2018 ini.



Untuk maklumat lanjut sila rujuk kepada bahagian "Ulasan Strategik" di dalam Laporan Tahunan 2018 ini dan bahagian "Memupuk Pembangunan Bakat" dalam Laporan Kemampunan 2018 kami.

Keterlibatan Dengan Para Pemegang Kepentingan

Kumpulan Pemegang Kepentingan Utama	Saluran Keterlibatan	Kekerapan Keterlibatan
 <p>BADAN-BADAN KAWAL SELIA</p> <p>Para pengawal selia adalah pemegang kepentingan utama RHB. Kami secara aktif berusaha sama dengan para pengawal selia mengenai perkara-perkara yang memberi kesan kepada perniagaan dan operasi kami.</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Perbincangan dan perundingan • Penyertaan dalam inisiatif perhubungan awam seperti Jerayawara, Karnival Kewangan dan Forum Perniagaan • Perkara-perkara berkaitan operasi 	Berterusan
 <p>KOMUNITI, BADAN-BADAN KERAJAAN DAN NGO</p> <p>Kami menyokong, melabur dan memudahkan aktiviti-aktiviti yang memberi kesan positif kepada masyarakat serta menggalakkan semangat kesukarelawan di kalangan pekerja RHB di semua operasi serantau.</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Kerjasama dan usaha sama dalam inisiatif komuniti RHB • Penyertaan dalam Lembaga Penasihat Rangkaian Kompak Global PBB Malaysia • Perbincangan kumpulan fokus dengan Kementerian, Badan Kerajaan dan NGO terpilih • Komunikasi dalam talian (e-mel, laman sesawang dan media sosial) • Inisiatif keterlibatan fizikal 	Berterusan dan atas permintaan
 <p>PARA PEMBEKAL, PENYEDIA PERKHIDMATAN & VENDOR</p> <p>Selaras dengan budaya kepatuhan dan tadbir urus Kumpulan, kami telah mewujudkan prosedur dan garis panduan yang memberikan para pembekal kami dengan proses pemilihan dan pemerolehan yang saksama, didorong oleh amalan perniagaan beretika dan komitmen untuk menghormati obligasi kontraktual.</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Mesyuarat dan perbincangan • Perkongsian maklumat melalui laman sesawang korporat dan e-mel • Latihan para pembekal • Proses tender dan mekanisme maklum balas pembekal 	Atas permintaan

Topik-topik Keterlibatan Utama

- Peraturan dan garis panduan baru
 - Perkara-perkara berkaitan dasar
 - Perkara-perkara berkaitan pengurusan risiko
 - Pemfailan dan pelaporan kawal selia
 - Perspektif industri
 - Literasi kewangan
 - Produk dan perkhidmatan
 - Pengalaman perkhidmatan pelanggan
-
- Pendidikan kewangan
 - Wawasan dan nilai-nilai
 - Pembinaan keupayaan
 - Kesihatan dan kesejahteraan
 - Aktiviti keterlibatan pekerja
 - Pembangunan Kanak-kanak dan Belia
 - Peluang setara bagi mereka yang kurang bernasib baik
 - Aktiviti keterlibatan komuniti
-
- Masa pemulihan perkhidmatan dan serahan
 - Kos produk/perkhidmatan, kualiti dan serahan
 - Jangkaan prestasi
 - Tadbir urus
 - Hak-hak pembekal
 - Pengurusan resolusi

Sorotan Prestasi

- Menyertai inisiatif perhubungan awam semasa jerayawara dan forum yang dianjurkan oleh badan kawal selia bagi mempromosikan literasi kewangan dan perangkuman kewangan
 - Menyokong badan kawal selia dengan maklum balas yang tepat pada masanya berkaitan draf pendedahan dan kertas perundangan yang dikeluarkan oleh para pengawal selia
 - Menyertai rangkaian kumpulan keahlian dan persatuan yang diterajui oleh badan kawal selia secara meluas untuk berkongsi dan memperoleh kepakaran pengetahuan, pandangan sektoral dan amalan terbaik perbankan – rujuk kepada *Senarai Ahli Terpilih Persatuan di dalam Penyata Kemampanan dan Laporan Kemampanan 2018*
-
- Menyediakan sandaran sejumlah RM10 juta bagi program keterlibatan komuniti pada tahun 2018
 - Program literasi kewangan Yayasan RHB - "RHB Money Ma\$ter" melibatkan 10,407 pelajar merentasi 48 buah sekolah dan 2 universiti pada tahun 2018
 - Warga RHB telah menjangkau sejumlah RM1.263 juta dan menjangkau kepada 20,700 warga kurang mampu dan kurang upaya merentasi ASEAN menerusi program RHB Touch Hearts sejak 2016
 - Yayasan RHB telah membantu 805 pelajar dari isi rumah B40 mencapai kecemerlangan akademik menerusi program "RHB X-Cel" kami pada 2018
-
- Sejumlah 24 sesi latihan pembekal telah diberikan kepada para pembekal tempatan pada tahun 2018 untuk membantu mereka kekal berdaya saing dalam era digital
 - Memperoleh nilai setara berjumlah RM378 juta daripada para pembekal tempatan pada tahun 2018 bersamaan dengan 90% daripada jumlah perbelanjaan perolehan



Untuk maklumat lanjut, sila rujuk bahagian "Pembiayaan Mampu Milik" dan "Memperkayakan dan Memperkasakan Komuniti" dalam Laporan Kemampanan 2018 kami.



Untuk maklumat lanjut, sila rujuk bahagian "Pembiayaan Mampu Milik" dan "Memperkayakan dan Memperkasakan Komuniti" dalam Laporan Kemampanan 2018 kami.



Untuk maklumat lanjut sila rujuk bahagian "Rantaian Bekalan Mampan" dalam Laporan Kemampanan 2018 kami.

Perkara-perkara Penting

Pengurusan Perkara-perkara Penting

Dalam menggariskan strategi RHB, kami mengambil kira pelbagai faktor-faktor yang memberi impak kepada industri kewangan secara am dan secara khusus terhadap RHB. Perkara-perkara penting ini mewakili risiko-risiko utama kami dan, juga mewakili peluang-peluang RHB sekiranya ianya ditangani dengan baik. Risiko-risiko ini berkaitan dengan keadaan ekonomi makro serta perubahan jangkaan dan permintaan para pemegang kepentingan utama kami. Kami maklum akan pentingnya pengenalpastian perkara-perkara penting RHB bagi memupuk kejayaan jangka panjang dan kemampanan kami. Sedemikianlah RHB telah menetapkan satu proses tiga langkah bagi merealisasikannya.

Penentuan Perkara-perkara Penting



MENGENAL PASTI & MENAKSIR

Pengenalpastian perkara-perkara penting RHB merupakan satu usaha yang merentasi Kumpulan RHB secara menyeluruh, dan merangkumi perbincangan dalaman berdasarkan input dari semua unit perniagaan dan bahagian sokongan kami, penyelidikan bebas, pemantauan persekitaran luaran, serta maklum balas daripada pihak berkepentingan kami.



KEUTAMAAN & PENARAFAN

Isu-isu yang dikenal pasti akan diberi keutamaan selaras dengan peranannya dalam kejayaan jangka panjang RHB, iaitu kesannya ke atas hubungan perniagaan dan pemegang kepentingan kami.



INTERGRASI & RESPONS

Perkara-perkara penting yang telah dikenal pasti dan diberi keutamaan diterapkan ke dalam strategi perniagaan jangka panjang kami serta pelan perniagaan jangka pendek dan sederhana dan seterusnya disatukan ke dalam kad skor seimbang kami.

PERKARA-PERKARA PENTING UTAMA DIKENALPASTI

PERSEKITARAN EKONOMI YANG MENCABAR

LANSKAP KAWAL SELIA YANG DINAMIK

TRANSFORMASI DIGITAL

PRODUK DAN PERKHIDMATAN YANG INOVATIF DAN BERASASKAN TEKNOLOGI

SEKURITI SIBER

JENAYAH KEWANGAN

PENGURUSAN & PENGEKALAN BAKAT

PEMBIAYAAN BERTANGGUNGJAWAB

RISIKO-RISIKO YANG WUJUD

Tinjauan ekonomi dunia masih tidak menentu kerana ianya secara lanjutan dibebani oleh langkah-langkah perdagangan yang ditetapkan pada tahun 2018 dan keperlantikan yang timbul daripada pengetatan dasar monetari ekonomi-ekonomi utama dunia.

Landskap pengawalseliaan yang sentiasa berubah termasuk pematuhan MFRS 9 dan juga pembaharuan Basel III mungkin mempengaruhi model perniagaan sedia ada bank dan mungkin meningkatkan pendedahan bank kepada risiko pematuhan.

Teknologi semakin mempengaruhi perlakuan para pelanggan; ini memberi tekanan terhadap bank untuk terus mengikut aliran evolusi atau menghadapi risiko ketinggalan zaman.

Produk dan perkhidmatan mestilah sentiasa berkembang untuk memenuhi permintaan para pelanggan, sekiranya tidak, ini akan mewujudkan risiko kehilangan bahagian pasaran.

Pelanggaran sekuriti siber meningkatkan ketidakpercayaan di kalangan para pelanggan dan kehilangan keyakinan terhadap institusi kewangan.

Jenayah kewangan seperti pengubahan wang haram, sekatan dan rasuah meningkatkan risiko reputasi dan pematuhan.

Cabaran dalam menarik dan mengekalkan bakat untuk membina barisan kepimpinan dan bakat unggul, terutamanya di dalam zaman serba digital ini. Kepakaran sedia ada pekerja mungkin usang sekiranya mereka tidak dilengkapi dengan kemahiran terkini untuk membantu mereka memenuhi keperluan masa depan.

Aktiviti-aktiviti pembiayaan, pinjaman, dan pelaburan bank mungkin mempunyai kesan tidak langsung/negatif terhadap alam sekitar dan masyarakat dan menerusi pemeriksaan ESG, kesan-kesan tersebut boleh diuruskan dengan lebih baik.

PELUANG-PELUANG YANG WUJUD

Meningkatkan permodenan, pelaburan infrastruktur, perkembangan kekayaan yang menyediakan peluang-peluang untuk menyediakan perkhidmatan pembiayaan dan perkhidmatan kewangan lain.

Memandangkan landskap pengawalseliaan yang dinamik, kami akan berusaha menjadikan pematuhan sebagai keutamaan pada 2019, dengan menumpukan lebih fokus terhadap dasar-dasar pengutuhan.

Kejayaan transformasi digital membolehkan kami bertindak balas dan berinovasi dengan cepat untuk menyampaikan pengalaman pelanggan yang mudah, cepat dan lancar. Ianya juga akan membantu mengukuhkan kedudukan pasaran kami dan memperluaskan capaian kami ke segmen pasaran baru.

Kemajuan teknologi akan membantu menguasai bahagian pasaran sedia ada dan membolehkan memasuki lancar ke segmen pasaran baru.

Strategi sekuriti siber yang teguh adalah penting ke arah membina keyakinan pelanggan.

Reputasi ketelusan dan integriti akan menarik dan mengekalkan pelanggan.

Mereka bentuk semula ketangkasan tenaga kerja bagi membina model operasi yang berjaya.

Keutamaan para pelabur semakin tertumpu terhadap institusi-institusi kewangan yang mengamalkan strategi kemampanan.

RESPONS KAMI

Kehadiran geografi kami yang merentasi 10 negara membolehkan kami mengurus portfolio perniagaan kami dengan lebih baik.

- Pendidikan dan kesedaran yang berterusan bagi Lembaga Pengarah dan para pekerja bagi mengenali keperluan pengawalseliaan terkini.
- Kajian berterusan ke atas dasar dan prosedur untuk menyelaraskannya dengan perubahan keperluan pengawalseliaan.
- Melaksanakan rangka kerja pematuhan dan pengurusan risiko yang mantap untuk memastikan tahap tadbir urus dan dasar kecemerlangan operasi yang lebih tinggi.
- Membina hubungan yang lebih kukuh dengan badan pengawal selia manakala unit perniagaan dan fungsian kami berusaha sama erat bagi memastikan pematuhan pengawalseliaan.

Berinovasi secara lanjutan dan memperkenalkan produk dan perkhidmatan digital yang canggih untuk meningkatkan pengalaman pelanggan, sambil memastikan amalan sekuriti siber terbaik bagi mengekalkan keyakinan pelanggan.

Membina keupayaan digital untuk menyampaikan pengalaman perbankan yang mudah, cepat dan lancar.

Mengkaji secara berterusan dan menambahbaik rangka kerja sedia ada untuk memastikan ianya memenuhi atau melebihi amalan terbaik industri dan selaras dengan trend terkini.

Membangunkan pendidikan dan kesedaran berterusan di kalangan para pekerja akan pentingnya pematuhan kawal selia, dasar dan prosedur.

- Pelaburan dalam pembangunan bakat untuk meningkatkan tahap kemahiran sumber manusia RHB
- Melaksanakan strategi keterlibatan pekerja untuk memacu kecemerlangan prestasi.

- Membangunkan Rangka Kerja Kemampanan Kumpulan dan mengenal pasti komitmen utama berasaskan EESG
- Memperkenalkan 7 produk Syariah baharu (dua daripadanya mengandungi elemen kemampanan) dan menambahbaik dua produk sedia ada dengan unsur-unsur kemampanan.
- Melancarkan aplikasi SyuQR yang merupakan e-wallet bagi sadaqah di masjid.
- Pembayaran zakat diagihkan semula kepada Asnaf Gharimin berdasarkan kelayakan.
- Mewujudkan kesedaran bagi SME Bumiputera TERAJU untuk menambahbaik kedudukan kewangan dan kredit mereka.
- Wujudkan usaha sama dengan Majlis Agama Negeri bagi membolehkan projek pendidikan wakaf.

Membolehkan para pemegang kad kredit RHB Islam untuk menukarkan mata kad sebagai sumbangan kepada masyarakat.

Dalam tahun-tahun kebelakangan ini, digital telah mengubah secara dramatik gaya hidup pengguna, bagaimana perniagaan beroperasi, serta membentuk semula industri yang berbeza dan trend mega ini semakin pantas. Gangguan digital yang sama juga memberi kesan kepada industri perkhidmatan kewangan.

Di tengah-tengah cabaran utama ini, Kumpulan RHB melihat digital juga sebagai peluang untuk mengubah perniagaan dan organisasi kami untuk menjadi lebih berdaya saing, dengan kos yang cekap dan juga lebih lincah dan tangkas dalam menangani pasaran yang cepat berubah. Objektif Program Transformasi Digital Kumpulan RHB adalah memanfaatkan teknologi digital bagi mencipta nilai yang signifikan untuk para pelanggan, kakitangan, pemegang saham, rakan kongsi perniagaan, komuniti yang kami memberi berkhidmat serta pemegang kepentingan lain dan untuk mengubah Kumpulan RHB menjadi salah satu daripada penyedia perkhidmatan kewangan digital terkemuka di rantau ini.

PENDIGITAN MERENTASI KUMPULAN KAMI

PENGENALAN

Program Transformasi Digital Kumpulan RHB telah dimulakan pada tahun 2017 untuk menyatukan semua inisiatif digital kami di seluruh Kumpulan, untuk mempercepat transformasi kami menjadi perniagaan dan organisasi perkhidmatan kewangan yang benar-benar digital, bersedia untuk memenuhi keperluan pelanggan kami yang berubah di masa hadapan.

Program meliputi: pendigitalisasi perjalanan pelanggan utama, pengewangan data besar, automasi proses robotik, perkongsian ekosistem digital, pembinaan keupayaan digital baharu dan tangkapan tangkas penuh, serta pengurusan perubahan dan pembolehan inisiatif digital.

BAGAIMANA KAMI MENGUKUR KEMAJUAN KAMI



Keputusan dan hasil Transformasi Digital Kumpulan RHB akan diukur berasaskan dimensi berikut:

- **Skop dan skala:** bilangan inovasi dan penyelesaian digital yang disampaikan, liputan perjalanan pelanggan, kes penggunaan data besar yang dilaksanakan serta bilangan perkongsian berkaitan digital yang dibuat.
- **Kesan kepada keputusan perniagaan:** keputusan inisiatif digital kepada perniagaan Kumpulan RHB. Ini termasuk kadar penggunaan perkhidmatan dan penyelesaian digital, penghijrahan perniagaan baharu dan transaksi dari saluran tradisional ke digital, pertumbuhan pelanggan aktif digital, serta sumbangan keuntungan dan kunci kira-kira daripada inisiatif digital.
- **Kesan kepada organisasi:** bilangan pekerja yang dilatih di bawah pelbagai program akademik digital, serta saiz bakat dengan kemahiran digital baharu seperti kejuruteraan perisian, reka bentuk pengalaman pengguna, sains data dan profesional yang tangkas dll.

BAGAIMANA KAMI MENCAPAINYA



Sebahagian daripada pencapaian utama program Transformasi Digital Kumpulan adalah:

- Menggunakan lebih daripada 10 penyelesaian digital baharu.
- Tambahan Keuntungan sebelum cukai sebanyak RM20 juta menerusi lebih daripada 20 kes analisis lanjutan dan data besar yang digunakan.
- Peningkatan pelanggan runcit digital yang aktif sebanyak 13% manakala jumlah transaksi melalui pelbagai saluran digital juga meningkat sebanyak 22%.
- Jumlah jualan digital meningkat dua kali ganda dalam beberapa bidang produk utama.
- **Perbankan Runcit Kumpulan**
 - > Penempatan FD dalam talian RM1,306.97 juta.
 - > Aset Pinjaman Digital (Penerimaan) RM1,654.11 juta.
 - > Pengenal Digital PF (Kelulusan) RM136.95 juta.
- **Perbankan Kumpulan Perniagaan dan Transaksi**
 - > Pinjaman PKS digital (tidak bercagar) RM3,620 juta.
- Cara bekerja lebih tangkas meningkatkan sehingga 3 barisan perniagaan.
- Pengurangan 27,000 jam manusia melalui proses automasi robot.
- Lebih 400 kakitangan RHB yang dilatih menerusi Akademi Digital kami dan 300 juara digital yang dilantik dan dilatih merentasi titik sentuhan pelanggan.



KEPENTINGAN UTAMA PELANGGAN

- Revolusi digital mengubah industri perkhidmatan kewangan secara dramatik dan menjadi semakin berdaya saing.
- Cabaran baru untuk pengawalseliaan/pematuhan pada transformasi digital termasuk implikasi dan perlindungan terhadap risiko yang lebih tinggi mengenai perlindungan data pelanggan/kestabilan kewangan/jenayah siber.
- Menggunakan pakai model perniagaan baharu supaya dapat bersaing dengan pemain digital bukan kewangan.
- Evolusi tingkah laku pelanggan dalam era digital di mana pelanggan menjadi lebih berkuasa dalam membuat keputusan pembelian mereka sendiri.
- Membina keupayaan digital untuk keseluruhan tenaga kerja organisasi.

ISU MATERIAL BERKAITAN

- Membina perkongsian Fintech penting dalam ruang pembayaran dan ekosistem yang berkaitan dengan perjalanan pelanggan semasa (contohnya Gadai janji, Deposit, PKS, dll).
- Meningkatkan usaha dalaman dan perekrutan dalam kompetensi/kedudukan baharu (contohnya saintis data, pembangun yang berpengalaman, pelatih UI/UX dan AGILE).
- Menggunakan pakai infrastruktur Data Besar untuk menyokong kes-kes penggunaan analitik yang lebih maju (contohnya Cetusan peristiwa masa nyata dengan data luaran).
- Untuk meneroka/menangani keperluan pelanggan melampaui perbankan (contohnya Pembelian pos/gaya hidup) dan menyediakan pengalaman pelanggan yang lebih baik dengan memanfaatkan pendigitalan.

PERKEMBANGAN UTAMA PADA TAHUN 2018

- Pendigitalisasian lebih banyak perjalanan utama pelanggan.
- Ketersediaan Platform Saluran Digital Generasi Baharu.
- Keupayaan Data besar dan analitik AI.
- 300+ pemimpin digital yang dilatih.
- Penerapan teknologi baharu: Robotik, AI, Awan, Sumber Terbuka.
- Skala Agile ke 5-7 kunci SBGs.
- Perindustrian Pembangunan Operasi.

KEUTAMAAN BAGI TAHUN 2019

- Mempertingkatkan pendigitalan teras kami dengan meneruskan perjalanan sedia ada termasuk Portal QR Pay dan PKS
- 25 kes penggunaan analisis baharu dengan penekanan yang lebih besar pada Data Besar.
- Meningkatkan fokus terhadap perkongsian ekosistem & API dalam perjalanan digital
- Meneroka inovasi baru contohnya ChatBot, eKYC.
- Penerusan MVP2 DCP (Perbankan Internet).

MELANGKAH KE HADAPAN

- Transformasi Digital RHB akan digerakkan oleh Platform Saluran Digital umum yang baharu dan infrastruktur analisis data besar untuk menyampaikan inovasi yang berterusan dan penglibatan secara peribadi.
- Meneruskan Transformasi Digital kami untuk merebut kepimpinan dalam segmen yang tepat, meningkatkan pengalaman pelanggan dan mengurangkan kos untuk berkhidmat.

Sasaran Jangka Panjang:

- 80% transaksi melalui saluran digital
- 50% daripada perniagaan baharu berasal dari digital
- 25% daripada perniagaan baharu yang digerakkan oleh analisis
- 15% daripada hasil melalui perkongsian eko-sistem digital
- 2-3% pengurangan CIR langsung dari digital
- Memanfaatkan analisis data dan menggunakan data besar (data dalaman tidak berstruktur dan media sosial luaran) untuk peluang jualan silang/kenaikan jualan untuk semua bidang perniagaan utama dan kecerdasan buatan (AI) yang membolehkan jualan silang/kenaikan jualan.
- Pertubuhan yang Agile sepenuhnya di mana semua unit perniagaan & fungsi sokongan beroperasi pada Mod Agile, dan Digital & cara bekerja AGILE berfungsi sebagai kecekapan teras & kurikulum RHB.

- Perbezaan utama adalah menerusi metodologi perjalanan pelanggan dan tumpuan pelanggan.

– Gadai janji:

- > **Ekosistem gadai janji penuh** (Keterhubungan ke semua pemaju hartanah, portal gadai janji dalam talian & agen hartanah melalui API) dan
- > **Ekosistem pasca pembelian** (Pengubahsuaian, perkhidmatan isi rumah, Pinjaman pengubahsuaian, dll)

– Deposit: Penambahbaikan/inovasi lain

- > **Perolehi:** Membuka CASA/FD secara digital dengan eKYC
- > **Beralih:** Penglibatan secara peribadi berdasarkan gaya hidup dan peralihan dari bank lain
- > **Berkembang:** Cadangan proaktif untuk mengembangkan kekayaan peribadi

– PKS: Ekosistem Digital Penuh

- > **Atas Papan:** Memohon untuk produk dan kemudahan perbankan secara digital
- > **Beroperasi:** Papan pemuka digital hujung-ke-hujung; pengaitan kepada rakan kongsi ekosistem
- > **Berkembang:** Penyelesaian modal dan pembiayaan

Di RHB, kami meletakkan pelanggan kami sebagai keutamaan dalam segala yang kami lakukan. Ini membantu membezakan kami dalam industri perbankan yang sangat kompetitif. Pada tahun ini, kami melancarkan RHB Way; program transformasi dengan komitmen teguh barisan kepimpinan, yang dibangunkan untuk memberikan pengalaman yang unggul bagi memenuhi keperluan pelanggan kami. Program ini diwujudkan untuk membina kepercayaan, memberikan kemudahan kepada pelanggan kami dan mencipta nilai dalam hubungan. Kami terus meningkatkan pendekatan pelanggan menerusi penglibatan yang berterusan dan mencipta pengalaman yang diinginkan. Ini termasuk menubuhkan bank digital, mereka semula perjalanan pelanggan kami dan membangunkan kakitangan kami untuk kelebihan daya saing jangka panjang.

Piagam perkhidmatan pelanggan kami menyatakan dengan jelas akan standard perkhidmatan yang boleh dijangkakan oleh pelanggan kami.

MENGUBAH PENGALAMAN PELANGGAN

TUMPUAN PELANGGAN



Kami memahami pelanggan kami dan menawarkan produk, perkhidmatan dan penyelesaian yang mereka perlukan untuk mencapai matlamat mereka. Kami memudahkan para pelanggan kami untuk melakukan perbankan dengan kami dan kami menegakkan integriti yang tinggi dalam tatakelakuan kami dan menguruskan perhubungan kami dengan pelanggan.

WAWASAN DAN MAKLUM BALAS PELANGGAN



Kami mendengar pelanggan kami untuk memahami keperluan mereka dan melaksanakan pandangan, kehendak dan impian perkhidmatan mereka kepada pengalaman sebenar di RHB.

- Kami mengambil setiap kesempatan untuk mengumpulkan maklum balas terbuka dan jujur**
Kami memudahkan para pelanggan untuk berkongsi maklum balas mereka dengan kami dalam apa jua cara, bila-bila masa dan dari mana-mana sahaja.
- Kami mendengar untuk menyokong**
Kami mendengar untuk membuat pengalaman perbankan lebih menyenangkan untuk pelanggan kami.
- Kami membina hubungan**
Kami mendengar maklum balas pelanggan kami untuk membina hubungan yang lebih kukuh.
- Kami bertindak atas isu-isu yang paling penting kepada pelanggan kami**
Kami bersedia untuk terus belajar untuk menjadi dari baik kepada hebat.

MENGUKUR KEJAYAAN



Skor Promoter Bersih ("NPS") purata kami meningkat dari -9 kepada 0.

Indeks Kepuasan Pelanggan kami ("CSI") adalah 75, lebih tinggi daripada purata industri pada 74.

2018 juga menyaksikan RHB menerima pengiktirafan industri atas kecemerlangan dalam Pengalaman Pelanggan:

- Model Perniagaan Pengalaman Pelanggan Terbaik oleh CXFS Asia 2018.
- Pengalaman Perkhidmatan Diri Terbaik dalam Perbankan Runcit oleh Frost & Sullivan Malaysia.
- Pengalaman Pelanggan Terbaik - Pusat Panggilan oleh CXFS Asia 2018.
- Individu Analisis Data dan Perniagaan Terbaik oleh Anugerah CCAM 2018.



KEPENTINGAN UTAMA PELANGGAN

- Secara konsisten menyediakan saya dengan perkhidmatan mesra dan responsif di semua titik sentuh.
- Menawarkan produk dan perkhidmatan yang memenuhi keperluan saya.
- Membuat pengalaman perbankan saya mudah dan pantas.
- Menyediakan lebih banyak fungsi dan meningkatkan kestabilan untuk perbankan dalam talian dan mudah alih saya.
- Memudahkan saya mendapatkan perkhidmatan Pusat Panggilan.
- Memahami dan menyelesaikan masalah saya dengan tepat dan cepat.
- Keberkesanan lanjutan dan susulan kepada permintaan saya.

ISU MATERIAL BERKAITAN

- Memperkukuhkan budaya perkhidmatan dalam menyampaikan janji jenama dan mempertingkatkan kemahiran kakitangan dalam penyampaian perkhidmatan dan pengetahuan produk.
- Mengurangkan masa pemulihan untuk transaksi.
- Membuatkan lebih mudah, cepat dan selamat untuk mengurusniaga melalui talian, mudah alih dan pusat panggilan menerusi inovasi dan pendigitan.
- Proses pengurusan aduan yang mantap untuk memberikan penyelesaian adil kepada para pelanggan kami.
- Memperkasakan kakitangan kami untuk memberikan pengalaman pelanggan yang lebih baik dan konsisten.

PERKEMBANGAN UTAMA PADA TAHUN 2018

- Mempercepatkan pengenalan dan penggunaan saluran digital. Peningkatan penggunaan dalam talian kepada 60.2% dan 63.3% pada saluran mudah alih.
- 96% masa transaksi pemulihan perkhidmatan utama adalah lebih baik daripada purata industri pada 76% bagi 5 terbaik dalam kelas.
- Melancarkan Program Budaya Perkhidmatan RHB Way di semua titik sentuh perkhidmatan melalui pengenalan Komitmen Perkhidmatan Saya. Lebih daripada 400 pemimpin rangkaian seluruh negara menghadiri Program Kepimpinan Perkhidmatan yang memupuk sifat kepimpinan perkhidmatan dan meningkatkan kemahiran penglibatan.
- Membangunkan peranan tadbir urus Advokasi Pelanggan untuk mempromosikan pengurusan aduan yang berkesan. 97.5% daripada aduan telah diselesaikan dalam tempoh 5 hari bekerja, melebihi sasaran dalam 14 hari kalendar yang ditetapkan oleh BNM
- Lebih 13,000 jam hubungan bagi teknik Penghargaan Pertanyaan bagi memperkasakan kakitangan untuk melaksanakan idea bagi menyediakan perkhidmatan yang cemerlang.

KEUTAMAAN BAGI TAHUN 2019

- Memperluaskan program Budaya Perkhidmatan RHB Way ke seluruh kumpulan kepada jualan, sokongan dan kumpulan perniagaan, yang meliputi Runcit, Korporat & Pelaburan, Insurans dan Syariah. Sebanyak 600 pemimpin menghadiri Program Kepimpinan Perkhidmatan yang menjadikan lebih daripada 1000 pemimpin tertinggi kumpulan yang bersedia untuk memacu kecemerlangan perkhidmatan.
- Menubuhkan Pusat Kepakaran Pengalaman Pelanggan Kumpulan ("CoE") yang mengamalkan cara bekerja AGILE dengan 4 kumpulan yang menumpukan kepada Budaya Perkhidmatan, menjuarai sokongan pelanggan, merekabentuk pengalaman dari pandangan pelanggan, dan meningkatkan kemahiran kakitangan untuk memberikan pengalaman yang lebih baik.
- Memperdalamkan hubungan pelanggan sedia ada dengan kakitangan yang diperkasakan yang menawarkan pengalaman perkhidmatan peribadi.
- Memanfaatkan data dan analisis lanjutan untuk mendapatkan pandangan pelanggan yang mendalam dan menyediakan persembahan yang tepat pada masanya dan relevan.
- Terus memetakan perjalanan pelanggan dan melaksanakan penyelesaian yang didayakan oleh digital untuk meningkatkan kemudahan pelanggan.

MELANGKAH KE HADAPAN

- Meningkatkan penggunaan analisis data dan membangunkan penyelesaian yang didayakan oleh digital yang inovatif dan mudah dengan keupayaan untuk melindungi maklumat peribadi pelanggan kami dan mengurangkan risiko keselamatan siber.
- Terus menyediakan pengalaman pelanggan yang lebih baik di semua titik sentuhan dengan pemetaan perjalanan pelanggan dan alat pemikiran reka bentuk.
- Memperkukuh kerjasama dalam Kumpulan bagi menyampaikan komitmen perkhidmatan kami untuk Membina Amanah, Menyediakan Kemudahan dan Mencipta Nilai dalam setiap interaksi dengan pelanggan kami.

Pinjaman dan pembiayaan kasar Kumpulan meningkat sebanyak 5.5% tahun ke tahun kepada RM168.9 bilion. Pinjaman dan pembiayaan dalam negeri secara keseluruhan, disokong oleh pertumbuhan gadaai janji yang kukuh, pembiayaan peribadi dan PKS, meningkat 5.6% tahun ke tahun sejajar dengan pertumbuhan industri. Bahagian pasaran pinjaman dalam negeri Kumpulan kekal stabil pada 9.1% pada akhir Disember 2018.

Pinjaman kasar luar negeri meningkat sebanyak 4.2% terutamanya disebabkan oleh pertumbuhan di Singapura dan Thailand.



KUALITI ASET

Kualiti aset keseluruhan untuk Kumpulan telah bertambah baik. Pinjaman rosot nilai kasar berjumlah RM3.48 bilion pada 31 Disember 2018 dengan nisbah pinjaman rosot nilai kasar meningkat kepada 2.06% berbanding 2.23% setahun yang lalu dan 2.53% pada 1 Januari 2018 selepas menerima pakai MFRS9.

Kami terus berhemat dalam peruntukan kerugian pinjaman dengan liputan kerugian pinjaman pada 103.0% pada akhir Disember 2018, baki melebihi 100% sepanjang tahun.

Ulasan Prestasi oleh Ketua Pegawai Kewangan

JUMLAH LIABILITI DAN EKUITI

Jumlah liabiliti meningkat sebanyak 6.2% kepada RM219.8 bilion pada 31 Disember 2018, terutamanya disebabkan oleh deposit yang lebih tinggi daripada pelanggan dan obligasi rekursa atas pinjaman yang dijual kepada Cagamas. Ini telah diimbangi oleh penurunan deposit dan penempatan bank dan institusi kewangan lain.

Ekuiti pemegang saham naik sedikit sebanyak 0.9% kepada RM23.4 bilion, dengan pendapatan bertahan yang lebih tinggi, keuntungan terjemahan mata wang asing dan keuntungan bertanda-kepada-pasaran atas aset kewangan yang diukur di FVOCI, sebahagiannya diimbangi oleh pembayaran dividen pada tahun ini. Aset bersih sesaham meningkat kepada RM5.82 daripada RM5.77 sebelumnya.

DEPOSIT DARIPADA PELANGGAN

Deposit pelanggan meningkat kepada RM178.9 bilion, 7.2% lebih tinggi berbanding tahun lepas terutamanya didorong oleh pertumbuhan dalam simpanan tetap. Oleh kerana persaingan untuk CASA kekal sengit, komposisi CASA menurun kepada 25.9% daripada jumlah deposit sebanyak 30.2% pada 31 Disember 2017. Nisbah perlindungan kecairan Kumpulan dan nisbah pembiayaan bersih stabil adalah melebihi keperluan kawal selia pada Disember 2018.





Deposit untuk operasi domestik meningkat sebanyak 8.7%, manakala operasi luar negara mencatatkan penurunan sebanyak 5.1% dengan Singapura mencatatkan penurunan 11.6%.

DEPOSIT DAN PENEMPATAN BANK DAN INSTITUSI KEWANGAN LAIN

Deposit dan penempatan bank dan institusi kewangan lain menurun sebanyak 13.2% kepada RM18.3 bilion terutamanya disebabkan oleh penurunan deposit dari bank berlesen dan bank Islam berlesen.

SEKURITI HUTANG SENIOR

Sekuriti hutang senior meningkat sedikit sebanyak 2.2% kepada RM3.3 bilion.




OBLIGASI SUBORDINAT

Obligasi subordinat kekal pada tahap yang sama seperti tahun sebelumnya pada RM3.7 bilion.


KECUKUPAN MODAL

Pada 31 Disember 2018, nisbah ekuiti biasa tahap 1 (“CET-1”) dan nisbah modal keseluruhan Kumpulan selepas dividen akhir yang dicadangkan, masing-masing kekal kukuh pada 15.5% dan 18.8%, antara yang tertinggi dalam industri.


RHB Bank Group




RHB Bank



RHB Islamic Bank



RHB Investment Bank




■ Modal CET 1 ■ Modal Tahap 1 ■ Jumlah Modal

N1: Nisbah adalah selepas dividen akhir TK2017

N2: Nisbah adalah selepas cadangan dividen akhir TK2018

Ulakan Prestasi oleh Ketua Pegawai Kewangan

TINJAUAN PRESTASI UNIT PERNIAGAAN UTAMA



Perbankan Runcit Kumpulan melaporkan keuntungan sebelum cukai sebanyak RM1,002.7 juta, 4.4% lebih tinggi berbanding tahun sebelumnya. Ini disebabkan oleh pendapatan berasaskan dana bersih dan bukan berasaskan dana yang lebih tinggi, sebahagiannya diimbangi oleh elaun yang lebih tinggi untuk kerugian kredit ke atas pinjaman dan perbelanjaan operasi yang lebih tinggi.

Perbankan Perniagaan Kumpulan mencatatkan keuntungan sebelum cukai sebanyak RM397.7 juta, peningkatan 1.3% dari tahun ke tahun terutamanya disebabkan oleh pendapatan berasaskan dana bersih yang lebih tinggi, sebahagiannya diimbangi oleh perbelanjaan operasi yang lebih tinggi.

Perbankan Borong Kumpulan mencatatkan keuntungan sebelum cukai sebanyak RM1,782.6 juta, meningkat 2.7% berbanding tahun sebelumnya.

- **Perbankan Korporat dan Pelaburan Kumpulan** mencatatkan kenaikan keuntungan sebelum cukai sebanyak 4.1% kepada RM593.8 juta disebabkan oleh pendapatan bukan berasaskan dana dan pendapatan berasaskan dana bersih yang lebih tinggi. Pinjaman dan pembiayaan kasar menurun sebanyak 2.5% kepada RM50.3 bilion disebabkan beberapa

pembayaran balik korporat yang besar. Deposit menurun sebanyak 9.4% dalam tempoh yang sama kepada RM53.7 bilion terutamanya disebabkan oleh penurunan dalam deposit tetap dan semasa.

- **Perbendaharaan dan Pasaran Global Kumpulan** merekodkan pertumbuhan keuntungan sebelum cukai sebanyak 2.0% kepada RM1,188.7 juta, terutamanya disebabkan oleh pendapatan berasaskan dana bersih yang lebih tinggi dan keuntungan pertukaran wang asing yang lebih tinggi, sebahagiannya diimbangi oleh pendapatan perdagangan/pelaburan yang lebih rendah. Jumlah deposit meningkat sebanyak 47.9% kepada RM32.9 bilion untuk memenuhi keperluan pembiayaan Kumpulan.
- **RHB Bank Singapura** mencatatkan keuntungan sebelum cukai sebanyak SGD56.4 juta berbanding kerugian sebelum cukai sebanyak SGD90.8 juta pada tahun sebelumnya.
 - Peningkatan ini terutamanya disebabkan oleh kerugian kredit yang dijangka rendah memandangkan kerugian besar yang disediakan untuk bon korporat dan pinjaman dalam industri minyak dan gas tahun lepas sebahagiannya diimbangi oleh

perbelanjaan operasi yang lebih tinggi.

- Pinjaman dan pendahuluan Singapura meningkat 3.3% kepada SGD3.9 bilion, manakala deposit pelanggan menurun sebanyak 11.7% kepada SGD4.4 bilion sementara Kumpulan meneruskan strategi untuk memulihkan perniagaannya di Singapura.

- **Perniagaan Antarabangsa** tidak termasuk Singapura mencatatkan keuntungan sebelum cukai sebanyak RM87.3 juta, 50.3% lebih tinggi daripada setahun lalu, berikutan peningkatan keuntungan di Kemboja dan Thailand.
- **Perniagaan Islam Kumpulan RHB** merekodkan pertumbuhan keuntungan sebelum cukai sebanyak 20.7% T-k-T kepada RM579.2 juta disebabkan oleh pendapatan berasaskan dana bersih dan bukan berasaskan dana yang lebih tinggi.
 - Pembiayaan kasar merekodkan pertumbuhan dua angka yang kukuh sebanyak 21.6% T-k-T kepada RM52.3 bilion.
 - Perniagaan Islam menyumbang 34.2% kepada jumlah pinjaman dan pembiayaan kasar domestik Kumpulan, meningkat daripada 29.7% pada 31 Disember 2017.

DIVIDEN AKHIR YANG DICADANGKAN

Lembaga Pengarah percaya dalam mengimbangi keseimbangan yang betul antara memelihara modal Kumpulan untuk menyokong pertumbuhan masa depan dan mengagihkan pulangan kepada para pemegang saham.

Berikutan keputusan 2018 yang memuaskan, Lembaga mencadangkan dividen akhir sebanyak 13 sen sesaham berjumlah RM521.3 juta. Bersama dengan dividen interim sebanyak 7.5 sen sesaham yang dibayar pada Oktober 2018, jumlah dividen bagi tahun 2018 adalah 20.5 sen sesaham, mewakili nisbah pembayaran dividen sebanyak 35.7% daripada keuntungan bersih Kumpulan yang boleh diagihkan kepada para pemegang saham sebanyak RM2,305.2 juta untuk tahun kewangan 2018.


RINGKASAN DAN MELANGKAH KE MASA DEPAN

Tahun 2018 merupakan tahun penting bagi Kumpulan dari segi pelbagai aspek. Dari perspektif kewangan, kami mencapai rekod keuntungan dan terus mengurus kos dan kualiti aset sementara menjalankan disiplin kunci kira-kira dalam aset kami yang semakin meningkat. Kami melancarkan strategi lima tahun baru kami FIT22, yang memberi tumpuan kepada memperkukuhkan Malaysia sebagai pasaran utama kami, segmen sasaran untuk dimenangi dan membina model operasi yang kukuh melalui digitalisasi dan amalan berkerja secara AGILE.

Pada tahun 2019, kami akan terus memberi tumpuan kepada keutamaan ini untuk meningkatkan prestasi, kecekapan operasi dan produktiviti untuk menjana nilai kepada para pemegang saham. Dengan tahap modal yang kukuh, kedudukan kecairan yang sihat dan liputan yang mencukupi bagi kerugian pinjaman, asas Kumpulan yang kukuh memberikan sokongan walaupun ketidaktentuan global dan cabaran ekonomi berterusan.

SEBENAR BERBANDING SASARAN BAGI TAHUN 2018

PETUNJUK PERINGKAT TINGGI




Sorotan Kewangan Kumpulan

	2018	2017
KEUNTUNGAN (RM'juta)		
Jumlah pendapatan	6,806	6,384
Keuntungan operasi sebelum elaun	3,448	3,200
Keuntungan sebelum cukai	3,119	2,558
Keuntungan boleh diagihkan kepada pemegang-pemegang ekuiti Bank	2,305	1,950
POSISI KEWANGAN (RM'juta)		
Jumlah aset	243,166	230,210
Aset kewangan dan portfolio pelaburan kewangan	50,469	47,427
Pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan	168,879	160,124
Jumlah liabiliti	219,770	207,025
Deposit daripada pelanggan-pelanggan	178,856	166,865
Ekuiti pemegang-pemegang saham	23,358	23,150
RATIO KEWANGAN (%)		
Pulangan bersih ke atas purata ekuiti pemegang saham	10.3%	8.7%
Pulangan bersih ke atas purata jumlah aset	1.0%	0.8%
Nisbah pinjaman terjejas kasar	2.06%	2.23%
Pinjaman kasar kepada nisbah deposit	94.4%	96.0%
NISBAH KECUKUPAN MODAL (%)^{N1}		
Ekuiti biasa Tahap 1 Nisbah Modal	15.5%	13.9%
Tahap 1 Nisbah Modal	15.7%	14.2%
Jumlah Nisbah Modal	18.8%	17.2%


N1: Nisbah adalah selepas dividen akhir yang dicadangkan

Maklumat Lima Tahun Kewangan Kumpulan


Jumlah Aset (RM'juta)




Keuntungan Sebelum Cukai (RM'juta)




Pinjaman, Pendahuluan dan Pembiayaan (RM'juta)




Deposit daripada Pelanggan-pelanggan (RM'juta)



Ekuiti Pemegang-pemegang Saham (RM'juta)



Dividen Bersih ^{N1} (RM'juta)



N1: Tahun 2014 menunjukkan dividen bersih dibayar/diisytiharkan oleh RHB Capital kepada para pemegang sahamnya. Rancangan Pelaburan Semula Dividen dilaksanakan untuk dividen ini dan kadar pelaburan semula masing-masing adalah 73% (2014).

Tahun 2015 menunjukkan dividen bersih yang diisytiharkan oleh RHB Bank kepada RHB Capital. Dividen bersih yang diisytiharkan oleh RHB Capital kepada pemegang sahamnya pada tahun 2015 adalah RM369 juta.


Rumusan Lima Tahun Kewangan Kumpulan

	RHB BANK GROUP				RHB CAPITAL GROUP
	2018	2017	2016	Restated 2015	2014
KEPUTUSAN OPERASI (RM'Juta)					
Keuntungan operasi sebelum elaun	3,448	3,200	3,095	2,545	2,824
Keuntungan sebelum cukai	3,119	2,558	2,232	2,251	2,735
Keuntungan bersih diagihkan kepada pemegang-pemegang ekuiti Bank	2,305	1,950	1,682	1,665	2,038
DATA LEMBARAN IMBANGAN (RM'Juta)					
Jumlah aset	243,166	230,210	236,679	227,938	219,354
Pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan	168,879	160,124	154,469	151,386	142,486
Jumlah liabiliti	219,770	207,025	214,905	210,246	200,460
Deposit daripada pelanggan-pelanggan	178,856	166,865	165,636	158,158	157,134
Ekuiti pemegang-pemegang saham	23,358	23,150	21,745	17,668	18,794
Komitmen dan kontingensi	172,941	172,226	196,190	186,078	133,504
MAKLUMAT SAHAM					
Dividen kasar sesaham – (sen)	20.5	15.0	12.0	16.33	6.00
Aset bersih sesaham – (RM)	5.8	5.8	5.4	5.1	7.3
Aset ketara bersih sesaham – (RM)	5.0	5.0	4.7	4.2	5.3
Perolehan asas sesaham – (sen)	57.5	48.6	43.6	48.4	79.7
Harga saham – (RM)	5.29	5.00	4.71	4.35 ^{N1}	7.62
Permodalan pasaran (RM'juta)	21,213	20,050	18,887	17,444 ^{N2}	19,602
NISBAH KEWANGAN (%)					
Nisbah Keuntungan					
Pulangan bersih ke atas purata ekuiti pemegang-pemegang saham	10.3	8.7	8.5	10.0	11.5
Pulangan bersih ke atas purata jumlah aset	1.0	0.8	0.7	0.7	1.0
Nisbah kos kepada pendapatan	49.3	49.9	50.0	58.8	54.7
Kualiti Aset					
Nisbah pinjaman kasar kepada deposit	94.4	96.0	93.3	95.7	90.7
Nisbah pinjaman terjejas kasar	2.06	2.23	2.43	1.88	2.03
Saham Biasa					
Hasil dividen	3.9	3.0	2.5	3.7 ^{N1}	0.8
Nisbah pembayaran dividen	35.7	30.8	28.6	33.9	7.6


N1: Harga saham RHB Bank pada tahun 2015 adalah berdasarkan nisbah pertukaran saham 1: 1.3

N2: Berdasarkan asas saham RHB Bank yang diperbesarkan selepas suntikan modal pada April 2016


Ringkasan Penyata Kedudukan Kewangan Kumpulan




- Depositi berkanun
- Baki pelanggan dan broker
- Aset lain



- Pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan
- Portfolio aset dan pelaburan kewangan
- Tunai dan dana jangka pendek





- Obligasi surbodinat dan Sekuriti Modal Hibrid Tahap-1
- Liabiliti lain
- Ekuiti pemegang saham





- Depositi daripada pelanggan-pelanggan
- Depositi dan penempatan bank serta institusi kewangan lain
- Pinjaman dan sekuriti hutang kanan

Analisis Berseghmen



- Perbankan Runcit Kumpulan
- Perbankan Perniagaan Kumpulan
- Perbankan Korporat & Pelaburan Kumpulan

- Perbendaharaan & Pasaran Global Kumpulan
- Perniagaan Antarabangsa Kumpulan



● Malaysia

● Luar Negara*

* Termasuk operasi perbankan RHB Investment di luar negara

Prestasi Suku Tahunan Kumpulan

	2018				
	Suku Pertama	Suku Kedua	Suku Ketiga	Suku Keempat	Jumlah
Prestasi Kewangan (RM'Juta)					
Jumlah pendapatan	1,769	1,618	1,686	1,733	6,806
Pendapatan berasaskan dana bersih	1,237	1,245	1,219	1,242	4,943
Pendapatan berasaskan bukan dana	532	373	467	491	1,863
Keuntungan operasi sebelum peruntukan	907	818	861	862	3,448
Keuntungan sebelum cukai	792	773	779	775	3,119
Keuntungan bersih diagihkan kepada pemegang ekuiti Bank	591	570	579	565	2,305
Pendapatan sesaham (sen)	14.7	14.2	14.4	14.1	57.5
Dividen sesaham (sen)	–	7.5	–	13.0	20.5

	2017				
	Suku Pertama	Suku Kedua	Suku Ketiga	Suku Keempat	Jumlah
Prestasi Kewangan (RM'Juta)					
Jumlah pendapatan	1,554	1,579	1,584	1,667	6,384
Pendapatan berasaskan dana bersih	1,093	1,146	1,159	1,156	4,554
Pendapatan berasaskan bukan dana	461	433	425	511	1,830
Keuntungan operasi sebelum peruntukan	794	795	791	820	3,200
Keuntungan sebelum cukai	658	654	644	602	2,558
Keuntungan bersih diagihkan kepada pemegang ekuiti Bank	500	501	489	460	1,950
Pendapatan sesaham (sen)	12.5	12.5	12.2	11.5	48.6
Dividen sesaham (sen)	–	5.0	–	10.0	15.0

Aset dan Liabiliti Utama yang Menggalas Faedah



2018	Jumlah (RM'juta)	Kadar faedah Efektif (%)	Pendapatan/ perbelanjaan berasaskan dana (RM'juta)
Aset Pendapatan Faedah			
Wang tunai dan dana jangka pendek & Deposit dan penempatan dengan bank dan institusi kewangan lain	13,451	2.69%	302
Aset kewangan pada nilai saksama menerusi keuntungan atau kerugian	3,801	4.32%	82
Aset kewangan pada nilai saksama melalui pendapatan komprehensif lain	32,578	3.73%	1,071
Pelaburan kewangan pada kos yang dilunaskan	14,090	3.91%	638
Pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan kasar	168,879	5.39%	8,717
Liabiliti Berfaedah			
Deposit daripada pelanggan-pelanggan & Deposit dan penempatan dengan bank dan institusi kewangan lain	197,147	2.79%	5,320
Obligasi subordinat/sekuriti hutang kanan/Sekuriti Modal Hibrid Tahap-1/Pinjaman	8,858	3.95%	357

2017	Jumlah (RM'juta)	Kadar faedah Efektif (%)	Pendapatan/ perbelanjaan berasaskan dana (RM'juta)
Aset Pendapatan Faedah			
Wang tunai dan dana jangka pendek & Deposit dan penempatan dengan bank dan institusi kewangan lain	11,113	2.24%	383
Aset kewangan pada nilai saksama menerusi keuntungan atau kerugian	2,564	3.88%	39
Pelaburan kewangan sedia untuk dijual	25,817	3.52%	931
Pelaburan kewangan dipegang sehingga matang	19,046	3.86%	735
Pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan kasar	160,124	5.16%	7,954
Liabiliti Berfaedah			
Deposit daripada pelanggan-pelanggan & Deposit dan penempatan dengan bank dan institusi kewangan lain	187,945	2.54%	4,872
Obligasi subordinat/sekuriti hutang kanan/Sekuriti Modal Hibrid Tahap-1/Pinjaman	8,757	3.94%	440

Penyata Nilai Tambah

	2018	2017
Nilai Tambah (RM'juta)		
Pendapatan faedah bersih	3,655	3,522
Pendapatan dari Perniagaan Perbankan Islam	1,428	1,079
Pendapatan bukan faedah	1,722	1,783
Overhed tidak termasuk kos kakitangan dan susut nilai & pelunasan	(1,132)	(1,117)
Elaun untuk kerugian kredit & kecacatan	(329)	(642)
Nilai tambah tersedia untuk pengagihan	5,344	4,625

Pembahagian Nilai Tambah



Untuk Kakitangan:

- Kos kakitangan

Untuk Kerajaan:

- Cukai (Tidak termasuk Cukai Tertunda)

Untuk penyedia modal:

- Dividen tunai dibayar kepada pemegang saham

Untuk pelaburan semula dalam Kumpulan:

- Susut nilai & pelunasan
- Keuntungan tertahan

Pengurusan Modal

TINJAUAN KESELURUHAN

Pendekatan pengurusan modal Kumpulan memberi tumpuan kepada pengekalan kedudukan modal yang sihat untuk menyokong pertumbuhan perniagaannya sambil mengoptimalkan pulangan kepada pemegang saham kami. Struktur dan rangka kerja modal dibentuk untuk memenuhi bukan sahaja keperluan pengawalseliaan tetapi juga untuk memenuhi jangkaan pelbagai pihak berkepentingan, seperti pemegang saham, pelabur, pelanggan dan juga agensi penarafan. Untuk tujuan ini, Rangka Kerja Pengurusan Modal Kumpulan (CMF) dilaksanakan untuk menyediakan pengawasan bersepadu untuk aktiviti pengurusan modal yang menjangkau fungsi risiko, kewangan dan perbendaharaan, untuk membawa nilai yang lebih kepada perniagaan. Prinsip-prinsip utama CMF Kumpulan disenaraikan seperti berikut:

PRINSIP		
<p>PRINSIP 1</p>  <p>Tadbir Urus Pengurusan Modal</p> <p>Tadbir urus dilaksanakan untuk memantau aktiviti pengurusan modal dan mentakrifkan tugas & tanggungjawab dalam organisasi dengan jelas.</p>	<p>PRINSIP 2</p>  <p>Aktiviti Pengurusan Modal – Strategi Modal</p> <p>Strategi modal adalah sejajar dengan strategi keseluruhan perniagaan, profil risiko dan keperluan kawal selia.</p>	<p>PRINSIP 3</p>  <p>Aktiviti Pengurusan Modal – Perancangan Modal</p> <p>Kumpulan merumuskan pelan modal yang komprensif dan berpandangan jauh untuk memastikan kemampunan dan menyokong pertumbuhan perniagaan.</p>
<p>PRINSIP 4</p>  <p>Aktiviti Pengurusan Modal – Peruntukan/Penstrukturian/Pengoptimuman Modal</p> <p>Aktiviti pengurusan modal yang mantap membolehkan Kumpulan untuk menstrukturkan peruntukan modal dengan cekap merentasi perniagaan dan entitinya untuk memaksimumkan pulangan dan memastikan penggunaan modal secara optimum.</p>	<p>PRINSIP 5</p>  <p>Analisis Modal</p> <p>Ini memberikan pemahaman untuk merumuskan strategi pengurusan modal bank dan membantu menentukan bekalan modal dan keperluan permintaan.</p>	<p>PRINSIP 6</p>  <p>Pelaporan & Pemantauan Modal</p> <p>Ini adalah penting untuk memastikan maklumat modal yang lengkap, tepat pada masanya dan betul untuk keputusan pengurusan.</p>

PEMANTAUAN DAN PERANCANGAN MODAL

Pengurusan modal yang berkesan adalah penting untuk mengekalkan kemampunan perniagaan. Kumpulan menguruskan kedudukan modalnya secara proaktif dalam usaha untuk memenuhi keperluan kawal selia, jangkaan daripada pelbagai pihak berkepentingan dan menyokong objektif perniagaannya yang strategik.

Kumpulan mencapai objektif ini melalui Proses Penilaian Kecukupan Modal Dalaman (ICAAP) tahunan di mana kami secara aktif memantau dan menguruskan kedudukan modal selama tiga tahun, yang melibatkan aktiviti-aktiviti utama seperti berikut:

- (i) Menetapkan sasaran modal di dalam kedua-dua keadaan biasa dan tertekan untuk semua anak-anak syarikat perbankan, di kedua-dua peringkat kumpulan dan entiti, dengan mengambil kira jangkaan perubahan kawal selia dan jangkaan pihak berkepentingan;
- (ii) Meramalkan permintaan modal untuk risiko ketara berdasarkan kehendak risiko Kumpulan;
- (iii) Menentukan keperluan untuk pengeluaran modal dan profil kematangan sekuriti modal.

Jawatankuasa Risiko Lembaga (BRC) dan Jawatankuasa Modal dan Risiko Kumpulan (GCRC) bertanggungjawab untuk menyelia perancangan modal dan proses penilaian dalam Kumpulan dan memastikan bahawa Kumpulan dan anak-anak syarikatnya mengekalkan tahap kualiti modal yang sesuai dan selaras dengan profil risiko dan strategi perniagaan secara keseluruhan.

INISIATIF MODAL SEPANJANG TAHUN

Inisiatif modal utama pada tahun 2018 merupakan suntikan modal sebanyak RM400.0 juta kepada RHB Islamic Bank Berhad pada bulan Mac 2018 untuk mengukuhkan asas modal keseluruhannya.

NISBAH KECUKUPAN MODAL

Di bawah Rangka Kerja Kecukupan Modal (Komponen Modal) Bank Negara Malaysia, semua institusi-institusi kewangan dikehendaki untuk mengekalkan kawal selia minimum Modal Ekuiti Biasa Tahap 1 (CET1), Modal Tahap 1 (Tahap 1) dan Jumlah Nisbah Modal 4.5%,

6.0% dan 8.0% masing-masing. Selain itu, institusi kewangan dikehendaki untuk mengekalkan penampunan modal tambahan yang terdiri daripada Penampunan Pengekal Modal (CCB) dan Modal Penampunan Kitaranbalas (CCyB). CCB ini bertujuan membolehkan sistem perbankan untuk bertahan daripada tekanan masa depan dan dilaksanakan secara berperingkat pada tahap 0.625% setiap tahun bermula dari 1 Januari 2016 (sebanyak 2.5% pada tahun 2019).

CCyB ditentukan sebagai purata wajaran kadar CCyB yang digunakan dalam bidang kuasa di mana sebuah institusi kewangan mempunyai pendedahan kredit. Penampunan ini bertujuan untuk melindungi sektor perbankan secara keseluruhan dari pengumpulan risiko sistemik semasa kenaikan ekonomi dengan agregat penumbuhan kredit yang lebih cenderung untuk berlebihan. Penggunaan CCyB ke atas nisbah modal minimum adalah dalam julat 0% hingga 2.5%. CCyB masih belum dilaksanakan dan BNM akan mengumumkan keputusan mengenai kadar CCyB seawal 12 bulan sebelum tarikh kadar tersebut dikuatkuasakan.

Jadual di bawah menunjukkan nisbah modal yang berkaitan dalam entiti-entiti perbankan utama Kumpulan yang dikawal selia adalah jauh melebihi keperluan minimum pengawalseliaan:

Setakat 31 Disember 2018	RHB Bank Group	RHB Bank	RHB Islamic Bank	RHB Investment Group	RHB Investment Bank	Nisbah Pengawal Seliaan Minimum ^{N1}
Sebelum dividen yang dicadangkan:						
Nisbah CET 1	15.920%	13.818%	13.222%	35.445%	21.323%	6.375%
Nisbah Tahap 1	16.128%	14.077%	13.222%	35.728%	21.323%	7.875%
Jumlah Nisbah Modal	19.213%	17.398%	16.476%	45.477%	40.757%	9.875%
Selepas dividen yang dicadangkan:						
Nisbah CET 1	15.488%	13.254%	13.222%	35.445%	21.323%	6.375%
Nisbah Tahap 1	15.696%	13.514%	13.222%	35.728%	21.323%	7.875%
Jumlah Nisbah Modal	18.780%	16.835%	16.476%	45.477%	40.757%	9.875%

N1: Termasuk Penampunan Pemuliharaan Modal sebanyak 1.875%

Pengurusan Kunci Kira-Kira

TINJAUAN KESELURUHAN

Dalam persekitaran di mana kawalan pengawalseliaan ke atas keperluan modal dan kecairan adalah semakin ketat, bank-bank menerima lebih tekanan untuk mengoptimumkan pulangan kepada para pemegang saham melalui pengurusan kunci kira-kira. Namun demikian, cabaran masih kekal dalam mencetuskan keseimbangan antara pertumbuhan kunci kira-kira yang besar dan memaksimumkan pulangan kepada para pemegang saham.

Pengurusan kunci kira-kira adalah tanggungjawab bersama bagi semua perniagaan dan unit fungsi di seluruh Kumpulan. Ia memerlukan kerjasama yang erat, terutamanya daripada Perbendaharaan & Pasaran Global Kumpulan, Kewangan Kumpulan dan Pengurusan Risiko Kumpulan. Pemantauan yang kerap dan analisis yang menyeluruh terhadap kedudukan kunci kira-kira telah dilaksanakan bagi pengurusan pertukaran asing, kecairan dan kadar faedah serta

pengurusan keuntungan. Jawatankuasa Aset & Liabiliti Kumpulan ("GALCO") RHB bertanggungjawab untuk mengkaji keseluruhan strategi dan komposisi lembaran imbalan apabila mempertimbangkan pertumbuhan aset & liabiliti, terutamanya pinjaman & deposit, sumber pembiayaan, risiko pertukaran asing, daya saing pasaran dan tinjauan ekonomi.

Persekitaran ekonomi yang dinamik adalah cabaran yang besar bagi bank-bank untuk mencari keseimbangan antara pengurusan kunci kira-kira secara holistik dalam persekitaran pengawalseliaan yang lebih ketat dan peningkatan dalam pulangan kepada pemegang saham. Oleh itu, ia adalah penting bagi bank-bank untuk menetapkan strategi perniagaan yang mantap dan koheren bagi menentukan suasana keseluruhan perniagaan.

STRUKTUR KUNCI KIRA-KIRA

Lembaran imbalan RHB dibiayai terutamanya melalui ekuiti pemegang saham, hutang jangka panjang dan deposit teras pelanggan. Pemantauan berkala dilakukan pada komposisi lembaran imbalan dan sumber pendanaan kami, termasuk had tumpuan, had rakan niaga, pendedahan mata wang dan profil tenor. Strategi pembiayaan jangka panjang RHB bertujuan untuk mewujudkan asas pendanaan profil pendanaan yang pelbagai merentasi saluran runcit dan borong, di mana keutamaan diberikan kepada pendanaan deposit stabil yang menyediakan kelebihan pendanaan jangka panjang kepada Kumpulan.

Berikutan peningkatan kepelbagaian sumber pembiayaan, pengoptimuman struktur lembaran imbalan di samping menguruskan faedah bersih dan kos pematuhan kawal selia kekal sukar. Struktur pembiayaan aset pada 31 Disember 2018 adalah seperti berikut:

Pinjaman adalah komponen terbesar aset Kumpulan dan dibiayai oleh deposit pelanggan dan hutang jangka panjang. Jumlah pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan bersih Kumpulan telah meningkat sebanyak RM7.3 bilion kepada RM165.6 bilion pada akhir tahun 2018. Nisbah pinjaman-ke-deposit Kumpulan masih utuh dan berada di dalam julat sasaran kami iaitu 98%.

Selaras dengan rancangan strategik 5-tahun Kumpulan, RHB akan memberi tumpuan kepada segmen utama di mana kita boleh menangi secara domestik. Ini termasuk segmen Runcit dan PKS, di mana kami bercadang untuk mengembangkan pinjaman dan bahagian portfolio pembiayaan kami daripada segmen-segmen ini, dari 69% pada masa kini kepada 75% menjelang tahun 2022. Selain itu, kami berhasrat untuk meningkatkan kadar penembusan dan penguasaan wang saku masing-masing dari modal pertengahan dan besar. Kami juga akan menumpukan pada peningkatan kecekapan modal dengan melaksanakan peruntukan modal berdisiplin untuk perniagaan bagi meningkatkan pulangan terlaras risiko serta meningkatkan usaha pemulihan pinjaman.

SOROTAN UTAMA

Pinjaman, Pendahuluan
& Pembiayaan Bersih

RM165.6
bilion



Portfolio
Sekuriti

RM50.5
bilion



Jumlah Ekuiti^{N1}

RM23.4
bilion



N1: Jumlah Ekuiti termasuk kepentingan tidak mengawal

Deposit
Pelanggan

RM178.9
bilion



Perhubungan Pelabur

Perhubungan Pelabur Kumpulan terus memupuk hubungan yang kuat dan positif dengan komuniti pelaburan menerusi komunikasi yang konsisten. Usaha ini bertujuan untuk mencapai penilaian yang saksama bagi harga saham. Walaupun cabaran-cabaran ekonomi berterusan, saham-saham RHB masih berdaya saing dan berjaya mengatasi indeks FBMKLCI dan sektor kewangan.

Tahun 2018 juga menyaksikan Kumpulan memperkenalkan rancangan strategik lima tahunnya yang baharu, iaitu FIT22, berteraskan tiga keutamaan iaitu mengukuhkan Malaysia sebagai teras operasi, mensasarkan segmen utama bagi kejayaan, menumpukan perhatian kepada pasaran khusus di luar negara dan membina model operasi yang jaya menerusi cara kerja AGILE, digitalisasi dan perhubungan pelanggan. Dari segi kewangan, Kumpulan mengamalkan kewaspadaan memandang keadaan ekonomi tempatan dan global yang mencabar bagi mencatatkan keuntungan rekod, meneruskan momentum daripada prestasi 2017 dan mencapai sebahagian besar sasaran kewangannya pada tahun kewangan. Para pelabur juga sentiasa diberikan maklumat terkini selaras dengan keperluan pengawalseliaan seperti pelaksanaan MFRS 9 pada 1 Januari 2018 dan kesan-kesannya. Keberlakuan ini dipantau dengan teliti oleh komuniti pelaburan, bagi memastikan pasukan Perhubungan Pelabur memainkan peranan yang lebih proaktif.

Dalam usaha memaklumkan komuniti pelaburan dengan maklumat terkini berkaitan dengan Kumpulan dan industri, pasukan Perhubungan Pelabur sentiasa menganjurkan mesyuarat dan panggilan persidangan serta menyertai persidangan dan pameran jalanan bagi menjangkau para pelabur tempatan dan asing.

TAKLIMAT PENGANALISIS UNTUK PENGUMUMAN KEPUTUSAN SUKU TAHUNAN

Kumpulan telah melaksanakan empat taklimat langsung bagi komuniti pelaburan pada tahun 2018 berkaitan keputusan kewangan suku tahunannya. Panggilan persidangan telah dilaksanakan bagi 1Q18 dan 3Q18, sementara taklimat bersemuka, termasuk kemudahan persidangan dial-in telah dilaksanakan bagi 2Q18 dan 4Q17 untuk memastikan ke semua pihak berkepentingan adalah terlibat. Selanjutnya, pada akhir pembentangan keputusan kewangan, ke semua pihak berkepentingan diberi peluang untuk mengajukan pertanyaan kepada pengurusan kanan RHB.

Kami memastikan supaya keputusan kewangan, pembentangan penganalisis dan siaran akhbar diedarkan tepat pada masanya kepada semua pihak yang berminat dan boleh didapati dengan serta-merta di laman sesawang korporat Kumpulan.

Pada tahun semasa ini, keterlibatan dengan komuniti pelaburan diketuai oleh Pengarah Urusan Kumpulan, Dato' Khairussaleh Ramli dan Ketua Pegawai Kewangan Kumpulan, Syed Ahmad Taufik Albar, bersama dengan pasukan Perhubungan Pelabur. Para penganalisis kewangan juga diberi peluang untuk bersua dengan Ketua Perniagaan Kumpulan dan Perbankan Transaksi, Encik Jeffrey Ng Eow Oo semasa Hari Perbankan Perniagaan untuk berkongsi dan memahami hala tuju strategik Kumpulan dan memberi tumpuan kepada SME seiring dengan FIT22.

Pengumuman Keputusan Suku Tahunan dan Kemas Kini Strategi Perniagaan

Tarikh	Acara
27 Februari 2018	Keputusan 4Q17 RHB Bank
31 Mei 2018	Keputusan 1Q18 RHB Bank
30 Ogos 2018	Keputusan 2Q18 RHB Bank
28 September 2018	Hari Perbankan Perniagaan
27 November 2018	Keputusan 3Q18 RHB Bank

LAMAN SESAWANG

Laman sesawang korporat kami www.rhbgroup.com dikemaskini dengan maklumat terbaru oleh pasukan yang berdedikasi, memaparkan pelbagai maklumat penting untuk orang awam, merangkumi di antara lain, maklumat profil, kewangan, produk dan perkhidmatan Kumpulan serta berita korporat.

MESYUARAT DENGAN KOMUNITI PELABURAN

Pada tahun 2018, pasukan Perhubungan Pelabur telah bertemu dengan 284 penganalisis, pengurus dana, pemegang saham dan pelabur daripada lebih 230 syarikat melalui 62 mesyuarat dan acara rasmi termasuk taklimat bersemuka bersama penganalisis, tele-persidangan dan mesyuarat kumpulan kecil.

	Bil. Mesyuarat	Bil. Peserta
Mesyuarat Bersemuka/Kumpulan Kecil dan Tele-persidangan	29	75
Taklimat Penganalisis	5	169
Persidangan/Jerayawara	28	40
Jumlah 2018	62	284
Jumlah 2017	30	297

Bilangan mesyuarat bagi tahun 2018 telah ditingkatkan namun bilangan peserta mengalami sedikit penyusutan berbanding tahun sebelumnya, terutamanya disebabkan oleh kumpulan mesyuarat yang lebih kecil pada tahun ini. Walau bagaimanapun, kami terus memberi panduan mengenai hala tuju strategik dan perkembangan terbaru Kumpulan serta meningkatkan pemahaman tentang prestasi kewangan Kumpulan.

Perhubungan Pelabur

LIPUTAN PENGANALISIS

Saham RHB diliputi oleh kebanyakan penganalisis dan firma penyelidikan di mana sejumlah 19 daripada mereka meliputi saham RHB pada akhir Disember 2018.

No.	Firma Penyelidikan	Penganalisis	No.	Firma Penyelidikan	Penganalisis
1	Affin Hwang Investment Bank	Tan Ei Leen	11	KAF-Seagroatt & Campbell Securities	Rachel Huang
2	AmResearch	Kelvin Ong	12	Kenanga Investment Bank	Ahmad Ramzani
3	CIMB Investment Bank	Winson Ng	13	Macquarie Research	Anand Pathmakanthan
4	Citi Investment Research	Robert P Kong	14	Maybank Investment Bank	Desmond Ch'ng
5	CLSA Securities	Peter Kong	15	MIDF Amanah Investment Bank	Imran Yassin Yussof
6	Credit Suisse Securities	Danny Goh	16	Nomura Research	Tushar Mohata
7	DBS Vickers Securities	Chin Jin Han	17	TA Securities	Wong Li Hsia
8	Hong Leong Investment Bank	Khairul Azizi Kairudin	18	UBS Securities	Chris Oh
9	HSBC Research	Loo Kar Weng	19	UOB Kay Hian	Keith Wee
10	JP Morgan Securities	Harsh Modi			

BIDANG TUMPUAN

Antara pelbagai isu yang dibincangkan semasa penglibatan dengan pihak pelabur adalah dikategorikan seperti berikut:







Bidang Tumpuan		Bidang Tumpuan	
Strategi Keseluruhan	<ul style="list-style-type: none"> Tinjauan Makroekonomik & Perbankan Peningkatan OPR pada Januari 2018 Pelaksanaan MFRS 9 FIT22 dan bidang tumpuan utama termasuk digitalisasi dan AGILE ROE Tumpuan terhadap strategi Runcit & SME 	Kualiti Aset	<ul style="list-style-type: none"> Jangkaan kos kredit Tanda dan sektor tekanan (senarai amatan) O & G – kualiti/pemulihan aset Pemulihan operasi Singapura Memahami kesan MFRS9
Inovasi	<ul style="list-style-type: none"> Cara Kerja AGILE Kemajuan Digitalisasi 	Pelan Pengurusan Modal	<ul style="list-style-type: none"> Nisbah pembayaran dividen Nisbah modal
Pinjaman	<ul style="list-style-type: none"> Pemacu Utama Pertumbuhan & Pertumbuhan SME 	Kecairan & Pembiayaan	<ul style="list-style-type: none"> Unjuran NIM Pertumbuhan CASA meskipun menghadapi persaingan sengit Penyediaan NSFR
Pengurusan Kos	<ul style="list-style-type: none"> Inisiatif pengurusan kos Penambahbaikan dalam CIR Perbelanjaan digitalisasi – capex & opex 	PRU14/Perubahan Kerajaan	<ul style="list-style-type: none"> Semak semula projek-projek infrastruktur utama

PENARAFAN KREDIT


Pasukan Perhubungan Pelabur memainkan peranan aktif dalam melibatkan syarikat penarafan kredit yang utama termasuk RAM Ratings, Standard and Poor's (S&P) dan Moody's Investors Services.

Agensi Penarafan	Klasifikasi Penarafan	Penarafan		
		RHB Bank Berhad	RHB Investment Bank Berhad	RHB Islamic Bank Berhad
RAM Rating Services Berhad	Institusi Kewangan Jangka Panjang	AA2	AA2	AA2
	Institusi Kewangan Jangka Pendek	P1	P1	P1
	Pandangan	Stabil	Stabil	Stabil
Standard & Poor's Rating Services	Pihak Bertentangan Jangka Panjang	BBB+	BBB+	
	Pihak Bertentangan Jangka Pendek	A-2	A-2	
	Pandangan	Stabil	Stabil	
Moody's Investors Service	Deposit Bank Jangka Panjang	A3		
	Deposit Bank Jangka Pendek	P-2		
	Penilaian Kredit Garis Pangkal	baa2		
	Pandangan	Stabil		

MAKLUMAT LAIN

 <p>Nama Syarikat RHB Bank Berhad</p>	 <p>Nama Saham RHBBANK</p>	 <p>Kod Saham 1066 (Bursa Malaysia)</p>	 <p>Kod Ticker RHBBANK MK (Bloomberg) RHBC.KL (Reuters)</p>	 <p>Tahun Akhir Kewangan 31 Disember</p>	 <p>Pendaftar Saham Symphony Share Registrars Sdn Bhd</p>
---	--	---	--	--	---


ANALISIS PEMEGANG SAHAM



Perhubungan Pelabur

MAKLUMAT SAHAM

Harga Saham RHB Bank pada 2018



Prestasi Relatif Harga Saham RHB berbanding Indeks Tanda Aras




Harga Saham & Prestasi Indeks

	29 Disember 2017	30 Mac 2018	29 Jun 2018	28 September 2018	31 Disember 2018
RHB (RM)	5.00	5.23	5.46	5.40	5.29
QoQ Pertukaran (RM)		0.23	0.23	(0.06)	(0.11)
QoQ Pertukaran (%)		4.6	4.4	(1.1)	(2.0)
FBMKLCI (mata)	1,796.81	1,863.46	1,691.50	1,793.15	1,690.58
QoQ Pertukaran (mata)		66.65	(171.96)	101.65	(102.57)
QoQ Change (%)		3.7	(9.2)	6.0	(5.7)
KLFIN (mata)	16,861.38	18,227.97	16,649.91	17,799.45	17,296.47
QoQ Pertukaran (mata)		1,366.59	(1,578.06)	1,149.54	(502.98)
QoQ Pertukaran (%)		8.1	(8.7)	6.9	(2.8)

Sorotan Penting Berkaitan Saham

	2018	2017
Permodalan pasaran (RM'juta)	21,213	20,050
Dividen sesaham (sen)	20.50	15.00
Hasil dividen (%)	3.9	3.0
Pendapatan asas sesaham (sen)	57.5	48.6
Jumlah Pulangan Pemegang Saham, TSR (%)	9.3	8.6
Harga Saham:		
Penutupan pada 31 Disember (RM)	5.29	5.00
Purata (RM)	5.33	5.07
Penutup tertinggi (RM)	5.81	5.54
Penutup terendah (RM)	5.00	4.69

Prestasi Harga Saham Tahun-tahun Sebelumnya



Jumlah Pemulangan Pemegang Saham

	2018	2017	2016	2015	2014
1 Tahun TSR (%)					
RHB (A)	9.3	8.6	11.3	(22.3)	(2.4)
INDEKS FBMKLCI (B)	(3.0)	13.2	0.1	(1.0)	(2.6)
INDEKS KLFIN (C)	6.6	21.9	5.7	(6.5)	(3.8)
Prestasi Relatif RHB (%)					
INDEKS FBMKLCI (A)-(B)	12.3	(4.6)	11.2	(21.3)	0.3
INDEKS KLFIN (A)-(C)	2.7	(13.3)	5.6	(15.8)	1.5


Perhubungan Pelabur

DIVIDEN

Kumpulan membayar dividen yang mampan kepada para pemegang saham bagi memenuhi jangkaan mereka sambil mengekalkan tahap modal yang berhemat. Bayaran dividen Kumpulan juga mengambil kira prospek pertumbuhan jangka panjang perniagaan.

Lembaga Pengarah mencadangkan dividen tunai akhir sebanyak 13 sen sesaham bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2018. Bersama dengan dividen tunai interim sebanyak 7.5 sen sesaham yang dibayar pada Oktober 2018, jumlah bayaran dividen bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2018 ialah 20.5 sen sesaham, menjadikan nisbah pembayaran sebanyak 35.7%, peningkatan daripada 30.8% pada tahun 2017.

Ringkasan Trend Dividen



Kalendar Kewangan

27 FEBRUARI 2018

Pengumuman keputusan kewangan **RHB Bank** yang telah diaudit bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2017

Sidang Media – Pengumuman keputusan kewangan **RHB Bank** yang telah diaudit bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2017

26 MAC 2018

Notis Mesyuarat Agung Tahunan Kelima Puluh Dua **RHB Bank** dan penerbitan laporan tahunan bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2017

25 APRIL 2018

Mesyuarat Agung Tahunan Kelima Puluh Dua **RHB Bank**

21 MEI 2018

Pengumuman dividen akhir satu tahap sebanyak 10 sen sesaham biasa **RHB Bank** bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2017

23 MEI 2018

Notis penutupan buku bagi menentukan kelayakan penerimaan dividen akhir satu tahap sebanyak 10 sen sesaham biasa **RHB Bank** bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2017

31 MEI 2018

Pengumuman keputusan kewangan belum diaudit **RHB Bank** bagi suku pertama tahun kewangan berakhir 31 Disember 2018

30 OGOS 2018

Pengumuman keputusan kewangan belum diaudit **RHB Bank** bagi suku kedua tahun kewangan berakhir 31 Disember 2018

Sidang Media – Pengumuman keputusan kewangan **RHB Bank** yang belum diaudit bagi suku kedua tahun kewangan berakhir 31 Disember 2018

3 SEPTEMBER 2018

Notis penutupan buku bagi menentukan kelayakan penerimaan dividen interim satu tahap sebanyak 7.5 sen sesaham biasa **RHB Bank** bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2018

27 NOVEMBER 2018

Pengumuman keputusan kewangan belum diaudit **RHB Bank** bagi suku ketiga tahun kewangan berakhir 31 Disember 2018

Memperkasakan

impian,
melangkahi halangan.





Ulasan Perniagaan

111 Perbankan Runcit Kumpulan | 115 Perbankan Perniagaan & Transaksi Kumpulan | 118 Perbankan Borong Kumpulan |
128 Perniagaan Syariah Kumpulan | 131 Insurans Kumpulan | 133 Operasi Singapura | 136 Perniagaan Antarabangsa

Ulasan Perniagaan

Perbankan Runcit Kumpulan

PENGENALAN

RHB TELAH BERJAYA MENINGKATKAN KEDUDUKAN PENEMBUSAN PASARANNYA DARI TEMPAT KELIMA KEPADA TEMPAT KETIGA PADA TAHUN 2018*. BERSANDARKAN PERTUMBUHAN JUMLAH ASET SEBANYAK RM84.6 BILION, PERBANKAN RUNCIT KUMPULAN AKAN MENINGKATKAN TRAJEKTORI PERTUMBUHAN POSITIF INI DENGAN MENYASARI SEGMENT MEWAH.

*Berdasarkan penyelidikan RFI Malaysia Priority & Retail Banking Council H2 2008

IDENTITI DAN PERANAN KAMI

Perbankan Runcit Kumpulan (“GRB”) menawarkan penyelesaian perbankan konsumen konvensional dan patuh Syariah, seperti gadaai janji, pembiayaan auto, pembiayaan ASB, pembiayaan peribadi, kad kredit, pembayaran, akaun semasa dan simpanan, deposit tetap, produk pelaburan dan insurans kepada lebih daripada 3 juta pelanggan runcit.

KEMAJUAN KAMI BERDASARKAN FIT22


Mengembangkan segmen Mewah dengan memanfaatkan pangkalan pelanggan SME	<ul style="list-style-type: none"> Meningkatkan pangkalan pelanggan mewah dari 113k ke 134k; menuju ke arah pencapaian sasaran pelanggan ekoran penjana SME berpotensi dan peningkatan produktiviti
Telah meningkatkan deposit runcit untuk merapatkan jurang dengan aset runcit	<ul style="list-style-type: none"> Meningkatkan jumlah deposit sebanyak 10.4% daripada RM47.5 bilion (FYE2017) kepada RM52.5 bilion (FYE2018) Telah menyediakan struktur jualan deposit baharu untuk memberi tumpuan kepada deposit di Cawangan-cawangan
Mentransformasikan cawangan-cawangan kami menerusi strategi ‘Perbankan Komuniti’ dan ‘Cawangan Progresif’ bagi meningkatkan kecekapan, pencapaian dan prestasi	<ul style="list-style-type: none"> Memperkuhkan kecekapan para Pengurus Cawangan kami bagi meningkatkan pengurusan cawangan mereka dan dihormati di dalam komuniti operasi mereka dengan memahami perniagaan tempatan dan keperluan perbankan komuniti tersebut.
Telah melaksanakan RHB Way untuk memberikan pengalaman dan perkhidmatan pelanggan yang unggul dan cemerlang	<ul style="list-style-type: none"> Telah meningkatkan NPS Kumpulan daripada -9 kepada 0; telah meningkatkan NPS GRB sebanyak 20 mata daripada -12 kepada 8, melebihi purata peningkatan industri sebanyak 8 mata

PRESTASI KEWANGAN

- Jumlah deposit runcit meningkat sebanyak 10.4% berbanding purata industri sebanyak 5.1%, daripada RM47.5 bilion (FYE2017) kepada RM52.5 bilion (FYE2018), terutamanya daripada pertumbuhan FD.
- Kedudukan pasaran meningkat daripada 7.05% (Dis’17) kepada 7.38% (Dis’18)

Keuntungan sebelum Cukai	Pertumbuhan Keuntungan sebelum Cukai	Jumlah Pendapatan	Pertumbuhan Jumlah Pendapatan	Pinjaman
RM1,002.7 juta	4.4%	RM2,423.9 juta	10.0%	RM84.6 bilion


Perbankan Runcit Kumpulan

ANUGERAH & PENGIKTIRAFAN 	Anugerah 2018 CX Asia Anugerah Personaliti Terbaik CX – CX Rockstar (Michelle Liew); Anugerah Keterlibatan Pekerja Terbaik – Gangsa	Prinsipal Antarabangsa – Anugerah Persidangan Jualan Asia 2018 Malaysia: Prestasi Keseluruhan Terbaik bagi Pertumbuhan AUM	Malam Anugerah ASNB Starz Penasihat Kewangan Cemerlang 10 UTAMA bagi semua ASNB; Jualan Tertinggi bagi Amanah Saham Nasional; Anugerah Rujukan Utama; Penasihat Kewangan Utama dengan jualan tertinggi bagi semua Produk Harga Boleh Ubah ASNB oleh Agen (Individu); Jumlah Transaksi Tertinggi ASNB oleh Agen (Cawangan)	
	Anugerah Kecemerlangan E-Pembayaran Malaysia 2018 Pengalaman Pelanggan Terbaik (Debit Langsung); Pemeroleh FPX Utama; Pemeroleh JomPAY Terutama	Sidang Kemuncak & Anugerah Perbankan Runcit Antarabangsa 2018 Asia Trailblazer Ke-9 Naib Juara bagi Tawaran Gadai Janji Terbaik bagi RHB MyHome App		
	Anugerah Visa 2018 Reka Bentuk Kad VISA Inovatif 2017; Pertumbuhan Kad Tertinggi 2017 (Bilangan Kad); Jumlah Pertumbuhan Pembayaran Tertinggi 2017 (Jumlah Perbelanjaan)		Anugerah Pengalaman Pelanggan dalam Perkhidmatan Kewangan 2018 Model Perniagaan Pengalaman Pelanggan Terbaik (Pemenang); Pengalaman Pelanggan Terbaik – Pusat Panggilan (Keputusan Tertinggi); Inisiatif Kemasukan Pelanggan Terbaik (Keputusan Tertinggi)	

SOROTAN 2018		
INISIATIF-INISIATIF UTAMA	KEPUTUSAN	KEUTAMAAN 2019
<ul style="list-style-type: none"> Tertumpu pada produk aset, terutamanya pinjaman rumah, Pembiayaan ASB, dan pinjaman peribadi menerusi inovasi dan produktiviti jualan Meningkatkan yuran pendapatan yang tertumpu kepada pelaburan dan produktiviti bancassurance melalui RM dan saluran jualan <hr/> <ul style="list-style-type: none"> Membina kemandapan pengalaman pelanggan (“CX”) Memudahkan pemindahan ilmu di antara pakar CX untuk mempersiapkan 100 pereka inovasi dan pakar CX 	<ul style="list-style-type: none"> Meningkatkan jumlah pinjaman sebanyak 11% T-k-T dan memberi tumpuan terhadap inovasi dan produktiviti Meningkatkan jumlah deposit sebanyak 10% T-k-T melalui pelbagai inisiatif deposit dan perubahan struktur untuk meningkatkan produktiviti keseluruhan Peningkatan sumbangan kepada pendapatan yuran runcit daripada sektor Mewah dan Bancassurance, daripada 45% ke 50%. 	<ul style="list-style-type: none"> Mewujudkan pengalaman pelanggan menyeluruh melalui ekosistem gadai janji hujung-ke-hujung, program kesetiaan, dan ekosistem pembayaran kad kredit Memudahkan pelanggan CASA untuk membuka akaun transaksi (iaitu RHB Smart Account/-i) melalui rider RHB dan pembukaan akaun dalam talian menerusi pemerolehan sistem penggajian dan perbankan komuniti Membangunkan produk baharu dalam pembiayaan kemewahan dan menjana pelaburan melalui KWSP Meningkatkan jualan silang secara meluas di dalam Perbankan Runcit Kumpulan dan bekerjasama dengan bahagian-bahagian lain <hr/> <ul style="list-style-type: none"> Menerokai model perkhidmatan yang berbeza, sebagai contoh; penasihat-robot bagi pelanggan eksklusif bersifat <i>long-tail</i>. Meningkatkan integrasi dengan Agile, yang mentakrifkan cara kerja baharu yang mengutamakan usaha sama pelanggan



CABARAN/RISIKO



Perbankan Runcit Kumpulan



TINJAUAN DAN PROSPEK

Tahun 2019 merupakan lanjutan tahun sebelumnya bagi segmen Mewah, di mana tumpuan baharu akan diberikan terhadap penarikan segmen Mewah yang baharu muncul. Bagi memperluaskan pangkalan pelanggan kami di segmen ini, kami akan menawarkan proposisi khusus bagi setiap golongan berdasarkan usia.

Kami akan terus mengekalkan momentum pertumbuhan yang kukuh yang dicapai pada 2018. Pengurusan Kekayaan akan memperluaskan penawaran produk pelaburannya dengan melancarkan produk-produk inovatif baharu pada tahun 2019 bagi memacu pertumbuhan jualan dan AUM. Perbankan Runcit Kumpulan akan mengekalkan sikap berwaspada terhadap segmen gadai janji pada tahun 2019. Kami menjangkakan ketidakpastian yang lebih ketara dalam pasaran perumahan di masa hadapan, yang akan seterusnya mendorong perubahan atau semakan ke atas amalan kredit kami dan pelaksanaan dasar pinjaman yang ketat sekiranya harga perumahan jatuh.

GRB akan memberi tumpuan terhadap mempercepatkan keupayaan saluran digital, khususnya pelancaran peranti penasihat kekayaan untuk meningkatkan kapasiti dan kecekapan RM dan transformasi rangkaian cawangan bagi memberi tumpuan kepada Perbankan Komuniti.

Ulasan Perniagaan

Perbankan Perniagaan & Transaksi Kumpulan

PENGENALAN

WALAUPUN MENGHADAPI PASARAN YANG MENCABAR, SEGMENT PERBANKAN PERNIAGAAN & TRANSAKSI KUMPULAN TERUS MENCATATKAN PRESTASI YANG BAIK PADA TAHUN 2018. KAMI TELAH MENGUKUHKAN LAGI KEDUDUKAN KAMI UNTUK TERUS BERJAYA DI DALAM SEGMENT SME DI BAWAH PELAN FIT22, DI MANA HASRAT KAMI ADALAH UNTUK MENJADI SALAH SATU DARIPADA 3 BANK UTAMA SME DI MALAYSIA DAN MENINGKATKAN SUMBANGAN KAMI KEPADA 20% DARIPADA JUMLAH PINJAMAN DOMESTIK MENJELANG TAHUN 2022. KAMI BERHASRAT UNTUK MENJADI BANK SME & TRANSAKSI PILIHAN DI MALAYSIA.

IDENTITI DAN PERANAN KAMI

Perbankan Perniagaan dan Transaksi Kumpulan (“GBTB”) menawarkan pelbagai penyelesaian perniagaan, di antaranya, pinjaman/pembiayaan, deposit, FX, pengiriman wang dan perniagaan antara bank. GBTB terdiri daripada segmen Perbankan Perniagaan Kumpulan (PPK) dan segmen Perbankan Transaksi Kumpulan (PTK). PPK menyediakan penyelesaian pembiayaan kepada SME dan perniagaan milik keluarga, manakala PTK tertumpu kepada SME tempatan, syarikat-syarikat besar dan institusi-institusi kewangan dengan sistem penyelesaian dan perdagangan dan pengurusan tunai.

Penyelesaian perbankan urus niaga komprehensif GBTB pada masa ini merangkumi platform dalam talian untuk pembiayaan rantaian bekalan bagi menyokong keperluan modal kerja hujung-ke-hujung pelanggan serta aktiviti pengurusan tunai dengan penyelesaian pembayaran dan pengumpulan yang lengkap. Objektif kami adalah untuk membantu mempermudah perniagaan harian SME.

KEMAJUAN KAMI BERDASARKAN FIT22

Terus berjaya di dalam segmen SME

- Perbankan Perniagaan Kumpulan mengatasi pertumbuhan aset Industri SME secara berterusan dengan pertumbuhan T-k-T sebanyak 5.7% berbanding pertumbuhan industri yang mendatar.
- Mengembangkan bidang SME Digital dengan ketara menerusi pelancaran pembiayaan SME Dalam Talian, Aplikasi mudah alih Reflex dan penambahbaikan e-Solution
- Berjaya mentransformasikan bahagian perniagaan SME kepada Agile @ Scale bagi membolehkan unit perniagaan kami beroperasi dengan kerjasama inter-disiplin yang mantap

Meningkatkan jumlah sumbangan sebanyak 20% daripada jumlah pinjaman domestik Kumpulan menjelang tahun 2022

- Kini, Perbankan Perniagaan Kumpulan membentuk 16.4% daripada jumlah pinjaman domestik Kumpulan

PRESTASI KEWANGAN

GBTB mencatatkan Keuntungan Sebelum Cukai sebanyak RM397.7 juta bersandarkan pertumbuhan hasil yang kukuh sebanyak 6.6%, didorong oleh pengurusan NIM yang dipertingkatkan selaras dengan perkembangan portfolio kami menerusi pertumbuhan sektor pinjaman dan deposit.

Keuntungan sebelum Cukai	Pinjaman	Deposit	Hasil	Nisbah Kos kepada Pendapatan
RM397.7 juta	RM25.3 bilion	RM25.7 bilion	RM1,084.1 juta	55.1%

Perbankan Perniagaan & Transaksi Kumpulan

ANUGERAH & PENGIKTIRAFAN



The Asian Banker
Bank Kewangan Perdagangan
Terbaik di Malaysia 2018

Asian Banking & Finance
Inisiatif Perbankan Digital Terbaik
Tahunan – Malaysia; Bank
Kewangan Perniagaan Domestik
Terbaik Tahunan – Malaysia

The Digital Banker
Kecemerlangan dalam
Perbankan SME; Digital Wallet
Terbaik Tahunan

SOROTAN 2018

INISIATIF-INISIATIF UTAMA

Titik perhubungan dengan pelanggan telah diperluaskan dan produktiviti jualan dipertingkatkan untuk memacu pertumbuhan dalam segmen perniagaan kecil

Memacu pertumbuhan segmen Deposit dengan membina ekosistem SME yang berkait

Menerima pakai analisa digitalisasi dan data bagi memacu pertumbuhan pendapatan segmen perniagaan utama

KEPUTUSAN

- Mengekalkan pencapaian di dalam industri SME di dalam pertumbuhan aset, didorong oleh segmen SME Runcit yang mantap
- Menyumbangkan kira-kira 58% kepada jumlah aset Perbankan Perniagaan Kumpulan daripada SME Runcit

- Pertumbuhan Deposit yang kukuh sebanyak 15.8%, yang meningkatkan penguasaan pasaran



- Melancarkan Pembiayaan SME Dalam talian
- Melancarkan aplikasi mudah alih Reflex
- Menaiktarafkan ekosistem e-penyelesaian bersepadu bagi segmen SME
- Meningkatkan penciptaan nilai analisis sebanyak 2.7x T-k-T

KEUTAMAAN 2019

Meneruskan tumpuan terhadap perniagaan kecil bagi memacu pertumbuhan

Meneruskan pembinaan ekosistem berkait sebagai pembeza utama

Memanfaatkan digitalisasi dan konsep AGILE bagi memacu keuntungan dan kecekapan kos



Melangkah ke tahun 2019, kami kekal optimistik walaupun berwaspada ekoran pertumbuhan KDNK negara yang lebih malap dan persekitaran makroekonomi yang mencabar. Kami menjangkakan pertumbuhan KDNK SME akan mengatasi prestasi KDNK negara.

Perbankan Perniagaan & Transaksi Kumpulan akan terus membina kelebihan daya saing yang unik menerusi bidang tumpuan berikut:

- Mengembangkan segmen perniagaan kecil bagi memacu pertumbuhan
- Memanfaatkan ekosistem berkait sebagai pembeza utama
- Memperincikan ekosistem FSC kami dan mengubah haluan terhadap urus niaga berkait eksport
- Menaiktarafkan kecekapan operasi dan kepuasan pelanggan
- Meningkatkan pengurusan kualiti aset dengan liputan hujung-ke-hujung yang komprehensif

Cara kerja digital dan AGILE akan diberikan tumpuan utama di dalam perhubungan pelanggan kami. Perbankan Perniagaan dan Transaksi Kumpulan akan terus memanfaatkan faktor-faktor kejayaan utama kami: kepimpinan yang mantap, budaya Pengurus Perhubungan yang baik, serta produk dan platform yang kukuh bagi membezakan kami daripada pesaing pasaran.

Ulaskan Perniagaan

Perbankan Borong Kumpulan

PENGENALAN

PERBANKAN BORONG KUMPULAN DITUBUHKAN UNTUK MEMBERIKAN PERKHIDMATAN YANG LEBIH MENYELURUH DAN BERSEPADU KEPADA PARA PELANGGAN KAMI. DENGAN KERJASAMA ERAT DI ANTARA SEGMENT-SEGMENT PERNIAGAAN KUMPULAN DAN SINERGI DARIPADA FUNGSIAN DAN KEUPAYAAN YANG DIPERTINGKATKAN, PERBANKAN BORONG KUMPULAN SECARA KOLEKTIF TELAH MEMBERIKAN PRESTASI YANG KUKUH.

IDENTITI DAN PERANAN KAMI

Perbankan Borong Kumpulan (“GWB”) mempunyai empat tonggak utama: Perbankan Pelaburan, Perbankan Korporat, Perbendaharaan dan Pasaran Global dan Pengurusan Aset. GWB menyediakan khidmat nasihat dan penyelesaian kewangan kepada Syarikat-syarikat Korporat di ASEAN. Penyelesaian pertumbuhan perniagaan kami termasuk khidmat nasihat M&A, pencarian sasaran/pembeli, penstrukturan kewangan dan pembiayaan. Kami mengoptimalkan kecekapan pelanggan dengan pengurusan tunai, amanah dan kustodi, penyelesaian perdagangan dan transaksi silang sempadan. Platform perdagangan, pengurusan aset, dan celik akal penyelidikan kami membantu para pelanggan membuat keputusan pelaburan yang bijak.

PRESTASI KEWANGAN

Pada tahun 2018, GWB telah mencatatkan peningkatan sebanyak 4.5% dalam pendapatan kepada RM2,957.9 juta dan peningkatan keuntungan sebelum cukai sebanyak 2.7% kepada RM1,782.6 juta. Walaupun pertumbuhan di dalam kualiti aset dan peruntukan masuk kira semula bertambah baik ekoran pengurusan risiko yang dipertingkatkan dan pelaksanaan MFRS 9 baharu yang merupakan di antara faktor-faktor yang menyumbang terhadap prestasi kukuh, perniagaan GWB secara keseluruhannya mengalami pertumbuhan keuntungan operasi yang kukuh sebanyak 6.0%. Pertumbuhan ini didorong terutamanya oleh peningkatan dalam bahagian pasaran di dalam beberapa segmen perniagaan kami, peningkatan kecekapan operasi dan kawalan kos yang kukuh serta kerjasama antara Kumpulan yang lebih erat, dan penaiktarafan digitalisasi sistem kami.

Keuntungan Sebelum Cukai	Jumlah Hasil	Jumlah Pertumbuhan Hasil	Keuntungan Sebelum Pertumbuhan Cukai	Pertumbuhan Keuntungan Operasi
RM1,782.6 juta	RM2,957.9 juta	4.5%	2.7%	6.0%

KEMAJUAN KAMI BERDASARKAN FIT22 2018 – 2022

Peningkatan bahagian pasaran bagi saham permodalan besar	<ul style="list-style-type: none"> Telah mencapai 84% daripada sasaran tahun 2018 bagi peningkatan pendapatan. Berada di kedudukan ke-3 di dalam segmen pinjaman korporat, selaras dengan strategi keseluruhan kami untuk mengimbangi portfolio pinjaman.
Meningkatkan pencapaian ke dalam syarikat-syarikat modal sederhana	<ul style="list-style-type: none"> Telah memperluaskan saham-saham permodalan sederhana dengan penambahan 19 pelanggan dengan jangkaan hasil melebihi sasaran. Telah mencapai 86% daripada sasaran tahun 2018 bagi peningkatan pendapatan. Telah meningkatkan pangkalan pelanggan berpotensi dengan pendekatan penapisan dan sasaran pelanggan yang sistematik. Ini dijayakan menerusi liputan saham-saham permodalan sederhana dan pasukan-pasukan khusus produk.
Mewujudkan perniagaan IB luar negara untuk memberi tumpuan kepada produk khusus	<ul style="list-style-type: none"> Berjaya mencatatkan keuntungan di dalam Perniagaan Ekuiti Runcit Indonesia dan Thailand Meningkatkan kedayasaingan pertumbuhan Ekuiti Runcit di Thailand

Perbankan Pelaburan Kumpulan

Perbankan Pelaburan Kumpulan (“GIB”) merupakan salah satu peneraju pasaran modal di Malaysia dan diiktiraf sebagai salah satu daripada tiga (3) pemegang terbesar bahagian pasaran di dalam segmen pasaran modal hutang, pasaran modal ekuiti dan khidmat nasihat. Bersandarkan sekumpulan pakar produk yang berpengalaman, GIB menawarkan pelbagai produk dan perkhidmatan perbankan pelaburan yang meliputi pasaran utama seperti khidmat nasihat (penstrukturan semula korporat & hutang, penggabungan & pemerolehan, pengambilalihan), pengumpulan dana menerusi ekuiti dan instrumen hutang dan pasaran sekunder merangkumi perdagangan dan pinjaman sekuriti untuk korporat, pelanggan berinstitusi (sektor swasta dan awam) dan runcit kami. Para pakar kami memanfaatkan platform serantau Kumpulan RHB Banking untuk menyediakan perkhidmatan transaksi silang sempadan kepada para pelanggan merentasi ASEAN dan China. Platform kami membolehkan pelanggan kami berdagang dalam niaga hadapan dan komoditi di Derivatif Bursa Malaysia dan 17 pasaran antarabangsa yang lain.

PRESTASI KEWANGAN

Jumlah pendapatan
RM768.3
juta

Peningkatan Pengoptimuman
Kos sebanyak
RM13.5
juta

Peningkatan Jumlah Nisbah
Modal kepada
45.5%

ANUGERAH & PENGIKTIRAFAN



Anugerah Kecemerlangan Bursa

- Organisasi Peserta Ekuiti Runcit Terbaik (Juara)
- Peserta Perdagangan Derivatif Runcit Terbaik (Juara)

Anugerah Aset Triple A Negara

- Penawaran Sekunder Terbaik
- Penawaran Saham Terbaik
- Penggabungan & Pengambilalihan Terbaik

Anugerah Pencapaian Financeasia

- Tawaran Terbaik Singapura (M&A)

Alpha Southeast Asia – Anugerah Tahunan Institusi Kewangan Terbaik di Asia Tenggara ke-12

- Broker Runcit Terbaik di Malaysia
- Institusi Kewangan Korporat Small Cap hingga Mid Cap Terbaik di Singapura


Alpha Southeast Asia – Anugerah Tahunan Tawaran dan Penyelesaian Terbaik di Asia Tenggara ke-12


- Tawaran Sukuk Terbaik di Asia Tenggara
- Tawaran Wakalah Terbaik di Asia Tenggara
- Tawaran Sukuk Paling Inovatif di Asia Tenggara
- Tawaran Bon Paling Inovatif di Asia Tenggara
- Best Domestic M&A Deal in Southeast Asia
- Tawaran Domestik M&A (Singapura) Terbaik di Asia Tenggara

Anugerah Aset Triple A Kewangan Islam

- SRI Sukuk Terbaik
- Sukuk Dijamin Kerajaan Terbaik
- Sukuk Runcit Terbaik
- Sukuk Hibrid Korporat Terbaik
- Tawaran Islamik Terbaik (China)

Perbankan Borong Kumpulan





TINJAUAN DAN PROSPEK

Pasaran modal dijangka meruap pada separuh pertama tahun 2019 berikutan pelabur asing yang bertindak lebih berwaspada kerana pemulihan pasaran hanya dijangka berlaku pada separuh kedua tahun 2019 seiring dengan peningkatan sentimen pasaran. Berlatarkan tinjauan yang optimistik namun berwaspada bagi negara, GIB juga yakin dengan prospek perniagaannya memandangkan tawaran pasaran modal yang mantap. Kami akan terus memacu strategi untuk meningkatkan hasil dan memastikan perbelanjaan operasi kami kekal rendah. Di peringkat antarabangsa, kami akan tertumpu terhadap pengembangan perniagaan serantau kami di bidang-bidang khusus di mana kami boleh berjaya dan kami juga akan terus meningkatkan tahap tadbir urus dan mengukuhkan kecekapan operasi kami.

Perbankan Borong Kumpulan

Perbankan Korporat Kumpulan

Perbankan Korporat Kumpulan memenuhi keperluan pembiayaan korporat di rantau ini menerusi pelbagai penyelesaian pembiayaan konvensional dan patuh Syariah. Penyelesaian kami termasuk pembiayaan keperluan modal kerja, pembiayaan perdagangan, perdagangan mata wang asing dan lindung nilai, pembiayaan projek, pinjaman bersindiket, serta pembiayaan korporat dan penjana hutang. Kami menyediakan pembiayaan berstruktur khusus yang memberikan nilai dan manfaat kepada pelanggan kami serta organisasi kami.

PRESTASI KEWANGAN

- Tahun berakhir 2018 mencatatkan peningkatan sebanyak 1.2% pada hasil dan 99.6% pada keuntungan sebelum cukai, di mana sumbangan utama diperolehi daripada margin faedah bersih yang lebih tinggi, dan hapus kira yang lebih rendah bagi pinjaman yang terosot nilai.
- Jumlah pinjaman menyusut sebanyak 3% T-k-T terutamanya disebabkan oleh pembayaran balik pinjaman yang besar pada tahun kewangan 2018

Pertumbuhan Keuntungan
Sebelum Cukai
99.6%

Pertumbuhan Hasil
1.2%

Pertumbuhan Pinjaman
-3%

Pertumbuhan Deposit
-9%

ANUGERAH & PENGIKTIRAFAN



Anugerah Perniagaan & Kewangan Islam Asia Tenggara 2018

Bank Korporat Terbaik

SOROTAN 2018

INISIATIF-INISIATIF UTAMA

Menggunakan modal secara efektif

Menguruskan akaun senarai amatan (watchlist) secara proaktif

Bekerjasama dengan rakan produk dan perniagaan dalaman untuk memberikan penyelesaian kewangan holistik

KEPUTUSAN

Peningkatan ROA sebanyak 1.4%

Kerugian rosot nilai pinjaman yang lebih rendah sebanyak 84% T-k-T


Urus niaga dilengkapkan bagi pengutipan pengurusan wang tunai disesuaikan, penyelesaian pembayaran, dan penyelesaian rantaian bekalan kewangan dengan pelanggan kami

KEUTAMAAN 2019

Kesinambungan penggunaan modal secara efektif

Melindungi kualiti aset

Meningkatkan jualan silang sebagai salah satu pemacu pertumbuhan pendapatan yang utama dan meningkatkan keuntungan



TINJAUAN DAN PROSPEK

Tumpuan utama Perbankan Korporat Kumpulan pada tahun 2019 adalah untuk mengekalkan pertumbuhan yang wajar dalam segmen pelanggan yang disasarkan dengan pulangan yang lebih baik sambil mengekalkan kualiti aset menerusi pemberian pinjaman berhemat. Dari segi operasi, fokus kami adalah untuk meningkatkan kecekapan dengan satu struktur tetap dan unit yang dikhaskan berupaya menyelaraskan fungsi pentadbiran dan proses kredit kami. Ini akan meningkatkan produktiviti keseluruhan dan meningkatkan tahap penyampaian perkhidmatan kami bagi mencapai kepuasan optimum pelanggan, berdasarkan budaya risiko dan pematuhan yang kukuh.

Perbankan Borong Kumpulan

Perbendaharaan Kumpulan dan Pasaran Global

Perbendaharaan Kumpulan menawarkan produk dan penyelesaian perbendaharaan yang komprehensif merangkumi pertukaran mata wang asing ("FX"), pasaran modal, produk berstruktur, pelaburan pasaran wang dan produk Perbendaharaan Islamik bagi memenuhi permintaan lindung nilai dan pelaburan para pelanggan kami di Malaysia, Singapura, Thailand dan Indonesia. Akaun Pelbagai Mata Wang ("MCA") kami menawarkan penyelesaian mata wang asing yang memudahkan perdagangan FX dalam 19 mata wang global.

PRESTASI KEWANGAN

- Pendapatan bersih kami meningkat sebanyak 6% T-k-T kepada RM1,349 juta disebabkan oleh peningkatan Pendapatan Operasi Tanpa Faedah ("NOII") sebanyak 54% T-k-T, diimbangi dengan penurunan sebanyak 3% dalam Pendapatan Faedah Bersih ("NII").
- Keuntungan Sebelum Cukai kami meningkat sebanyak 2% T-k-T disebabkan kenaikan dalam pendapatan bersih, diimbangi oleh kenaikan 22% di dalam perbelanjaan operasi dan kerugian kredit jangkaan tahap 1 yang lebih tinggi selaras dengan pertumbuhan dalam portfolio bon korporat.

Keuntungan Sebelum Cukai	Jumlah Hasil	Pertumbuhan Hasil	Segmen Keuntungan Sebelum Pertumbuhan Cukai
RM1,189 juta	RM1,349 juta	6%	2%

ANUGERAH & PENGIKTIRAFAN



Anugerah Perbankan Asian dan Perbankan Borong Kewangan 2018

Bank Pertukaran Asing Domestik Tahunan Terbaik

Anugerah Penyelidikan Penanda Aras Aset 2018 - Bon Mata Wang Tempatan Asia

No. 1 dalam Kategori Bank Terbaik Bon Kerajaan, Malaysia; No. 2 dalam Kategori Bank Terbaik Bon Korporat, Malaysia

SOROTAN 2018

INISIATIF-INISIATIF UTAMA

Bekerjasama dengan segmen perniagaan lain untuk menawarkan produk dan penyelesaian inovatif yang sesuai dengan keperluan pelanggan

Mempertahankan dan meningkatkan bahagian pasaran FX dengan perubahan teknologi dan kawal selia

Mengurangkan kos dana bagi membolehkan harga kompetitif

KEPUTUSAN

- Melancarkan beberapa produk baharu pada 2018

- Pengekalan pertumbuhan jualan berganda dengan hasil T-k-T di Malaysia meningkat sebanyak 13%
- Memperluaskan pangkalan pelanggan serta titik hubungan bagi penjualan FX dan Derivatif, hasil daripada inisiatif FIT22 kami dengan segmen lain

- Telah mencapai 130% penjimatan kos yang disasarkan bagi tahun 2018


KEUTAMAAN 2019

Terus mendorong produktiviti dan kecekapan, terutamanya selepas pelaksanaan penuh sistem pengurusan perbendaharaan bersepadu di perantaraan operasi kami

Menyediakan saluran edaran digital kepada pelanggan dan mempromosikan penjualan silang produk merentasi segmen dan rantau

Menawarkan produk alternatif kepada pasaran antara bank untuk mencapai kos pembiayaan yang lebih murah. Sasarkan penjimatan kos tambahan pada tahun 2019 dari segi produk baharu di samping inisiatif penjimatan kos biasa

CABARAN/RISIKO		
CABARAN/RISIKO	STRATEGI MITIGASI	KEPUTUSAN
Ancaman dari pesaing bukan bank yang mungkin menjejaskan bahagian pasaran kami bagi transaksi FX (contoh; Pembekal eWallet seperti BigPay, WeChat Pay, Alipay)	<ul style="list-style-type: none"> Menaiktaraf pengalaman pelanggan dan meningkatkan kecekapan operasi menerusi saluran digital 	Memperkuhkan keupayaan kami untuk menarik dan mengekalkan pelanggan
Peristiwa global seperti risiko geopolitik dan ketidakpastian dalam perang dagangan global dan ketidakpastian Brexit telah menyebabkan ketidaktentuan arah pasaran	<ul style="list-style-type: none"> Kedudukan/pandangan dagangan yang diselaraskan secara berterusan sebagai tindak balas kepada perubahan pasaran Mempelbagaikan kelas aset dan negara dagangan 	Memanfaatkan peluang-peluang dalam kemaruapan pasaran dengan keupayaan pergudangan luas kami dan peningkatan lindung nilai dan struktur pelaburan di semua kelas aset
Pemansuhan GST, pengenalan SST dan penilaian semula/penstrukturan semula obligasi dijamin kerajaan atas penarafan kredit negara kita yang akan memberi kesan kepada nilai saksama pasaran pendapatan tetap Malaysia dalam jangka masa pendek dan sederhana	<ul style="list-style-type: none"> Penyertaan dalam obligasi pendedar prinsipal dan portfolio dan jangka masa yang diimbangkan semula secara berterusan seiring dengan pandangan kami berhubung dengan haluan kadar faedah 	Mengurangkan bon bawaan negatif dan peningkatan hasil portfolio



Kami menjangkakan kemaruapan pasaran dan kedudukan Ringgit yang lebih kukuh pada 2019 akan merangsang peluang perdagangan dan jualan yang lebih luas, manakala kejayaan pelancaran fasa baharu sistem Murex yang meliputi pendapatan tetap dan pasaran wang di Malaysia dan Singapura pada separuh kedua tahun 2018 akan meningkatkan kecekapan operasi kami. Perkembangan ini akan dimantapkan dengan sistem pengurusan aset dan liabiliti yang dipertingkatkan bertujuan untuk menyelaraskan proses pengurusan likuiditi.

Perbendaharaan Kumpulan dan Pasaran Global akan berusaha mengurangkan kos dana bagi meningkatkan daya saing harga produk merentasi Kumpulan dan rantau ini. Kami akan memanfaatkan sistem perbendaharaan untuk menawarkan produk dan penyelesaian inovatif bagi jualan, perdagangan, pelaburan, dan pembiayaan di bawah pelbagai keadaan pasaran. Dari segi digitisasi, kami akan tertumpu kepada pengautomasian urus niaga pelanggan bagi meningkatkan pengalaman perbankan dan menguruskan ancaman daripada pesaing bukan bank.

Perbankan Borong Kumpulan

Pengurusan Aset Kumpulan

Pengurusan Aset kumpulan mempunyai kepakaran dalam menguruskan pelbagai khidmat nasihat pengurusan pelaburan, pembangunan produk dan perkhidmatan pemegang amanah. Perkhidmatan penyelesaian kami meliputi ekuiti, pendapatan tetap, aset bercampur, pengurusan tunai, dan pelaburan alternatif dalam mandat budi bicara dan tanpa budi bicara, skim persaraan swasta, dana persendirian, dan pelaburan berstruktur. Perniagaan pemegang amanah kami merangkumi perancangan harta tanah, penulisan wasiat, amanah persendirian, REIT, amanah korporat, dan pengurusan akaun escrow.

PRESTASI KEWANGAN

- Bagi tahun kewangan 2018, Pengurusan Aset Malaysia mencatatkan jumlah pendapatan sebanyak RM105.3 juta dan Keuntungan Sebelum Cukai sebanyak RM47.4 juta meskipun menghadapi persekitaran pasaran yang mencabar.

Keuntungan Sebelum Cukai
RM47.4 juta

Jumlah Pendapatan
RM105.3 juta

Pertumbuhan Pendapatan
1.8%

ANUGERAH & PENGIKTIRAFAN



Pengurusan Aset Asia 2018 Anugerah Terbaik

Anugerah Prestasi
– Ekuiti ASEAN (3 tahun)

BENCHMARK Anugerah Dana Tahunan 2018

Anugerah Firma (Pendapatan Tetap
Asia) – Terbaik dalam Kelas

Anugerah Pengurusan Aset Insurance Asia News 2018

Pengurus Pendapatan Tetap
Negara Terbaik; Pengurus
Ekuiti Islam Terbaik; Firma
Dana Insurans Terbaik
Tahunan (Indonesia)

Anugerah Dana Islam Global Thomas Reuters Lipper 2018

Bon MYR – Islamik Malaysia
(3 tahun; 5 tahun; 10 tahun)




Anugerah Pengurusan Aset AsianInvestor 2018

Anugerah Pasaran – Firma Dana
Negara Terbaik (Malaysia)

Anugerah Investor-Infovesta Dana Mutual Terbaik 2018

Dana Mutual Ekuiti Terbaik
(Kategori 5 tahun dengan aset
di antara IDR100 – 500 bn)

Nota: Perangkaan hanyalah bagi perniagaan Pengurusan Aset Malaysia sahaja



Ketidaktentuan yang semakin meningkat dan dua penjualan mendadak di dalam suku terakhir 2018 telah menjejaskan pendapatan namun kami tetap tekad terhadap penawaran dan penyelesaian pelaburan terkini bagi melengkapkan para pelanggan kami dengan pengetahuan yang dapat membimbing dalam membuat keputusan yang bermaklumat.

Para pelabur profesional kami yang luas telah diperkuhkan sepanjang tahun sebelumnya, akan menambah nilai dalam analisis saham dan kredit serta strategi peruntukan aset. Kami yakin penambahan nilai ini akan membantu para pelabur menghadapi kemaruapan pasaran yang dijangka akan berterusan sepanjang tahun 2019. Kami akan secara lanjut memperkenalkan produk-produk yang inovatif, membangun saluran jualan sedia ada dan baharu, meningkatkan kecekapan operasi, dan memenuhi objektif pelaburan pelanggan dalam tahun yang akan datang.

Ulaskan Perniagaan

Perniagaan Syariah Kumpulan

PENGENALAN

RHB ISLAMIC BANK (RHB ISLAMIC) MENUTUP TIRAI TAHUN 2018 DENGAN BERKEDUDUKAN DI TEMPAT KETIGA BAGI ASET PEMBIAYAAN DAN KELIMA BAGI DEPOSIT DAN KEUNTUNGAN SEBELUM CUKAI DI ANTARA BANK-BANK ISLAM DI MALAYSIA. PADA KESELURUHANNYA, RHB ISLAMIC BANK TELAH MERAKAM KEJAYAAN CEMERLANG TAHUN DEMI TAHUN TERUTAMANYA PADA TAHAP KPI PRODUK-PRODUK UTAMANYA DARI PERSPEKTIF PERTUMBUHAN KEUNTUNGAN DAN PEMBIAYAAN ASET.

IDENTITI DAN PERANAN KAMI

RHB Islamic adalah cawangan perbankan Islam Kumpulan, menyediakan perkhidmatan perbankan dan kewangan patuh Syariah di bawah empat unit perniagaan: Perbankan Runcit, Perbankan Korporat & Pelaburan, Perbankan Perniagaan & Transaksi dan Perbendaharaan Islam. Perkhidmatan perbankan Syariah disediakan di lebih daripada 200 cawangan RHB di Malaysia dan di cawangan Singapura.

KEMAJUAN KAMI BERDASARKAN FIT22

Sasaran bagi mencapai 40% daripada sumbangan aset pembiayaan ("FA") kepada Kumpulan	<ul style="list-style-type: none"> Telah meningkatkan sumbangan aset pembiayaan domestik kepada Kumpulan daripada 16.7% pada FYE2013 kepada 34.2% pada FYE2018. Kami kekal pada sasaran untuk mencapai 40% pada tahun 2020.
Sasaran FA untuk mencapai kedudukan 3 Teratas	<ul style="list-style-type: none"> Telah memperluaskan pangkalan aset pembiayaan secara agresif, yang telah menghasilkan CAGR 3-tahun yang kukuh sebanyak 24% menjelang akhir tahun 2018. Kami akan mempertahankan kedudukan FA 3 teratas kami lanjutan kejayaan kami pada tahun 2018.
Sasaran bagi mencapai ROE melebihi 12.5%	<ul style="list-style-type: none"> Melancarkan latihan transformasi Islam yang direka cipta dengan baik pada pertengahan 2014 yang telah memberikan kesan positif kepada pencapaian ROE RHB Islamic. Dalam tempoh 3 tahun terakhir, RHB Islamic secara mampan telah mencapai purata ROE di antara 11.8% hingga 12.0% setahun. Catatan ROE bagi tahun 2018 adalah 11.9%.
Sasaran bagi mencapai gabungan perniagaan sebanyak 60% Perniagaan Runcit, 30% Korporat dan 10% Perbankan Perniagaan	<ul style="list-style-type: none"> Pada akhir tahun 2018, sumbangan Perbankan Runcit, Korporat dan Perniagaan RHB Islamic masing-masing berjumlah 54%, 39% dan 7%.

PRESTASI KEWANGAN


- Jumlah pendapatan menyaksikan pertumbuhan T-k-T yang sihat sebanyak 24% berikutan pengembangan aset pembiayaan yang menggalakkan sebanyak 21.7%.
- Keuntungan sebelum cukai meningkat sebanyak 20.7% daripada RM479.9 juta kepada RM579.2 juta

Keuntungan Sebelum Cukai RM579.2 juta	Jumlah Pendapatan RM1,078 juta	Pembiayaan Kasar RM52.3 bilion	Deposit Pelanggan RM45.7 bilion	Nisbah Kos kepada Pendapatan 35.6%
---	--	--	---	--

<p>ANUGERAH & PENGIKTIRAFAN</p> 	<p>Pameran Pelaburan Syariah Bursa Malaysia 2018 Institusi Kewangan Islam Terbaik</p>	<p>Anugerah Kewangan Aset Triple A 2018 Sukuk Jaminan Kerajaan Terbaik: Perbadanan PR1MA Malaysia Murabahah Sukuk bernilai RM2.5 bilion (Penasihat Syariah)</p>
	<p>Anugerah Islamic Finance News 2018 Urus Niaga Impak Sosial Terbaik Tahunan IFN; Urus Niaga Terbaik Tahunan Malaysia IFN dan Urus Niaga Terbaik Tahunan IFN (Penaja Jamin Nota Sederhana Islam Matlamat Pembangunan Mampan (“SDG”) bernilai RM500 juta)</p>	<p>Anugerah Perniagaan dan Kewangan Islam Asia Tenggara Kewangan CPI 2018 Bank Korporat Terbaik</p>

SOROTAN 2018		
INISIATIF-INISIATIF UTAMA	KEPUTUSAN	KEUTAMAAN 2019
<p>Mengembangkan saluran elektronik dan digital dalam pengurusan tunai dan perkhidmatan transaksi melalui peningkatan kerjasama dengan kerajaan dan perniagaan</p> <p>Menerapkan sektor pendidikan dan universiti awam dan swasta/warga pelajar kolej, dengan inisiatif waqf menerusi mudah cara Syariah dan penyelesaian pembayaran inovatif. Inisiatif ini sejajar dengan Pengantaraan Berasaskan Nilai (“VBI”)</p>	<ul style="list-style-type: none"> Mewujudkan kerjasama perniagaan dengan rakan strategik untuk mempromosikan e-Wallet dan kod QR sebagai penyelesaian pembayaran; menggalakkan transaksi pembayaran tanpa tunai melalui aplikasi SyuQR, yang bertujuan untuk mendigitalisasikan pedagang untuk menerima sumbangan tanpa tunai di Masjid Mewujudkan saluran koleksi dengan kerjasama rakan strategik bagi pengumpulan dana waqf yang disasarkan untuk projek pendidikan, kesihatan, atau pengukuhan ekonomi Bekerjasama dengan Majlis Agama Negeri di Malaysia Timur untuk menyokong projek waqf yang bertujuan menaikkan keadaan beberapa institusi pendidikan 	<ul style="list-style-type: none"> Meneruskan digitalisasi perkhidmatan perbankan, dengan memberi penekanan kepada kolaborasi strategik dengan e-Wallet dan perkhidmatan QR dalam usaha untuk mencipta dan mengembangkan lagi penglibatan RHB Islam dalam bidang digital Aplikasi SyuQR pada masa ini telah mendaftarkan penyertaan 30 buah masjid di seluruh negara Mewujudkan ekosistem perniagaan yang berkesan di sekitar bidang perniagaan yang disasarkan contohnya, perniagaan penjagaan kesihatan, pendidikan dan SME dengan memberikan proposisi pelanggan yang holistik Meningkatkan penjualan-silang produk dan perkhidmatan terutamanya dalam komuniti runcit di dalam ekosistem yang diwujudkan

Perniagaan Syariah Kumpulan



TINJAUAN DAN PROSPEK

Bagi Malaysia, industri perbankan Islam mencatatkan peningkatan pembiayaan setinggi 11.6% pada tahun 2018, iaitu jauh mendahului pertumbuhan sebanyak 3.0% yang dicatatkan oleh bank konvensional. Dari segi deposit, industri perbankan Islam mencatat pertumbuhan sebanyak 13.5%, melebihi dua kali ganda pertumbuhan industri konvensional yang mencatatkan 5.7%.

Bagi tahun 2019, inisiatif kami akan kekal tertumpu terhadap pemacuan imbalan CASA yang akan memberi kesan positif kepada kos dan margin keuntungan bersih RHB Islamic yang akan membawa Keuntungan Selepas Cukai yang stabil menerusi penembusan pelanggan baharu dari sektor kerajaan, sektor pendidikan, sektor penjagaan kesihatan dan waqf sambil mengukuhkan kedudukan kewangan di kalangan pelanggan sedia ada.

Kami akan meneruskan pendigitalisasian perkhidmatan perbankan melalui kerjasama strategik dengan perkhidmatan e-Wallet dan QR dalam usaha untuk mewujudkan dan mengembangkan penglibatan RHB Islamic dalam ruang digital. RHB Islamic akan mengukuhkan hubungan kerjasama yang sedia ada dengan rakan niaga Kumpulan bagi memastikan pertumbuhan jualan patuh Islam. Sebagai sebahagian daripada usaha yang lebih luas dalam inisiatif perbankan komuniti Kumpulan, RHB Islamic akan meneruskan penekanannya dalam membangunkan ekosistem dalam lingkungan Islam.

Ulasan Perniagaan

Insurans Kumpulan

PENGENALAN

INDUSTRI INSURANS AM MENCATATKAN PERTUMBUHAN SEBANYAK 1.5% PADA TAHUN 2018, DISOKONG OLEH PREMIUM TINGGI DARI DUA KELAS INSURANS TERBESAR, IAITU MOTOR DAN KEBAKARAN. WALAUPUN INDUSTRI INI MEMPERLIHATKAN PENINGKATAN DALAM HASIL PENJUALAN KERETA SEMASA TEMPOH BEBAS CUKAI DARI BULAN JUN KE OGOS, NAMUN KETIDAKPASTIAN YANG TIMBUL AKIBAT PEMBATALAN BEBERAPA PROJEK PEMBINAAN MEGA TELAH MENAKIBATKAN PENURUNAN DALAM PELBAGAI JENIS KELAS LAIN DAN BERIKUTNYA INDUSTRI INSURANS TELAH MENUTUP TIRAINYA DENGAN PERTUMBUHAN KESELURUHAN YANG SEDERHANA. SEGMENT MOTOR KEKAL SEBAGAI KELAS TERBESAR DENGAN BAHAGIAN PASARAN SEBANYAK 47.3%, DIKUTI OLEH SEGMENT KEBAKARAN SEBANYAK 19.6% DAN PENERBANGAN & TRANSIT LAUT SEBANYAK 7.4%.

IDENTITI DAN PERANAN KAMI

RHB Insurance, anak syarikat subsidiari RHB Bank Berhad, menyediakan insurans am bagi pelanggan runcit dan korporat kami. RHB Insurance merupakan penginsurans terbesar ke-10 di Malaysia dengan bahagian pasaran sebanyak 4.4%, dan berkedudukan di kalangan 10 Penginsurans Terbaik bagi kebakaran dan penginsurans Ke-5 teratas bagi liputan perubatan dan kesihatan.

KEMAJUAN KAMI BERDASARKAN FIT22

- Memberikan penerangan sasaran FIT22. Menjadi penginsurans 5 teratas dalam Insurans Am.
- Segmen perniagaan insurans perlu menyediakan sorotan kemajuan bagi tahun 2018, RHB Insurance meningkat kepada kedudukan 10 teratas dalam bahagian saham pasaran Insurans Am.

PRESTASI KEWANGAN

Insurans Kumpulan mencatatkan Premium Kasar Ditulis (“GWP”) sebanyak RM787 juta, iaitu peningkatan sebanyak 14% berbanding tempoh yang sama tahun 2017, melebihi kadar pertumbuhan industri sebanyak 1.5% pada Q4 2018. Perniagaan kami mencatatkan 4.4% daripada bahagian pasaran.

Keuntungan sebelum cukai adalah sebanyak RM80.1 juta dengan penyusutan sebanyak 40% dalam tempoh yang sama, disebabkan oleh pendapatan pelaburan yang lebih rendah dan tuntutan insurans perubatan kumpulan yang tinggi di mana sebahagian besarnya telah ditangani dalam Q4 2018. Nisbah tuntutan ditanggung bagi Kebakaran dan Motor masing-masing kekal teguh pada 14% dan 68%, walaupun persaingan pasaran yang sengit daripada pesaing.

Keuntungan sebelum Cukai RM80.1 juta	Premium Kasar Ditulis RM787 juta	Pertumbuhan Premium Kasar Ditulis 14%	Nisbah Operasi 85%	Nisbah Gabungan 92%
--	--	---	------------------------------	-------------------------------

SOROTAN 2018

INISIATIF-INISIATIF UTAMA

Tertumpu kepada pertumbuhan dan keuntungan mampan, menerusi segmen pasaran terpilih

KEPUTUSAN

- Mencatatkan pertumbuhan Premium Kasar Ditulis sebanyak 5% dalam segmen Kebakaran dan 23% dalam segmen Motor


KEUTAMAAN 2019

- Memberikan tumpuan lanjut kepada segmen pasaran terpilih, seperti Kebakaran, Motor, Perubatan dan lain-lain kelas insurans
- Penawaran produk dan perkhidmatan yang baharu
- Tertumpu kepada produk perubatan individu untuk insurans Perubatan

Insurans Kumpulan



CABARAN/RISIKO



Tumpuan terhadap pengedaran pelbagai saluran termasuk mewujudkan ekosistem digital bagi mengembangkan perniagaan.

Ulasan Perniagaan

Operasi
Singapura

PENGENALAN

PERKEMBANGAN EKONOMI SINGAPURA DICATATKAN PADA 3.3% BAGI TAHUN 2018, YANG MERUPAKAN PENYUSUTAN SEKIRANYA DIBANDINGKAN DENGAN TAHUN SEBELUMNYA SEBANYAK 3.6%. PERSEKITARAN OPERASI DI SINGAPURA TERJEJAS AKIBAT PEMBANGUNAN DUNIA SEPerti NEGOTIASI BREXIT DAN KETEGANGAN PERDAGANGAN DI ANTARA DENGAN AS DAN CHINA, YANG TELAH MENJEJASKAN RANGKAIAN BEKALAN ANTARABANGSA, DAN JUGA PASARAN SAHAM UTAMA PERANTAUAN INI DAN PERNIAGAAN TEMPATAN.

IDENTITI DAN PERANAN KAMI

Sejak RHB Bank Singapura ditubuhkan pada tahun 1961, kami telah membina rangkaian pelanggan yang kukuh dan kini merupakan salah satu institusi kewangan yang paling dipercayai. Bersandarkan lebih daripada 5 dekad pengalaman dan kecemerlangan terbukti dalam sektor kewangan, kami telah berkembang menjadi sebuah organisasi yang mantap, komited untuk membawa penyelesaian kewangan kepada semua.

RHB Bank Singapura hari ini merupakan penyumbang serantau utama kepada Kumpulan RHB, dan kami secara lanjut mengukuhkan kedudukan kami dalam segmen permodalan sederhana, bertujuan untuk berfungsi sebagai bank pemangkin bagi SME, menasihati keperluan perniagaan dan kewangan peribadi. Perniagaan teras Bank diselaraskan kepada lapan tonggak utama iaitu Perkhidmatan Kewangan Peribadi dan Pengurusan Kekayaan, Pusat Perbankan Perniagaan, Perbankan Komersial dan Transaksi, Perbankan Korporat dan Islam, Perbendaharaan, serta Perbankan Pelaburan, Broker dan Pengurusan Aset.

KEMAJUAN KAMI BERDASARKAN FIT 2018 – 2022

Selaras dengan FIT22, operasi Singapura menyelaraskan strateginya, bagi memberikan tumpuan kepada pembangunan segmen korporat semasa dan pemangkinan pembangunan keusahawanan. Kami bekerjasama dengan rakan-rakan SME untuk membantu pelanggan kami meluaskan rangkaian perniagaan mereka melalui lawatan bermisi ke negara-negara ASEAN yang terpilih.

Di ruangan digital, kami telah meningkatkan perbankan internet perniagaan kami, termasuk suaian pengguna RHB Reflex utama, sistem dalam talian bersepadu kami yang menggabungkan pengurusan tunai dan penyelesaian perdagangan dan pembayaran.

RHB Bank Singapura secara progresif telah meningkatkan keupayaannya untuk memenuhi keperluan pelanggan yang sentiasa berubah. Sebagai contoh, pada tahun 2018, kami telah menyediakan struktur pembiayaan unik dalam segmen korporat, termasuk instrumen patuh Syariah, di mana Bank telah menandatangani perjanjian dua hala dengan hotel Islam terbesar di dunia dengan pembiayaan bernilai SGD120 juta.


PRESTASI KEWANGAN

- Pinjaman kasar meningkat 3.7% disokong oleh pinjaman korporat yang berkualiti, aset Islam dan tawaran dalam segmen permodalan sederhana (pinjaman dan produk perdagangan)
- Pendapatan berasaskan bukan dana meningkat lebih daripada 21.0%, disumbangkan terutamanya oleh pendapatan perbendaharaan dan produk perdagangan di mana kami mengukuhkan cadangan/pelan kami kepada segmen permodalan sederhana.
- Peningkatan perbelanjaan, terutamanya didorong oleh pelaburan dalam sumber manusia dan teknologi, menyebabkan kemerosotan nisbah kos kepada pendapatan sebanyak 94.0%
- Nisbah pinjaman tidak berbayar kasar (“NPL”) terus bertambah baik berikutan pemulihan dan pertumbuhan pinjaman

Keuntungan sebelum Cukai	Pinjaman	Deposit	Hasil	Nisbah Kos kepada Pendapatan
SGD40.2 juta	SGD3,918 juta	SGD4,423 juta	SGD145.5 juta	94.0%

Operasi Singapura





TINJAUAN DAN PROSPEK

Singapura dijangka mencapai pertumbuhan ekonomi yang berdaya tahan pada tahun 2019 meskipun menghadapi persekitaran luaran yang mencabar dengan pertumbuhan ekonomi global yang malap dan aliran perdagangan global yang tidak tentu. Sejarai dengan konsensus, kami menjangkakan KDNK Singapura akan berkembang sebanyak 2.8% pada tahun 2019, menyusut daripada pertumbuhan 3.3% pada tahun 2018. Industri perkhidmatan Singapura seharusnya menunjukkan pertumbuhan yang berdaya tahan disokong oleh pertumbuhan dalam industri kewangan dan insurans serta sektor perkhidmatan perniagaan.

Kami menjangkakan SGD akan kukuh kepada 1.330 berbanding USD pada tahun 2019 dari 1.363 pada akhir tahun 2018, yang sepatutnya positif bagi pendapatan syarikat Singapura yang merupakan sebahagian daripada Indeks STI. Di pasaran ekuiti, kami menjangkakan prestasi Bank, REITs, Pengguna dan saham Industri untuk mengatasi pasaran lain.

RHB Bank Singapura akan memberi tumpuan terhadap pembangunan saluran jualan baharu dan menjalin perkongsian untuk mengembangkan francais kami; mengenal pasti rakan kongsi teknologi untuk merangka penyelesaian teknologi kewangan; dan membantu pelanggan mencapai pertumbuhan perniagaan yang mampan melalui peningkatan produktiviti. Bagi memaksimumkan pemulihan, kami akan terus memantau secara aktif dan mengimbangi portfolio kami ke arah keuntungan yang lebih tinggi.

Ulasan Perniagaan

Perniagaan Antarabangsa

PENGENALAN
MESKIPUN PERTUMBUHAN EKONOMI ASIA MENGHADAPI KEMALAPAN, PROSPEK SERTA PRESTASI KESELURUHAN UNTUK PERNIAGAAN ANTARABANGSA RHB TETAP POSITIF. DENGAN KEHADIRAN AKTIF KUMPULAN DI RANTAU INDOCHINA DAN PASARAN ASIA TENGGARA BAHARU MUNCUL YANG MENUNJUKKAN DAYA TAHAN, KAMI MEMPEROLEH PERTUMBUHAN KEUNTUNGAN SEBELUM CUKAI SEBANYAK 49.8% KEPADA RM87.2 JUTA.

IDENTITI DAN PERANAN KAMI

Perniagaan Antarabangsa RHB terdiri daripada portfolio perbankan komersial kami di luar negara, tidak termasuk Singapura. Rangkaian cawangan kami di Kemboja, Thailand, Laos dan Brunei menawarkan pelbagai perkhidmatan merangkumi pinjaman, deposit, pembiayaan dagangan dan perkhidmatan-perkhidmatan lain, seperti pertukaran asing dan kiriman wang yang memenuhi kehendak pelanggan runcit, komersial dan korporat. Kami juga telah menubuhkan pejabat perwakilan di Vietnam dan Myanmar bagi membina hubungan erat dengan pelanggan berpotensi dan pengawal selia, sambil memperdalamkan pemahaman kami tentang persekitaran operasi tempatan.

PRESTASI KEWANGAN

Keuntungan sebelum Cukai	Pinjaman	Deposit	Hasil	Nisbah Kos kepada Pendapatan
RM87.3 juta	RM3,675 juta	RM3,959 juta	RM169.6 juta	49.3%

SOROTAN 2018

INISIATIF-INISIATIF UTAMA

Meningkatkan kualiti aset dengan mengurangkan Pinjaman Tidak Berbayar ("NPL") dan menangani NPL yang tertunggak

Meningkatkan pendapatan berasaskan yuran, tanpa faedah


Pembukaan cawangan baharu di Vientiane, Laos (Cawangan Dongdok)

KEPUTUSAN

- Peningkatan nisbah NPL kepada 1.72% di Thailand
- Cagaran berjaya diluluskan dan mendapati pemulihan sebanyak THB71.7 juta
- Menggalakkan budaya kredit berhemat yang memberi tumpuan kepada pinjaman bercagar, ditambah dengan pemantauan proaktif profil pelanggan dan akaun pinjaman bermasalah
- Memanfaatkan platform dan rangkaian Kumpulan untuk mengembangkan pendapatan berasaskan yuran
- Memperoleh bekalan yang mencukupi dan berterusan untuk dana luar negara bagi menumbuhkan komisen pemindahan telegraf, yang meningkat sebanyak 232% di Kemboja
- Meningkatkan komposisi pendapatan bukan faedah T-k-T dari 18.4% kepada 19.3% di Brunei
- Memulakan perniagaan pada Januari 2018 dan mencapai pulangan modal dalam November 2018

KEUTAMAAN 2019

- Meneruskan budaya kredit berhemat dan pinjaman bercagar
- Meningkatkan lagi nisbah NPL melalui pemulihan pinjaman
- Meneruskan pemacuan pendapatan berasaskan yuran terutamanya di Kemboja dan Brunei
- Meningkatkan keuntungan dari pelanggan sedia ada



TINJAUAN DAN PROSPEK

Menuju ke tahun 2019, Perniagaan Antarabangsa RHB akan bertumpu kepada Kemboja dan Laos bagi meningkatkan peluang perniagaan dan pertumbuhan di Indochina. Selaras dengan aspirasi Kumpulan untuk muncul sebagai bank serantau utama, RHB Indochina Bank dan RHB Laos akan menggunakan pendekatan tertumpu kepada runcit dan SME, manakala RHB Brunei akan terus membina hubungan kukuh dengan rakan-rakan strategik dan pelanggan korporat untuk mengembangkan peluang perniagaan.

Mencabar


norma,
merealisasikan kejayaan.





Lembaga Pengarah






1. Ong Ai Lin
2. Dato' Khairussaleh Ramli (*Pengarah Urusan Kumpulan*)
3. Tan Sri Azlan Zainol (*Pengerusi*)
4. Tan Sri Ong Leong Huat @ Wong Joo Hwa
5. Tan Sri Dr Rebecca Fatima Sta Maria
6. Tan Sri Saw Choo Boon
7. Mohamed Ali Ismaeil Ali Alfahim
8. Abdul Aziz Peru Mohamed
9. Lim Cheng Teck



LEMBAGA PENGARAH SEKILAS PANDANG

KEPELBAGAIAN DAN KEMAHIRAN LEMBAGA MEMASTIKAN RHB BANK DIKETUAI UNTUK MENYAMPAIKAN PERTUMBUHAN KEPADA SEMUA PEMEGANG KEPENTINGAN KAMI.

KOMPOSISI LEMBAGA



Pengarah Bebas Bukan Eksekutif



Pengarah Bebas Bukan Eksekutif Kanan



Pengarah Urusan Kumpulan




Pengerusi Bukan Bebas Bukan Eksekutif




Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif

TEMPOH LEMBAGA PENGARAH




■ Bawah 5 tahun	5
■ 5 tahun - 9 tahun	4
■ Lebih dari 9 tahun	1

UMUR



■ 66 tahun & ke atas	4
■ 51 tahun - 65 tahun	5
■ 50 tahun & ke bawah	1


JANTINA



Lelaki	7
Perempuan	3

ETNIK

Melayu	4
Cina	4
Eurasian	1
Arab	1



WARGANEGARA

Malaysia	8
Bukan Malaysia	2

PARA PENGARAH BAGI SYARIKAT TERSENARAI (TERMASUK RHB)

1 Syarikat Tersenarai: 5 Pengarah	
2 Syarikat Tersenarai: 2 Pengarah	
3 Syarikat Tersenarai: 1 Pengarah	
4 Syarikat Tersenarai: 1 Pengarah	
5 Syarikat Tersenarai: 1 Pengarah	

KEMAHIRAN LEMBAGA

	%
Kepimpinan dan Pengurusan	100%
Perbankan	60%
Kewangan	80%
Pasaran Modal & Sekuriti	30%
Perdagangan Antarabangsa	20%
Tadbir Urus Risiko dan Pematuhan	10%
Sistem Pengurusan Maklumat & Teknologi	10%
Keselamatan Siber & Privasi Data	10%

CIRI-CIRI UTAMA LEMBAGA KAMI

60%

Lembaga terdiri daripada 60% Pengarah Bebas



Pengerusi adalah Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif



Jawatan Pengerusi dan Pengarah Urusan Kumpulan dipegang oleh individu yang berlainan

Profil Lembaga Pengarah

setakat 15 Februari 2019



TAN SRI AZLAN ZAINOL

Pengerusi Bukan Bebas Bukan Eksekutif

BNRC

Umur/Jantina/Kewarganegaraan
68/Lelaki/Malaysia

Bil. Mesyuarat Lembaga Pengarah yang dihadiri



Tarikh Dilantik
27 Julai 2005

Tempoh Perkhidmatan
13 tahun 7 bulan

Kelayakan

- Felo Institut Akauntan Berkanun di England dan Wales
- Felo Institut Jurubank Berkanun Asia
- Ahli Institut Akauntan Malaysia
- Ahli Institut Akauntan Awam Bertauliah Malaysia

Jawatan Pengarah yang Lain Entiti Tersenarai:

- Malaysian Resources Corporation Berhad (Pengerusi)
- Eco World International Berhad (Pengerusi)
- Kuala Lumpur Kepong Berhad
- Grand-Flo Berhad (Pengerusi)

Syarikat Awam:

- RHB Investment Bank Berhad (Pengerusi)
- Yayasan Astro Kasih (Pengerusi/Pemegang Amanah)
- Yayasan OSK (Pemegang Amanah)
- Financial Reporting Foundation (Pengerusi)
- RHB Capital Berhad (Dalam Pembubaran Sukarela Ahli)
- Rashid Hussain Berhad (Dalam Pembubaran Sukarela Ahli)

Kemahiran dan Pengalaman

Tan Sri Azlan Zainol merupakan Ketua Pegawai Eksekutif bagi Lembaga Kumpulan Wang Simpanan Pekerja sehingga persaraannya pada April 2013. Beliau mempunyai lebih 30 tahun pengalaman dalam sektor kewangan, setelah berkhidmat sebagai Pengarah Urusan AmBank Berhad dan sebelum itu sebagai Pengarah Urusan AmFinance Berhad.



DATO' KHAIRUSSALEH RAMLI

Pengarah Urusan Kumpulan/
Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan

Umur/Jantina/Kewarganegaraan
51/Lelaki/Malaysia

Bil. Mesyuarat Lembaga Pengarah yang dihadiri



Tarikh Dilantik
13 Disember 2013*

Tempoh Perkhidmatan
5 tahun 2 bulan

Kelayakan

- Ijazah Sarjana Muda Sains dalam Pentadbiran Perniagaan daripada Washington University, St. Louis
- Program Pengurusan Lanjutan, Harvard Business School
- Felo Jurubank Berkanun, Institut Jurubank Berkanun Asia

Jawatan Pengarah yang Lain Entiti Tersenarai:

- Tiada

Syarikat Awam:

- RHB Capital Berhad (Dalam Pembubaran Sukarela Ahli)
- RHB Indochina Bank Limited (Pengerusi)
- RHB Bank Lao Limited (Pengerusi)
- RHB Foundation (Pengerusi/Pemegang Amanah)

Kemahiran dan Pengalaman

Dato' Khairussaleh Ramli mempunyai lebih dari 20 tahun pengalaman dalam industri perkhidmatan kewangan dan pasaran modal, di mana beliau telah memegang pelbagai jawatan kanan dalam institusi kewangan serantau yang terunggul. Beliau juga seorang ahli Majlis di Persatuan Bank-bank di Malaysia dan Institut Bank-Bank Bertauliah Asia.

Pengetahuan dan pengalamannya telah melayakkan beliau menerima "Anugerah CFO Terbaik di Malaysia" pada 2010 dan 2011 oleh Finance Asia serta "Anugerah CFO Terbaik di Malaysia" pada tahun 2012 oleh Alpha Southeast Asia.

* Kemudian dilantik sebagai Pengarah Urusan Kumpulan/Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan RHB Banking Group pada 5 Mei 2015

Jawatankuasa Lembaga:

BNRC Jawatankuasa Lembaga Pengarah Pencilonan & Imbuhan	BAC Jawatankuasa Lembaga Pengarah Audit	BCC Jawatankuasa Kredit Lembaga	BRC Jawatankuasa Risiko Lembaga	Pengerusi	Ahli
--	--	--	--	------------------	-------------

**TAN SRI ONG LEONG HUAT****@ WONG JOO HWA**

Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif

BNRC BCC

Umur/Jantina/Kewarganegaraan

74/Lelaki/Malaysia

Bil. Mesyuarat Lembaga Pengarah yang dihadiri**Tarikh Dilantik**

20 November 2012

Tempoh Perkhidmatan

6 tahun 3 bulan

Kelayakan

- Senior Cambridge, Federation of Malaysia Certificate dianugerahkan oleh Methodist English School
- Lesen Perwakilan Pasaran Modal dan Perkhidmatan yang diterbitkan oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia di bawah Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 untuk berurusan dalam sekuriti

Jawatan Pengarah yang Lain**Entiti Tersenarai:**

- OSK Holdings Berhad (Pengerusi Eksekutif)

Syarikat Awam:

- RHB Investment Bank Berhad
- PJ Development Holdings Berhad (Pengerusi)
- OSK Property Holdings Berhad
- KE-ZAN Holdings Berhad
- OSK Foundation (Pemegang Amanah)

Kemahiran dan Pengalaman

Untuk lebih dari 17 tahun sejak 1969, Tan Sri Ong Leong Huat telah berkhidmat di sebuah institusi kewangan terkemuka di mana beliau memegang jawatan terakhir sebagai Pengurus Besar Kanan. Beliau telah menyandang jawatan sebagai Pengarah Urusan/Ketua Pegawai Eksekutif ("CEO") di OSK Investment Bank Berhad (kini dikenali sebagai OSKIB Sdn Bhd) dari Julai 1985 hingga Januari 2007 dan seterusnya dilantik menjadi Pengarah Urusan Kumpulan/CEO. Beliau kemudiannya dilantik semula sebagai Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif dan akhirnya meletak jawatan pada 30 April 2013.

Tan Sri Ong Leong Huat juga merupakan Pengarah MESDAQ dari Julai 1999 hingga Mac 2002 dan ahli Majlis Penasihat Pasaran Modal yang dilantik oleh Suruhanjaya Sekuriti pada 2004 untuk memberi nasihat mengenai isu berkaitan implementasi Rancangan Induk Pasaran Modal. Beliau juga menggalas jawatan Pengarah di Lembaga Bursa Malaysia Berhad dari tahun 2008 hingga 2015 dan sebelum ini merupakan ahli Panel Perundingan Pasaran Sekuriti oleh Bursa Malaysia.

**MOHAMED ALI ISMAEIL ALI ALFAHIM**

Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif

Umur/Jantina/Kewarganegaraan

42/Lelaki/Emiriah Arab Bersatu

Bil. Mesyuarat Lembaga Pengarah yang dihadiri**Tarikh Dilantik**

9 Mei 2014

Tempoh Perkhidmatan

4 tahun 9 bulan

Kelayakan

- Ijazah Sarjana Muda Sains dalam Pentadbiran Perniagaan daripada Universiti Suffolk, Boston

Jawatan Pengarah yang Lain**Entiti Tersenarai:**

- Tiada

Syarikat Awam:

- RHB Capital Berhad (dalam Pembubaran Sukarela Ahli)
- Aabar Investments PJS

Kemahiran dan Pengalaman

Mohamed Ali Ismaeil Ali Alfahim memulakan kerjaya profesionalnya di Abu Dhabi National Oil Company dari tahun 2000 hingga 2008. Tugas beliau sebagai Ketua Jabatan Pembiayaan Kumpulan tertumpu kepada usaha mengenal pasti dan membentuk strategi pelaburan yang mencerminkan portfolio pelaburan yang seimbang. Pada waktu itu, Mohamed Ali Ismaeil Ali Alfahim turut bertugas sebagai penasihat kewangan korporat untuk KPMG-Dubai dari tahun 2001 hingga 2002 dan HSBC Bank di Bahagian Kewangan Projek dan Eksport- London pada tahun 2006.

Mohamed Ali Ismaeil Ali Alfahim telah berkhidmat sebagai Ketua Kewangan di Bahagian Kewangan & Akaun di International Petroleum Investment Company PJSC (IPIC) dari September 2008 hingga April 2017. Beliau mewakili IPIC sebagai ahli lembaga pengarah dalam pelbagai lembaga syarikat pelaburan, termasuk Aabar Investments PJS. Beliau juga merupakan Penasihat di Mudabala Investment Company PJSC sejak Mei 2017.

Profil Lembaga Pengarah



TAN SRI DR REBECCA FATIMA STA MARIA
Pengarah Kanan Bebas Bukan Eksekutif

BNRC BAC

Umur/Jantina/Kewarganegaraan
61/Perempuan/Malaysia

Bil. Mesyuarat Lembaga Pengarah yang dihadiri



Tarikh Dilantik
1 Ogos 2016

Tempoh Perkhidmatan
2 tahun 6 bulan

Kelayakan

- Ijazah Sarjana Muda Sastera (Kepujian) dalam Kesusasteraan Inggeris daripada Universiti Malaya
- Diploma dalam Pentadbiran Awam daripada Institut Pentadbiran Awam Negara ("INTAN")
- Ijazah Sarjana Sains dalam Kaunseling daripada Universiti Pertanian Malaysia (kini dikenali sebagai Universiti Putra Malaysia)
- Ph.D daripada University of Georgia di Athens, Amerika Syarikat

Jawatan Pengarah yang Lain Entiti Tersenarai:

- Sunway Berhad
- Hartalega Holdings Berhad
- Eco World International Berhad

Syarikat Awam:

- RHB Investment Bank Berhad
- MyKasih Foundation (Pemegang Amanah)

Jawatankuasa Lembaga:

BNRC Jawatankuasa Lembaga Pengarah Pencilonan & Imbuhan

BAC Jawatankuasa Lembaga Pengarah Audit

BCC Jawatankuasa Kredit Lembaga

BRC Jawatankuasa Risiko Lembaga

Pengerusi

Ahli



TAN SRI SAW CHOO BOON
Pengarah Bebas Bukan Eksekutif

BNRC BRC BAC

Umur/Jantina/Kewarganegaraan
72/Lelaki/Malaysia

Bil. Mesyuarat Lembaga Pengarah yang dihadiri



Tarikh Dilantik
15 Jun 2016

Tempoh Perkhidmatan
2 tahun 8 bulan*

Kelayakan

- Ijazah Sarjana Muda Sains (Kimia) daripada Universiti Malaya

Jawatan Pengarah yang Lain Entiti Tersenarai:

- Digi.Com Berhad
- Wah Seong Corporation Berhad

Syarikat Awam:

- RHB Capital Berhad (Dalam Pembubaran Sukarela Ahli)
- RHB Insurance Berhad (Pengerusi)

Persatuan:

- Pasukan Petugas Khas Pemudah Cara Perniagaan Sektor Awam-Swasta Kerajaan ("PEMUDAH") sebagai Pengerusi Bersama
- Ahli Majlis Persekutuan Pengilang-Pengilang Malaysia ("FMM")
- Pusat Penyelidikan Sosioekonomi ("SERC") Lembaga Gabungan Dewan Perniagaan dan Perindustrian Cina Malaysia

Kemahiran dan Pengalaman

Tan Sri Saw Choo Boon ("Tan Sri Saw") menyertai Shell pada tahun 1970 sebagai Juruteknologi Penapisan di Shell Refining Company (Federation of Malaya) Berhad. Beliau kemudiannya memegang pelbagai jawatan dalam sektor perkilangan, pembekalan, perdagangan dan perancangan di Malaysia, Singapura dan Netherlands. Pada tahun 1996, Tan Sri Saw telah dilantik sebagai Pengarah Urusan Shell MDS (Malaysia) Sdn Bhd. Sepanjang 1998-1999, beliau menyandang jawatan Pengarah Urusan untuk Oil Products (Downstream) Shell Malaysia dan Pengarah Urusan Shell Refining Company (Federation of Malaya) Berhad. Pada tahun 1999, berlatarkan globalisasi perniagaan Shell Oil Products, beliau telah dilantik sebagai Naib Presiden perniagaan komersial di rantau Asia Pasifik dan pada tahun 2004 beliau menjadi Presiden Shell Oil Product East. Pada tahun 2005, beliau menyandang jawatan Naib Presiden Global Marine Products.

Tan Sri Saw dilantik sebagai Pengerusi Shell Malaysia pada 1 Mac 2006. Beliau juga menggalas jawatan Naib Presiden Pembangunan Perniagaan Asia Pasifik yang bertanggungjawab untuk membangunkan perniagaan komersial dalam pasaran baharu di Asia - China, India, Indonesia dan Vietnam. Pada 1 Januari 2010, Tan Sri Saw dilantik menjadi Penasihat Kanan Shell Malaysia sehingga persaraannya pada 30 Jun 2010.

* Berkhidmat di Lembaga RHB Capital Berhad (Bekas syarikat induk) selama lebih dari 6 tahun



ABDUL AZIZ PERU MOHAMED
Pengarah Bebas Bukan Eksekutif

Umur/Jantina/Kewarganegaraan
70/Lelaki/Malaysia

Bil. Mesyuarat Lembaga Pengarah yang dihadiri



Tarikh Dilantik
7 Februari 2011

Tempoh Perkhidmatan
8 tahun

Kelayakan

- Harvard Business School
- Program Pacific Bankers Rim di Amerika Syarikat

Jawatan Pengarah yang Lain

Entiti Tersenarai:

- Tiada

Syarikat Awam:

- RHB Islamic Bank Berhad (Pengerusi)
- RHB Insurance Berhad
- As-Salihin Trustee Berhad
- RHB Indochina Bank Limited
- RHB Bank Lao Limited

Kemahiran dan Pengalaman

Abdul Aziz Peru Mohamed kini bertugas sebagai Ketua Pegawai Eksekutif/Pengarah As-Salihin Trustee Berhad, sebuah syarikat amanah yang bertumpukan kepada perancangan estet Islam. Beliau pernah menyandang pelbagai jawatan kanan dalam industri perbankan dengan pencapaian kerjaya hampir 30 tahun merangkumi pengurusan rangkaian cawangan dan perbankan runcit. Beliau telah mendedikasikan hampir seluruh kerjayanya di Malayan Banking Berhad, di mana jawatan terakhir beliau merupakan Pengurus Besar, Bahagian Perbankan Pengguna. Beliau turut menggalas jawatan sebagai Pengurus Besar Kanan AmBank dari tahun 2002 hingga 2005. Sepanjang perkhidmatannya dalam industri perbankan, beliau telah dilantik sebagai Pengerusi Jawatankuasa Peraturan bagi Persatuan Bank-Bank Malaysia dan telah menjawat pelbagai peranan penting yang lain termasuk Ahli Lembaga Mayban Property Trust dan Mayban Trustees Bhd.



ONG AI LIN
Pengarah Bebas Bukan Eksekutif

BNRC BAC BRC

Umur/Jantina/Kewarganegaraan
63/Perempuan/Malaysia

Bil. Mesyuarat Lembaga Pengarah yang dihadiri



Tarikh Dilantik
1 Julai 2017

Tempoh Perkhidmatan
1 tahun 7 bulan

Kelayakan

- Ijazah Sarjana Muda (Kepujian) dalam bidang Ekonomi daripada University of Leeds, United Kingdom
- Ahli Bersekutu Institut Akauntan Berkanun di England dan Wales
- Ahli Institut Akauntan Malaysia
- Juruaudit Sistem Maklumat Berkanun
- Ahli Profesional Kesenambungan Perniagaan Berkanun

Jawatan Pengarah yang Lain

Entiti Tersenarai:

- Tenaga Nasional Berhad

Syarikat Awam:

- RHB Islamic Bank Berhad
- FIDE Forum (Pemegang Amanah)

Kemahiran dan Pengalaman

Ong Ai Lin memulakan kerjayanya dengan Deloitte Haskins & Sells ("DH&S") di London pada tahun 1978 sebelum menyertai PricewaterhouseCoopers ("PwC") pada tahun 1991 sebagai Pengurus Kanan. Di PwC, beliau membina amalan audit IT, yang merupakan sebahagian penting daripada perkhidmatan audit kewangan syarikat. Beliau kemudiannya dilantik sebagai Rakan Kongsi/Pengarah Eksekutif Kanan PwC pada tahun 1993 dan merupakan Ketua Pengurusan Kesenambungan Perniagaan dan Keselamatan Maklumat untuk PwC Malaysia. Beliau juga pernah memikul tugas Presiden Persatuan Audit dan Kawalan Sistem Maklumat ("ISACA") – Bahagian Malaysia.

Ong Ai Lin mempunyai lebih 30 tahun pengalaman dalam menyediakan Pengurusan Kesenambungan Perniagaan, Risiko dan Pematuhan Urus Tadbir, Keselamatan Maklumat, Keselamatan Siber, Risiko dan Tadbir Urus Teknologi dan perkhidmatan Kesulitan Data di United Kingdom, Singapura, Indonesia, Thailand, Vietnam, Filipina, Sri Lanka, Kemboja, dan Malaysia. Pengalaman luasnya termasuk kerjasama dengan pihak pengawalselia, kementerian dan agensi kerajaan, organisasi dalam pelbagai sektor yang merangkumi perkhidmatan kewangan, telekomunikasi dan multimedia, tenaga, pasaran modal, pengangkutan, penerbangan, pekilangan & perdagangan, keselamatan siber, kumpulan wang simpanan dan dana berdaulat serta pertubuhan bukan kerajaan.

Pengetahuan dan pengalaman beliau telah membawa pengiktirafan Ahli Profesional Kesenambungan Perniagaan Berkanun Terbaik di Malaysia oleh anugerah sulung Institut Pemulihan Bencana Antarabangsa. Beliau juga dianugerahkan Anugerah Cybersecurity Lifetime Achievement pada tahun 2018 oleh CyberSecurity Malaysia.

Profil Lembaga Pengarah



LIM CHENG TECK

Pengarah Bebas Bukan Eksekutif

BCC

Umur/Jantina/Kewarganegaraan
58/Lelaki/Singapura

Bil. Mesyuarat Lembaga Pengarah yang dihadiri



Tarikh Dilantik
28 November 2018

Tempoh Perkhidmatan
2 bulan

Kelayakan

- Sarjana Pentadbiran Perniagaan daripada Brunel University, United Kingdom
- Sarjana Muda Sastera daripada Universiti Nasional Singapura

Jawatan Pengarah yang Lain

Entiti Tersenarai:

- Tiada

Syarikat Awam:

- Tiada

Kemahiran dan Pengalaman

Lim Cheng Teck merupakan mantan Ketua Pegawai Eksekutif Serantau di Standard Chartered Bank bagi ASEAN. Beliau menyertai Standard Chartered Bank pada tahun 1988 dan telah menyandang pelbagai jawatan dalam Bahagian Perbankan Korporat dan Institusi Bank sebelum dilantik sebagai Ketua Pegawai Operasi Standard Chartered Bank

JLA bertanggungjawab untuk memberikan pengawasan bebas terhadap pengurusan laporan kewangan dan sistem kawalan dalaman, memastikan pemeriksaan dan baki bagi entiti-entiti dalam Kumpulan dan mengkaji semula keadaan kewangan serta prestasi Kumpulan.



Jawatankuasa Pencalonan & Imbuhan Lembaga (“JPIL”)

JPGL menyokong Lembaga dalam mengkaji semula dan menilai pelantikan, prestasi dan imbuhan para Pengarah, ahli Jawatankuasa Lembaga dan pegawai Pengurusan Kanan Utama (yang merangkumi Pengarah Urusan Kumpulan (“PUK”), Ketua Pegawai Eksekutif (“KPE”) / Pengarah Urusan (“PU”) yang melaporkan terus kepada PUK dan mana-mana orang yang diputuskan oleh Jawatankuasa) untuk membuat cadangan kepada Lembaga Pengarah.



Jawatankuasa Risiko Lembaga (“JRL”)

JRL bertanggungjawab untuk memberi pengawasan dan tadbir urus risiko bagi Kumpulan. Ia menyelia kegiatan Pengurusan Kanan dalam menguruskan risiko dan memastikan aturan pengurusan risiko setiap entiti dalam Kumpulan dilaksanakan dan berfungsi. JRL juga memastikan pengurusan risiko Kumpulan adalah selaras dengan rangka kerja pengurusan prestasi pulangan risiko.



Jawatankuasa Kredit Lembaga (“JKL”)

JKL bertanggungjawab untuk mengesahkan, membatalkan atau memasukkan syarat-syarat tambahan ke atas semua jenis permohonan kredit (termasuk simpanan barangan bawahan / niaga hadapan) dan semua jenis permohonan pengunderaitan bagi jumlah di atas ambang yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Kredit Kumpulan (“JKK”) dan Jawatankuasa Pelaburan & Pengunderaitan Kumpulan (“JPPK”), kedua-duanya yang menetap di peringkat pengurusan.



Tanggungjawab terperinci setiap Jawatankuasa Lembaga boleh didapati dalam Piagam Lembaga RHB Bank Berhad @ <https://www.rhbgroup.com/about-us/our-principles/corporate-governance/bank> dan juga Laporan **TU**.


KOMPOSISI LEMBAGA

Kami memahami dan mengakui kepentingan mempunyai Lembaga yang seimbang, pelbagai, berpengalaman dan padu. Nukleus Lembaga berada dalam kandungannya. Sebuah Lembaga yang merangkumi kepelbagaian dapat menghadapi cabaran yang besar dan melihat peluang serta risiko perniagaan secara kumpulan. Pada masa ini, terdapat enam Pengarah Bukan Eksekutif Bebas (“PBEB”), tiga Pengarah Bukan Eksekutif Bukan Bebas (“PBEBB”) dan seorang Pengarah Eksekutif (“PE”) yang berkhidmat di Lembaga.

Kami terus melaburkan masa dan usaha untuk memperbaiki komposisi Lembaga dengan memastikan Lembaga membentuk majoriti PBE. Pada 28 November 2018, Lembaga Pengarah, yang disokong oleh JJPGL, melantik Encik Lim Cheng Teck sebagai PBEB. Pelantikan Encik Lim kepada Lembaga Pengarah memastikan Lembaga mematuhi Dokumen Dasar Tadbir Urus Korporat Bank Negara dan Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia (KTUKM), yang kedua-duanya menganjurkan komposisi Lembaga merangkumi PBEB sebagai majoriti.


Selain daripada sudut kebebasan lembaga, kami meneruskan perjalanan kami untuk memperbaiki kepelbagaian jantina Lembaga, usaha yang kami jalankan sejak 2016. Dua Pengarah wanita, iaitu Tan Sri Dr Rebecca Fatima Sta Maria, Pengarah Bebas Bukan Eksekutif Kanan dan Cik Ong Ai Lin, seorang PBEB, pada mulanya dilantik untuk memperbaiki daya gerak Lembaga. Ini kemudian diperkukuhkan lagi pada tahun 2019 dengan pelantikan Puan Sharifatu Laila Syed Ali, juga sebagai PBEB, memastikan Lembaga mencapai sasarannya mempunyai 30% Pengarah wanita sejajar dengan KTUKM.

Lembaga Pengarah gembira dengan kandungan yang sedia ada sekarang kerana ia adalah pemacu penting keberkesanan kami. Kandungan semasa membolehkan sudut pandangan luas untuk dikongsi oleh anggotanya dan dilihat sebagai optimum bagi syarikat ukuran RHB dan beroperasi rumit. JJPGL, dalam menyokong Lembaga, memastikan faktor seperti campuran kemahiran, berkaliber, kecekapan, watak dan pengalaman dipertimbangkan dalam menentukan calon untuk pelantikan Lembaga.



Penyata Gambaran Keseluruhan Tadbir Urus Korporat

JANGKAMASA PERLANTIKAN PBEB[#]



Jangkamasa perlantikan PBEB yang digambarkan di atas disusun pada 15 Mac 2019.

* Tempoh Tan Sri Saw Choo Boon di atas tidak termasuk 6 tahun sebagai PBEB kepada RHB Capital Berhad, bekas syarikat induk Kumpulan.

^ Encik Lim Cheng Teck telah dilantik ke Lembaga pada 28 November 2018.

> Tan Sri Dr Rebecca Fatima Sta Maria dilantik semula sebagai PBEB Kanan ("PBEBK") pada 1 Oktober 2018, menggantikan Tan Sri Saw Choo Boon.

Puan Sharifatu Laila Syed Ali telah dilantik ke Lembaga pada 15 Mac 2019 sebagai PBEB.

Petunjuk: ■ Tahun ■ Bulan

KEHADIRAN PENGARAH

Lembaga Pengarah dan Jawatankuasanya sering bertemu untuk menjalankan tugas dan tanggungjawab masing-masing pada tahun yang ditinjau. Kami dengan sukacitanya melaporkan bahawa tidak ada Pengarah yang mencatatkan kehadiran lebih rendah daripada 92% untuk semua mesyuarat Lembaga dan 85% untuk mesyuarat Jawatankuasa Lembaga. Jadual berikut menggambarkan rekod kehadiran 2018 untuk semua ahli[#] Lembaga RHB Bank Berhad:

Ahli Lembaga	Pelantikan	Kehadiran Mesyuarat				
		Lembaga	JLA	JPGL	JRL	JKL
Tan Sri Azlan Zainol	Pengarah Bukan Eksekutif Bukan Bebas	12/12		9/9		
Dato' Khairussaleh Ramli	Pengarah Urusan Kumpulan	12/12				
Tan Sri Ong Leong Huat @ Wong Joo Hwa	Pengarah Bukan Eksekutif Bukan Bebas	12/12		8/9		35/35
Mohamed Ali Ismaeil Ali AlFahim	Pengarah Bukan Eksekutif Bukan Bebas	11/12				
Tan Sri Dr Rebecca Fatima Sta Maria*	Pengarah Bukan Eksekutif Bebas Kanan	11/12	12/12	6/7		
Tan Sri Saw Choo Boon	Pengarah Bukan Eksekutif Bebas	12/12	11/12	9/9	11/12	
Abdul Aziz Peru Mohamed	Pengarah Bukan Eksekutif Bebas	12/12				
Ong Ai Lin	Pengarah Bukan Eksekutif Bebas	12/12	12/12	9/9	12/12	
Lim Cheng Teck^	Pengarah Bukan Eksekutif Bebas	2/2				3/3

Petunjuk: ■ Lembaga/Pengerusi Lembaga ■ Lembaga/Ahli Jawatankuasa

* Tan Sri Dr Rebecca Fatima Sta Maria dilantik sebagai ahli JPIL pada 15 Februari 2018 dan kemudian dilantik semula sebagai Pengerusi JPIL pada 1 Oktober 2018.

^ Mr Lim Cheng Teck telah dilantik ke Lembaga pada 28 November 2018.

Puan Sharifatu Laila Syed Ali, yang telah dilantik ke Lembaga Pengarah pada 15 Mac 2019 sebagai PBEB, dikecualikan daripada jadual di atas.

IMBUHAN

Lembaga sedar bahawa imbuhan wajar adalah penting untuk menarik, mengekalkan dan mendorong para Pengarah dan Pengurusan Kanan dengan pengalaman dan kepakaran bersesuaian yang diperlukan untuk memimpin RHB. Lembaga Pengarah juga memastikan imbuhan yang digunapakai menggalakkan pencapaian matlamat strategik dalam lingkungan selera risiko RHB. Jawatankuasa Pencalonan & Imbuhan Lembaga (“JPIL”) telah diamanahkan dengan melaksanakan strategi imbuhan, seperti yang digariskan dalam Syarat Rujukannya, yang boleh dirujuk di laman sesawang korporat. Maklumat terperinci mengenai peranan JPIL berhubung dengan amalan imbuhan Lembaga boleh didapati setiap pendedahan di bawah Amalan 6.1 dan Amalan 6.2 **Laporan TU**.

Butiran mengenai imbuhan Lembaga dinyatakan di bawah Amalan 7.1 Laporan TU dan Nota 40 Penyata Kewangan pada muka surat 118 dalam Laporan Kewangan 2018.

PRINSIP B: PENGURUSAN AUDIT DAN RISIKO BERKESAN

JAWATANKUASA LEMBAGA AUDIT

Lembaga Pengarah telah menetapkan Jawatankuasa Audit Lembaga (“JAL”) yang terdiri daripada 3 ahli, kesemuanya adalah Pengarah Bebas Bukan Eksekutif. Jawatankuasa ini membantu Lembaga Pengarah berkaitan dengan laporan kewangan, audit luaran, kawalan dalaman dan aturan audit dalaman serta mengkaji semula urusan niaga pihak berkaitan serta keadaan konflik kepentingan. JAL dipengerusikan oleh Tan Sri Dr Rebecca Fatima Sta Maria, Pengarah Bebas Bukan Eksekutif Kanan Syarikat.

Kesemua ahli JAL adalah celik kewangan dan mempunyai latar belakang, pengetahuan dan pengalaman kewangan yang perlu untuk mengkaji laporan kewangan dan bukan kewangan dan perkara-perkara yang diperuntukkan untuk pertimbangan di hadapan jawatankuasa. Salah seorang ahli jawatankuasa, iaitu Cik Ong Ai Lin, adalah sekutu Institute of Chartered Accountants di England & Wales dan ahli Institut Akauntan Malaysia. Beliau diberi Anugerah Pencapaian Sepanjang Hayat Cyber Security oleh CyberSecurity Malaysia untuk sumbangan penting sepanjang hayat termasuk penyelidikan cemerlang terhadap keselamatan siber untuk infrastruktur penting negara kita.

JAL mengawasi tugas Audit Dalaman Kumpulan (“ADK”) yang berjalan di bawah piagam yang diamanahkan oleh JAL, yang memberikan akses yang tidak terbatas untuk mengkaji semua kegiatan di seluruh Kumpulan. ADK melaporkan terus kepada JAL tentang semua kegiatannya sebagaimana diumumkan oleh Perenggan 15.27 MMLR (Keperluan Penyeneraian Pasaran Utama).

JAL meninjau dan meluluskan rancangan audit tahunan Audit Dalaman Kumpulan, keperluan kakitangan dan kegiatan audit, termasuk penilaian prestasi Ketua Audit Dalaman Kumpulan. Jawatankuasa ini terlibat dalam menentukan tugas audit dalaman termasuk matlamat, strategi, peranan dan tanggungjawab, lingkungan dan imbuhan.

Maklumat lanjut tentang JAL dan ADK boleh didapati dalam Laporan TU dan juga di bawah **Laporan JAL** pada halaman 187 Laporan Tahunan ini.

PENGURUSAN RISIKO DAN KERANGKA KAWALAN DALAMAN

Sebagai institusi kewangan, Lembaga mengiktiraf kepentingan sistem pengurusan risiko dan kawalan dalaman yang kukuh untuk memastikan tadbir urus korporat yang baik dan untuk melindungi pelaburan pemegang saham, wang simpanan dan kepentingan pemilik polisi, serta aset Syarikat dan Kumpulan. Rangka kerja pengurusan risiko dan kawalan dalaman RHB direka bukan sahaja untuk melindungi kawalan kewangan tetapi juga kawalan bukan kewangan.

Jawatankuasa Risiko Lembaga (“JRL”) menyediakan pengawasan dan tadbir urus risiko bagi Kumpulan untuk memastikan aturan pengurusan risiko Kumpulan berfungsi dan berkesan. JRL juga menyelia kegiatan Pengurusan Kanan dalam menguruskan risiko; memastikan proses pengurusan risiko di setiap entiti Kumpulan berjalan mengikut rangka kerja pengurusan prestasi pulangan risiko. Selain itu, BRC menyokong dan mengetuai Pengurusan Kanan dalam memacu Kebudayaan Risiko dan Pemilikan Risiko yang sesuai di dalam Kumpulan.

JRL akan terus meningkatkan pengawasannya terhadap kegiatan pematuhan RHB dengan mesyuarat “tumpuan pematuhan” khusus sebelum setiap mesyuarat bulanan JRL yang dijadualkan. Usaha ini telah dilakukan oleh JRL untuk memastikan bahawa mereka sentiasa mengikuti Pengurusan tentang semua perkara yang berkaitan dengan kegiatan pematuhan RHB.

Maklumat terperinci mengenai pengurusan risiko dan rangka kerja kawalan dalaman Kumpulan Perbankan RHB tersedia di bawah Penyata Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman (“SORMIC”) pada halaman 179 Laporan Tahunan ini.


Penyata Gambaran Keseluruhan Tadbir Urus Korporat

PRINSIP C: KEUTUHAN DALAM LAPORAN KORPORAT DAN PERHUBUNGAN BERMAKNA BERSAMA PEMEGANG BERKEPENTINGAN

KOMUNIKASI BERSAMA PEMEGANG BERKEPENTINGAN

Lembaga berusaha untuk terus berkomunikasi secara terbuka dan tepat waktu dengan semua pemegang berkepentingan. Lembaga Pengarah kini berhubung dengan pemegang berkepentingan melalui pelbagai kejenteraan seperti penerbitan Laporan Tahunan, Laporan Kewangan, Laporan Tadbir Urus Korporat, Laporan Kemamanan, Mesyuarat Agung, persidangan pelabur, pameran bergerak, taklimat penganalisis, taklimat media/persidangan akhbar dan hubungan melalui cara elektronik seperti laman sesawang korporat RHB.

Menghargai kepentingan ketelusan, kami memastikan maklumat penting dan bererti dihubungkan kepada pemegang berkepentingan tepat pada masanya, melalui laman sesawang Syarikat, www.rhbgroup.com. Laman sesawang korporat kerap dikemaskini dengan maklumat yang sesuai untuk kemudahan semua pemegang kepentingan. Maklumat yang dikemukakan dalam laman sesawang termasuk:



TATALAKU MESYUARAT AGUNG

Kami berpandangan bahawa hak pemegang saham untuk menghadiri dan mengambil bahagian dalam mesyuarat agung sebagai sesuatu yang tidak boleh dipertikaikan. Sehubungan itu, kami sebagai pengurus Syarikat memastikan para pemegang saham diberi peluang untuk mengemukakan soalan atau mendapatkan penjelasan mengenai perkara yang berkaitan dengan prestasi RHB baik kewangan dan bukan kewangan semasa Mesyuarat Agung.

Kesemua resolusi yang dibentangkan semasa Mesyuarat Agung dipilih melalui undian elektronik selaras dengan Perenggan 8.29A Keperluan Penyenaraian Pasaran Utama (MMLR). Pemegang saham berhak untuk melantik wakil atau proksi untuk mengundi bagi pihak mereka jikalau mereka tidak hadir di mesyuarat agung. Semasa Mesyuarat Agung Tahunan ("MAT"), para pemegang saham diberi taklimat mengenai prestasi Syarikat oleh Pengarah Urusan bersama dengan jawapan kepada soalan-soalan yang dikemukakan oleh Kumpulan Pemegang Saham Minoriti ("MSWG"). Semua Pengarah RHB Bank Berhad hadir pada AGM ke-52 yang diadakan pada 25 April 2018. Selaras dengan Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia (MCCG), para pemegang saham telah diberikan lebih daripada 28 hari notis untuk MAT ke-52.

Maklumat lanjut mengenai pelaporan korporat dan hubungan bermakna dengan pihak berkepentingan boleh didapati dalam **Laporan TU** RHB Bank Berhad.

PANTULAN KE ATAS KAWASAN-KAWASAN TUMPUAN PENTING TADBIR URUS PADA 2018

Pada tahun yang ditinjau, Lembaga memberi tumpuan kepada perkara tadbir urus korporat berikut:

► PENGAWASAN KE ATAS PRESTASI STRATEGI & KEWANGAN

Dengan penapakan rancangan strategik FIT22 5-Tahun yang baru, Lembaga Pengarah terus memantau secara aktif dan melibatkan pengurusan mengenai kemajuan dan prestasi Kumpulan dalam mencapai matlamat kewangan dan bukan kewangan. Lembaga Pengarah kerap menerima maklumat terkini dari Pengurusan semasa mesyuarat Lembaga dan Lembaga Pengarah untuk terus mengutamakan dan menyokong Pengurusan dengan menyediakan panduan dan kepimpinan; memastikan pengurusan tidak menyimpang daripada sasaran. Untuk memupuk kepaduan antara Lembaga dan Pengurusan, sidang mesyuarat lembaga di luar tapak telah dianjurkan dengan penyertaan Pengurusan. Lembaga dan Pengurusan dibenarkan untuk bergaul luar kesibukan persekitaran korporat untuk menyelaraskan budaya dan fikiran Pengurusan sejajar dengan strategi FIT22 baru Kumpulan bagi mewujudkan nilai mampan jangka panjang untuk semua pemegang kepentingannya.

► MENINGGIKAN KEBEBASAN LEMBAGA

Lembaga mengakui bahawa komposisinya pada permulaan tahun kewangan tidak memenuhi syor MCGG berkenaan dengan Syarikat Besar (seperti yang ditakrifkan oleh MCGG) yang mempunyai PBEB majoriti di Lembaga. Lembaga Pengarah, yang disokong oleh JPIL, bekerja keras sepanjang tahun dengan menapis dan menilai bakal calon yang sesuai untuk dilantik ke Lembaga Pengarah sebagai Pengarah/Pengarah-Pengarah Bebas. Lembaga, atas semakan dan cadangan memuaskan dari JPIL, melantik Encik Lim Cheng Teck sebagai PBEB pada 28 November 2018 dan Puan Sharifatu Laila Syed Ali sebagai PBEB pada 15 Mac 2019. Encik Lim membawa bersama beliau pengalaman lebih 30 tahun dalam industri perkhidmatan kewangan manakala Puan Sharifatu Laila mempunyai pengalaman luas dalam bidang pasaran modal dan pelaburan portfolio dalam persekitaran dalaman dan serantau setelah mengetuai ValueCap, dana pelaburan berkaitan kerajaan sejak pembentukannya, sehingga persaraannya. Pelantikan mereka diramalkan baik dengan sasaran Lembaga untuk mempunyai kandungan lembaga yang terdiri daripada PBEB yang majoriti, selaras dengan pengundangan pengawalseliaan Bank Negara Malaysia dan MCGG.

► DASAR FIT & PROPER (SECOCOK & WAJAR)

Memastikan bahawa Lembaga terdiri daripada individu yang berupaya dan bersusila, kajian semula Dasar Fit & Proper yang sedia ada telah dijalankan oleh Lembaga selaras dengan Kriteria Fit & Proper Bank Negara Malaysia. Dasar ini ditanda aras dengan keperluan tempatan dan antarabangsa untuk memastikan dasar memberi panduan yang mencukupi kepada para Pengarah serta kakitangan Pengurusan Kanan. Semua Pengarah dan pegawai kanan Kumpulan dikehendaki mematuhi dasar ini.

► DASAR ANTI-RASUAH ("ABC")

Lembaga menyedari bahawa banyak perhatian telah beralih ke arah budaya dan kelakuan di kalangan bank kerana kita berpegang pada piawaian akhlak yang lebih tinggi sebagai penjaga kepercayaan orang ramai terhadap sistem kewangan. Apabila rasuah mengikis dari dalam dan mempunyai akibat yang jauh menjangkau, Lembaga mengambil tindakan yang pasti dan bukannya melepaskan batuk di tangga. Peruntukan liabiliti korporat yang diperkenalkan dalam Akta SPRM (Pindaan) baru 2018 memperkukuhkan kepentingan mempunyai susunan rancangan ABC dalaman yang menyeluruh.

Sepanjang tahun yang ditinjau, dasar Kumpulan baru mengenai Anti-Rasuah telah dirumus dan diluluskan untuk memastikan bahawa Lembaga, Pengurusan dan semua pekerja Kumpulan Perbankan RHB telah diperkukuhkan tanggungjawab mereka dan akibat dari sebarang tindakan tidak bersusila. Semua pekerja Kumpulan Perbankan RHB digalakkan untuk menjalankan kursus perisian e-pembelajaran panduan RHB mengenai hadiah dan layanan serta amalan sedia ada Kumpulan yang menghalang penyerahan atau penerimaan rasuah.

Penyata Gambaran Keseluruhan Tadbir Urus Korporat

► PENILAIAN KEBERKESANAN LEMBAGA (“BEE”)

Dengan sokongan JPIL, kami menjalankan penilaian tahunan individu Pengarah, Lembaga secara keseluruhan dan ahli Lembaga Pengarah melalui latihan BEE yang dijalankan secara dalaman. Hasil dari BEE menjadualkan keputusan secara am serta pendekatan mengenai budaya dan kelakuan Lembaga. Hasil BEE memberikan tanggapan tentang bidang kekuatan dan peningkatan Lembaga secara keseluruhan dan untuk para Pengarah perseorangan. Lembaga berpuas hati dengan keputusan yang dikeluarkan daripada BEE dan melaksanakan langkah-langkah perlu untuk memastikan bidang-bidang penambahbaikan diperlakukan dengan kepentingan.

► DASAR PERLINDUNGAN PEMBERI MAKLUMAT

Lembaga, dalam mematuhi Piawai 18.2 Dokumen Dasar mengenai Tadbir Urus Korporat Bank Negara Malaysia, telah mengadakan Dasar dan Tatacara Pemberi Maklumat untuk Kumpulan sejak 2007 (Disemak dan dikemaskini pada tahun 2014). Sepanjang tahun 2018, Lembaga menyemak semula dasar sedia ada dan meminta dasar tersebut dikemaskini. Keputusannya, pengerusi JAL ditugaskan dengan tanggungjawab mengawasi pelaksanaan Dasar dan Tatacara Pemberi

Maklumat yang berkesan. Laman sesawang korporat RHB kemudian dikemaskini dengan dasar yang disemak untuk menangani saluran pemberi maklumat tambahan untuk pemegang kepentingan dalaman dan luaran RHB untuk menyuarakan kebimbangan mereka mengenai amalan yang tidak sah, tidak bersusila atau dipersoalkan di dalam Kumpulan. Ini termasuk ketersediaan saluran maklumat dan cara pilihan untuk meningkatkan perkara yang sama dengan badan pengawalseliaan dan agensi penguatkuasaan undang-undang.

► LATIHAN UNTUK PENGARAH

Menyedari pandangan industri perkhidmatan kewangan yang semakin berkembang, Lembaga menjalankan beberapa program latihan untuk membangkitkan semangat bagi memperbaharui pandangan undang-undang dan pengawalseliaan yang memberi kesan kepada jalaran perniagaan Kumpulan. Perkembangan ikhtisas yang berterusan di Lembaga juga bergiat untuk meningkatkan kefahaman mereka tentang perniagaan Kumpulan dan penyebaran silang merentasi sektor Perbankan Runcit, Perbankan Borong, Perbankan Islam dan Insurans. Senarai program pembangunan wajib dan ikhtisas yang dihadiri oleh Lembaga dinyatakan di bawah Bahagian B **Laporan TU**.

KEUTAMAAN MASA DEPAN & CITA-CITA TADBIR URUS

JANGKAMASA PENDEK KE SEDERHANA (PADA 2020)

► BUKU PANDUAN TADBIR URUS LEMBAGA

Lembaga menetapkan Buku Panduan Tadbir Urus Lembaga yang membimbing Lembaga mengenai hal-hal seperti berikut:



Kesemua kerangka, dasar, tatacara dan proses ini ditafsirkan sebagai panduan bagi ahli Lembaga dalam melaksanakan tugas mereka dengan berkesan, cekap dan bertanggungjawab. Lembaga mengkaji dokumen-dokumen ini dari semasa ke semasa untuk memastikan setiap dokumen mencerminkan pengesahan undang-undang dan pengawalseliaan terkini. Kajian menyeluruh mengenai dokumen-dokumen ini akan dilaksanakan pada tahun 2019.

▶ PIAGAM LEMBAGA DAN SYARAT RUJUKAN JAWATANKUASA-JAWATANKUASA LEMBAGA

Lembaga akan sentiasa mengkaji Piagam Lembaga dan Syarat Rujukan Jawatankuasa-Jawatankuasa Lembaga untuk diselaraskan dengan perakuan MCGG dan MMLR. Dokumen-dokumen ini akan dipertingkatkan dan dikemas kini untuk memastikan bahawa Lembaga dan Jawatankuasa Lembaga dibimbing dengan sempurna dalam proses perjalanan, kandungan dan membuat keputusan.

▶ SKIM BAYARAN UNTUK PRESTASI

Kami akan menjalankan semakan semula 'rancangan perangsang' sedia ada untuk Pengurusan Kanan utama RHB. Semakan ini dijangka selesai menjelang 2020. RHB akan memasukkan yang berikut, jika berkaitan, sebagai sebahagian daripada skim gaji keseluruhan:

- a) Penangguhan pembayaran bonus pampasan iaitu bonus prestasi.
- b) Campuran imbuhan wang tunai dan bukan tunai yang sesuai untuk mencerminkan penajajaran risiko.
- c) Penarikan balik, malus atau lain-lain mekanisme pembalikan mengenai ganjaran prestasi sekiranya berlaku prestasi buruk atau ketidakpatuhan yang bersungguh-sungguh.

Pakej imbuhan yang disemak juga akan meliputi pengambil risiko matan lain di dalam pertubuhan yang boleh melakukan secara matan atau memberi kesan yang besar kepada profil risiko keseluruhan Kumpulan.

▶ BEE (DIPERMUDAHKAN SECARA LUAR PADA 2020)

Lembaga akan terus menjalankan BEE secara dalaman untuk tahun kewangan berikutnya yang berakhir 2019. JPIL akan melakukan penilaian luaran ke atas Lembaga, Jawatankuasa Lembaga Pengarah dan Pengarah perseorangan setelah mengikuti setiap pelaksanaan penilaian dalaman kitaran tiga tahun sekali. Penilaian seterusnya yang menggunakan parti luar bebas adalah pada tahun 2020. Lembaga mengiktiraf nilai sedia ada untuk mempunyai pakar bebas bagi memberikan pengalaman mereka dalam menilai Lembaga Pengarah, Jawatankuasa-jawatankuasa Lembaga Pengarah dan Pengarah Individu dan akan menyokong dan dipandu oleh JPIL dalam proses ini.

▶ PELAPORAN BERSEPADU

Usaha berterusan akan dilaksanakan oleh Lembaga untuk memperbaiki rangka kerja pelaporan kegiatan Kumpulan apabila Lembaga dan Pengurusan terus memupuk pemikiran bersepadu dalam pertubuhan untuk membolehkan peralihan yang lancar ke arah pelaporan bersepadu. Dalam usaha kami untuk mengembangkan pelaporan kami, Lembaga memberi tumpuan untuk meningkatkan kerangka pelaporan kemampuannya dengan menghasilkan Laporan-Laporan Kemampuan tersendiri sejak 2017. Lembaga berpendapat bahawa penerbitan Laporan Kemampuan sebagai batu loncatan ke arah menerima pakai Kerangka Pelaporan Bersepadu.

JANGKAMASA PANJANG (PADA 2022)

▶ MEMBOLEHKAN PENGUNDIAN TIDAK HADIR

Lembaga akan berusaha untuk mengamalkan Amalan 12.3 daripada MCGG dengan menyumbangkan pasaran bagi penyedia perkhidmatan yang sesuai untuk membolehkan pelaksanaan pengundian secara tidak hadir serta penyertaan jauh oleh para pemegang saham untuk Mesyuarat Agung RHB Bank Berhad. Amalan semasa oleh Syarikat memastikan para pemegang saham mengambil bahagian, terlibat dengan Lembaga Pengarah dan Pengurusan Kanan dengan berkesan dan membuat keputusan mengundi yang bermaklum di Mesyuarat Agung RHB.



Tinjauan Tadbir Urus Korporat RHB ini hendaklah dibaca bersama Laporan Tadbir Urus Korporatnya yang boleh dimuat turunkan dari laman sesawang korporat Syarikat di www.rhbgroup.com atau laman sesawang pengumuman Bursa Malaysia.

Pendedahan Maklumat Pematuhan Tambahan

1. Penggunaan Hasil yang Diperolehi Daripada Cadangan Korporat

Tiada hasil yang diperolehi dari cadangan korporat untuk Tahun Kewangan 2018.

2. Kontrak-Kontrak Penting

RHB Bank dan anak-anak syarikatnya tidak mempunyai sebarang kontrak penting yang melibatkan kepentingan para Pengarah dan pemegang saham utama dalam tempoh kewangan 12 bulan dari 1 Januari 2018 hingga 31 Disember 2018. Kontrak penting dalam kes ini tidak termasuk pembiayaan kepada pihak yang berkaitan dengan para Pengarah yang dijalankan selaras dengan perundangan dan pengawalseliaan yang berkaitan.

Walau bagaimanapun, sila ambil perhatian bahawa berhubung dengan Vietnam Securities Corporation, RHB Investment Bank telah menandatangani perjanjian pembelian saham bersyarat dengan Vendor (butiran di bawah) dan petikan pengumuman awal kepada Bursa dan maklumat kemas kini dilampirkan di bawah;

“RHB Investment Bank, anak syarikat milik penuh Bank, telah pada 9 Februari 2018 menandatangani perjanjian pembelian saham bersyarat (‘CSPA’) dengan Chu Thi Phuong Dung, Truong Lan Anh dan Viet Quoc Broker Insurans bersama Syarikat Saham pemerolehan kepentingan ekuiti 51% dalam VSEC, yang terdiri daripada 6,885,000 saham biasa sedia pada VND10,000 setiap satu dalam VSEC untuk pertimbangan pembelian VND121,629,915,000 (bersamaan dengan kira-kira USD5.365 juta atau RM21.285 juta) untuk dipenuhi sepenuhnya secara tunai.

Cadangan Perolehan, antara lain, tertakluk kepada kelulusan BNM dan Suruhanjaya Sekuriti Negeri Vietnam (‘Vietnam SSC’). Bank dan RHB Investment Bank telah mengemukakan permohonan kepada BNM untuk kelulusan Pengambilalihan yang Dicadangkan dan VSEC juga telah mengemukakan permohonan kepada Vietnam SSC untuk kelulusan Pengambilan Cadangan dan penukaran status VSEC dari sebuah syarikat saham bersama ke dalam syarikat bebanan terhad tunggal (‘Penukaran’).

Pada 17 Oktober 2018 dan 12 Disember 2018, Vietnam SSC dan BNM masing-masing memberikan kelulusan mereka kepada VSEC untuk Cadangan Pengambilalihan.

RHB Investment Bank, Chu Thi Phuong Dung, Truong Lan Anh dan Syarikat Saham Bersama Broker Insurans Viet Quoc telah pada 27 Disember 2018, melalui pertukaran surat, bersetuju untuk melanjutkan tempoh untuk memenuhi atau mengetepikan syarat-syarat terdahulu CSPA hingga 28 Februari 2019.

Pada 29 Januari 2019, Vietnam SCC telah mengizinkan kelulusannya untuk Penukaran dan pengeluaran lesen yang dipinda sebagai satu syarikat bebanan terhad tunggal. VSEC telah pun menjadi anak syarikat milik penuh RHB Investment Bank berkuatkuasa 19 Februari 2019.

Perolehan telah selesai pada 19 Februari 2019”

3. Urus Niaga Pihak Berkaitan

Kumpulan telah melaksanakan Proses Kajian Semula Dasar Urus Niaga Pihak Berkaitan (‘Dasar’) sejak 2004 (disemak semula dan dikemas kini pada tahun 2015), yang membimbing peninjauan dan pelaporan semua urus niaga pihak berkaitan. Di bawah Dasar ini, urus niaga pihak berkaitan dikaji semula oleh Kumpulan Perundangan sebelum penilaian semula oleh Kumpulan Audit Dalaman sebelum penyerahan dibuat kepada Jawatankuasa Audit Lembaga untuk perbincangan.

Lembaga Pengarah tidak memasuki dan tidak memohon tauliah dari para pemegang sahamnya kepada mana-mana urus niaga pihak berkaitan (RPT) pada tahun kewangan lepas.

Penyata Pengurusan Risiko & Kawalan Dalaman

Lembaga Pengarah (“Lembaga”) dengan sukacitanya memberikan Penyata Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman (“Penyata”) menurut Keperluan Penyenaraian Bursa Malaysia Securities Berhad. Penyata ini telah disediakan mengikut garis panduan yang dinyatakan dalam “Penyata Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman: Garis Panduan untuk Para Pengarah Penerbit Tersenarai” yang disahkan oleh Bursa Malaysia Securities Berhad.

Penyata ini menggariskan ciri-ciri utama pengurusan risiko dan sistem kawalan dalaman Perbankan RHB Kumpulan (“Kumpulan”) pada tahun yang ditinjau.

TANGGUNGJAWAB LEMBAGA

Lembaga Pengarah menyatakan kesungguhannya kepada tanggungjawab keseluruhan dalam mewujudkan sistem pengurusan risiko dan kawalan dalaman yang berwibawa di dalam Kumpulan. Tanggungjawab Lembaga termasuk mengkaji kecukupan dan keberkesanan pengurusan risiko dan sistem kawalan dalaman dalam melindungi pelaburan para pemegang saham dan harta Kumpulan. Walaupun penghapusan kesemuanya risiko tidak mungkin, sistem ini telah direka untuk menguruskan kehendak risiko Kumpulan dalam menanggung risiko yang ditetapkan oleh Lembaga dan Pengurusan untuk menyokong pencapaian matlamat perniagaan Kumpulan. Oleh itu, sistem itu hanya boleh memberi jaminan yang munasabah dan tidak mutlak terhadap terjadinya salah nyata, kerugian atau penipuan yang penting.

Dalam mengakui bahawa mempunyai pengurusan risiko yang berwibawa dan sistem kawalan dalaman adalah keperluan, Lembaga Pengarah telah mewujudkan rangka tadbir urus untuk memastikan pengawasan yang berkesan terhadap risiko dan kawalan dalaman dalam Kumpulan di semua peringkat. Untuk tujuan ini, Lembaga dibantu oleh Jawatankuasa Risiko Lembaga (“JRL”) dan Jawatankuasa Audit Lembaga (“JAL”) yang telah diwakilkan dengan tanggungjawab pengawasan utama ke atas pengurusan risiko dan sistem kawalan dalaman Kumpulan. Lembaga tetap bertanggungjawab terhadap tadbir urus risiko dan untuk semua tindakan Jawatankuasa Lembaga berhubung pelaksanaan tanggungjawab pengawasan yang diwakilkan.

Lembaga Pengarah juga mendapat jaminan daripada Pengarah Urusan Kumpulan dan Ketua Pegawai Kewangan Kumpulan bahawa sistem pengurusan risiko dan kawalan dalaman Kumpulan berjalan dengan secukupnya dan berkesan.

TANGGUNGJAWAB PENGURUSAN

Pengurusan bertanggungjawab secara keseluruhan untuk melaksanakan dasar dan aturan Kumpulan untuk mengenal pasti, menilai, mengukur, memantau dan melaporkan risiko serta keberkesanan sistem kawalan dalaman, mengambil tindakan pemuliharaan yang sesuai dan tepat pada masanya. Peranannya termasuk:


- Menenalpasti dan menilai risiko yang berkaitan dengan perniagaan dan pencapaian matlamat dan strategi perniagaannya;
- Merumuskan dasar dan tatacara yang berkaitan untuk menguruskan risiko dan menjalankan perniagaan;
- Merangka dan melaksanakan rangka kerja pengurusan risiko dan sistem kawalan dalaman, dan memantau keberkesanannya;
- Melaksanakan dasar-dasar yang diluluskan oleh Lembaga;
- Melaksanakan tindakan pemuliharaan untuk menangani kekurangan pematuhan seperti yang diarahkan oleh Lembaga; dan
- Pelaporan pada masa yang tepat kepada Lembaga tentang sebarang perubahan kepada risiko dan tindakan pemuliharaan yang diambil.

Sehubungan itu, pihak Pengurusan telah memberi jaminan kepada Lembaga Pengarah bahawa pengurusan risiko dan sistem kawalan dalaman Kumpulan berjalan dengan secukupnya dan berkesan dengan proses yang perlu dilaksanakan.

Penyata Pengurusan Risiko & Kawalan Dalaman

RANGKA KERJA PENGURUSAN RISIKO

Kumpulan telah menyediakan rangka kerja pengurusan risiko yang diluluskan oleh Lembaga untuk mengenal pasti, mengukur, memantau dan melaporkan risiko ketara yang dihadapi oleh Kumpulan dalam pencapaian matlamat dan strategi perniagaan Kumpulan. Rangka kerja pengurusan risiko Kumpulan memastikan terdapat proses yang berterusan untuk mengenal pasti, menilai dan mengurus risiko di seluruh Kumpulan dan diwakili dalam rajah berikut:



Tadbir Urus & Pengawasan Risiko

Lembaga Pengarah, melalui JRL, memberikan pengawasan terhadap kegiatan pengurusan risiko bagi Kumpulan untuk memastikan proses pengurusan risiko Kumpulan berjalan dengan berkesan.

JRL juga membantu Lembaga mengkaji semula falsafah, kerangka, dasar dan model pengurusan risiko keseluruhan Kumpulan. Dalam menjalankan tugas dan tanggungjawab keseluruhannya, JRL disokong oleh perjalanan Pengurusan Modal & Risiko Kumpulan ("GCRC") dan Pengurusan Risiko & Kredit Kumpulan yang memantau dan menilai keberkesanan sistem pengurusan risiko Kumpulan secara berterusan. GCRC, yang terdiri daripada Pengurusan Kanan Kumpulan dan dipengerusikan oleh Pengarah Urusan Kumpulan, bertanggungjawab terhadap penyeliaan pengurusan risiko perusahaan dan perkara modal.

Di samping kerangka pengurusan risiko, Kumpulan telah melaksanakan kerangka Proses Penilaian Kecukupan Modal Dalaman ("ICAAP") untuk memastikan Kumpulan mengekalkan tahap modal yang mencukupi selaras dengan profil risiko termasuk penamparan modal untuk menyokong permintaan semasa dan ramalan Kumpulan untuk modal di bawah keadaan sedia ada dan tertekan. Untuk memastikan penglibatan berterusan dan penilaian terhadap profil risiko dan kecukupan modal Kumpulan, laporan ICAAP dikaji semula sekurang-kurangnya setiap tahun dan dikemukakan kepada pengurusan kanan dan jawatankuasa Lembaga yang berkaitan sebelum diluluskan oleh entiti Lembaga masing-masing.

Di antara jawatankuasa lain yang ditubuhkan di dalam Kumpulan untuk menguruskan bidang risiko tertentu adalah Jawatankuasa Harta dan Kebebanan Kumpulan, Jawatankuasa Kredit Kumpulan, Jawatankuasa Pengurusan Risiko Bank Pelaburan, Jawatankuasa Pengurusan Risiko Islam, Jawatankuasa Kredit Lembaga dan Jawatankuasa Digital & Teknologi Kumpulan dengan lingkungan tanggungjawab mereka seperti yang ditakrifkan dalam syarat rujukan masing-masing.

Selera Risiko

Selera risiko untuk Kumpulan ditakrifkan sebagai jumlah dan jenis risiko yang bersedia diterima oleh Kumpulan untuk mencapai matlamat strategik dan perniagaannya. Kesabaran risiko di sisi lain, adalah tahap perbezaan yang boleh diterima berbanding dengan pencapaian matlamat strategik dan perniagaan Kumpulan. Ia diukur dalam unit yang sama seperti matlamat yang berkaitan. Ia menterjemahkan selera risiko ke dalam metrik operasi, dan ia boleh ditakrifkan di mana-mana peringkat Kumpulan.

Lembaga, melalui Jawatankuasa-Jawatankuasa Lembaga dan Pengurusan Kanan yang berkenaan serta perjalanan Pengurusan Risiko & Pengurusan Kumpulan, mewujudkan selera risiko dan kesabaran risiko bagi Kumpulan dan entiti yang berkaitan.

Penakrifan selera risiko dan kesabaran risiko kerap dipertimbangkan semula oleh Pengurusan dan Lembaga selaras dengan strategi perniagaan dan persekitaran operasi Kumpulan. Kajian ini termasuk mengenalpasti dan menetapkan metrik selera risiko baru untuk entiti perniagaan atau penyingkiran metrik risiko selera yang tidak lagi terpakai serta dikemaskini maklumat mengenai ambang selera risiko selaras dengan strategi perniagaan dan gaya risiko Kumpulan.

Risiko semulajadi perniagaan dan operasi utama yang dianggap sebagai semakan selera risiko termasuk risiko pematuhan peraturan, risiko kredit, risiko pasaran dan risiko kecairan, risiko operasi dan teknologi, dan risiko ketidakpatuhan Syariah.

Proses Pengurusan Risiko

Proses pengurusan risiko di dalam Kumpulan berusaha untuk mengenal pasti, menilai, mengukur, mengawasi dan mengawal risiko supaya pendedahan risiko dikendalikan dengan secukupnya dan pulangan yang dijangka mencukupi untuk menampung risiko tersebut.

- **Pengenalpastian:** Pengenalpastian dan analisis risiko sedia ada dan berkebolehan adalah proses yang berterusan, untuk memudahkan dan memastikan bahawa risiko boleh diuruskan dan dikawal dalam selera risiko Kumpulan dan entiti tertentu, jika perlu.

- **Pengukuran:** Risiko diukur, dinilai dan dijumlahkan menggunakan kaedah pengukuran risiko watak mutu dan keluasan jumlah yang menyeluruh dan proses itu juga berjalan sebagai alat penting kerana ia memberikan penilaian kecukupan modal dan penyelesaian hutang.
- **Kawalan dan Pemantauan:** Kawalan, pencetus dan had digunakan untuk menguruskan pendedahan risiko dan untuk memudahkan pengenalan awal masalah yang berpotensi pada masa yang tepat.
- **Analisis terperinci dan Pelaporan:** Analisis risiko dan laporan yang disediakan di entiti masing-masing dan tahap disatukan serta tahap perniagaan secara teratur meningkat kepada pengurusan kanan dan Lembaga Pengarah entiti-entiti Kumpulan untuk memastikan bahawa risiko-risiko yang dikenal pasti kekal dalam selera yang mantap dan untuk menyokong proses membuat keputusan.

Persuratan Risiko & Rangka Asas

Kumpulan mengiktiraf bahawa pelaksanaan sistem pengurusan risiko dan prosesnya perlu disokong oleh persuratan dan rangka asas yang mantap. Untuk mencapai tujuan ini, Kumpulan telah mewujudkan rangka kerja, dasar dan suratan kawalan lain yang sesuai untuk memastikan amalan dan proses dilaksanakan secara konsisten merangkumi seluruh Kumpulan.

Dari segi risiko rangka asas, Kumpulan telah menganjurkan sumber dan bakatnya ke dalam perjalanan tertentu, dan melabur dalam teknologi, termasuk pengurusan data, untuk menyokong kegiatan pengurusan risiko Kumpulan.

Budaya Risiko


Pengurusan risiko adalah keperluan untuk semua hal-hal kegiatan Kumpulan dan menjadi tanggungjawab semua pekerja di seluruh Kumpulan. Selaras dengan keperluan pengawalseliaan dan amalan terbaik industri, Kumpulan mematuhi prinsip bahawa "Risiko dan Pematuhan adalah Tanggungjawab Semua Orang" dan dengan itu, pengurusan risiko adalah tanggungjawab teras bagi perniagaan dan unit operasi masing-masing. Ini telah dituturkan dengan jelas dan dipersuratkan dalam rangka kerja pengurusan risiko Kumpulan.

Dipandu oleh prinsip tersebut, Kumpulan telah melancarkan program Kesedaran Kebudayaan Risiko yang merangkumi latihan, kempen kesedaran dan pameran bergerak di dalam Kumpulan (termasuk cawangan dan anak syarikat luar negara) untuk menggalakkan budaya risiko yang sihat. Budaya berisiko yang kuat mengurangkan pendedahan Kumpulan kepada risiko kewangan dan bukan kewangan, termasuk kesan nama baik dari masa ke masa.

Penyata Pengurusan Risiko & Kawalan Dalaman

Tambahan pula, Kumpulan telah melaksanakan program Pegawai Risiko & Pematuhan Perniagaan (“BRCO”) yang bertujuan untuk memupuk pengurusan risiko dan pematuhan yang proaktif dan mewujudkan budaya risiko yang teguh. Program BRCO memerlukan pelantikan BRCO di unit perniagaan dan tugas masing-masing untuk memberi khidmat nasihat masa nyata mengenai risiko dan perkara pematuhan.


Pelaksanaan program BRCO adalah sejajar dengan contoh ‘Tiga Barisan Pertahanan’ (“Three Lines of Defense”) yang diamalkan secara sejagat. Terdapat kebertanggungjawaban yang jelas mengenai pemilikan risiko di seluruh Kumpulan. Contoh ini digambarkan dalam rajah di bawah:



Penilaian Risiko

Kumpulan telah mengadakan proses yang mantap dan menyeluruh untuk pengenalpastian risiko di setiap peringkat kegiatan pengambilan risiko, iaitu transaksi, barangan dan bahkan di entiti dan peringkat Kumpulan masing-masing. Risiko juga dikenalpasti melalui pelaporan Peristiwa Kehilangan Risiko dan analisa Portfolio bertema. Sebagai sebahagian daripada penilaian kerap risiko penting Kumpulan, Kumpulan mengkaji semula jenis dan bahagian risiko penting, menentukan kuantum berkepentingan dan penghalusan proses dengan mengambil kira maklum balas yang diterima, termasuk ulasan bebas.

Penilaian risiko bahan diukur dari ruang ukuran kebarangkalian kejadian dan kesan keterukan. Di samping itu, penilaian risiko juga mempertimbangkan antara lain, keberkesanan kawalan di tempat, dan kesan kepada penunjuk kewangan dan bukan kewangan seperti risiko nama baik. Ini diterjemahkan ke dalam matriks peta haba untuk mendapatkan risiko berkepentingan seperti yang ditunjukkan dalam jadual di bawah:



Penggunaan matriks di atas adalah mekanisma mudah untuk meningkatkan keterlihatan risiko dan membantu membuat keputusan. Kumpulan menganggap risiko baki yang termasuk dalam zon Kuning Jingga dan Merah adalah ‘Ketara’ dan ‘Penting’, yang mungkin mempunyai kesan yang teruk terhadap kewangan dan/atau nama baik Kumpulan. Usaha-usaha kesan ketara akan diambil untuk menguruskan dan mengurangkan kejadian risiko ini.

Penilaian Sendiri Risiko dan Kawalan

Untuk terus menyokong dan menggalakkan kebertanggungjawaban dan pemilihan pengurusan risiko, rangka kerja Penilaian Risiko dan Kawalan Sendiri ("RCSA") telah dilaksanakan dalam unit perniagaan dan berfungsi di dalam Kumpulan sebagai sebahagian daripada aturan pengurusan risiko. Unit perniagaan dan berfungsi ini dikehendaki mengenal pasti dan menyuratkan kawalan dan aturan untuk mengurus risiko yang timbul daripada aktiviti dan operasi perniagaan mereka, serta menilai keberkesanannya untuk memastikan bahawa risiko yang dikenal pasti dapat diuruskan dan dikurangkan dengan secukupnya. Setelah selesai menjalankan RCSA, semua unit perniagaan dan berfungsi dalam Kumpulan dikehendaki mengemukakan keputusan masing-masing kepada Pengurusan Risiko Operasi dan Teknologi Kumpulan untuk semakan sebelum membentangkan keputusan RCSA kepada GCRC untuk perbincangan dan tindakan selanjutnya jika perlu.

PROSES KAWALAN DALAMAN UTAMA

Sistem kawalan dalaman Kumpulan direka bentuk untuk mengurus dan mengurangkan risiko yang akan menghalang Kumpulan daripada mencapai matlamatnya. Ia merangkumi dasar, tatacara, proses, rangka asas pertubuhan dan perkara kawalan lain yang dilaksanakan untuk menjamin pencapaian matlamat Kumpulan dalam keberkesanan dan kecekapan operasi, laporan kewangan yang boleh dipercayai dan pematuhan terhadap undang-undang, peraturan dan dasar dalaman.

Proses-proses utama yang ditubuhkan oleh Lembaga yang menyediakan tadbir urus dan pengawasan yang berkesan terhadap sistem kawalan dalaman termasuk:

Kawalan Persekitaran dan Kawalan Kegiatan

Rangka Asas Pertubuhan

Kumpulan mempunyai rangka asas pertubuhan yang rasmi dengan garis kebertanggungjawaban dan tanggungjawab yang jelas, had kuasa dan pelaporan. Rangka asas pertubuhan menyediakan kerangka untuk membantu operasi Kumpulan berjalan dengan lancar dan berfungsi serta menggambarkan rentang kawalan dalam memastikan pengawasan harian yang berkesan dalam urusan perniagaan dan kebertanggungjawaban.

Dasar dan Tatacara

Dasar-dasar, tatacara dan proses mengawal perniagaan dan operasi Kumpulan dipersuratkan dan dihubungkan di seluruh kumpulan serta disediakan kepada pekerja menerusi portal intranet Kumpulan untuk memudahkan rujukan dan pematuhan. Dasar, tatacara dan proses ini dikaji dan dikemas kini oleh unit perniagaan dan berfungsi melalui proses kajian semula dan kelulusan berangka asas untuk memenuhi perubahan undang-undang dan peraturan serta perubahan kepada persekitaran perniagaan dan operasi.

Had Pihak Kuasa

Lembaga Pengarah telah meluluskan Buku Panduan Kumpulan Pihak Berkuasa ("MOA") yang mentakrifkan pihak berkuasa yang meluluskan dengan had pelulusannya yang diwakilkan kepada pelbagai peringkat Pengurusan dalam Kumpulan untuk memastikan akauntabiliti dan tanggungjawab. MOA Kumpulan dikaji secara kerap dan dikemas kini sejajar dengan perubahan rangka asas pertubuhan, persekitaran perniagaan atau keperluan operasi.

Keselamatan Maklumat Teknologi ("IT")

Kumpulan menganggap keselamatan IT sebagai keutamaan yang sangat tinggi untuk memastikan kerahsiaan, ketulusan dan ketersediaan harta maklumat dan asas rangka IT.

Keselamatan IT dalam Kumpulan dicapai melalui pelaksanaan pendekatan kawalan berasaskan risiko yang merangkumi dasar, piawaian, tatacara dan garis panduan yang dipersuratkan serta rangka asas pertubuhan dan kawalan perisian dan perkakasan.

Dengan peningkatan ancaman siber sejagat dan juga di peringkat tempatan, Kumpulan telah menubuhkan Pusat Penyelarasan dan Perintah Siber untuk memastikan terdapat proses pengawasan yang cepat dan tindak balas tepat pada masa terhadap ancaman dan kejadian siber.

Untuk mengukuhkan dan mempertingkatkan tahap pengurusan keselamatan maklumat, Kumpulan telah memperoleh pensijilan ISO/IEC27001: 2013 – Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat dan ISO/IEC 20000: 2011 – Pengurusan Perkhidmatan Teknologi Maklumat, sebagai tambahan kepada mematuhi pelbagai keperluan pengawalseliaan mengurus risiko teknologi maklumat secara rawatan menyeluruh.

Proses Belanjawan

Proses belanjawan yang teguh ditubuhkan yang memerlukan semua entiti operasi utama dalam Kumpulan untuk menyediakan belanjawan dan rancangan perniagaan setiap tahun untuk kelulusan oleh Lembaga masing-masing. Rancangan belanjawan dan perniagaan Kumpulan serta daya usaha strategik, dengan mengambil kira selera risiko yang ditetapkan, dibincangkan di Lembaga di mana belanjawan Kumpulan dibentangkan.

Pengurusan Modal Insan

Salah satu bahagian penting dalam mana-mana sistem kawalan dalaman adalah rakyatnya dan sistem pengurusan risiko dan kawalan dalaman kami bergantung kepada tanggungjawab, ketulusan dan penghakiman yang wajar yang digunakan oleh pekerja untuk kerja mereka. Oleh itu, Kumpulan mempunyai dasar dan tatacara yang mengawal pengambilan, pelantikan, pengurusan prestasi dan ganjaran serta hal berkaitan dengan disiplin, penamatan dan pemecatan.

Penyata Pengurusan Risiko & Kawalan Dalaman

Bagi pertumbuhan yang mampan, Kumpulan memberi penekanan kepada pembangunan modal insan, pengurusan bakat dan perancangan penggantian. Untuk meningkatkan kecekapan pekerja, latihan berangka asas dan teknikal serta bengkel pengurusan dan kepimpinan disediakan kepada mereka berdasarkan keperluan mereka yang dikenal pasti semasa penilaian prestasi tahunan. Bagi pengurusan bakat, daya usaha seperti Program Pembangunan Kepimpinan, Rancangan Pembangunan Perseorangan dan bimbingan dilaksanakan untuk membangunkan bakat yang dikenalpasti dalam Kumpulan untuk memudahkan penawaran keupayaan yang tinggi dan pengganti yang sesuai untuk peranan kepimpinan masa depan.

Kod Tata Susila dan Tingkah Laku Kumpulan

Kod Tata Susila dan Tingkah Laku Kumpulan (“Kod”) menetapkan piawaian amalan perbankan yang baik dan bertata susila, serta bertujuan untuk mengekalkan keyakinan terhadap keselamatan dan ketulusan amalan perniagaan Kumpulan. Adalah menjadi syarat bahawa semua kakitangan Kumpulan memahami dan mematuhi Kod. Pekerja baru diberi taklimat mengenai Kod dan dikehendaki menandatangani Borang Pengisytiharan Pematuhan Kakitangan apabila menyertai Kumpulan.

Kumpulan juga telah menubuhkan Garis Panduan Hadiah dan Kemurahan Hati untuk menggalakkan ketulusan dan integriti untuk memberi dan menerima hadiah. Garis Panduan ini melengkapinya Tatakelakuan dan direka bentuk untuk membantu Kumpulan dan pekerjanya memahami kewajipan pihak masing-masing dalam menegakkan ketulusan korporat mengenai pemberian hadiah.

Dasar Anti-Pengubahan Wang Haram dan Pembiayaan Pencegahan Keganasan Kumpulan

Dasar Anti-Pengubahan Wang Haram dan Pembiayaan Pencegahan Keganasan Kumpulan (“AML/CFT”) disediakan mengikut Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001, dan piawaian Bank Negara Malaysia mengenai AML/CFT. Ia menetapkan piawaian tahap tinggi ke arah membina rejim pematuhan AML/CFT yang kukuh dan mantap dalam Kumpulan, memudahkan ketekalan dalam menguruskan risiko pematuhan AML/CFT merentasi entiti tempatan dan serantau dalam Kumpulan, dan menetapkan pernyataan dasar Kumpulan dalam menghormati prinsip umum dan langkah-langkah penting yang mana Kumpulan perlu patuhi.

Selaras dengan Dasar AML/CFT Kumpulan, entiti dan/atau pekerja di dalam Kumpulan dikehendaki menggunakan Pendekatan Berasaskan Risiko (“RBA”) kepada penerimaan pelanggan dan melaksanakan rangka kerja Program Pematuhan AML/CFT. Ini termasuk keperluan pelanggan ketekunan wajar (“CDD”), pemantauan kegiatan/transaksi pelanggan, melaporkan transaksi yang mencurigakan, penyimpanan rekod, latihan AML/CFT, perlindungan maklumat pelanggan, dan tindakan penguatkuasaan untuk ketidakpatuhan terhadap keperluan.

Dasar AML/CFT Kumpulan juga menggariskan peranan dan tanggungjawab serta mewujudkan kebertanggungjawaban yang jelas bagi Lembaga Pengarah, Pengurusan Kanan dan semua kakitangan dalam Kumpulan.

Lembaga Pengarah mempunyai tanggungjawab pengawasan untuk menubuhkan dasar/tatacara/CFT dan piawaian minima sementara Pengurusan Kanan bertanggungjawab untuk pelaksanaan dan pengurusan program pematuhan AML CFT mengikut dasar dan tatacara yang diluluskan oleh Lembaga.

Dasar Pengurusan Risiko Penipuan Kumpulan

Dasar Pengurusan Risiko Penipuan Kumpulan direka untuk menggalakkan tingkah laku pertubuhan yang tekal melalui pembangunan, pelaksanaan dan peninjauan teratur terhadap strategi pencegahan, pengesanan dan tindak balas penipuan. Dasar ini mentakrifkan prinsip pentadbiran teras bagi pengurusan penipuan di dalam Kumpulan termasuk kepimpinan dan budaya bertata susila, kesedaran dan pencegahan penipuan, pengawalan dan pengesanan penipuan, pelaporan penipuan dan peningkatan serta tindak balas penipuan dengan tindakan pembetulan yang sesuai.

Pengurusan Kesenambungan Perniagaan

Kumpulan memahami dan komited sepenuhnya kepada keperluan untuk menyediakan perkhidmatan kritikal yang tidak terganggu kepada pelanggannya, memastikan keselamatan pekerja, melindungi harta/data dan menjaga kepentingan para pemegang kepentingan utama secara kumpulan bagi memastikan daya maju pertubuhan. Oleh itu, Kumpulan menyedari betapa pentingnya Rangka Kerja dan Program Pengurusan Kesenambungan Pengurusan (“BCM”) yang kukuh untuk membina daya tahan pertubuhan dan mekanisme pemulihan dan tindak balas yang berkesan untuk melindungi kepentingan pihak berkepentingan utama, nama baik dan jenama. Program BCM Kumpulan adalah berdasarkan amalan kesinambungan perniagaan yang baik, Bank Negara Malaysia dan garis panduan pengawalseliaan yang lain dan piawaian antarabangsa.

Lembaga mempunyai fungsi pengawasan terhadap kesediaan BCM Kumpulan melalui JRL dan Pengurusan Modal & Risiko Kumpulan (GCRC). Jawatankuasa Kesenambungan Perniagaan Kumpulan adalah jawatankuasa pengurusan yang ditubuhkan untuk mengawasi rangka kerja, dasar, belanjawan dan rancangan kesinambungan perniagaan, dan pelaporan kepada GCRC.

Kumpulan melaksanakan program BCM yang kukuh untuk memastikan fungsi perniagaan kritikal dapat diperolehi dengan segera pada waktu terjadi gangguan. Ulasan, penilaian, pengemaskinian dan pengujian rancangan BCM dijalankan kerap kali untuk memastikan kecukupan, keberkesanan dan kaitan pemulihan perniagaan. Latihan simulasi dan latihan tubi dijalankan untuk membiasakan dan membekalkan kakitangan dengan kemahiran dan proses yang diperlukan untuk memastikan bahawa sekiranya berlaku gangguan, proses perniagaan kritikal dapat diteruskan atau dipulihkan pada waktu yang tepat.

Maklumat dan Perhubungan

Penilaian Prestasi

Maklumat yang kerap dan menyeluruh disediakan oleh Pengurusan untuk memantau prestasinya terhadap rancangan perniagaan strategik dan belanjawan tahunan yang diluluskan oleh Lembaga. Maklumat ini merangkumi semua petunjuk kewangan dan operasi utama serta daya usaha strategik utama yang dilaksanakan oleh Kumpulan sepanjang tahun.

Lembaga dan Jawatankuasa Pengurusan Kumpulan (“GMC”) menerima dan mengkaji laporan kewangan mengenai prestasi kewangan bulanan dan suku tahunan Kumpulan terhadap sasaran yang diluluskan dan sebab-sebab bagi apa-apa perbezaan penting serta langkah-langkah yang sedang dilaksanakan untuk memenuhi sasaran tersebut.

Namun matlamat masa depan kami kekal mampan, di mana kami akan terus mengenal pasti peluang-peluang dan menangani cabaran-cabaran bagi mewujudkan kesan-kesan jangka panjang ke atas perniagaan kami, masyarakat serta alam sekitar. Kemampanan adalah satu konsep yang berterusan, merangkumi penglibatan ke semua pihak berkepentingan kami, dalaman mahupun luaran, berkaitan isu-isu kemampanan yang utama, di mana kejayaan pencapaian matlamat bergantung kepada penyertaan mereka yang proaktif. Bagi mencapai matlamat ini, kami bersedia menggunakan sumber dan kelebihan pengalaman kami bagi membawakan perubahan.

SKOP PENYATA

Penyata ini merumuskan kegiatan-kegiatan utama prestasi kemampanan kami bagi tahun 2018. Penyata ini berpandukan Keperluan Penyenaraian Pasaran Utama Bursa Malaysia Securities Berhad dan Inisiatif Pelaporan Global ("GRI") bagi Piawaian Penyata Kemampanan. Satu Laporan Kemampanan khas diterbitkan setiap tahun bagi memperluaskan kandungan Penyata Kemampanan kami ini.

Skop Penyata ini merangkumi perniagaan dan operasi Kumpulan kami di seluruh ASEAN dan tertakluk kepada ketersediaan data di semua lokasi dan perniagaan kami. Kami sentiasa memperhalusi kapasiti pengumpulan data kami secara tahunan untuk membolehkan pengesanan dan pemantauan yang berwibawa ke atas isu-isu penting, di mana tahun 2017 ditetapkan sebagai tahun dasar bagi kebanyakan petunjuk.

Penyata Kemampanan

TADBIR URUS KEMAMPANAN

Lembaga Pengarah (“Lembaga”) RHB Bank Berhad (“RHB”) menyedari bahawa RHB sebagai satu institusi perbankan membawakan impak ke atas ekonomi, alam sekitar dan masyarakat secara keseluruhannya. Lembaga juga maklum bahawa kemampanan tidak boleh wujud secara berasingan kerana ianya merupakan sebahagian daripada ekosistem yang mewujudkan nilai-nilai mampan kepada RHB, subsidiari-subsidiari (“Kumpulan RHB”) dan ke semua pihak berkepentingannya.

Bagi memastikan ke semua perkara berkait kemampanan disebatikan di dalam bank serta dipantau oleh Lembaga, kemampanan telah dijadikan sebagai sebahagian daripada agenda Lembaga bagi tujuan pertimbangan dan perbincangan. Pada tahun kewangan yang lepas, Lembaga Pengarah dan Pengurusan Kanan telah melaksanakan kajian menyeluruh terhadap amalan kemampanan dan kematanan di dalam

Kumpulan bagi menentukan perkara-perkara yang penting bagi perniagaan dan operasi, alam sekitar dan pihak berkepentingan kami.

Berikutan kajian tersebut, sebuah struktur tadbir urus kemampanan yang dipertingkatkan telah dirangka dengan teliti bagi membimbing Lembaga dan Pihak Pengurusan Kumpulan.

Hasil daripada penaksiran kematanan ini, 17 perkara penting kemampanan yang merentasi aspek-aspek ekonomi, alam sekitar, sosial dan pentadbiran telah dikenal pasti. Perkara-perkara ini telah digunakan sebagai sumber inspirasi bagi pembangunan Rangka Kerja kemampanan kami yang sejajar dengan hala tuju strategik FIT22 lima tahun Kumpulan, yang menyokong agenda yang lebih besar – iaitu Matlamat Pembangunan Mampan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (“SDGs”).

KUMPULAN RHB

PERANAN & TANGGUNGJAWAB

Lembaga Pengarah



- Bertanggungjawab mengusahakan kemampanan melalui pertimbangan ESG di dalam strategi perniagaan Syarikat
- Mempunyai kuasa pemantauan dan membuat keputusan ke atas semua perkara berkaitan kemampanan
- Kemampanan akan dibahaskan di dalam mesyuarat Lembaga sekurang-kurangnya sekali setiap enam bulan

Jawatankuasa Pengurusan Kumpulan (“GMC”)



- GMC terdiri daripada GMD dan Pengurusan Kanan
- Mempunyai autoriti wakil dalam membuat keputusan dan pelaksanaan oleh Lembaga
- Bermesyuarat setiap suku tahun untuk membincangkan hal-hal berkaitan kemampanan, strategi, dan tindakan-tindakan sewajarnya

Pengarah Urusan Kumpulan (“GMD”)



- GMD mengerusi GMC dalam usaha menyokong Lembaga dengan menyediakan orientasi dan nasihat yang diperlukan bagi penyepaduan kemampanan yang lancar di seluruh organisasi
- GMD bertanggungjawab menyelia pelaksanaan inisiatif kemampanan dan menggabungkan pertimbangan-pertimbangan ESG di seluruh Kumpulan

Unit Pengurusan Kemampanan



- Komunikasi Korporat Kumpulan (“GCC”), yang merangkumi unit Pengurusan Kemampanan, berperanan memimpin dan menasihat mengenai pelaksanaan inisiatif berkaitan kemampanan, termasuk pemantauan dan pelaporan prestasi kemampanan bagi Kumpulan
- Bekerjasama dengan pelbagai unit perniagaan mengenai perkara-perkara penting kemampanan dan inisiatif-inisiatif kemampanan
- Bekerjasama rapat dengan jabatan-jabatan Strategi, Tadbir Urus dan Risiko Kumpulan bagi memastikan motif kemampanan selaras dengan FIT22 dan prinsip-prinsip tadbir urus yang baik

Unit Perniagaan & Fungsi



- Penggerak utama inisiatif kemampanan dan pelaksanaannya
- Menentukan dan mengukur prestasi metrik dan sasaran, serta mengkaji keberkesanan dasar-dasar berkaitan berdasarkan perkara-perkara penting kemampanan dan inisiatif yang dilaksanakan

RANGKA KERJA & KOMITMEN KEMAMPAAN

Sepanjang tahun yang ditinjau, kami telah membangunkan Rangka Kerja Kemampanan bagi membimbing kami menerapkan konsep kemampanan secara sistematik dan berkesan ke dalam perniagaan dan operasi harian RHB.


Rangka kerja kami berpandukan lima komitmen kemampanan yang bermatlamat - memacu amalan perniagaan yang beretika dan bertanggungjawab, menggalakkan perniagaan yang mampan sambil memupuk pembangunan bakat, memperkayakan dan memperkasakan masyarakat serta menggalakkan amalan persekitaran alam yang baik.


Komitmen-komitmen ini bersertakan perkara-perkara penting kemampanan kami adalah sejajar dengan hala tuju strategik FIT22 dan dirangka bagi menyokong Matlamat Pembangunan Mampan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu ("SDGs") yang berkaitan. Pendekatan kami dalam mengenal pasti SDG ini berdasarkan kepada perkara-perkara penting kemampanan serta aktiviti-aktiviti dan bidang di mana kami

dapat menyumbang secara ketara. Hubungan di antara usaha-usaha kemampanan kami dan SDG memperkuat komitmen kami terhadap pencapaian matlamat global dan tempatan.

Rangka kerja ini menetapkan pendekatan kemampanan kami di mana RHB akan mengenal pasti sasaran dan menilai semula prestasi kemampanan kami.

Kemampanan merupakan suatu usaha yang berlanjutan, dan kami tekad terhadap pencapaian visi kemampanan kami di samping meninggalkan kesan jangka panjang yang positif ke atas pihak berkepentingan kami dan persekitaran operasi kami.

 Matlamat Pembangunan Mampan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu ("SDGs") merupakan koleksi 17 matlamat global yang ditetapkan oleh Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu pada tahun 2015. Matlamat ini membentuk satu rangka tindakan bagi memastikan masa depan yang lebih baik dan mampan bagi semua. Ke semua negara-negara, syarikat-syarikat dan masyarakat digalakkan untuk berusaha sama ke arah pencapaian SDG menjelang tahun 2030



Bagi maklumat lanjut mengenai UN SDG, sila layari www.un.org/sustainabledevelopment

Strategi Korporat



Penyata Kemampanan

KEMATAMAN

Kandungan Penyata ini telah dibangunkan terutamanya untuk merangka usaha dan inisiatif kami berkaitan perkara yang penting kepada ke semua pemegang kepentingan kami termasuk para pemegang saham, pelanggan serta kakitangan kami; dan perniagaan RHB. Berdasarkan pelbagai maklum balas sumber yang diinstitusikan, maklumat yang dikumpul telah memberikan input penting bagi penaksiran kemataman kami, yang seterusnya telah dijadikan panduan bagi pembangunan Rangka Kerja Kemampanan kami, Kenyataan ini, dan Laporan Kemampanan kami.




Untuk mengetahui lebih lanjut mengenai pihak berkepentingan kami dan hubungan kami dengan pihak berkepentingan, sila rujuk kepada muka surat 54 Laporan Tahunan ini.

Berikut adalah proses yang digunakan sebagai sebahagian daripada penaksiran kemataman kami:



Perkara-perkara Penting Kemampanan RHB Bank Berhad



Untuk membaca lebih lanjut mengenai usaha-usaha, inisiatif dan prestasi kemampanan kami, sila rujuk Laporan Kemampanan 2018 kami. Laporan ini boleh dilayari di www.rhbgroup.com

Penyata Kemampanan



TADBIR URUS

MEMACU AMALAN PERNIAGAAN BERETIKA DAN BERTANGGUNGJAWAB

Sifat perniagaan kami bergantung kepada kepercayaan pihak berkepentingan dan sebarang pelanggaran kepercayaan tersebut akan menjajaskan keyakinan orang ramai terhadap kami, dan seterusnya secara langsung menjajaskan perniagaan kami. Oleh itu, amalan beretika dan integriti sangatlah diutamakan di dalam organisasi kami.

Tadbir Urus Perniagaan Baik

Sebahagian penting pendekatan tadbir urus korporat dan kemampanan kami ialah penubuhan dasar-dasar yang menginstitusikan nilai-nilai teras yang membentuk pegangan kami. Kami telah menggariskan beberapa dasar, prosedur dan garis panduan tadbir urus utama Kumpulan. Melangkah ke hadapan, kami akan berusaha untuk meningkatkan lagi pengurusan perkara-perkara persekitaran dan berusaha ke arah pembangunan dasar alam sekitar.



Diiktiraf sebagai di antara **30 Syarikat Tersenarai Terutama Persatuan Negara-negara Asia Tenggara ("ASEAN")** (Top 11 – 30) bagi pendedahan tadbir urus korporat yang baik oleh Forum Pasaran Modal ASEAN ("ACMF").

RHB berjaya memenuhi keperluan untuk membentuk sebahagian konstituen **FTSE4Good. Siri Indeks Bursa Malaysia** dengan peningkatan penarafan dari 2.9 pada tahun 2017 kepada 3.4 pada tahun 2018* Senarai ini tidak lengkap



Maklumat terperinci Penyata Integriti Korporat Kumpulan Perbankan RHB boleh didapati di laman sesawang Kumpulan di <https://www.rhbgroup.com/about-us/our-principles/corporate-governance>

Keahlian

RHB memainkan peranan pemimpin di kalangan rangkaian pihak berkepentingannya yang meluas, yang merangkumi kumpulan pemikir, badan-badan industri dan persatuan-persatuan sektor kewangan dengan berkongsi kepakaran pengetahuan, pandangan sektoral dan amalan terbaik perbankan. Kerjasama dan dialog adalah pemacu yang berkesan bagi membentuk masa depan sektor kewangan, memupuk inovasi, dan menguatkuasakan tindakan-tindakan bagi perbankan mampan.

Kami berusaha menyumbang terhadap pembangunan industri sebagai ahli badan-badan tersebut.

Senarai Keahlian Terpilih*

- Institut Perbankan Bertauliah Asia ("AICB")
- Persatuan Bank-bank di Malaysia ("ABM")
- Persatuan Perbankan dan Institusi Kewangan Islam Malaysia ("AIBIM")
- Persatuan Syarikat Broker Saham Malaysia ("ASCM")
- Persatuan Pasaran Modal Antarabangsa ("ICMA")
- United Nations Global Compact Network ("GCMY")
- Institut Pengarah Korporat Malaysia ("ICDM")
- Lembaga Perkhidmatan Kewangan Antarabangsa ("IFSB")
- Persatuan Perbankan Pelaburan Malaysia ("MIBA")
- Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti ("MSWG")
- Institut Tadbir Urus Korporat Malaysia ("MICG")
- Perbadanan Insurans Deposit Malaysia ("PIDM")
- Persekutuan Syarikat-syarikat Tersenarai Awam Berhad ("FPLC")

* Senarai ini tidak lengkap

Pembiayaan Bertanggungjawab

Pembiayaan bertanggungjawab merupakan teras keutamaan pertumbuhan perniagaan RHB. Produk dan perkhidmatan kami sejajar dengan garis panduan dan agenda pembiayaan Bank Negara Malaysia – iaitu untuk mempromosikan kehematan kewangan dan mengukuhkan amalan peminjaman yang menyokong pertumbuhan ekonomi mampan. Ke arah matlamat ini, perbankan Islam RHB telah menunjukkan kemajuan dan sumbangan yang signifikan terhadap amalan pembiayaan bertanggungjawab.

Pembiayaan Syariah

RHB Islamic Bank tekad mengukuhkan kedudukannya sebagai sebuah bank berasaskan nilai. Pada tahun 2018, kami telah mula menggunakan pendekatan Pengantaraan Berasaskan Nilai (“VBI”) yang diperkenalkan oleh Bank Negara Malaysia. Walaupun menghadapi pelbagai cabaran, namun pelaksanaan VBI amatlah produktif dan bermanfaat. Ia merupakan asasi kemampanan dan pemacu utama prestasi.

Kemantapan pendekatan VBI bergantung bukan sahaja kepada keperluan pematuhan Syariah, malah ianya lebih memihak kepada konsep berasaskan Syariah. Selain daripada keuntungan ekonomi, pendekatan VBI juga menekankan kesejahteraan Ummah melalui pemeliharaan kekayaan, kepercayaan, hayat, pengekal dan intelek, serta pemuliharaan bumi ini. Bagi tujuan ini, VBI bertindak sebagai tapak pembangunan ke arah mewujudkan proposisi nilai yang baik bukan sahaja bagi para pelanggan perbankan tetapi juga pihak berkepentingan dalam masyarakat dan ekonomi umum.

VBI akan memanfaatkan sektor kewangan Islam, dengan memberikannya identiti dan perwatakan yang tersendiri. Pada masa yang akan datang dan bagi mencapai ketelusan, kami akan menggunakan Skor Kad VBI yang diterima pakai oleh Industri Perbankan Islam di Malaysia bagi mengukur kedudukan kami sebagai sebuah bank yang sememangnya berasaskan nilai.

Walaupun konsep “Masyarakat, Planet dan Keuntungan” merupakan bidang tumpuan yang baru diperkenalkan pada tahun 2018, kami akan berusaha untuk terus meningkatkan dan membentuk inovasi di bidang-bidang VBI lain pada masa akan datang.

Pada tahun 2018, lima produk baru yang menggabungkan ciri-ciri VBI dilancarkan:



CMTF-i bagi Pembiayaan Rumah/Hartanah (*Biasa/Fleksi Penuh*)

Produk komoditi Murabahah adalah produk Tawarruq yang membolehkan pelanggan membeli atau membiayai semula hartanah dengan pilihan pengeluaran apabila pembayaran tambahan dibuat dalam transaksi Komoditi Murabahah



CMTF-i bagi Cagamas Rumah PertamaKu (*Biasa*) (*Rumah Mampu Milik*)

Dengan kerjasama Cagamas, RHB menawarkan pembiayaan yang berpatutan khusus kepada pelanggan berpendapatan rendah yang ingin memiliki rumah



CMTF-i bagi Rumah Komitmen BNM (*Rumah Mampu Milik*)

Bagi menyokong aspirasi kerajaan untuk meningkatkan pemilikan rumah di kalangan rakyat, RHB menawarkan pembiayaan kepada golongan berpendapatan rendah bagi tujuan pemilikan rumah pertama.



Akaun Simpanan dan Akaun Semasa-i CM (*Runcit/Komersial/Korporat*)

Berdasarkan konsep Komoditi Murabahah (“CM”), pendeposit CM boleh memilih untuk mendermakan keuntungan CASA mereka secara amal. RHB bekerjasama dengan sebuah universiti awam sebagai benefisiari inisiatif ini



Sijil Deposit-i Boleh Niaga Murabahah Pelbagai Akruan (*RAMNCD-i*)

Pendeposit boleh memilih untuk mendermakan keuntungan dari ke semua produk deposit yang berdasarkan konsep Komoditi Murabahah secara amal

Penyata Kemampanan



EKONOMI

MENGUTAMAKAN PERNIAGAAN MAMPAN

Prestasi Kewangan

Kumpulan mengekalkan rekod prestasi yang kukuh berlanjutan daripada prestasi tahun sebelumnya, memastikan asas yang kukuh dan keupayaan berterusan untuk memelihara kakitangan kami, kepentingan para pelabur, pembekal dan rakan niaga kami, serta komuniti di mana kami berkhidmat.



Untuk membaca lebih lanjut mengenai prestasi kewangan kami, sila rujuk Ulasan CFO dalam Laporan Tahunan ini.

Digitalisasi & Pelaburan dalam Teknologi

Di RHB, digitalisasi bukan sahaja bertindak sebagai pemacu utama bagi transformasi perniagaan secara menyeluruh bagi membina daya saing dan pertumbuhan masa depan kami tetapi juga memainkan peranan dalam membantu memberikan nilai tambah kepada pemegang kepentingan kami.

Inisiatif kami bagi tahun 2018:



Meningkatkan Kemudahan Pelanggan

- Aplikasi Insurans RHB telah memperoleh lebih daripada **25,000 muat turun** sejak dilancarkan pada bulan Jun. Para pelanggan boleh memperbaharui insurans motor mereka dalam masa 3 minit dan memperoleh rebat 10% dengan menggunakan aplikasi tersebut.
- Aplikasi Mobile RHB yang baru memberikan pengalaman perbankan mudah alih yang unggul dan selamat. Aplikasi ini mempunyai ciri pembayaran satu klik, penandatanganan transaksi, dan sistem antara muka mesra yang lancar.
- Aplikasi RHB MyHome adalah aplikasi mudah alih ASEAN pertama yang membolehkan ciri capaian berkaitan gadai janji masa nyata. Setakat Disember 2018, sebanyak **4,840 permohonan** telah diluluskan menerusi aplikasi ini dan sebanyak **3,505 telah diterima**, di mana 16% mewakili penerimaan jualan gadai janji.



Memperkasakan Perniagaan Secara Digital

- **Pembiayaan Dalam Talian SME** membolehkan permohonan dan pembayaran pinjaman dalam talian SME dalam masa 5 hari, membolehkan proses dipercepatkan bagi memudahkan pertumbuhan SME di Malaysia. Platform ini telah dilancarkan pada bulan Jun, dan telah mencatatkan **225 aplikasi dalam talian** dengan nilai gabungan melebihi **RM47.5 juta**.
- Sistem **Reflex** kami adalah sebuah penyelesaian pengurusan tunai digital bagi perniagaan. Pangkalan pelanggan Reflex kami telah meningkat sebanyak **15%** pada tahun 2018.



Menghubungkan Komuniti Kami

- **e-AngPow/e-Duit Raya** adalah perkhidmatan pemindahan tanpa tunai yang inovatif yang membawa kemudahan kepada masyarakat kami semasa sambutan perayaan. Ia memudahkan pemindahan wang sebagai pengganti angpow atau duit raya
- **App SyuQR**, yang dilancarkan di bawah Perbankan Islamik RHB, membolehkan pengguna menderma ke masjid dengan mengimbas kod QR atau melalui perbankan internet dan JomPay.
- **RHB Partner (Aplikasi Rujukan Gadai Janji)** telah membantu kami untuk berhubung dengan rakan perniagaan kami secara dalam talian di dalam ekosistem gadai janji, yang memudahkan rakan perniagaan luaran kami menjalankan perniagaan dengan kami. Sejak pelancarannya, aplikasi ini telah memperoleh lebih daripada **9,047 muat turun** dan menjana 823 pelanggan berpotensi, membentuk 8.6% daripada jumlah pelanggan berpotensi gadai janji sepanjang tempoh yang sama.



Memantapkan Kepakaran Kakitangan Kami

- Aplikasi sesawang **RHB i-Smart** membantu tenaga jualan SME kami berfungsi secara mudah alih. Ianya telah membantu meningkatkan produktiviti tenaga jualan kami sebanyak 6% setakat Disember 2018 dengan nilai terima pinjaman tambahan sebanyak **RM239 juta**.
- Telah melatih **400 pekerja RHB** untuk menjadi Pemimpin Digital menerusi topik-topik berkaitan digital seperti Agile, pemikiran reka bentuk dan analisis menerusi Digital Academy.
- Melancarkan e-pembelajaran bagi melatih **14,425** pekerja RHB bagi meningkatkan pengetahuan digital.

Pengurusan Perhubungan Pelanggan

Kami di RHB bertindak sebagai rakan kongsi yang dipercayai dalam membantu pelanggan dan perniagaan dengan penyelesaian menyeluruh dan perkhidmatan cemerlang, selaras dengan tema ketiga FIT22, iaitu Transformasi Organisasi. Mesra pelanggan merupakan satu usaha yang berlanjutan dan, kami berhasrat untuk terus mengukuhkan budaya kami menerusi falsafah 'RHB Way' bagi memberikan nilai dan perkhidmatan yang lebih baik.



Khidmat Cemerlang

- Skor Promoter Bersih ("NPS") meningkatkan kepada **0** dari **-9**, meningkat **+9** mata
- Mencapai resolusi aduan **97.49%** dalam tempoh **lima** hari bekerja pada tahun 2018
- Pemenang **Model Perniagaan CX Terbaik** di acara Customer Experience In Financial Services Summit And Awards 2018

Rangkaian Bekalan Mampan

Dalam melaksanakan amalan perniagaan mampan, kami memantau dan menguruskan operasi kami sendiri serta pembekal kami untuk menguruskan pengaruh kami secara langsung dan tidak langsung melalui rantai nilai kami. Kami menyokong para pembekal tempatan menerusi penggunaan sumber tempatan.



Rangkaian Bekalan Mampan

- Bahagian Perolehan Kumpulan memperoleh **RM378 juta** daripada pembekal tempatan pada tahun 2018 mewakili 90% daripada perbelanjaan perolehan keseluruhan
- Bagi Perolehan Kumpulan di Malaysia, **100%** perolehan bukan IT adalah daripada pembekal tempatan
- Menerima mandat bernilai **RM284.31 juta** merentasi enam industri daripada Rangkaian Pembekal Kewangan RHB - penyelesaian kewangan pintar pertama dan terulung bagi rakan kongsi rantai bekalan yang menghubungkan pelanggan dan pembekal melalui perdagangan masa nyata

Pembiayaan Mampu Milik

Sebahagian utama tanggungjawab kami adalah memudahkan dan menyediakan akses kepada perkhidmatan kewangan yang wajar, mampu milik dan berkualiti dengan meningkatkan akses kepada perbankan dan mengutamakan literasi kewangan. Sebagai contoh, RHB telah mengutarakan pemilikan rumah di Malaysia menerusi pelbagai bantuan pembiayaan, yang terutamanya mensasarkan kumpulan berpendapatan rendah dan pembeli rumah pertama kali yang menghadapi masalah kemampuan.



Pembiayaan Mampu Milik & Aksesibiliti

- Jumlah pinjaman yang diberikan kepada perniagaan SME berjumlah **RM27.2 bilion**
- Sejak tahun 2017, kami telah memulakan usahasama dengan Pertubuhan Pendanaan Malaysia bagi memastikan **perlindungan dana pelabur** dan menjalankan usaha wajar ke atas SME yang dibiayai
- Memainkan peranan penting dalam pelancaran Dana BNM bagi **Perumahan Mampu Milik**
- Dilantik sebagai salah satu daripada Bank panel bagi melaksanakan **pembiayaan perumahan** bersubsidi kepada segmen pelanggan bersasar.
- Inisiatif ini memberi tumpuan untuk membantu segmen sasaran dengan menawarkan skim **gadai janji kadar tetap rendah**, dan menggalakkan literasi kewangan menerusi portal dalam talian yang telah dibangunkan secara eksklusif oleh Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit ("AKPK")

Usaha-usaha kami dalam mengutamakan literasi kewangan merupakan sebahagian daripada pelaburan kami ke dalam masyarakat bagi memupuk warga pintar-kewangan dan bertanggungjawab dengan memberi tumpuan terhadap kanak-kanak dan remaja.



Literasi Kewangan

- Mengendalikan bengkel berkaitan pendigitalan untuk **meningkatkan kesedaran dan pengetahuan** mengenai proses dan amalan perniagaan yang mendorong kecekapan operasi dan menyumbang ke arah pertumbuhan perniagaan SME.
- Program RHB Money Ma\$ter menyebarkan literasi kewangan ke pangkuan sekolah-sekolah dan universiti-universiti, yang melibatkan bilangan **10,407** kanak-kanak dan remaja di **48** buah sekolah dan 2 universiti pada tahun 2018.

Penyata Kemampanan



ALAM SEKITAR


MENGUTAMAKAN AMALAN PERSEKITARAN ALAM YANG BAIK

Sebagai sebuah bank yang berpengaruh luas, kami mementingkan peranan kami sebagai pengguna dan warga korporat yang bertanggungjawab dan tekad terhadap pemuliharaan alam sekitar menerusi keberkesanan penggunaan sumber dan operasi. Kami menggunakan pendekatan 'lakukan apa yang boleh' bagi mengurangkan jejak kami ke atas alam sekitar dan sentiasa menerokai bidang-bidang penambahbaikan. Dari segi operasi dalaman, ini merangkumi pengurusan tenaga, air dan penggunaan kertas yang cekap - tiga sumber yang paling biasa digunakan di dalam RHB.

Kami berhasrat untuk menguruskan dan mengurangkan jejak karbon kami serta untuk menyokong komitmen Malaysia terhadap Perjanjian Paris. Pada masa ini, usaha kami adalah untuk menyeragamkan metodologi kami, memperkemas skop dan garis sempadan bagi mengukur dan mengurangkan pelepasan. Inisiatif terbaru kami termasuk pemasangan stesen pengecasan bagi kereta-kereta elektrik dan hibrid di setiap Pusat RHB dan Kompleks RHB di Bangi, yang kami harap akan menggalakkan penggunaan kereta hibrid dan mengurangkan jejak karbon kakitangan kami.

SOROTAN & PENCAPAIAN


Penggunaan Elektrik (kwh)¹



12.9%

pengurangan penggunaan elektrik
- jejak karbon dikurangkan sebanyak
103,964kg CO_{2e}

Penggunaan Air (m³ setiap penghuni)²



11%

pengurangan penggunaan air
berbanding tahun 2017

Penggunaan Kertas

e-penyata dihantar³

5.2 juta
2017

↑

7.3 juta
2018

Mengurangkan
penggunaan kertas
sebanyak

17,498 rim
bersamaan

8.7 juta
keping kertas berbanding
2017⁴



Nota:

- ¹ Jumlah penggunaan elektrik di Ibu Pejabat Kumpulan Perbankan RHB dan Kompleks RHB Bank di Bangi
- ² Gabungan jumlah penghunian di Ibu Pejabat Kumpulan Perbankan RHB dan Kompleks RHB Bank Bangi adalah seperti berikut 6,100 (2018); 6,000 (2017) dan 5,300 (2016)
- ³ Keseluruhan Malaysia sahaja
- ⁴ Bagi Kumpulan RHB

PROGRAM SUKARELAWAN ALAM SEKITAR


RHB Touch Hearts adalah usaha sukarelawan serantau Kumpulan RHB, dengan projek-projek tempatan di dalam bidang pendidikan, infrastruktur, kesihatan dan kesejahteraan, alam sekitar, dan kesejahteraan masyarakat/keluarga.

Telah membina 400sqm taman permainan menggunakan bahan kitar semula bagi kanak-kanak berkeperluan khas di SK Sri Kepong

Meningkatkan taman hidroponik kepada sudut pendidikan bagi kanak-kanak berkeperluan khas di SK Sri Kepong

Meningkatkan pengurusan penetasan dan peneluran penyu, meningkatkan kesedaran ekologi peneluran penyu di Pantai Timur Malaysia

Pembersihan bakau di Pulau Ketam; mendermakan tiga tong kitar semula dan meningkatkan kesedaran mengenai proses kitar semula



Pemasangan lampu solar di sebuah kampung orang asli



SOSIAL

MEMUPUK PEMBANGUNAN BAKAT

Kejayaan dan pertumbuhan RHB bersandarkan 14,000 pekerja kami merentasi ASEAN. Kami berhasrat untuk membina tenaga kerja masa depan yang berupaya mengatasi cabaran pasaran yang berkembang pesat dan tidak menentu. Tumpuan semasa kami adalah untuk mengukuhkan inisiatif pembangunan bakat kami dan secara lanjut menjawat dan mengekalkan bakat terbaik, bagi menyokong tema strategik RHB ketiga FIT22 iaitu Transformasi Organisasi, tertumpu kepada pembinaan model operasi yang mengutamakan pembangunan bakat, ketangkasan, analisis, dan berkebolehan digital.

Menerusi Proposisi Nilai Pekerja (“EVP”) kami yang berdasarkan lima tonggak – RHB Cares, RHB Leads, RHB Inspires, RHB Progresses, dan RHB Rewards, kami dapat membimbing pekerja kami untuk menghayati nilai teras kami (P.R.I.D.E.), menghayati Komponen Budaya kami - One RHB, Berorientasikan Keputusan dan Keutamaan Pelanggan serta sedia menghadapi cabaran masa depan.

Metodologi Agile telah diguna-pakai sebagai budaya baru pekerjaan di seluruh Kumpulan RHB. Budaya Agile memberikan autonomi dan fleksibiliti yang lebih baik kepada pekerja kami serta peningkatan keterlibatan pekerja. Ia juga menggalakkan tenaga kerja yang mampan masa depan menerusi pembangunan kemahiran digital.

“**AGILE@Scale** membantu kami memberikan keutamaan strategik kepada para pelanggan dengan lebih berkesan. Matlamat jangka panjang kami adalah untuk menjadikan AGILE sebahagian daripada DNA kami.”

– Dato’ Khairussaleh Ramli,
Pengarah Urusan Kumpulan

SOROTAN & PENCAPAIAN



Tinjauan Penglibatan Pekerja (“EES”)

Keputusan EES **84%** Kadar tindakbalas **80%** eNPS **0** (pada skala -100 hingga +100)



Wanita di RHB

>25% Lembaga **>49.9%** Pengurusan **>27.6%** Pengurusan Kanan



Pengurusan Bakat

>781 (6.7%) Bakat Dikenalpasti **>85%** Pelan Pembangunan Individu mengikut perancangan
>22 Bakat pada tahap Pengurus ke AVP diagihkan merentas perniagaan/fungsi/negara bagi tujuan pendedahan



Pembelajaran & Pembangunan

> RM43.1 juta Telah dilaburkan di dalam program pembelajaran & pembangunan **>2,177** Sesi telah dilaksanakan bagi **997** program

7% peningkatan dalam pembelajaran bilik darjah **95%** peningkatan kadar penyertaan e-pembelajaran di Malaysia **23** kursus Kepimpinan & Pengurusan baru **44** kursus Teknikal & Fungsian yang baru



Program Kesejahteraan RHB

>337 peserta di Malaysia **>RM12,200** dihadiahkan kepada peserta dengan peningkatan kesihatan terbaik



Tabung Kebajikan Pekerja

RM233,088 dibayar kepada pekerja yang memerlukannya

Penyata Kemampanan

MEMPERKAYAKAN DAN MEMPERKASAKAN KOMUNITI

Yayasan RHB memacu inisiatif keterlibatan dan pembangunan komuniti Kumpulan RHB, yang memberi tumpuan kepada anggota masyarakat yang kurang berkemampuan dan kurang bernasib baik dengan tumpuan khusus diberikan kepada kanak-kanak dan remaja termasuk kanak-kanak berkeperluan khas.



VISI
Memperkayakan
dan Memperkasakan
Komuniti

FALSAFAH KAMI



Untuk melaksanakan inisiatif mampan yang menjana, memberi faedah dan menghasilkan kesan positif bagi ke semua pihak yang berkeperluan kami



Untuk memulakan inisiatif yang memberi kesan dan membantu komuniti secara menyeluruh; menjangkau perbezaan budaya dan agama



Untuk menggalakkan semangat sukarelawan, dan seterusnya memupuk nilai-nilai positif di kalangan pekerja Kumpulan RHB dan masyarakat secara menyeluruh

TONGGAK UTAMA KAMI

Memupuk Generasi Masa Depan



Kanak-kanak & Remaja

Memupuk dan memperkasakan kanak-kanak dan remaja mencapai potensi penuh mereka

Kesihatan & Kesejahteraan



Kehidupan Sihat

Pendekatan yang diselaraskan bagi tujuan mempromosikan kehidupan sihat

Memperkayakan Dan Memperkasakan Komuniti



Warisan Seni & Kebudayaan

Pemeliharaan

Mempromosikan seni Malaysia dan pembangunan warisan budaya yang semarak



Kesejahteraan Komuniti

Berperikemanusiaan

Memberi bantuan kepada golongan masyarakat yang memerlukan bantuan



Lembaga Pemegang Amanah

Pengerusi
Ahli Bukan Eksekutif
Dato' Khairussaleh Ramli

Ahli Bukan Eksekutif Bebas
Tan Sri Dato' Dr.
Yahya Awang

Ahli Bukan Eksekutif Bebas
Datin Yap Siew Bee

Ketua Pegawai Eksekutif
Norazzah Sulaiman

MEMPERKAYAKAN DAN MEMPERKASAKAN KOMUNITI

SOROTAN & PENCAPAIAN



Memupuk **Generasi Masa Depan**

RHB Money Ma\$ter – Program Pendidikan/Literasi

RHB Money Ma\$ter Program dilancarkan pada bulan Februari 2018 dan merupakan Program Pendidikan/Literasi Kewangan yang bertujuan untuk mendidik pelajar sekolah menengah berkaitan pengetahuan, kemahiran dan keyakinan untuk menguruskan situasi kewangan mereka secara berkesan dan kepentingan tabiat simpanan wang dari usia yang muda.

Ia adalah sesi interaktif 90 minit yang meliputi topik seperti tip simpanan, pembukaan akaun serta penipuan kewangan dan langkah-langkah mengelakkan.

Pada tahun 2018, kami telah mengatasi sasaran untuk mencapai 8,000 pelajar dan remaja. Satu Kajian Keberkesanan telah dilaksanakan dan 56% daripada pelajar mendapati program ini cemerlang dan 35% berpendapat ianya baik.

“Ianya satu pengalaman hebat! Kami diberi pengajaran di dalam hal-hal pengurusan wang, akibat penggunaan wang yang tidak betul, penipuan dan juga pinjaman.”
– Nalima, SMK Air Panas



> **10,407** pelajar terlibat

> merentasi **5** negeri di Malaysia

> memberi manfaat kepada **48** buah sekolah

> **2** universiti

> **90%** pelajar berpendapat program ini bermanfaat

Rancangan 2019: Mencapai 16,000 pelajar dan remaja dari 100 sekolah dan 10 universiti



Dengan adanya program ini saya dapat meningkatkan prestasi pembelajaran saya, terutama dalam subjek yang paling saya lemah untuk saya menghadapi SPM pada tahun ini.

– Mohd Haziq Mastor, SMK Seri Perak

Memberi manfaat kepada

805 pelajar

merentasi

18 buah sekolah di seluruh negara

Rancangan 2019: Mencapai 1,000 pelajar dan 25 sekolah di seluruh negara setiap tahun. Juga, untuk memperkenalkan program baru untuk kesejahteraan pelajar B40 dan program biasiswa.

Program Kecemerlangan Akademik RHB X-Cel



RHB X-Cel adalah Program Kecemerlangan Akademik yang telah diendors oleh Kementerian Pendidikan Malaysia pada bulan Julai 2018. Program ini menyasari para pelajar dan remaja yang kurang bernasib baik, dan bertujuan memberikan peluang saksama bagi mencapai kecemerlangan dalam pengajian mereka, serta memberikan akses kepada pendidikan tinggi, dan seterusnya meningkatkan kedudukan sosioekonomi mereka.

Program ini menawarkan kelas tuisyen dalam mata pelajaran teras terpilih dan aktiviti lain seperti pementoran, aktiviti motivasi, bengkel dan lawatan sambil belajar serta insentif prestasi bagi sekolah, guru dan pelajar yang cemerlang di dalam program ini.

Penyata Kemampanan

#rhbtouchhearts

RHB Touch Hearts adalah usaha sukarelawan serantau Kumpulan RHB. Program ini dianjurkan secara tahunan selama satu hujung minggu terpilih. Kerja-kerja asas seperti perancangan, persediaan dan aktiviti pemungutan dana akan dimulakan beberapa bulan sebelumnya. Projek sukarela spesifik dikonseptualisasikan berdasarkan tema dan bidang tumpuan utama yang sejajar dengan keterlibatan komuniti sasaran Kumpulan RHB.

Sehingga kini:

115 

projek komuniti telah dianjurkan

Mencapai **20,700** ahli golongan kurang bernasib baik di seluruh rantau ASEAN

Sejumlah **RM1.263 juta** telah dipungut oleh RHBians menerusi pelbagai aktiviti pemungutan dana

RHB Touch Hearts telah memenangi beberapa anugerah sebagai pengiktirafan bagi impak inisiatif tanggungjawab korporatnya:

Anugerah Syarikat
Terbaik (Kategori
Institusi Kewangan
Tersenarai)



Anugerah CSR
Malaysia 2018

Anugerah
Program
Komuniti Terbaik
(Gangsa)



Anugerah CSR
Global 2018

Kecemerlangan
dalam Strategi
CSR (Perak)



Anugerah
Kecemerlangan
HR 2018



Pekerja RHB kami melaksanakan program RHB Touch Hearts 2018.

Tema bagi 2018: “Memperkayakan Komuniti”

Lebih daripada

14,000
sukarelawan

#rhbtouchhearts

33 

pasukan dari seluruh
Malaysia, Singapura,
Indonesia, Thailand,
Kemboja, Laos, dan
Brunei

43 

buah
projek



RM106,000
wang peruntukan



RM536,888
dana dipungut

26,712 

jam sukarela
pekerja Kumpulan
RHB

7,823 

benefisiari projek

Menaiktaraf kemudahan sedia ada orang asli

Lebih daripada 100 sukarelawan telah berkumpul di Kampung Orang Asli Kuala Bil, Slim River di Perak untuk menaik-taraf kemudahan awam bagi penduduk orang asli. Kami telah membina sistem saliran berukuran 153 meter panjang. Sebuah tiub telaga dengan pam air bawah tanah automatik telah dipasang. Telaga ini mampu mengepam air dari sedalam 65 kaki bagi membekalkan air ke bilik mandi. Kami juga telah membaiki dan meratakan jalan alternatif yang 1.5 km panjangnya. Gelanggang badminton juga telah dinaik-taraf dengan jaring, tiang, garisan, dan lantai simen yang baru.

Mencerahkan hidup dengan lampu solar

Para sukarelawan RHB telah membuat lawatan ke Kampung Orang Asli Pos Keding, Ulu Slim, Perak. Kami telah membantu membina dan memasang 16 panel cahaya solar di sepanjang jalan masuk ke dalam Kampung. Lampu solar telah meningkatkan keterlihatan sebanyak 80% berbanding hanya 30% sebelumnya. Ini telah membantu meningkatkan keselamatan komuniti orang asli. Empat panel cahaya solar juga telah dipasang di gelanggang badminton, bagi membantu penglibatan dalam sukan. Kami juga telah menganjurkan sukaneka sebagai sebahagian daripada aktiviti keterlibatan kami dengan komuniti, yang menampakkan sejumlah 70% penyertaan komuniti.

Analisis Pemegang Saham

setakat 15 Februari 2019

Modal Saham Dibenarkan	: 4,010,045,621 saham biasa
Kelas Saham	: Saham biasa
Hak Mengundi	: Setiap pemegang saham yang hadir sendiri atau melalui proksi pada mana-mana Mesyuarat Pemegang Saham layak mendapat satu undian
Bilangan Pemegang Saham	: 17,024

Kategori	Bil. Pemegang Saham	% Pemegang Saham	Bil. Saham Dipegang	% Pemegang Saham
Kurang dari 100 saham	1,714	10.07	39,394	0.00
100 – 1,000 saham	2,418	14.20	1,246,721	0.03
1,001 – 10,000 saham	9,978	58.61	34,275,172	0.85
10,001 – 100,000 saham	2,238	13.15	63,166,239	1.58
100,001 dan kurang daripada 5% daripada saham terbitan	673	3.95	1,466,104,313	36.56
5% dan ke atas bagi saham terbitan	3	0.02	2,445,213,782	60.98
Jumlah	17,024	100.00	4,010,045,621	100.00

PEMEGANG SAHAM UTAMA

Bil.	Nama Pemegang Saham Utama	Bilangan Saham			
		Langsung	%	Tidak Langsung	%
1.	Employees Provident Fund Board ("EPF") ¹	1,629,018,204	40.62	–	–
2.	Aabar Investments PJS	591,524,060	14.75	–	–
3.	International Petroleum Investment Company PJSC ²	–	–	591,524,060	14.75
4.	Mubadala Investment Company PJSC ³	–	–	591,524,060	14.75
5.	OSK Holdings Berhad	406,171,518	10.13	–	–
6.	Tan Sri Ong Leong Huat @ Wong Joo Hwa ⁴	–	–	406,171,518	10.13
7.	OSK Equity Holdings Sdn Bhd ⁴	–	–	406,171,518	10.13
8.	Puan Sri Khor Chai Moi	29,997	*	406,171,518 ⁴	10.13

Nota:

- * Peratusan diabaikan.
- ¹ Kepentingan KWSP dipegang melalui beberapa pengurus dana.
- ² Dianggap berkepentingan menurut Seksyen 8 (4) Akta Syarikat 2016 menerusi kawalan terhadap subsidiarinya, Aabar Investments PJS.
- ³ Dianggap berkepentingan menurut Seksyen 8 (4) Akta Syarikat 2016 menerusi kawalan terhadap subsidiari tidak langsungnya, Aabar Investments PJS.
- ⁴ Dianggap berkepentingan menurut Seksyen 8 (4) Akta Syarikat 2016, menurut saham yang dipegang melalui OSK Holdings Berhad.

KEPENTINGAN PARA PENGARAH DALAM SEKURITI SYARIKAT DAN PERBADANAN YANG BERKAITAN DENGANNYA

Syarikat	Pegangan Saham	
	Bil. Pegangan Saham	%
Tan Sri Ong Leong Huat @ Wong Joo Hwa – Tidak Langsung ¹	406,202,949	10.13
Tan Sri Saw Choo Boon – Langsung	20,000	*

Nota:

- * Peratusan diabaikan.
- ¹ Dianggap berkepentingan menurut Seksyen 8 (4) dan 59 Akta Syarikat 2016, menurut saham yang dipegang melalui OSK Holdings Berhad dan ahli keluarganya.

Klasifikasi Pemegang Saham

setakat 15 Februari 2019

Kategori	Bilangan Pemegang Saham		Bilangan Saham		% Jumlah Pegangan	
	Malaysia	Luar Negara	Malaysia	Luar Negara	Malaysia	Luar Negara
Individu						
Bumiputera	553	0	3,025,065	0	0.08	0.00
Cina	12,179	0	74,584,964	0	1.86	0.00
India	430	0	1,874,432	0	0.05	0.00
Lain-lain	53	424	233,358	5,272,582	0.01	0.13
Badan Korporat						
Bank/Syarikat Kewangan	42	0	578,313,779	0	14.42	0.00
Pelaburan Amanah/ Yayasan/Badan Amal	4	0	376,598	0	0.01	0.00
Lain-lain Jenis Syarikat	285	20	247,563,729	25,043,296	6.17	0.62
Agensi Kerajaan/ Institusi	1	0	372,290	0	0.01	0.00
Calon-calon	2,068	965	2,058,154,980	1,015,230,548	51.32	25.32
Lain-lain	0	0	0	0	0.00	0.00
Jumlah	15,615	1,409	2,964,499,195	1,045,546,426	73.93	26.07

Perubahan Modal Saham

setakat 15 Februari 2019

Bilangan saham terbitan Syarikat setakat 15 Februari 2019 adalah 4,010,045,621 saham biasa.

Perubahan kepada bilangan saham yang diterbitkan sejak tahun 1999 adalah seperti berikut:-

Tarikh	Bilangan Saham Diperuntukkan	Penerangan	Bilangan Terkumpul Saham Terbitan	
			Saham Keutamaan	Saham Biasa
03/06/1999	308,500,000 (saham keutamaan)	Dikeluarkan menurut Perjanjian Penjualan Saham antara RHB Bank Berhad (RHB Bank), Rashid Hussain Berhad (sebagai penganjur), Sime Darby Perkhidmatan Kewangan Holdings Sdn Bhd dan KUB Malaysia Berhad untuk pengambilalihan 90.36% kepentingan ekuiti dalam Sime Bank Berhad.	308,500,000	3,899,971,952
03/06/1999	1,000,000,000 (saham keutamaan)	Dikeluarkan menurut Perjanjian Langganan bertarikh 30 November 1998 di antara Danamodal Nasional Berhad, RHB Capital Berhad (RHB Capital) dan RHB Bank.	1,308,500,000	3,899,971,952
01/09/1999	4,469,561 (saham keutamaan)	Diterbitkan selaras dengan pengambilan wajib 9.64% kepentingan ekuiti dalam Sime Bank Berhad.	1,312,969,561	3,899,971,952
23/09/1999	55,129,584 (saham keutamaan)	Diterbitkan selaras dengan pengambilan wajib 9.64% kepentingan ekuiti dalam Sime Bank Berhad.	1,368,099,145	3,899,971,952
27/03/2008	2,736,198,290 (saham biasa bernilai RM0.50 sesaham)	Dikeluarkan menurut Notis Penukaran yang diterima oleh RHB Bank berkenaan dengan pemegang Saham Keutamaan Boleh Tukar Tidak Kumulatif Boleh Tebus (INCPS), hasrat RHB Capital untuk menukar keseluruhan 1,368,099,145 INCPS yang berharga RM1.00 sesaham kepada saham biasa baharu bernilai RM0.50 setiap satu dalam RHB Bank.	-	6,636,170,242
31/10/2014	94,802,428 (saham biasa bernilai RM0.50 sesaham)	Diterbitkan selaras dengan Terbitan Hak atas dasar 1 saham biasa baharu bagi setiap 70 saham biasa sedia ada yang dipegang.	-	6,730,972,670
03/04/2015	190,197,391 (saham biasa bernilai RM0.50 sesaham)	Diterbitkan selaras dengan Terbitan Hak atas dasar 28.26 saham biasa baharu bagi setiap 1,000 saham biasa sedia ada yang dipegang.	-	6,921,170,061
18/02/2016	Tidak berkaitan	Penyatuan setiap 2 saham biasa sedia ada bernilai RM0.50 sesaham kepada 1 saham biasa baharu bernilai RM1.00 sesaham.	-	3,460,585,030
07/04/2016	101,618,705 (saham biasa bernilai RM1.0 sesaham)	Diterbitkan selaras dengan Terbitan Hak atas dasar 29,3646 saham biasa baharu bagi setiap 1,000 saham biasa sedia ada yang dipegang.	-	3,562,203,735
14/04/2016	447,841,886 (saham biasa bernilai RM1.0 sesaham)	Tunai.	-	4,010,045,621

Senarai Tiga Puluh (30) Pemegang Saham Utama

setakat 15 Februari 2019

Bil.	Nama	Pegangan Saham	
		Bilangan Saham	%
1	CITIGROUP NOMINEES (TEMPATAN) SDN BHD EMPLOYEES PROVIDENT FUND BOARD	1,629,018,204	40.62
2	RHB NOMINEES (ASING) SDN BHD AABAR INVESTMENTS PJS	591,524,060	14.75
3	OSK HOLDINGS BERHAD	224,671,518	5.60
4	AMANAHRAYA TRUSTEES BERHAD AMANA SAHAM BUMIPUTERA	195,423,500	4.87
5	KUMPULAN WANG PERSARAAN (DIPERBADANKAN)	130,119,891	3.24
6	RHB NOMINEES (TEMPATAN) SDN BHD MALAYSIAN TRUSTEES BERHAD PLEDGED SECURITIES ACCOUNT UNTUK OSK HOLDINGS BHD (OSK I CM T1)	100,000,000	2.49
7	RHB NOMINEES (TEMPATAN) SDN BHD MALAYSIAN TRUSTEES BERHAD PLEDGED SECURITIES ACCOUNT UNTUK OSK HOLDINGS BHD (OSK I CM MTN T2)	81,500,000	2.03
8	AMANAHRAYA TRUSTEES BERHAD AMANA SAHAM MALAYSIA 2 - WAWASAN	80,000,000	1.99
9	AMANAHRAYA TRUSTEES BERHAD AMANA SAHAM MALAYSIA	57,824,321	1.44
10	AMANAHRAYA TRUSTEES BERHAD AMANA SAHAM MALAYSIA 3	36,876,760	0.92
11	CITIGROUP NOMINEES (TEMPATAN) SDN BHD DIKECUALIKAN UNTUK AIA BHD	31,498,000	0.79
12	MALAYSIA NOMINEES (TEMPATAN) SENDIRIAN BERHAD GREAT EASTERN LIFE ASSURANCE (MALAYSIA) BERHAD (PAR 1)	25,635,804	0.64
13	AMANAHRAYA TRUSTEES BERHAD AMANA SAHAM BUMIPUTERA 2	24,000,000	0.60
14	CARTABAN NOMINEES (ASING) SDN BHD DIKECUALIKAN UNTUK STATE STREET BANK & TRUST COMPANY (WEST CLT OD67)	22,439,907	0.56
15	CARTABAN NOMINEES (TEMPATAN) SDN BHD PAMB UNTUK PRULINK EQUITY FUND	21,960,207	0.55
16	PERMODALAN NASIONAL BERHAD	20,258,300	0.51
17	GUOLINE (SINGAPORE) PTE LTD	19,595,400	0.49
18	HSBC NOMINEES (ASING) SDN BHD JPMCB NA UNTUK VANGUARD EMERGING MARKETS STOCK INDEX FUND	19,187,200	0.48

Senarai Tiga Puluh (30) Pemegang Saham Utama

setakat 15 Februari 2019

Bil.	Nama	Pegangan Saham	
		Bilangan Saham	%
19	HSBC NOMINEES (ASING) SDN BHD JPMCB NA UNTUK VANGUARD TOTAL INTERNATIONAL STOCK INDEX FUND	17,512,435	0.44
20	CITIGROUP NOMINEES (ASING) SDN BHD DIKECUALIKAN UNTUK CITIBANK NEW YORK (NORGES BANK 14)	14,444,500	0.36
21	MALAYSIA NOMINEES (TEMPATAN) SENDIRIAN BERHAD GREAT EASTERN LIFE ASSURANCE (MALAYSIA) BERHAD (PAR 3)	13,801,600	0.34
22	MALAYSIA NOMINEES (TEMPATAN) SENDIRIAN BERHAD GREAT EASTERN LIFE ASSURANCE (MALAYSIA) BERHAD (LSF)	12,991,600	0.32
23	CARTABAN NOMINEES (ASING) SDN BHD GIC PRIVATE LIMITED UNTUK GOVERNMENT OF SINGAPORE (C)	11,295,800	0.28
24	HSBC NOMINEES (ASING) SDN BHD TNTC UNTUK THE HIGHCLERE INTERNATIONAL INVESTORS EMERGING MARKETS SMID FUND	9,936,300	0.25
25	CITIGROUP NOMINEES (ASING) SDN BHD UBS AG	9,748,186	0.24
26	CITIGROUP NOMINEES (ASING) SDN BHD DIKECUALIKAN UNTUK CITIBANK NEW YORK (NORGES BANK 9)	9,597,481	0.24
27	CITIGROUP NOMINEES (ASING) SDN BHD CBNY UNTUK DIMENSIONAL EMERGING MARKETS VALUE FUND	9,497,900	0.24
28	AMANAHRAYA TRUSTEES BERHAD ASN UMBRELLA UNTUK ASN EQUITY 3	9,159,056	0.23
29	HSBC NOMINEES (ASING) SDN BHD MORGAN STANLEY & CO. INTERNATIONAL PLC (FIRM A/C)	7,573,834	0.19
30	MAYBANK NOMINEES (TEMPATAN) SDN BHD MAYBANK TRUSTEES BERHAD UNTUK PUBLIC REGULAR SAVINGS FUND (N14011940100)	6,868,900	0.17

Senarai Sepuluh (10) Hartanah Utama

Lokasi	Pemilik	Perihal Hartanah	Keluasan Tanah/ (meter persegi)	Kegunaan	Usia Bangunan (Tahun)	Pegangan	Tahun Tamat Tempoh Pajakan	Nilai Buku Bersih 31.12.2018 (RM'Juta)	Tahun Pemerolehan atau Penilaian Semula
MALAYSIA									
Kuala Lumpur									
1. Menara 1, Menara 2 & 3 RHB Centre 424 & 426 Jalan Tun Razak	RHB Bank Berhad	Bangunan pejabat 12 tingkat & 16 tingkat	10,270	Ruang Pejabat	29 & 23	Pegangan Bebas	-	198,834	2016
Penang									
2. 44 Lebu Pantai Georgetown	RHB Bank Berhad	1 unit bangunan komersial 6½ tingkat	896	Cawangan Bank	59	Pegangan Bebas	-	3,420	1968
3. Unit 11 & 12 Jalan Chain Ferry Tmn Inderawasih Seberang Prai	RHB Bank Berhad	2 unit bangunan komersial 3 tingkat	603	Cawangan Bank	24	Pegangan Bebas	-	3,456	1998
Selangor									
4. Lot No. 8 Jalan Institusi Bandar Baru Bangi	RHB Bank Berhad	Blok pejabat 6 tingkat, Blok latihan 5 tingkat, Blok IT 7 tingkat & Blok tempat letak kereta 5 tingkat	55,713	Pusat Latihan	18	Pegangan Pajak	2090	66,406	1992
Perak									
5. No. 2, 4, 6 & 8 Jalan Tun Sambanthan Ipoh	RHB Bank Berhad	Bangunan pejabat 4 tingkat	890	Cawangan Bank	21	Pegangan Bebas	-	4,674	1991
SINGAPURA									
6. 90 Cecil Street	Banfora Pte Ltd	2 bangunan komersial	796	Bangunan Komersial	39	Pegangan Pajak	2980	146,209	1997
7. 10, Jalan Besar 01-03 Sim Lim Tower	RHB Bank Berhad	Tingkat bawah bangunan pejabat	543	Cawangan Bank	40	Pegangan Bebas	-	25,913	1999
8. 14A/B, 16A/B & 18A/B East Coast Road	RHB Bank Berhad	3 unit dari rumah kedai 3 tingkat	442	Cawangan Bank	60	Pegangan Bebas	-	13,684	1999
9. 1/1A/1B Yio Chu Kang Road	RHB Bank Berhad	Tingkat satu bangunan pejabat	101	Cawangan Bank	38	Pegangan Bebas	-	10,031	1999
10. No. 537/539 Geylang Road	RHB Bank Berhad	Rumah kedai 3 tingkat	374	Cawangan Bank	95	Pegangan Bebas	-	8,919	1999

Sumber informasi untuk Nilai Buku Bersih (NBV) setakat 31 Disember 2018 oleh Kumpulan Kewangan.

Rangkaian Cawangan Kumpulan

setakat 31 Disember 2018

PERBANKAN KOMERSIAL

MALAYSIA

WILAYAH UTARA LEMBAH KLANG

Pengarah Wilayah:

Joe Tien Chee Chang

Aras 3, Menara 1

RHB Centre, Jalan Tun Razak

50400 Kuala Lumpur

Tel : 603 9280 5313

Faks : 603 9280 7319

Cawangan

- ◆ Ampang Point
- ◆ Bandar Baru Ampang
- ◆ Bandar Baru Sg Buloh
- ◆ Bandar Sri Damansara
- ◆ Dataran Wangsa Melawati
- ◆ First Avenue
- ◆ Jalan Bukit Bintang
- ◆ Jalan Ipoh
- ◆ Jalan Pasar
- ◆ Jinjang Utara
- ◆ Kenanga Wholesale City
- ◆ Kepong
- ◆ Kg Baru Sg Buloh
- ◆ KLCC
- ◆ Kota Damansara
- ◆ Kuala Lumpur Main
- ◆ Menara Shell
- ◆ Pandan Indah
- ◆ Plaza Damas 3
- ◆ Plaza OSK
- ◆ Rawang
- ◆ Segambut
- ◆ Selayang
- ◆ Setapak
- ◆ Taman Shamelin
- ◆ Taman Tun Dr. Ismail

WILAYAH SELATAN LEMBAH KLANG

Pengarah Wilayah:

S. Asoka Balan a/l Sinnadurai

Tingkat 6

75, Jalan Tun H.S. Lee

50000 Kuala Lumpur

Tel : 603 2053 1360

Faks : 603 2053 1370

Cawangan

- ◆ Bandar Mahkota Cheras
- ◆ Bandar Sri Permaisuri
- ◆ Bangsar Shopping Centre
- ◆ The Vertical, Bangsar South
- ◆ Damansara Jaya
- ◆ Damansara Utama
- ◆ IOI Resort City
- ◆ Kajang
- ◆ Mid Valley
- ◆ OUG
- ◆ Paradigm
- ◆ PJ New Town
- ◆ Putrajaya Precint 8
- ◆ Seri Kembangan
- ◆ Section 14, Petaling Jaya
- ◆ Sri Petaling
- ◆ SS 2, Petaling Jaya
- ◆ Taman Connaught
- ◆ Taman Indah
- ◆ Taman Megah
- ◆ Taman Midah
- ◆ Taman Sg Besi
- ◆ Taman Suntex
- ◆ Taman Taming Jaya
- ◆ Tun HS Lee
- ◆ The Trillium, Lake Fields

WILAYAH BARAT LEMBAH KLANG

Pengarah Wilayah:

Tony Yeoh Chiew Mun

Tingkat 2, No. 48-50

Jalan SS 15/4D

47500 Subang Jaya, Selangor

Tel : 603 5637 8288

Faks : 603 5631 6233

Cawangan

- ◆ Alam Avenue
- ◆ Bandar Baru Klang
- ◆ Bandar Bukit Tinggi
- ◆ Banting
- ◆ IOI Boulevard
- ◆ Jalan Niaga Shah Alam
- ◆ Jalan Stesen Klang
- ◆ Jalan T. Ampuan Zabedah Shah Alam
- ◆ Jenjarom
- ◆ Kota Kemuning
- ◆ Meru
- ◆ Persiaran Sultan Ibrahim Klang
- ◆ Port Klang
- ◆ Setia Alam
- ◆ Sg Pelek
- ◆ Subang Jaya
- ◆ Tanjung Karang
- ◆ Tanjung Sepat
- ◆ UEP Subang Jaya
- ◆ Utropolis Mall Glenmarie

WILAYAH PANTAI TIMUR

Pengarah Wilayah:

Adlah binti Ahmad

Lot 2, 4 & 6 (Aras 2)

Jalan Putra Square 1, Putra Square

25200 Kuantan, Pahang

Tel : 609 505 7000

Faks : 609 505 7003

Cawangan

- ◆ Bentong
- ◆ Jalan Air Putih, Kuantan
- ◆ Jalan Tok Hakim, Kota Bharu
- ◆ Jerantut
- ◆ Kemaman
- ◆ Kerteh
- ◆ Ketereh
- ◆ Kuala Dungun
- ◆ Kuala Terengganu
- ◆ Putra Square Kuantan
- ◆ Mentakab
- ◆ Pasir Mas
- ◆ Raub
- ◆ Triang

Rangkaian Cawangan Kumpulan

PERBANKAN KOMERSIAL

MALAYSIA

WILAYAH UTARA

Pengarah Wilayah:

Lee Eng Aik

Aras 5, No. 44, Lebu Pantai
10300 Georgetown, Penang
Tel : 604 262 6168
Faks: 604 263 2112

Cawangan

- ◆ Prai
- ◆ Ayer Itam
- ◆ Bayan Baru
- ◆ Bukit Mertajam
- ◆ Jalan Burma
- ◆ Butterworth
- ◆ Jalan Bakar Arang
- ◆ Sungai Petani
- ◆ Jalan Raja Uda
- ◆ Jalan Tunku Ibrahim Alor Setar
- ◆ Jelutong
- ◆ Jitra
- ◆ Kangar
- ◆ Kuala Kedah
- ◆ Lebu Pantai
- ◆ Mergong Alor Setar
- ◆ Padang Serai
- ◆ Pulau Langkawi
- ◆ Sungai Bakap
- ◆ Taman Semarak Kulim
- ◆ Taman Pekan Baru Sungai Petani
- ◆ Tanjung Tokong
- ◆ Bayan Point

WILAYAH PERAK

Pengarah Wilayah:

Mohd Rawi bin Idrus

Tingkat 1, No. 2, 4, 6 & 8
Jalan Tun Sambanthan
30000 Ipoh
Perak Darul Ridzuan
Tel : 605 254 1176
Faks: 605 243 2809

Cawangan

- ◆ Air Tawar
- ◆ Bagan Serai
- ◆ Gopeng
- ◆ Gunung Rapat
- ◆ Ipoh Garden South
- ◆ Jalan Tun Sambanthan Ipoh
- ◆ Jelapang
- ◆ Kampar
- ◆ Kuala Kurau
- ◆ Kuala Kangsar
- ◆ Menglembu
- ◆ Parit Buntar
- ◆ Persiaran Greenhill Ipoh
- ◆ Simpang Empat Hutan Melintang
- ◆ Sitiawan
- ◆ Sungai Siput
- ◆ Sungkai
- ◆ Taiping
- ◆ Tasek
- ◆ Teluk Intan

WILAYAH SELATAN

Pengarah Wilayah:

Ali bin Mohamed

Tingkat 1, No. 14 & 16
Jalan Padi Emas 6/1
Bandar Baru Uda
81200 Johor Bahru, Johor
Tel : 607 237 7825/232 7109
Faks: 607 235 0616

Cawangan

- ◆ Bandar Baru Uda
- ◆ Jalan Bandar Pasir Gudang
- ◆ Jalan Bendahara 12, T. Ungku T. Aminah
- ◆ Jalan Dato' Rauf Kluang
- ◆ Taman Johor Jaya
- ◆ KOMTAR, JBCC
- ◆ Kota Tinggi
- ◆ Kulai
- ◆ Permas Jaya
- ◆ Plentong
- ◆ Pontian Kechil
- ◆ Senai
- ◆ Simpang Renggam
- ◆ Taman Molek
